Bil. 23

Rabu
21 Disember 2011

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 (Halaman 21)
Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 (Halaman 47)
Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 (Halaman 67)
Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011 (Halaman 74)
Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011 (Halaman 82)
Rang Undang-undang Perikanan (Pindaan) 2011 (Halaman 96)
Rang Undang-undang Veteran 2011 (Halaman 102)
Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 (Halaman 110)
Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 (Halaman 122)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 46 & 119)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2011

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. " Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. " Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. " Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. " Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. " Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan I*
9. " Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. " Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. " Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. " Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. " Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) -*Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
22. " Datuk Heng Seai Kie (Perak) - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
23. " Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
28. " Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
29. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
30. " Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
31. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
32. " Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
33. " Datuk Maijol Mahap (Sabah)
34. " Dr. Malasingam a/l Muthukumaru (Dilantik)
35. " Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

36. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) –*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
37. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
38. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
39. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
40. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
41. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
42. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
43. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
44. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
45. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
46. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
47. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
48. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
49. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
50. " Dato' G. Palanivel (Dilantik) - *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
51. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
52. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
53. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) –*Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
54. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
55. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
56. " Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
57. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
58. " Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) – *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
59. " Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
60. " Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
61. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
62. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
63. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
64. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
65. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
66. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
67. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Che Seman bin Pachik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Siti Norlina binti Ahmad
Hazwani Zarifah binti Anas

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 21 Disember 2011

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Hajah Fatimah binti Hamat minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, jumlah terkini pemilik telefon pintar dan komputer tablet di negara ini dan nyatakan sejauh manakah kejayaan program transformasi digital negara bagi mencapai sasaran menjadikan ekonomi negara berasaskan digital menjelang 2020.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah telefon pintar yang telah diluluskan oleh SIRIM Berhad pada tahun 2009 dan tahun 2010 ialah sebanyak 477,301 untuk tahun 2009 dan 1,199,014 untuk tahun 2010. Manakala pada tahun 2011 komputer tablet dan telefon pintar yang telah diluluskan oleh SIRIM Berhad ialah sebanyak 136,668 untuk telefon pintar dan 1,649,014 untuk komputer tablet. Maklumat ini adalah sehingga 24 November 2011. Jumlah yang dinyatakan adalah berdasarkan jumlah yang berada di pasaran pada tahun berkenaan berdasarkan label kelulusan yang dikeluarkan oleh SIRIM Berhad.

Bagi mencapai sasaran menjadikan ekonomi negara berasaskan digital menjelang tahun 2020, pelbagai program dan perancangan telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuk pembangunan MSC Malaysia, pelaksanaan inisiatif jalur lebar kebangsaan (NBI) dan jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) yang diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dasar Industri Kreatif Negara yang diterajui juga oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, beberapa Projek Permulaan ataupun EPP di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) khususnya untuk sektor Komunikasi, Kandungan dan Infrastruktur yang juga diterajui oleh Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan dan inisiatif digital Malaysia yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 Oktober 2011 yang lalu yang diterajui oleh MOSTI di mana sekretariatnya adalah MDeC.

Di bawah pelaksanaan agenda MSC Malaysia, antara kejayaan utama yang telah dicapai termasuk yang pertama, untuk tempoh 2004 hingga tahun 2010, MSC Malaysia telah berjaya menyumbang sebanyak RM34.57 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).

Syarikat berstatus MSC Malaysia juga telah berjaya mencatatkan nilai jumlah jualan sebanyak RM103.8 bilion serta jumlah eksport sebanyak RM33 bilion untuk tempoh tahun 2004 hingga tahun 2010. Dari segi jumlah peluang pekerjaan sehingga Disember 2010, MSC Malaysia telah mewujudkan sebanyak 111,367 peluang pekerjaan dengan purata pendapatan pekerja sebanyak RM4,385 berbanding dengan purata pendapatan pekerjaan peringkat nasional sebanyak RM2,259.

Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Digital Negara yang dikenali sebagai Digital Malaysia telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Mesyuarat Majlis Pelaksanaan MSC Malaysia ke-23 pada 19 Oktober 2011 yang lalu. Digital Malaysia merupakan salah satu bahagian utama dalam Dasar Transformasi Kebangsaan dan akan melengkapkan agenda serta Program Transformasi Negara bersama dengan Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar.

Matlamat inisiatif Digital Malaysia ialah meningkatkan sumbangan lebih RM294 bilion kepada pendapatan kasar negara pada tahun 2020 iaitu daripada 12.5 peratus pada tahun 2011 kepada 17 peratus pada tahun 2020 melalui pelaksanaan projek-projek digital berasaskan pengetahuan. Sebanyak 25 projek permulaan ataupun *entry point projects,* dengan izin, atau singkatannya EPP yang berpotensi telah dibangunkan semasa sesi Makmal Digital Malaysia.

Daripada 25 EPP yang berpotensi ini sebanyak sembilan EPP telah dikenal pasti untuk pelaksanaan fasa 1 manakala 16 EPP yang selebihnya akan dilaksanakan pada fasa seterusnya yang akan diputuskan kelak. Pelaksanaan inisiatif Digital Malaysia fasa 1 ini dijangka dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kualiti kehidupan rakyat melalui sumbangan GNI sebanyak RM22.4 bilion dan pewujudan lebih 40,639 peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Pada masa sekarang sembilan EPP fasa 1, Digital Malaysia masih dalam proses penelitian dan perancangan serta dijangka akan dilaksanakan pada suku tahun pertama 2012. Terima kasih.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan.

Pada masa kini penduduk Malaysia semakin menunjukkan minat yang tinggi terhadap kemasukan teknologi baru seperti yang ditunjukkan di dalam Laporan Pengguna Digital Malaysia 2011. Soalan tambahan saya, memandangkan kadar penebusan penggunaan telefon pintar dan komputer tablet di Malaysia kini sedang meraih momentum, apakah langkah kerajaan dalam memberikan sokongan kepada industri terbabit dalam menyediakan infrastruktur serta kapasiti rangkaian bagi membolehkan rakyat terus menikmati teknologi dan peralatan terkini.

■1010

Apakah langkah kerajaan bagi menyepadukan platform pelbagai media tradisional seperti televisyen dan radio dengan media dalam talian bagi memastikan industri digital terus berkembang dan berdaya maju? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah. Soalan yang begitu memberangsangkan dan memang saya kira minat dan soalan Yang Berhormat Senator amat bertepatan dengan apa yang kita hasratkan dalam digital Malaysia. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua izinkan saya menjelaskan mungkin memakan masa sedikit. Dalam pendekatan Digital Malaysia, kita mempunyai pendekatan yang kita fokuskan kepada lima dimensi.

Pertama iaitu berkaitan dengan ekonomi iaitu untuk menentukan bidang digital atau ICT ini dapat dibangunkan dan memberi impak kepada kekayaan negara kita iaitu penjanaan kekayaan negara dan juga kepada rakyat kita seterusnya.

Keduanya bidang digital sosial (dimensi sosial). Seterusnya bahagian *governance* ataupun tadbir urus di peringkat kerajaan mahupun di peringkat swasta. Keempat ialah bidang pembangunan teknologi yang berterusan dan yang kelima *environment. Environment* ini bahawa kita kena melihat IT untuk Green dan IT ada dua aspek yang kita fokuskan iaitu supaya apabila kita membangunkan IT, IT itu sendiri merupakan pemboleh cara untuk kita membangunkan *green technology* dan juga teknologi yang kita bangunkan adalah teknologi yang *green*, yang *safe* untuk *environment.*

Dalam dimensi itu kita ada dua pula aspek yang perlu kita lihat iaitu elemen-elemen penggerak (*the drivers). Drivers*nya kita melihat kepada *leadership*. Kita perlukan *leaders* yang boleh memahami dan menjangkau masa hadapan. Melihat bagaimana kita dapat menggerakkan bidang ICT ini termasuklah membangunkan modal insan kita, memberi peluang, ruang kepada anak-anak muda kita untuk menceburkan dalam bidang IT dan sebagainya.

Keduanya ialah strategi dan *roadmap* yang perlu kita susun aturkan supaya dari segi dasar strategik itu akan bergerak seiring. Kita juga melihat kepada penentu hala tuju iaitu melihat kepada *market demand*. Apakah kehendak pasaran supaya apabila kita bangunkan, mesti kita dapat memenuhi kehendak pasaran ataupun kita mencipta pasaran yang sesuai. Misal kata kalau kita melihat *i-Pad*, pendekatan mereka ialah untuk mencipta pasaran.

Kemudiannya, kita melihat kepada pembentukan dasar dan *drivers* yang seterusnya ialah *innovation capital* ataupun modal inovasi. Modal inovasi inilah yang kita katakan tadi kita memerlukan penekanan kepada meneruskan R&D, mencipta IP, seterusnya mencari *intellectual capital* dan seterusnya dana-dana yang perlu dilihat. Elemen yang perlu kita lihat juga adalah dari segi *enablers* ataupun pemboleh, aspek-aspek pemboleh. Apakah aspek pemboleh yang memudahkan perkembangan bidang ICT ini?

Satu ialah yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator tadi, info ataupun infrastruktur ini kita kena siapkan. Oleh sebab itu di MDeC, di Cyberjaya kita telah wujudkan berbagai-bagai ruang dan peluang untuk kita membangunkan, memberi kemudahan kepada semua pengamal ICT ataupun mereka yang terlibat dalam bidang usahawan ICT ini sama ada dari segi inkubatornya, dari segi *one-stop centre*nya, kita wujudkan MSC Malaysia dan sebagainya.

Kita juga masih perlu memfokuskan kepada bidang *research, development* dan *commercialization.* Kita perlu membangunkan modal insan. Oleh sebab itu kena bergerak dengan diversiti supaya kurikulum yang dibangunkan adalah sesuai dengan kehendak pasaran ataupun mereka dibekalkan dengan skil dan ilmu pengetahuan yang secukupnya untuk mereka menempuh dan mengenali pasaran ICT nanti. Dari segi sudut perundangan, kita kena pastikan perundangan kita akan berada dalam keadaan semasa, memenuhi kehendak semasa.

Akhirnya ialah untuk menyediakan *the risk capital*. Ini adalah cabaran yang utama sebab dalam bidang pembangunan teknologi, *research development* ini tidak ramai ataupun tidak ada bank yang sanggup untuk memberi modal. Oleh sebab itu kita kena wujudkan *risk capital* ini supaya akan ada dana yang berani or ada pihak yang mahu melabur dalam bidang pembangunan teknologi baru daripada *research development* yang dilakukan di dalam Malaysia supaya bukan sahaja untuk dibangunkan di Malaysia, akhirnya mereka akan dapat menerokai pasaran di peringkat global.

Jadi keseluruhannya, itu yang kita lakukan dalam digital Malaysia. Pendekatan melihat kepada lima elemen utama dan juga kita melihat konteks apakah penggerak yang boleh menggerakkan bidang ICT dan apakah elemen-elemen pemboleh yang boleh membolehkan industri ICT ini berkembang dengan maju. Terima kasih.

2. Datuk Chin Su Phin minta Menteri Pembangunan wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah usaha-usaha kementerian dalam membendung aktiviti pengemis jalanan yang tidak ada kesudahannya, yang sudah berani mengemis di jalanan terutama di sekitar persimpangan lampu isyarat dan adakah perlu kerajaan menggubal satu undang-undang yang tidak pernah takut dengan undang-undang sedia ada.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat peka dan memandang serius akan isu pengemis jalanan. Bagi menangani isu pengemis jalanan, JKM menjalankan operasi menyelamat secara berkala di seluruh negara. Bagi tempoh bulan Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 948 operasi telah diadakan yang mana seramai 1,762 orang pengemis telah pun diselamatkan. Daripada jumlah ini, seramai 282 orang daripadanya adalah merupakan pengemis warganegara asing.

Bagi pengemis warga negara asing, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk dihantar balik ke negara asalnya. Pengemis warganegara Malaysia pula akan diselamatkan mengikut peruntukan yang terkandung di bawah Akta Orang Papa 1977 dan ditempatkan di Desa Bina Diri. Manakala bagi warga emas yang berumur 60 tahun dan ke atas mereka akan diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan. Di sini mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Mereka diberi latihan vokasional, pertanian, kraf tangan, bimbingan agama ataupun rekreasi di samping menerima rawatan perubatan dan penjagaan kesihatan serta bimbingan kaunseling.

Bagi pengemis jalanan yang mempunyai keluarga, mereka akan diserah kembali kepada keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian jika layak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan golongan ini dapat hidup berdikari dan berdaya saing tanpa mengharapkan bantuan kerajaan secara berterusan, kementerian telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah pusat sehenti intervensi yang dinamakan Anjung Singgah bagi golongan pengemis dan gelandangan di Jalan Hang Lekiu, Kuala Lumpur. Pusat ini yang dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara mula beroperasi pada 9 April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Anjung Singgah menyediakan perkhidmatan secara holistik yang dapat membantu golongan gelandangan dari segi pendaftaran dan penyediaan khidmat bantuan untuk mendapatkan peluang pekerjaan. Kemudahan perumahan, kaunseling dan bantuan kebajikan kepada mereka yang layak. Anjung Singgah juga menyediakan kemudahan penginapan sementara yang boleh menempatkan seramai 76 orang gelandangan pada satu-satu masa. Mengikut statistik tahun 2011, iaitu sejak ia beroperasi pada 9 April sehingga bulan Oktober, seramai 325 orang telah pun berdaftar di Anjung Singgah yang mana 120 orang telah dibantu mendapatkan pekerjaan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada masa ini haya 12 orang sahaja yang masih kekal bekerja.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian berpendapat bahawa satu undang-undang yang lebih tegas tidak perlu lagi digubal bagi membendung gejala pengemis secara lebih berkesan. Ini adalah kerana Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran tahun 2007 (ATIP 2007) dengan izin, boleh digunakan bagi menangani kes pengemis bersindiket. Sekian, terima kasih.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan tadi yang jelas. Soalan tambahan saya ialah apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan program-program berunsurkan kesedaran ataupun iklan-iklan di televisyen dan radio kepada masyarakat agar tidak mudah memberikan sedekah kepada pengemis-pengemis jalanan ini yang sememangnya menggunakan jalan mudah untuk mendapatkan wang. Berapa banyak Anjung Singgah yang telah dibina setakat ini? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah pun dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya buat masa ini kita hanya terdapat sebuah Anjung Singgah yang terletak di Jalan Hang Lekiu seperti mana yang saya nyatakan tadi. Akan tetapi di bawah iaitu Bajet 2012 yang baru sahaja diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada bulan Oktober yang lalu, terdapat tiga buah lagi Anjung Singgah yang akan dibina iaitu satu adalah terdapat di Pulau Pinang, kedua ialah di Sabah dan sebuah lagi di Johor.

Bagi menjawab soalan isu yang kedua yang telah dibangkitkan sama ada kementerian ini bercadang untuk mengadakan program bagi mewujudkan kesedaran kepada masyarakat umum. Supaya tidak mudah untuk memberikan derma kepada pengemis. Buat masa ini kita memang tidak mempunyai program sedemikian. Ini kerana masyarakat Malaysia sememangnya terkenal sebagai sebuah masyarakat penyayang yang mudah, yang murah hati untuk membantu mereka yang miskin dan kurang upaya. Walau bagaimanapun, saya memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bahawa masyarakat kita haruslah dididik tentang apakah, tentang cara untuk melindungi diri mereka daripada tertipu oleh sindiket-sindiket pengemis ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Menyentuh tentang pengemis jalanan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya cuma hendak menyentuh beberapa perkara berkenaan dengan- boleh dikatakan sekarang sudah macam jadi satu budaya di Kuala Lumpur ya. Kalau pengemis yang buta ini dibawa oleh seorang yang sihat yang berpakaian cantik dan meronda ke kedai-kedai makan dan dalam konteks yang berulang mereka ini seperti talian kereta api. Lepas lima minit datang lagi kelompok yang lain. Jadi saya cuma hendak tahu apa tindakan pihak kementerian tentang perkara ini?

Kedua, jika *enforcement* dengan izin, telah dilakukan adakah *enforcement* ini dilakukan secara berkala ataupun dengan musim-musim tertentu sahaja? Jadi saya mohon kementerian supaya dapat membantulah dalam perkara ini dan melihat perkara ini secara serius. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebarang orang yang mengesan pengemis di mana-mana tempat bolehlah membuat aduan secara terus. Pertama sekali melalui talian Nur kementerian iaitu 15999 ataupun mana-mana Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah yang terdekat. Jadi apabila talian Nur, sekiranya aduan itu dibuat melalui talian Nur maka kementerian akan dengan segera menghubungi pegawai di Pejabat Kebajikan Masyarakat yang terdekat. Untuk membuat siasatan dan melakukan penangkapan sekiranya perlu.

Setelah pengemis itu ditangkap maka mereka akan dihantar sama ada iaitu ke Rumah Seri Kenangan bagi pengemis yang lebih daripada umur 60 tahun iaitu warga emas. Bagi mereka yang kurang daripada yang berumur kurang daripada 60 tahun kita akan hantar ke Desa Bina Diri untuk program pemulihan. Mengenai soalan kedua yang dibangkitkan sama ada pemeriksaan itu atau penangkapan itu dilakukan atas *ad hoc* ataupun secara berkala.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ini melalui JKM kita selalu melakukan pemeriksaan ini secara berkala sepertimana yang saya laporkan seperti tadi dalam jawapan. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah jaminan kerajaan dalam mengekalkan teras FELDA sebagai peneraju sektor perladangan serta jaminan masa depan peneroka sendiri di sebalik langkah penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus. Matlamat asal penubuhan FELDA untuk membasmi kemiskinan rakyat telah pun tercapai pada 50 tahun pembangunan FELDA dan kini telah pun masuk pada fasa kedua 50 tahun. Tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk diagihkan kepada 112,635 keluarga peneroka telah pun dibangunkan dengan jayanya. Daripada tanah seluas 853,313 hektar yang dimiliki FELDA, seluas 521,938 hektar atau 61 peratus merupakan kawasan berpeneroka dan selebihnya merupakan ladang FELDA.

Pengambilan peneroka dilakukan secara besar-besaran oleh FELDA mulai tahun 1956 hinggalah akhir tahun 1989. Tiada lagi pengambilan peneroka dilakukan selepas tarikh itu berikutan keputusan kerajaan tidak lagi mengambil peneroka mulai 1 Januari 1990. Baki tanah yang ada telah dijadikan sebagai ladang komersial dan diuruskan oleh FELDA Plantation Sdn. Bhd. Selaku agen yang dilantik FELDA untuk menguruskan ladang bagi memastikan FELDA berdikari tanpa bantuan bajet tahunan dari kerajaan. Dalam fasa 50 tahun kedua melalui transformasi yang dibawa oleh kerajaan dan pimpinan negara, FELDA telah mengorak langkah dengan mempelbagaikan lagi perniagaan dan tidak hanya bergantung kepada komoditi utama iaitu sawit dan getah.

Mengenai penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia akan menjadikannya *blue chips* perladangan terbesar di dunia berasaskan pertanian yang bersepadu yang akhirnya akan memberi keuntungan kepada negara. Dengan mengekalkan teras FELDA sebagai peneraju perladangan, penyenaraian ini akan membantu pertumbuhan ekonomi negara dengan penglibatan pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa di sektor yang berkaitan dengan pertanian.

Seterusnya mewujudkan persaingan yang sihat antara para pelaku industri tersebut. Penyenaraian ini juga merupakan durian runtuh kepada peneroka yang merupakan pemegang syer utama dalam Koperasi Permodalan FELDA (KPF). Melalui model bisnes baru KPF akan menjadi pelabur utama dalam FGVH yang mana ahlinya terdiri daripada peneroka, generasinya dan petugas kumpulan FELDA. Melalui penstrukturan ini keuntungan yang akan diperolehi akan dinikmati dalam bentuk dividen yang menguntungkan ahli-ahli KPF seramai 224,000 orang. Melalui penyenaraian juga sebahagian keuntungan FGVH melalui lonjakan nilai pelaburan KPF akan diagihkan kepada peneroka melalui ganjaran khas.

Penyenaraian ini juga memberi jaminan bahawa ia sama sekali tidak akan jejaskan hak peneroka dan petugas FELDA secara keseluruhannya. Ini kerana ia hanya melibatkan tanah milik FELDA yang dipajakkan kepada FGVH.

■1030

Ini bermaksud tanah kebun dan tapak rumah peneroka tidak akan terlibat dan akan kekal milik peneroka. Manakala segala keistimewaan yang merupakan peruntukan-peruntukan khas yang diberi kepada peneroka dan generasinya akan diteruskan seperti bonus produktiviti, bantuan hari raya, bantuan tuisyen, pinjaman IPTA/IPTS, khairat kematian, program kemasyarakatan dan program kemahiran generasi FELDA akan terus dinikmati oleh warga FELDA.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan Tan Sri Isa Samad sebagai Pengerusi yang berkaitan dengan FELDA, adalah berdasarkan kepada tatacara dan urus tadbir syarikat. Sehubungan dengan itu, pelantikan beliau sebagai pengerusi dalam beberapa syarikat berkaitan FELDA dan KPF, tidak menimbulkan konflik kepentingan kerana semua syarikat tersebut adalah di bawah kumpulan FELDA dan setiap pertubuhan atau syarikat tersebut diuruskan mengikut akta-kata berkaitan dengan entiti berkenaan.

Kesimpulannya penyenaraian FGVH yang merupakan perubahan positif besar yang dibawa oleh kerajaan ini diyakini akan memberi faedah dan nikmat bukan sahaja kepada warga peneroka dan FELDA tetapi juga rahmat yang turut dikongsi bersama rakyat dan negara keseluruhannya. Rahmat perkongsian kemakmuran ini adalah manifestasi kejayaan wawasan pintar, suatu keajaiban sebuah mutiara gemilang yang bernama FELDA. Terima kasih.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri yang berkenaan. Dalam penyenaraian FELDA atau FGVH ini, kebanyakannya akan mendapat hak kawalan mutlak ke atas tanaman tumbuh-tumbuhan dan sebagainya yang sedia ada dan pada masa depan termasuk mengenai jenis kontrak jual beli hasil dan harga. Difahamkan juga FGVH turut akan mengendalikan aktiviti menanam semula dan menerima segala insentif daripada kerajaan serta menyelenggarakan dan membina infrastruktur. Dalam erti kata lain, FGVH bakal menggantikan FELDA dalam segala hal ehwal operasi dan pengurusan.

Soalan saya ialah, bagaimana kerajaan memastikan dalam keghairahan FELDA untuk disenaraikan di papan utama, apakah ini satu bentuk transformasi kerajaan yang ingin membantu peneroka yang mana rata-rata peneroka terdiri daripada bumiputera? Apakah FELDA ini dibawa jauh ke peringkat antarabangsa dalam merealisasikan hak atau niat kerajaan sebenar, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, transformasi yang berlaku dalam FELDA ini boleh kita rumuskan kepada empat. Pertamanya ialah transformasi ataupun perubahan besar kepada penerokaan hutan, menjadikan kawasan ladang dan kebun, selesai. Mendatangkan kesan yang cukup positif. Transformasi yang kedua ialah mengeluarkan daripada putaran ganas kemiskinan 112,635 keluarga kepada pendapatan sederhana, itu juga sudah selesai.

Transformasi yang ketiga ialah, FELDA yang dengan 80 anak syarikat, Kumpulan FELDA dengan 80 anak syarikatnya bukan hanya berniaga dalam negara tetapi Perdana Menteri selaku Menteri FELDA, inginkan mereka meneroka ke arah global. Sekarang ini FELDA mempunyai 12 cawangan di luar negara iaitu di Arab Saudi, Australia, Indonesia, Thailand, China, Pakistan, Turki, South Afrika, Perancis, Sepanyol, Amerika Syarikat dan juga Kanada. 12 buah negara, itu transformasi ketiga, perdagangan dalam negara kepada perdagangan global.

Transformasi keempat pula ialah, apakah maksud transformasi keempat? Ini termasuk dalam Ekonomi Transformasi Program (ETP) yang menyatakan bahawa dengan izin *Government's Role ini Business* (GRIB) perlu dikurangkan. Sekarang ini agensi FELDA, FELDA sebagai sebuah agensi kerajaan melibatkan diri dalam *business* yang begitu besar iaitu memiliki kawasan perladangan 360 ribu hektar dengan pendapatan bersih lebih kurang 1.2 bilion setahun. Sepatutnya pegawai-pegawai kerajaan tidak menguruskan perniagaan. Oleh kerana itu, transformasi ialah tanah yang diuruskan oleh pegawai-pegawai kerajaan ini, kita pajakkan kepada entiti FGVH yang memang pakar dalam perniagaan.

FELDA ini ada dua Ahli-ahli Yang Berhormat, satu FELDA Proper kita panggil yang menguruskan peneroka dan generasinya. Satu lagi ialah 80 syarikat di bawah FELDA Global Ventures dengan 20,000 orang pekerja, FELDA yang menguruskan peneroka itu ada 4,000 pekerja. Akan tetapi, 4,000 pekerja ini juga menguruskan 360,000 hektar tanah. Transformasinya ialah 360,000 hektar tanah ini kita pajakkan kepada FGVH yang memang pakar dalam perniagaan, 80 anak syarikat supaya mereka menguruskan dan kita *listed entity* ini. Ini adalah transformasi yang keempat yang saya sebutkan tadi, bukan hanya menguntungkan FELDA tetapi negara secara keseluruhannya, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan cukup enak tetapi ada sedikit lagi persoalan.

Langkah sesebuah syarikat menyenaraikan ke Bursa Malaysia adalah untuk mengatasi kesukaran mendapat pinjaman bank, tawaran awam permulaan atau IPO dilihat sebagai satu kaedah mendapatkan tunai, kerana saham mudah dijual beli kepada syarikat dan orang awam. Soalan saya ialah, apakah masyarakat FELDA keseluruhannya telah diberi penerangan yang seluas-luasnya akan faedah, pertama dan risiko penyenaraian agar segala tindakan tidak membebankan masyarakat peneroka di mana FELDA Global bakal menjadi organisasi perniagaan tunggal dalam kumpulan FELDA bergabung dengan Koperasi Peneroka FELDA, pelabur asing, rakan kongsi strategik, institusi pelaburan dan orang awam.

Kedua, saya hendak tanya kerana ini penting, apakah sempadan tanggungjawab antara Lembaga FELDA dan FELDA Global supaya terdapat pengasingan kuasa dalam memacu ekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat FELDA. Akhirnya ialah, apakah FELDA telah mengkaji akan potensi, cabaran, kelemahan dan risiko penyenaraian secara halus kerana dikatakan penstrukturan dan tawaran awam yang dibuat secara tergesa-gesa, ini dikatakan.

Saya baca akhbar ya, akan mengakibatkan kepentingan masyarakat peneroka tidak diambil kira, seperti risiko gadaian tanah FELDA Plantation kepada FELDA Global boleh dilihat sebagai langkah permulaan kepada penggadaian tanah peneroka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin. Ada dua ataupun tiga perkara utama yang ditimbulkan. Memang benar penyenaraian itu adalah untuk mendapatkan modal tambahan kepada sesebuah syarikat yang ingin disenaraikan, itu salah satu punca kenapa disenaraikan. Satu lagi ialah untuk menambah market *capitalization* dengan izin, keseluruhan Bursa Malaysia. Ini tujuan penyenaraian FELDA supaya dia menjadi *blue chip* perladangan yang terbesar bukan dalam negara, terbesar dalam dunia dan akan menarik pelabur bukan hanya tempatan tetapi antarabangsa ke Bursa Malaysia. Tujuannya amat tinggi nilainya daripada hanya untuk mendapatkan modal, yang mana FELDA dah banyak modal sebenarnya.

Soalan kedua adalah tentang sempadan tanggungjawab, kenapakah DG FELDA diminta untuk menarik diri daripada jawatan Pengerusi Koperasi Permodalan FELDA (KPF) yang akan dijadikan entiti utama penyenaraian. Disebabkan kerana pengarah besar atau pun DG FELDA mempunyai kuasa eksekutif.

■1040

Untuk penyenaraian, setiap pengerusi hendaklah tidak mempunyai kuasa eksekutif dan kuasa eksekutif hendaklah di tangan CEO. Itu sebab kenapa diminta DG melepaskan jawatannya kepada Tan Sri Isa untuk mengambil alih sebagai pengerusi kerana Tan Sri Isa tidak mempunyai kuasa eksekutif, sedangkan DG mempunyai kuasa eksekutif. Bukan ada tujuan lain yang telah disalah tafsir oleh pihak pembangkang dan *spin* isu macam-macam.

Satu lagi ialah sempadan tanggungjawab yang sebagaimana yang saya sebutkan tadi, yang 3,000 ke 4,000 staf FELDA sekarang ini ia merupakan staf agensi kerajaan. Sepatutnya tidak berniaga. Yang 20,000 lagi staf yang menjaga 80 anak syarikat itu yang sepatutnya menjalankan perniagaan. Oleh kerana itu dalam *Government's Role in Business* yang menjaga kebajikan, sosial masyarakat FELDA ini, biarlah mereka menjaga kebajikan sosial masyarakat FELDA. Yang berniaga, kita asingkan mereka untuk melaksanakan perniagaan yang betul-betul secara profesional yang melibatkan pelaburan yang begitu hebat, yang begitu besar nilainya. Tujuannya juga untuk memastikan sempadan tanggungjawab. Itu soalan yang kedua.

Ketiga, saya ingin menegaskan di sini, segenggam tanah peneroka pun tidak akan dilibatkan dalam penyenaraian ini, walau segenggam. Jangan segenggam, apa yang lebih kecil daripada segenggam Yang Berhormat? Sebutir tanah peneroka pun tidak akan dilibatkan, sebutir, sebutir...

Tuan Yang di-Pertua: Secebis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Secebis. Sezarah, sehalus yang paling halus. Seatom tanah peneroka pun tidak akan dilibatkan dalam penyenaraian ini. Itu dia yang penting sekali. Apa yang dilibatkan ialah tanah 360,000 hektar itu.

Siapakah tuan punya tanah 360,000 hektar ini? Siapa tuan punyanya? Tuan punyanya ialah kalau kita kali dengan 2.5 hektar, menjadikan ia ekar. Seluas 360,000 kali dengan 2.5 menjadi 800,000 ekar lebih kurang. Pemiliknya ialah 80,000 peneroka yang tidak masuk dalam kawasan rancangan FELDA. Itu pemilik sebenar kepada tanah itu tetapi pihak pembangkang dalam 'Buku Jingga' nya hendak memfaraid tanah 800,000 ekar tanah ini kepada anak peneroka sedangkan anak peneroka bukannya pemilik tanah itu. Ini silapnya pembangkang, dia tidak baca, dia tidak kaji, dia main hentam sembrono. Mana boleh kita bagi tanah yang bukan milik tanah kita. Pemimpin-pemimpin pembangkang mengedar borang untuk faraid tanah yang bukan milik peneroka dan generasinya.

Seluas 360,000 hektar tanah itu atau pun 800,000 ekar itu, dibahagi 10 ekar seorang, 80,000 peneroka yang tidak masuk dalam rancangan FELDA kerana pada tahun 1990, kerajaan menukar dasar tidak ada lagi ambil peneroka baru. Cukup 112,635 keluarga. Yang 80,000 ini jangan masuk. Kerajaan bagi tanah itu untuk FELDA jadikan sebagai ladang dan kerajaan tidak bagi satu sen pun duit kepada FELDA selepas itu. Berdikari. Tidak ada pun dalam bajet tahunan peruntukan tertentu pada FELDA dan sebagainya.

FELDA berdikari dengan duit itu dan duit yang kerajaan tidak bagi FELDA itu dibantu untuk membasmi kemiskinan dengan mewujudkan FELCRA, dengan mewujudkan PPRT, dengan mewujudkan kebajikan yang macam-macam. Ha, itu! Jadi tanah itu bukan tanah milik anak peneroka dan generasinya sekarang. Silap besar apa yang disebut dalam 'buku jingga' itu. Buang sahaja 'buku jingga' itu dalam tong sampah. Terima kasih.

4. Tuan Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Pelancongan menyatakan, apakah kementerian sedar bahawa negara kita kaya dengan adat serta tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun khasnya dari kalangan Orang Asli. Apakah kementerian dapat mewujudkan satu pelan perancangan dalam menyediakan produk pelancongan yang melibatkan perkampungan Orang Asli serta produk penghasilan mereka ini dapat diketengahkan dalam memajukan industri pelancongan di negara kita.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Muhammad Olian bin Abdullah, Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa berusaha untuk melibatkan masyarakat setempat dalam pembangunan sektor pelancongan negara selaras dengan cadangan hasil kajian semula Dasar Pelancongan Kebangsaan Tahun 2004 yang menggariskan keperluan untuk membangunkan industri pelancongan dengan melibatkan masyarakat setempat iaitu *community based tourism,* termasuk masyarakat Orang Asli yang kaya dengan tradisi serta pengetahuan mengenai alam semula jadi.

Untuk itu, pelancongan Orang Asli telah dikenal pasti sebagai salah satu produk minat khas ekopelancongan yang berpotensi untuk di promosi di pasaran domestik dan antarabangsa seperti Eropah, Jepun, Korea dan Australia mengikut *standard community based ecotourism*.

Kementerian ini juga bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk mengadakan pakej pelancongan Orang Asli yang telah dilancarkan di Kampung Sungai Ruil, Tanah Rata Cameron Highland pada 25 Jun 2009. Antara kampung yang disyorkan oleh JHEOA sebagai produk pelancongan adalah seperti Kampung Sungai Ruil, Tanah Rata Cameron Highlands dan Kampung Semelor, Gerik, Perak. Sehingga tahun 2011, terdapat lapan buah syarikat yang aktif menjalankan pakej pelancongan Orang Asli yang menawarkan 26 pakej pelancongan Orang Asli.

Jumlah pelancong asing yang mengambil pakej ini pada tahun 2009 adalah seramai 11,723 orang dengan hasil kutipan jualan pakej sebanyak RM1,149,247. Manakala bagi tahun 2010 pula, seramai 16,747 pelancong asing mengambil pakej ini dengan membawa hasil kutipan jualan pakej sebanyak RM1,975,546.

Sejak tahun 2005 juga, kementerian ini telah bekerjasama dengan Jabatan Perhilitan untuk mengadakan Kursus Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Setempat Tahap 2 di beberapa tempat di seluruh Malaysia. Program ini membolehkan masyarakat Orang Asli dan kaum peribumi menjadi pemandu pelancong dalam alam semula jadi yang berlesen di kawasan masing-masing sebagai kerjaya mereka dalam usaha menambahkan pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka secara langsung serta masyarakat setempat di kawasan ekopelancongan tersebut secara tidak langsung. Sehingga Disember 2010, seramai 200 orang masyarakat Orang Asli telah menduduki Kursus Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi Setempat Tahap 2 di seluruh Malaysia. Sekian.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terlebih dahulu saya hendak membetulkan sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Sekarang ini bukan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah, sekarang ini Jabatan Kemajuan Orang Asli.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya hendak sentuh berkenaan dengan tadi disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan Sungai Ruil, Cameron Highlands. Saya selalu ke sana berjumpa dengan masyarakat di sana, yang sekarang ini saya ingat memerlukan tindakan yang lebih agresif kerana tempat yang ada di situ pun, penempatan pelancong itu tidak begitu selesa untuk pelancong hendak tinggal di sana.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kebanyakan Orang Asli di beberapa bahagian lain di dunia, mereka telah dipaksa oleh budaya yang lebih domain dan kerajaan untuk mengasimilasikan sekali gus menjadikan keunikan bahasa dan budaya mereka itu dibawa ke satu persada antarabangsa.

■1050

Pertukaran budaya yang dapat menjana pendapatan negara sehingga ratusan juta ringgit seperti yang berlaku di Kanada dan Taiwan setiap tahun berjuta-juta pelancong membelanjakan wang mereka untuk mengetahui dan juga yang berminat dengan komuniti peribumi ini. Oleh itu soalan tambahan saya, apakah kerajaan komited dalam mempromosikan program pertukaran budaya ini dapat dijadikan salah satu produk pelancongan. Sekian, terima kasih.

Dato Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah atas soalan tambahan Yang Berhormat yang menyentuh ada beberapa perkara. Pertama adalah pembangunan tempat pelancongan di kawasan-kawasan Orang Asli yang mana semestinya diperlukan. Kementerian memang membuat kajian tentang perkara ini dan jika tempat-tempat itu perlu dibangunkan untuk kemudahan ecopelancongan, maka kementerian akan mengagihkan peruntukan untuk membangunkannya. Akan tetapi, masyarakat juga seharusnya memahami konsep ecopelancongan yang tidak mengganggu kualiti alam sekitar di mana-mana sahaja sebab ecopelancongan adalah satu sistem untuk mempromosikan pemeliharaan kepelbagaian biologi.

Kedua, untuk membawa budaya ke persada antarabangsa. Di dalam program promosi kita untuk mempromosikan pakej-pakej pelancongan, budaya sememangnya disentuh. Itulah sebabnya di dalam *Community Based Tourism* ataupun sekarang saya telah pun menukarkannya kepada *Community Based Ecotourism* adalah satu kesinambungan di antara budaya kita ataupun budaya masyarakat peribumi dan Orang Asli dengan produk-produk ataupun tumbuh-tumbuhan, binatang-binatang liar di dalam kawasan ecopelancongan itu. Dia ada kesinambungan atau *linkages* memang sudah pun wujud.

Kalau kita lihat Sewang sebagai contoh, gerak geri Sewang, langkah-langkah Sewang. Apakah *linkage* dia dengan binatang-binatang liar yang terdapat di dalam kawasan hutan? Itu ada ceritanya. Oleh itu, budaya kita sentiasa dipromosikan di peringkat antarabangsa dan itulah sebabnya pelancong-pelancong daripada luar negara sememangnya sekarang minat untuk datang ke Malaysia untuk melihat budaya kita dan untuk melibatkan diri di dalam aktiviti-aktiviti ecopelancongan.

Untuk komitmen kerajaan dan kementerian ini, kita memang komited bukan sahaja hanya untuk mempromosi apa yang kita ada, produk-produk yang kita ada, budaya kita dan kawasan-kawasan ecopelancongan tetapi yang lain-lain juga. Kita semua mempromosi supaya pelancong-pelancong daripada negara lain amat berminat masuk ke negara kita kerana kita hendakkan industri pelancongan yang lestari. Itu yang kita mahu. Oleh itu, kita telah pun menyasarkan bahawa pada tahun 2020, 36 juta orang pelancong asing akan melawat ke Malaysia yang akan menjana pendapatan RM168 bilion. Sekian.

5. Datuk Chiw Tiang Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh manakah pencapaian keseluruhan sistem pendidikan negara khususnya bagi melahirkan modal insan dalam bidang teknikal dan vokasional.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Chiw Tiang Chai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan pembangunan modal insan yang mengutamakan kepada perkembangan potensi individu tercapai, pendidikan vokasional turut diberikan nafas baru melalui Transformasi Pendidikan Vokasional yang akan mengarusperdanakan pendidikan vokasional.

Oleh itu, kurikulum aliran tersebut telah dirombak dan diperkukuhkan dengan *competency based* supaya mencapai standard yang memenuhi keperluan pekerjaan dan kehendak pasaran semasa. Sebelum ini Pendidikan *Voctech* tertumpu kepada tiga bidang utama iaitu teknikal iaitu untuk melahirkan profesional, kedua vokasional iaitu melahirkan tenaga separuh mahir dan ketiga ialah kemahiran sepenuhnya. Maka melalui transformasi *Voctech* ini, kini ialah untuk melahirkan modal insan yang berkemahiran sepenuhnya.

Oleh sebab itu, mereka yang tamat di kolej vokasional ini nanti akan dianugerahkan sijil SKM Tahap 4. Justeru, transformasi ini akan membentuk kebolehkerjaan pelajar di mana komponennya ialah kemahiran insaniah, dwibahasa, kemahiran vokasional, teori vokasional, pengalaman industri dan keusahawanan. Terima kasih.

Datuk Chiw Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran. Pendidikan teknikal dan latihan vokasional bertujuan menambahkan bekalan modal insan berkemahiran menjurus kepada penyediaan kemahiran yang boleh digunakan dengan segera.

Kadar purata *enrollment* pelajar yang memasuki aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah dan negara, pertubuhan kerjasama ekonomi dan pembangunan adalah 44 peratus berbanding Malaysia hanya 10 peratus. Soalan saya, adakah bidang teknikal dan bidang vokasional baru yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pelajaran terutamanya untuk menampung keperluan modal insan negara supaya tidak lagi perlu bergantung kepada tenaga sumber dari luar negara. Sekian, terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Chiw Tiang Chai. Melalui transformasi vokasional ini di mana kita menaik taraf kepada kolej vokasional maka kita akan memperkenalkan 12 bidang yang melibatkan 53 kursus. Jikalau saya mengambil satu contoh Yang Berhormat, bidang yang baru ialah bidang pengangkutan ataupun *transportation* di mana dalam bidang pengangkutan ini kursus yang ditawarkan ialah Penyelenggaraan Pesawat (SBR) iaitu senggara, baik pulih dan juga rombak rawat. Kursus yang kedua ialah Teknologi Penyenggaraan *Train* iaitu *Train Maintenance Technology*.

Pertama tadi, kita panggil sebagai *Aircraft Maintenance* iaitu *Maintenance, Repair and Overhaul* (MRO). Kalau saya mengambil satu lagi contoh bidang industri sukan maka kursus yang akan ditawarkan ialah Pengurusan *Equine* dan satu lagi kalau contoh yang boleh diberikan di sini ialah bidang sistem sokongan seni dan budaya. Kursus yang ditawarkan ialah Pengurusan Acara iaitu *Event Management* dan kedua kursus Teknologi Pengurusan Pentas ataupun *Stage Management Technology*. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah pemilihan pelajar-pelajar untuk masuk ke sekolah vokasional dan teknikal? Adakah melalui permohonan sendiri oleh pelajar-pelajar itu ataupun penyaringan dan pilihan yang dibuat oleh kementerian sendiri?

■1100

Kedua, memandangkan sekolah-sekolah vokasional dan teknikal ini tidak terdapat di setiap daerah, apakah kemudahan-kemudahan yang telah dibuat atau telah diberi atau disediakan oleh kementerian kepada pelajar-pelajar sekolah teknikal dan vokasional ini seperti asrama penuh dan sebagainya.

Seterusnya, apakah galakan yang diberikan kepada ibu bapa ataupun pelajar-pelajar itu sendiri untuk memilih bidang teknikal dan vokasional ini di peringkat sekolah lagi supaya mereka mempunyai kemahiran seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang pernah saya jawab sebenarnya Tuan Yang di-Pertua dalam peringkat penggulungan, kita telah mewujudkan dua. Satu ialah PAV iaitu Program Asas Vokasional di peringkat menengah rendah dan kini permohonannya sudah pun melebihi 100 peratus di mana Projek Rintis akan dimulakan pada tahun hadapan, 15 sekolah akan dipilih.

Kedua ialah kolej vokasional dan permohonannya sudah juga melebihi 200 peratus iaitu mereka yang berada di SMV sekarang ini untuk masuk ke kolej vokasional. Projek Rintis juga akan dilaksanakan pada tahun hadapan iaitu 15 sekolah juga dipilih untuk melaksanakan Program Rintis ini sebelum 78 sekolah vokasional ini akan menjadi kolej vokasional sepenuhnya.

Saya ingin maklumkan di sini iaitu dari segi unjuran, kita menyasarkan seramai 165,000 orang menyertai program ini menjelang tahun 2015 dan meningkat kepada 324,000 orang pada tahun 2020. Dari segi kemudahan Yang Berhormat, memang kita telah melakukan persiapan dan unjuran mengenai dengan transformasi *Voctech* ini di mana pendidikan vokasional akan menjadi pendidikan arus perdana sama di peringkat SPM. Ia bukan lagi pilihan kedua sebenarnya. Jadi sebab itulah ia akan dilaksanakan dalam bentuk semester, lapan semester.

Oleh sebab itu, kita akan membangunkan tujuh buah lagi SMV dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, sekolah menengah vokasional yang akan akhirnya nanti bertukar menjadi kolej vokasional. Oleh sebab itu, dalam melakukan persiapan ini kita telah membuat lawatan penanda aras termasuklah ke Finland dan sebagainya untuk memastikan bahawa kita benar-benar melaksanakan pendidikan yang berkemahiran sepenuhnya ini iaitu yang saya sebut sebelum ini, 70 peratus *voctech*, 30 peratus sahaja akademik. Jadi sebab itulah nilai-nilai baru dimasukkan, antaranya ialah *on-job training* yang sebelum ini tidak ada. Kekuatan pendidikan *Voctech di* luar negara ialah kerana mereka ada *on-job training*. Maka itulah pendekatan industri ini menjadi penting termasuk keusahawanan tadi sebab matlamat menyeluruh kepada transformasi pendidikan *Voctech* ini ialah kemahiran sepenuhnya untuk melahirkan masyarakat yang berpendapatan tinggi. Terima kasih.

6. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta Menteri Kesihatan menyatakan, sejauh manakah pemantauan, infrastruktur dan insentif yang diberikan oleh kerajaan untuk memastikan program penyusuan susu ibu di kalangan wanita yang berkerjaya di sektor awam dan swasta sehingga anak mencapai usia 6 bulan sehingga 2 tahun menepati sasaran negara.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan pelbagai strategi bagi menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di kalangan ibu-ibu di Malaysia dan ini termasuklah kepada wanita bekerja. Kementerian Kesihatan telah menetapkan sasaran iaitu 35 peratus bayi disusukan dengan susu ibu sepenuhnya pada tahun 2015 melalui Pelan Tindakan Pemakanan 2006-2015. Pemantauan bagi sasaran tersebut dijalankan melalui Tinjauan Kesihatan dan Mobiliti Kebangsaan ataupun *National Health and Mobility Survey* (NHMS) yang dijalankan pada setiap sepuluh tahun.

Berdasarkan kepada tinjauan kesihatan tersebut, iaitu pada tahun 2006, 14.5 peratus bayi di Malaysia disusukan dengan susu ibu sepenuhnya sehingga berusia enam bulan. Manakala dalam kalangan ibu-ibu yang hadir di klinik kesihatan pada tahun 2011, 22.9 peratus bayi diberikan susu ibu sepenuhnya sehingga bayi berusia enam bulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai sasaran 35 peratus pada tahun 2015, Kementerian Kesihatan Malaysia turut menggalakkan penyediaan infrastruktur yang mesra bayi seperti di hospital, tempat awam dan tempat kerja. Inisiatif Hospital Rakan Bayi telah dilaksanakan sejak tahun 1992 di mana sehingga November 2011, 98 peratus iaitu 125 hospital daripada 126 hospital kerajaan dan 3.5 peratus hospital swasta iaitu tujuh hospital daripada 183 hospital swasta telah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi. Kementerian Kesihatan juga telah menyasarkan 30 peratus pusat membeli belah dan 50 peratus pejabat kerajaan menyediakan kemudahan menyusu dan memerah susu ibu menjelang tahun 2015. Selain itu, kerajaan juga menyasarkan semua pejabat kerajaan menyediakan tempat penjagaan anak di tempat kerja pada tahun 2015. Sehingga Ogos 2011, sebanyak 148 kawasan awam mesra bayi telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk menggalakkan kaum ibu menyusukan anak juga turut melibatkan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana insentif sehingga RM200,000 dalam geran pelancaran penubuhan taman asuhan kanak-kanak atau Taska pada tahun 2010 telah disediakan bagi menggalakkan penubuhan Taska di tempat kerja dalam sektor awam. Perkara ini telah lama dititikberatkan oleh kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil.6, tahun 1989 yang menggalakkan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menyediakan kemudahan pusat jagaan kanak-kanak. Kementerian turut bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam pelanjutan tempoh cuti bersalin sektor awam dari 60 hari ke 90 hari untuk setiap kelahiran daripada jumlah kelayakan cuti bersalin 300 hari sepanjang perkhidmatan mereka.

Perkara ini telah dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.14, tahun 2010. Suami pula diberi cuti untuk menjaga isteri yang bersalin selama tujuh hari mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.9, tahun 2002. Para ibu juga dibenarkan mengambil cuti tambahan tanpa gaji selama lima tahun untuk menjaga anak yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.15, tahun 2007. Usaha-usaha ini diambil bagi mencapai sasaran negara dalam meningkatkan amalan penyusuan susu ibu khususnya bagi wanita yang berkerjaya dalam melahirkan generasi negara yang lebih sihat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu panjang lebar dan saya rasa cukup berpuas hati. Dalam ini saya ada tiga soalan tambahan.

Pertama, berkenaan dengan adakah pihak kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi memastikan semua alat yang digunakan untuk menyusu ibu ini dikawal harganya dan dikecualikan daripada cukai. Sebagai contoh, alat untuk mengepam susu, *cooler* dan juga coli untuk menyusu. Ini semua harga mahal, maknanya kena ada lebih kurang RM500 untuk satu orang anak.

Kedua, adakah terdapat NGO yang dianggotai oleh kaum bapa dan lelaki yang turut sama terlibat dalam menggalakkan penyusuan ibu?

Ketiga, antara faktor yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Bahagian Pemakanan dan Zat di Kementerian Kesihatan, antara sebab tidak berlaku penyusuan ibu yang sempurna ialah kerana tiada ilmu, tiada pengalaman dan tiada sokongan. Jadi, adakah kerajaan bercadang untuk menjadikan kelas *post-natal* untuk kebapaan dan keibuan bagi menggalakkan penyusuan supaya mereka ini akan faham dari segi ilmu dan ada pengalaman cara untuk mereka menyusukan anak setelah mereka mendapat anak. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk jawapan bagi persoalan yang pertama, pengawalan harga barang-barang yang berkaitan. Yang Berhormat, itu bukan di bawah kawalan Kementerian Kesihatan. Namun dari segi teknikal, kementerian akan dari masa ke semasa memberikan pendapat dan juga idea ataupun nasihat di peringkat kementerian bagi pihak-pihak yang terlibat.

■1110

Perkara kedua Yang Berhormat, penglibatan kaum bapa ataupun lelaki dalam persatuan-persatuan NGO. Memang ada Yang Berhormat tetapi dalam jumlah yang kecil tetapi ini tidak bermakna kaum lelaki tidak menyokong. Akan tetapi saya akui perkara ini perlu diperbaiki pada masa-masa yang akan datang dan ini juga timbul hasil daripada kesedaran ramai pihak termasuklah kaum bapa untuk sama-sama terlibat dan menyokong terhadap penyusuan susu ibu di kalangan isteri-isteri mereka.

Ketiga Yang Berhormat, mengenai kenyataan Ketua Pengarah Bahagian Pemakanan kebetulan beliau ada di sini. Untuk menjawab kepada persoalan ini Yang Berhormat dari segi kelas antenatal. Sebenarnya di peringkat kementerian kita mempunyai inisiatif hospital akan bayar apa yang kita laksanakan di hospital kerajaan iaitu sepuluh langkah ke arah penyusuan susu ibu yang berjaya dan salah satu langkah itu adalah dengan memperkenalkan pengetahuan ataupun pendedahan kepada kaum ibu mengenai pendidikan antenatal sebelum mereka melahirkan bayi dan sebagainya. Langkah ini merupakan langkah ketiga dalam sepuluh langkah yang saya sebutkan tadi. Langkah ke arah penyusuan susu ibu yang berjaya.

Jadi ini anti-antenatal *education* ataupun pendidikan antenatal merupakan satu pendidikan yang diberikan di peringkat klinik-klinik kesihatan kita di mana ibu-ibu didedahkan dengan pendidikan sebelum bersalin. Mereka didedahkan dengan perkara-perkara asas dan juga perkara-perkara yang sama ada dilakukan atau tidak dilakukan semasa melahirkan bayi dan meneruskan penyusuan susu ibu selepas mereka keluar daripada hospital. Perkara-perkara itu didedahkan seawal mereka berkunjung ke klinik-klinik kesihatan kita.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga kita di peringkat kementerian, melaksanakan pelbagai langkah untuk menggalakkan penyusuan susu ibu di kalangan masyarakat khususnya wanita berkerjaya termasuklah menjalankan kempen-kempen penyusuan susu ibu terutama sekali kempen penyusuan susu ibu sedunia, Penyusuan Susu Ibu Sedunia yang diadakan setiap 1 hingga 7 Ogos setiap tahun.

Seterusnya kita juga memberikan pendidikan kesihatan seawal anak-anak kita di peringkat bangku sekolah lagi mengenai kebaikan penyusuan susu ibu. Ini kita laksanakan di peringkat kokurikulum mereka. Ini juga termasuk sekolah rendah dan seklah menengah. Di dalam buku teks juga kita pantau Yang Berhormat. Kita berikan manfaat dan pada masa yang sama kita bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk memastikan kokurikulum yang ada di dalam buku teks kita seperti contoh Yang Berhormat bagi mata pelajaran Matematik contohnya. Kita tidak menggalakkan penggunaan satu botol susu campur satu botol susu *equal to* dia botol susu kerana kita tidak menggalakkan penggunaan botol itu sendiri. Sehingga tahap itu kita memastikan kesedaran di kalangan anak-anak kita jadi kita ubah kepada kaedah yang lain.

Kita ubah contoh seperti satu biji epal campur satu biji epal *equal to* dua biji epal. Jadi kita serapkan pengetahuan yang positif di kalangan anak-anak kita seawal usia mereka. Perkara seterusnya yang kita lakukan Yang Berhormat adalah dengan menggalakkan penulisan tetap artikel-artikel dan juga di surat-surat khabar oleh penulis-penulis tetap kita untuk memastikan amalan penyusuan susu ibu ini dijadikan amalan ibu-ibu muda di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yuson bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Tidak dinafikan lagi sebagaimana kebaikan susu ibu malah ada pihak yang menyebut oleh kerana masyarakat kita pada hari kini yang lebih menggunakan susu lembu dan sebagainya yang mengakibatkan moral ataupun pemikiran kanak-kanak itu tidak sempurna seperti mana lazimnya. Ini yang disebut oleh pihak-pihak tertentu.

Pertanyaan saya ialah terdapat masalah ada di kalangan ibu itu tidak cukup, susu dia tidak ada. Selepas bersalin susu dia tidak ada. Kalau tradisi kampung dia kena mengurut dahulu supaya saluran-saluran urat dia itu berjalan baik. Akan tetapi di kawasan bandar berlaku kepada saya sendiri, menantu saya baru-baru ini bersalin susu tidak ada. Saya hendak urut pun menantu, kan... *[Ketawa]* Jadi terpaksa bawa balik ke kampung.

Jadi bagaimanakah kerajaan mengatasi mereka dalam pantang kesegaran mereka itu yang boleh menghasilkan susu untuk menyusukan anak mereka itu diperoleh. Terima kasih.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang cukup unik yang boleh saya kongsikan pada hari ini... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin ada pengalaman Yang Berhormat.

Datuk Rosnah bte Haji Abd. Rashid Shirlin: Ya, saya ada. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya ada bayi berusia dua tahun, jadi bolehlah berkongsi sedikit pengalaman.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya di peringkat kementerian memang menggalakkan penyusuan susu ibu sesuai dengan polisi kementerian sendiri iaitu kita menggalakkan menyokong serta melindung amalan penyusuan susu ibu selaras dengan polisi penyusuan susu ibu Malaysia iaitu semua ibu digalakkan untuk menyusui anaknya dengan susu ibu sebaik sahaja lahir sehinggalah berusia enam bulan dan meneruskannya sehingga berusia enam tahun. Makanan pelengkap perlu disediakan semasa anak berusia enam bulan.

Menyentuh mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Di peringkat hospital-hospital kita, saya akan memberikan senarai hospital itu secara bertulis kepada Yang Berhormat. Kita ada beberapa hospital yang menawarkan rawatan alternatif termasuklah amalan berurut. Salah satu hospital kita adalah Hospital Putrajaya dan amalan berurut ini telah merupakan salah satu cara untuk menggalakkan susu keluar dengan jumlah yang lebih besar di samping pengamalan makanan Yang Berhormat. Makanan itu penting, saya kira Yang Berhormat juga yang berpengalaman mempunyai anak dan sebagainya. Memang pengambilan makanan-makanan tertentu boleh menggalakkan pengeluaran susu yang lebih banyak Yang Berhormat.

Di samping kita memberikan nasihat dari segi pengambilan makanan, amalan berurut dan sebagainya, kita juga *engaged,* dengan izin, kumpulan-kumpuan penyokong penyusuan susu ibu. Untuk berjumpa dan memberi kaunseling kepada ibu-ibu kita terutama sekali ibu-ibu yang baru melahirkan anak yang pertama yang memerlukan sokongan Yang Berhormat. Kita tidak nafikan sokongan yang paling utama perlu datang daripada suami untuk memastikan isteri berada di dalam keadaan yang tenang dan dalam keadaan yang boleh memberikan mereka *mindset* yang betul untuk memberikan penyusuan ibu.

Untuk ibu yang bekerja kita memberikan didikan mereka melalui lakukan pada staf-staf yang terlibat dengan penyusuan susu ibu terutama sekali di hospital-hospital kita selama 18 jam. Mereka ini diberi didikan kepada ibu semasa antenatal*, post-natal* melalui *lactation management education* Yang Berhormat yang saya sebutkan lebih awal tadi. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan.

7. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, kaedah mengawal media sosial dan Internet berlandaskan undang-undang sedia ada. Adakah kerajaan berjaya mengimbangi antara kebebasan bersuara dan ketenteraman awam.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Itu [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany atas pertanyaan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kesemua jenis kandungan berangkai termasuk kandungan dengan laman sesawang di internet adalah tertakluk kepada undang-undang negara seperti Akta Hasutan 1948, Kanun Keseksaan, Akta Keselamatan Dalam Negeri 1990 dan Akta Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 atau AKM 98.

■1120

Tindakan undang-undang juga boleh diambil terhadap mana-mana orang yang menyiar makluman yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengacau orang lain mengikut peruntukan seksyen 211 atau 233 di bawah AKM 98. Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.

Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sebagai agensi di bawah kementerian bertanggungjawab memantau dan menguatkuasakan peruntukan berkenaan. Selain itu, pemantauan berdasarkan aduan turut juga dilakukan.

SKMM sentiasa menggalakkan orang ramai untuk membuat aduan sekiranya mempunyai makluman mengenai kandungan laman web atau blog yang menyalahi undang-undang melalui Biro Aduan SKMM yang boleh dilayari melalui alamat berikut - aduan.skmm.gov.my. Melalui Forum Pengguna, Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) dan Forum Kandungan Komunikasi Multimedia Malaysia (CMCF) di bawah SKMM beberapa inisiatif untuk memupuk kesedaran kepada pengguna agar lebih berhati-hati ketika menggunakan internet telah juga dijalankan.

Pihak kerajaan juga telah menganjurkan Konvensyen Media Sosial 1Malaysia yang antara lain mencadangkan agar hala tuju dan pelan komunikasi yang tersusun dirangka serta dikoordinasi dengan baik supaya makluman serta isu dapat dijelaskan dengan lebih berkesan selain mewujudkan sekretariat bagi menguruskan bank informasi secara efektif dan efisien.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil kerajaan dan agensi-agensi yang boleh kita anggap sebagai berjaya dalam mengimbangi antara kebebasan bersuara dan ketenteraman awam. Terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, memandangkan pengguna media sosial ini tidak ada *ownership,* dengan izin, dalam penulisan mereka sejauh manakah kerajaan berkompromi keselamatan negara dalam mengimbangi kebebasan bersuara. Adakah kerajaan akan menggunakan kaedah yang lebih ketat sehingga berjaya diambil tindakan undang-undang dan sekiranya ada contoh-contoh yang serius di mana ada elemen-elemen menyalah guna media sosial untuk tujuan negatif dan tidak menghormati undang-undang negara? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat atas pertanyaan yang menyentuh bahawa sesawang ataupun blog ataupun *internet* ini tidak ada *ownership*. Memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia boleh bersyukur kerana berkat kerjasama semua kementerian, agensi ataupun jabatan-jabatan kerajaan kita tidak pernah mengalami bahaya yang sebegitu besar berkenaan dengan penyalahgunaan *internet*. Namun demikian, beberapa tindakan telah diambil oleh kerajaan untuk kita menyekat ataupun mengambil langkah awal supaya perkara yang tidak diingini berlaku kerana disebabkan oleh maklumat ataupun penyebaran maklumat yang palsu ataupun yang mengancam ketenteraman awam. Akan tetapi boleh saya katakan di sini Yang Berhormat pada tahun ini misalnya kita tidak mendapat begitu banyak penyebaran yang boleh dikatakan mengancam ketenteraman awam dan tindakan undang-undang pun tidak begitu banyak pada tahun ini. Ini boleh dikatakan oleh kerana penyebaran luas oleh beberapa pihak berkenaan dengan penggunaan *internet* yang tertib dan begitu juga di sekolah-sekolah pengajaran kepada anak-anak kita atas penggunaan *internet* yang berhemah.

Maka kita boleh katakan Malaysia belum lagi terancam dari segi penyebaran luas fitnah ataupun perkara-perkara yang tidak diingini dalam *internet*. Sekiranya kita teringat misalnya pada tahun 2009 ada beberapa komen yang jelik terhadap Sultan Perak dan begitu juga ada komen yang tidak begitu menyenangkan dalam perkara agama. Ini tidak ada kita terima dalam tahun ini dan ini saya percaya adalah petunjuk yang sangat baik dan saya mengharapkan supaya keadaan ini berterusan. Terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin tahu kalau fungsi utama SKMM ditubuhkan untuk menyelia dan mengawal selia industri komunikasi dan multimedia di Malaysia, apakah keberkesanannya dalam usaha-usaha memantau penyalahgunaan internet selama ini. Berapa ramai ataupun berapa banyak kes yang telah dibawa ke pengadilan? Di SKMM itu sendiri berapa besarkah struktur organisasi itu yang ditugaskan bagi memantau kerja-kerja ini kerana pada persepsi saya keberkesanannya tidak menyerlah.

Kedua, saya ingin tahu juga berhubung dengan kes-kes penggodaman laman-laman web terutamanya laman-laman web rasmi kerajaan termasuk laman web Kementerian Pertahanan sendiri yang saya telah dimaklumkan telah digodam sewenang-wenangnya sama ada dari dalam atau luar negeri. Jadi, apakah tindakan kita terhadap kes-kes seumpama ini? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya katakan di sini bahawa tugas SKMM bukan semata-mata mengawal selia dari segi penggunaan internet tetapi juga ianya untuk menyediakan infrastruktur komunikasi yang berkesan di negara ini dan sebagai mana pertanyaan asal yang telah dikemukakan ini adalah satu situasi di mana kita harus mengimbangi antara kontrol dan kebebasan *internet*. Sebagai mana yang telah termaktub dalam apa yang boleh dikatakan sebagai *bill of guarantee*.

■1130

Maka SKMM tidak boleh sewenang-wenangnya menyekat ataupun mengawal selia berkenaan dengan penggunaan internet tetapi apa yang dikawal selia iaitu adakah elemen-elemen yang tidak diingini dalam penggunaan *internet* misalnya penyebar luas fitnah, penyebar luas hasutan, itu yang dikawal. Akan tetapi ini bukan bermakna kita menyekat penggunaan *internet* dan berkenaan dengan penggodaman laman-laman web tertentu misalnya Kementerian Pertahanan, ini saya percaya percubaan ada dibuat tetapi mungkin tidak berjaya dan begitu juga dengan percubaan untuk menggodam laman-laman web kerajaan yang lain tetapi belum diketahui. Saya sendiri belum tahu bahawa ia berjaya dan bermakna kitalah yang berjaya.

Kita berjaya untuk menyekat penggodaman yang cuba dibuat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini dan SKMM sebagaimana yang kita tahu memang mengawal selia dan beberapa pegawai yang ditugaskan dan begitu juga di peringkat kementerian, kita juga ada pegawai-pegawai tetapi tidak payahlah saya dedahkan berapa ramai orang yang dipertanggungjawabkan atau yang bertugas untuk mengawal selia laman-laman web dan sebagaimana yang kita ketahui Yang Berhormat, banyak yang tidak kita dedahkan di sini misalnya berapa banyak laman web yang di*block* ataupun yang disekat. Oleh kerana sekatan-sekatan yang dibuat, maka elemen-elemen yang hendak menggodam ataupun elemen-elemen yang hendak menyebarluaskan maklumat-maklumat yang tidak diingini ini tidak berjaya. Sekian, terima kasih.

8. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan akan melaksanakan cadangan Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) membenarkan pemilih yang berkhidmat di sektor media, perubatan, penerbangan dan cari gali minyak mengundi secara pos. Jika benar, berikan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof atas soalan nombor lapan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di dalam laporan yang telah dibentangkan dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 1 Disember yang lalu telah mengesyorkan supaya doktor, jururawat dan wartawan diberi peluang untuk mengundi awal dan bukannya mengundi secara pos. Cadangan jawatankuasa untuk memperluaskan kategori pemilih yang layak untuk mengundi awal kepada pemilih yang berkhidmat sebagai doktor, jururawat dan wartawan belum lagi dapat dilaksanakan kerana pihak SPR perlu meneliti dan mengkaji kesan dan juga pelaksanaan syor ini serta mengambil kira kemampuan SPR daripada segi kekuatan struktur organisasi SPR yang sedia ada. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan undi secara pos, saya perhatikan Tuan Yang di-Pertua bahawa pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas membantu SPR sewaktu mengundi semasa pilihan raya dijalankan mengundi sebelum rakyat semua atau pengundi yang lain itu mengundi dan undi mereka ini dipanggil undi pos. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa istilah undi pos itu tidak tepat. Ada *misleading,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua sebab kertas undi yang mereka pangkah itu sebenarnya tidak di pos.

Mereka undi di situ, tempat daerah mengundi itu dari pejabat atau mana tempat yang dikhaskan dan dikira di situ dan tidak di pos ke tempat yang lain. Jadi istilah undi pos itu saya rasa tidak tepat. Saya berpendapat dan ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk mengubah istilah undi pos itu kepada istilah undi petugas-petugas SPR supaya lebih jelas dan tidak *misleading*. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol atas soalan tambahan ini. Mengenai isu yang melibatkan seorang pegawai pilihan raya dan juga yang bertugas, pengawal keselamatan yang kena menjalankan tugas pada hari mengundi, mengikut Peraturan 3(1)(b), Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pengundian Pos 2003 dan juga seseorang SPR yang dilantik di bawah Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan, peraturan tersebut yang menjalankan tugas pada tempoh hari mengundi, SPR telah pun memutuskan untuk mengekalkan kaedah sedia ada di bawah Peraturan-peraturan Pilihan Raya Pengundian Pos 2003 yang menetapkan kategori ini sebagai pengundi biasa tetapi mereka boleh Tuan Yang di-Pertua, memohon untuk mengundi secara pos. Itulah jawapan daripada pihak SPR. Sekian, terima kasih.

9. Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menaik taraf sistem pengangkutan awam sedia ada terutama berkaitan isu-isu yang sering kali diungkit oleh warga kota daripada segi kekerapan, kapasiti dan waktu menunggu.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Selamat pagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Dato' Abdul Rahim. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah dan sedang melaksanakan beberapa langkah bagi menaik taraf sistem pengangkutan awam sedia ada di negara ini. Antara langkah yang paling utama yang telah dilakukan oleh kerajaan adalah penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi merancang dasar serta mengawal selia peraturan-peraturan berkaitan perkhidmatan pengangkutan awam darat. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat juga bertanggungjawab bagi menyusun dan memantau industri perkhidmatan pengangkutan awam serta memastikan pematuhan terhadap tahap perkhidmatan tersebut. Selain daripada itu, tumpuan juga sedang diberikan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam bandar melalui inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu NKRA dengan memberikan tumpuan kepada sistem pengangkutan awam bandar di Lembah Klang.

Antara langkah-langkah kerajaan yang sedang dilaksanakan ialah meningkatkan kapasiti dan kecekapan sistem kereta api, komuter dan LRT, menyusun semula sistem bas bandar dan menaik taraf kemudahan-kemudahan stesen-stesen pengangkutan awam termasuk daripada segi integrasi perkhidmatan, kemudahan tempat letak kereta, kemudahan untuk orang kelainan upaya (OKU), sistem tiket pintar, sistem pemantauan prestasi pengangkutan awam dan penyediaan perkhidmatan bas perantara.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, dalam pandangan kementerian, adakah perancangan jangka panjang yang kerajaan buat dapat mengatasi masalah daripada segi kapasiti melihatkan bagaimana Bandaraya Kuala Lumpur misalannya begitu pesat membangun. Terima kasih.

Tuan Jelaing Mersat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Berhubung dengan masalah berkaitan kekerapan, kapasiti dan waktu menunggu, kerajaan telah membuat perolehan baru 38 set tren enam gerabak komuter bagi mengurangkan kesesakan penumpang sekali gus meningkatkan kapasitinya.

■1140

Tren baru ini boleh membawa 800 orang hingga 1,000 orang penumpang setiap satu set tren mengikut *design capasity*nya berbanding 400 orang penumpang dengan set tren tiga gerabak yang sedia ada. Dengan adanya tren baru ini, kekerapan dan masa menunggu akan dapat dikurangkan daripada 30 minit kepada 10 minit apabila beroperasi sepenuhnya nanti iaitu menjelang bulan Jun 2012.

Sementara itu, usaha meningkatkan kapasiti sistem LRT turut dilaksanakan dengan perolehan baru 35 set LRT empat gerabak. Usaha ini juga adalah untuk mengurangkan faktor muatan ataupun *load factor* daripada 1.25 kepada 0.8 serta peningkatan kapasiti sistem LRT itu sendiri.

Hasilnya, jumlah penumpang LRT aliran Kelana Jaya telah bertambah pada waktu puncak iaitu pagi dari 331,661 orang penumpang pada tahun 2009 kepada 433,544 orang penumpang pada tahun 2010 iaitu pertambahan sebanyak 31.6 peratus *ridership*nya. Kekerapan LRT juga telah dapat dikurangkan dari lima minit kepada 2.37 minit setelah beroperasi sepenuhnya set LRT.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, untuk makluman Dewan ini, di beberapa tempat yang tertentu seperti di Bandar Tasik Selatan, DBKL juga ada membuat tempat letak kereta dan juga Bandar Tasik Selatan pun ada juga tempat letak kereta. Jadi, ini akan memudahkan penumpang-penumpang daripada Selatan untuk menempatkan kereta di situ supaya dia dapat naik tren ke dalam bandar. Apabila ia siap kelak, ada satu lagi perancangan untuk buat satu tempat letak kereta di Gombak untuk– diperuntukkan kepada *transport* ataupun kereta-kereta yang datang daripada Pantai Timur. Jadi, dengan adanya sistem-sistem ini dan apabila ia beroperasi sepenuhnya pada tahun 2012, kita harap Lembah Klang ini akan kurang dari segi kesesakan trafiknya dan juga meningkatkan keselesaan penumpang-penumpang di sini. Sekian.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengemukakan soalan tambahan kepada soalan nombor sembilan.

Soalan saya ialah apabila kerajaan menghentikan perkhidmatan bas mini untuk digantikan dengan perkhidmatan Intrakota, LRT dan sebagainya, sepatutnya mutu perkhidmatan awam ini bertambah baik. Malangnya, warga kota bukan sahaja terpaksa membayar tambang yang lebih tetapi juga perkhidmatan yang kurang cekap. Kenapa kerajaan tidak mempertimbangkan untuk mengembalikan perkhidmatan bas mini ini tetapi dengan perkhidmatan yang dinaik taraf? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan satu cadangan yang baik tetapi oleh kerana sistem-sistem yang baru ini belum lagi dimulakan sekarang ini kerana kita menunggu sampainya gerabak-gerabak ini daripada negara-negara luar. Jadi kita belum tentu lagi sama ada ia perlu di *reinstall* balik, dengan izin. Akan tetapi kalau ada keperluan, kita akan buat pertimbangan supaya lebih lagi selesa apabila di bandar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memperbaiki lompang-lompang *(loopholes)* yang sering disalahgunakan oleh sesetengah pihak untuk memperlambatkan proses perbicaraan dan mengakibatkan keputusan muktamad sesebuah perbicaraan itu lambat tercapai kerana penangguhan dan kes-kes rayuan yang terlalu banyak tertangguh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mahkamah telah mengambil langkah-langkah bagi menyemak dan menyusun semula proses pendengaran kes-kes untuk memastikan kes-kes dilupuskan dalam masa munasabah. Misi tersebut dilaksanakan dengan pengenalan kepada pelbagai kaedah untuk memperbaiki lompang-lompang yang sering disalahgunakan oleh mana-mana pihak seperti memasukkan permohonan *interlocutory* dan membuat rayuan terhadap keputusan *interlocutory* tersebut yang bersifat menyusahkan dan remeh-temeh dengan izin, *frivolous and vexatious*. Hal yang demikian menyebabkan kes ditangguhkan dan keputusan muktamad sesuatu kes lambat tercapai.

Namun demikian, harus diingat bahawa pihak-pihak yang bertikai mempunyai hak untuk didengar dengan izin, *right to be heard* dan juga hak untuk mendapat perbicaraan yang saksama dengan izin, *right to a fair trial* dalam sesuatu perbicaraan yang adil. Oleh itu pihak mahkamah tidak boleh menghalang dan menafikan hak-hak pihak-pihak tersebut daripada memasukkan sebarang permohonan *interlocutory* dan membuat rayuan terhadap sebarang keputusan permohonan *interlocutory* tersebut.

Justeru itu, salah satu mekanisme mahkamah dalam memantau dan mengawal permasalahan ini adalah dengan pengenalan dan juga pelaksanaan sistem pengurusan kes ataupun *case management system,* dengan izin.

Sebelum pelaksanaan sistem ini, peguam dibenarkan untuk memasukkan apa-apa permohonan *interlocutory* dan membuat rayuan terhadap keputusan untuk *interlocutory* tersebut. Melalui sistem pengurusan kes yang diperkenalkan ini, kes-kes terlebih dahulu ditetapkan untuk pengurusan kes di hadapan timbalan pendaftar, yang mana segala permasalahan dan isu *interlocutory* yang dibangkitkan oleh pihak-pihak diselesaikan sebelum kes ini ditetapkan untuk bicara di hadapan hakim.

Ini bagi mengelakkan kes tersebut tidak dapat dijalankan pada hari perbicaraan. Sistem ini juga berperanan dalam memantau dan mengawal pemfailan permohonan *interlocutory* yang ingin dan telah dimasukkan oleh peguam sebelum mahupun setelah kes tersebut ditetapkan untuk bicara. Buat masa ini, pelaksanaan sistem ini telah terpakai secara meluas untuk kes-kes sivil. Bagi kes-kes jenayah, sistem ini masih berada di peringkat awal pelaksanaannya. Selain itu, salah satu langkah lagi dalam memperbaiki sistem dan proses penghakiman adalah dengan pelaksanaan *tracking system* di mahkamah yang turut membantu dalam mempercepatkan pendengaran kes mengikut *track* itu iaitu:

(i) hakim 'A' *track* yang mendengar kes yang melibatkan keterangan melalui afidavit;

(ii) hakim 'T' *track* yang mendengar kes yang melibatkan keterangan lisan; dan

(iii) hakim 'M' *track* yang mendengar kes-kes pelbagai.

Objektif sistem ini adalah untuk memaksimumkan penggunaan masa mahkamah, menyelaraskan dan juga menyeragamkan pentadbiran pengurusan kes ini di mahkamah, meningkatkan jumlah pelupusan kes dan tahap kecekapan pihak pengurusan hakim, pendaftar dan kakitangan mahkamah. Di bawah sistem ini, hakim-hakim juga tidak lagi dibebani oleh kerja-kerja pentadbiran mahkamah memandangkan satu unit khas iaitu Unit Pengurusan Hakim diwujudkan untuk diwujudkan untuk mengambil alih tugas-tugas pentadbiran tersebut.

Dengan pengenalan sistem ini, hakim-hakim akan dapat memberi penumpuan yang lebih kepada kes yang dikendalikan memandangkan mereka hanya akan menggunakan masa seharian untuk mendengar kes mengikut jenis *track* yang ditetapkan. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya puas dengan jawapan dan tidak ada soalan tambahan. Terima kasih.

11. Datuk Paul Kong Sing Chu minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah penyeludupan mercun semasa perayaan Tahun Baru Cina yang menyebabkan kecederaan, ada di antaranya serius terutamanya kanak-kanak yang suka bermain bunga api.

■1150

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi membendung penyeludupan mercun dan bunga api tidak dilakukan semasa musim perayaan sahaja tetapi ia dilakukan sepanjang tahun.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh JKDM bagi membendung aktiviti penyeludupan mercun adalah seperti berikut:

(i) Mengenal pasti kawasan panas dan membangunkan profil penyeludup dan sindiket. Ini akan membantu langkah penguatkuasaan bagi membendung aktiviti penyeludupan melalui kaedah pengurusan risiko;

(ii) mengadakan sekatan jalan raya, rondaan darat dan laut di tempa-tempat strategik seperti tempat pendaratan dan laluan-laluan yang dikenal pasti sering digunakan untuk aktiviti menyeludup. Fokus diberi bagi mengesan barangan seludup semasa dipindahkan ke stor, pengedar dan peruncit;

(iii) meningkatkan tahap pemeriksaan ke atas premis stor serta *outlet* yang disyaki menyimpan barang seludup. JKDM juga memeriksa barangan dagangan yang masuk ke pintu masuk negara dengan menggunakan mesin pengimbas;

(iv) mengadakan kempen atau publisiti bagi tujuan kesedaran. Melalui kempen ini orang awam dididik tentang peranan mereka menyalurkan maklumat kepada JKDM dan kesalahan sekiranya mereka menyimpan atau menjual barangan seludup; dan

(v) menjalinkan kerjasama dengan agensi penguat kuasa lain seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia melalui mesyuarat bersama dan operasi bersepadu bersama.

Sekian.

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan dan langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Soalan tambahan saya ialah, pertama, bolehkah Timbalan Menteri memberi ketahuan bilangan kes rampasan yang telah dijalankan bagi tahun 2010 dan tahun ini? Kedua, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil kepada orang-orang yang dituduh? Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Paul Kong Sing Chu. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah rampasan bagi tahun 2010 adalah sebanyak 326 kes untuk mercun dan bunga api. Untuk tahun ini, tahun 2011 sehingga 7 Disember, kesnya sejumlah 294 kes.

Untuk soalan yang kedua atas tindakan yang kita boleh ambil kepada orang yang dituduh dan barangan rampasan, untuk makluman Yang Berhormat, ada dua bentuk tindakan yang kita boleh ambil. Pertama, tindakan kompaun. Mengikut seksyen 131 Akta Kastam 1967, memperuntukkan mana-mana kesalahan boleh dikompaun seperti berikut:

(i) pegawai kanan kastam – kompaun tidak lebih daripada RM5,000;

(ii) pegawai kastam yang had kompaun tidak melebihi RM100; dan

(iii) Ketua Pengarah boleh mengkompaunkan:

(a) tidak melebihi 10 kali ganda duti kastam bagi barangan-barangan yang berduti; atau

(b) tidak melebihi 10 kali ganda nilai barang bagi barang-barang larangan.

Untuk tindakan mahkamah, ini diperuntukkan di bawah seksyen 136, Akta Kastam 1967 yang mana memperuntukkan satu kesalahan:

(i) dikenakan denda tidak kurang dari 10 kali ganda amaun duti kastam dan tidak lebih dari 20 kali ganda dari amaun duti kastam atau hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali; dan

(ii) kesalahan kedua atau kesalahan yang seterusnya dikenakan denda tidak kurang dari 20 kali ganda dari amaun duti kastam dan tidak lebih dari 40 kali ganda dari amaun duti kastam atau hukuman penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, kita memang selalu komited dan akan terus meningkatkan usaha membanteras kegiatan penyeludupan mercun dan bunga api secara berterusan. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tamatlah sudah pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya ingin memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), dengan ini saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini. Saya hendak ulang ya, pada hari ini, dalam bidang kuasa mengikut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya menjemput Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah mempengerusikan Majlis Mesyuarat Dewan Negara pada hari ini. Saya persilakan... *[Tepuk]*

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Sebelum saya meneruskan sidang Dewan yang mulia ini, saya terlebih dahulu ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kepercayaan dan penghargaan kepada saya untuk mempengerusikan sidang pada hari ini. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, baik yang sehati dan separti mahupun yang sehati dan tidak separti ataupun tidak sehati dan tidak separti, saya mengharapkan kerjasama yang seerat-eratnya semoga perjalanan Mesyuarat sepanjang saya mempengerusikan ini dapat berjalan dengan lancar dan saya harapkan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan mukadimah yang pendek itu dan harapan yang setinggi langit itu, saya meneruskan Mesyuarat pada pagi ini... *[Tepuk]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEGANASAN RUMAH TANGGA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" ***[21 Disember 2011]***

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat menyambung perbahasan semalam. Masa 10 minit ya Yang Berhormat.

11.58 pg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang diberi amanah mempengerusikan pada hari ini. Saya mengucapkan tahniah Tuan Yang di-Pertua di atas kepercayaan yang diberikan. Semoga Tuan Yang di-Pertua dapat menjalankan tugas dengan baik sebagaimana harapan Tuan Yang di-Pertua tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Itu ucapan sehati dan tidak separti ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan semalam. Semalam saya berhenti di *management,* mengurus kemarahan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita yang melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sepatutnya kepada pasangan dan anak-anak di rumah tangga itu ialah kerana mereka tidak dapat mengawal marah, dan marah ini merupakan satu akibat yang buruk apabila tidak dikawal dengan baik.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan ada pihak kementerian membuat modul supaya orang-orang yang terlibat dengan kes-kes seperti ini supaya memberi kepada mereka kursus-kursus dan juga kaunseling supaya pada masa-masa depan mereka tidak akan melakukan perkara-perkara yang sama.

■1200

Saya ingin menyebut satu kes yang menyayat hati yang berlaku pada baru-baru ini dan masih lagi sekarang ini masih lagi dalam rawatan iaitu seorang bekas isteri menyimbah asid ke muka bekas suaminya dan sehingga hospital terpaksa membuang mata bekas suaminya. Ini salah satu contoh sahaja di antara contoh-contoh yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang saya ingin bangkitkan dalam rang undang-undang ini. Apabila saya membaca pindaan-pindaan kepada fasal-fasal yang telah diberikan, daripada fasal 3, enakmen ini hendaklah dibaca bersama dengan kanun keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan keganasan rumah tangga.

Saya perhatikan ada beberapa perubahan-perubahan pindaan di sini ada persamaan sebahagiannya dengan enakmen yang telah diamalkan dalam jenayah syariah undang-undang keluarga di negeri-negeri. Di mana seperti sebagai contoh, Badan Pendamai iaitu fasal 10 ini sebagai contoh. Peranan Badan Pendamai dalam mengesyorkan pihak-pihak yang dirujukkan kepadanya oleh mahkamah untuk menjalani terapi atau kaunseling yang bersesuaian. Kalau kita tengok di dalam undang-undang keluarga, mereka juga ada Badan Pendamai ini dinamakan 'suluh' iaitu orang yang diberi tanggungjawab dilantik oleh pihak kerajaan untuk mendamaikan mereka. Selain daripada itu juga, mahkamah boleh melantik pihak-pihak daripada suami dan juga isteri keluarga masing-masing atau siapa yang dipersetujukan. Jadi apabila perkara ini bersama, maka bagaimana ia akan dilaksanakan nanti?

Begitulah juga kalau kita lihat ada perkara yang lain yang kita tengok di dalam untuk orang lain menyampaikan, penyampai ganti fasal 17. Dalam undang-undang syariah juga ada menyebut saksi hisbah. Saksi hisbah itu ialah kalau sekiranya ada perlakuan perlanggaran hukum syarak sebagai contoh suami dengan isteri telah bercerai talak tiga tetapi masih tinggal bersekali. Jadi kedua-dua pihak itu tidak akan melaporkan kepada mahkamah. Jadi pihak yang ketiga boleh mengambil inisiatif untuk melaporkan hal itu ke mahkamah supaya mahkamah mengambil tindakan. Ini dipanggil saksi hisbah. Jadi saya tengok hal ini ada persamaan, kalau sekiranya kepada orang Islam berlaku hal-hal ini, bagaimana atas perundangan mana yang akan diambil tindakan sama ada satu atau kedua-duanya sekali.

Begitulah juga saya melihat di sini, ada dimasukkan kecederaan emosi. Dalam pindaan ini, dimasukkan kecederaan emosi termasuk membiarkan keluarga melarat dan tidak bertanggungjawab terhadap mereka seperti tidak memberi nafkah. Hal ini kalau kita tengok di dalam perkahwinan seseorang Islam, selepas sahaja akad nikah berlaku, imam meminta suami supaya lafaz taklik. Jadi dalam lafaz taklik itu terangkum untuk mengawal keganasan emosi dan juga fizikal. Sebagai contoh kalau suami meninggalkan isteri lebih dari empat bulan dan tidak memberi nafkah atau belanja dan juga pihaknya tidak memberi nafkah, maka isteri boleh mengadu hal itu kepada mahkamah. Begitulah juga kalau suami mencederakan isteri, maka hal itu juga boleh diadukan ke mahkamah dan mahkamah boleh ambil tindakan. Jadi hal-hal seperti ini saya rasa sudah ada di dalam enakmen-enakmen keluarga Islam. Walau bagaimanapun, saya hendak tahu bagaimana hal ini boleh disamakan atau diserasikan?

Akta ini juga adakah ia termasuk pada pembantu rumah kerana pembantu rumah juga termasuk orang yang tinggal dalam keluarga? Apakah perubahan ini berlaku dan begitulah juga saya ingin tahu apakah undang-undang ini termasuk juga kepada ibu bapa yang ditinggal atau dibiarkan melarat oleh anak-anaknya terutama anak-anak yang berkemampuan. Jadi sekarang ini kita tengok ada ibu bapa yang dibiar melarat dan tidak dipedulikan sehingga tinggal di rumah-rumah tumpangan atau kenangan dan sebagainya. Begitulah juga saya melihat ada pendakwaan memohon supaya pihak mahkamah mengenakan fasal 9.

Kalau saya tengok kecederaan emosi ini pampasan bagi penderaan psikologi yang termasuk kecederaan emosi yang dialaminya. Ini kalau bagi suami atau isteri yang mempunyai harta boleh dipohon pampasan dari mahkamah.

Apa kata kalau seseorang itu tidak ada harta tetapi keganasan yang telah dilakukan. Bagaimana tindakan yang boleh dikenakan kepada mereka itu?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta Yang Berhormat simpulkan dalam tiga minit.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Memang saya sudah habis pun.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! Sudah habis.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya ingin simpulkan bahawa undang-undang yang kita pinda hari ini bukan bertujuan semata-mata untuk menghukum tetapi lebih kepada pencegahan dan sesiapa pun akan selamat, akan berasa selesa dan akan tenang apabila tidak ada orang yang melanggar undang-undang. Akan tetapi apabila undang-undang itu dilanggar, maka semua pihak akan susah. Bukan sahaja keluarga itu akan susah, tetapi pihak yang berwajib juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah dan ia akan menimbulkan kos. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat -Yang Berhormat sekalian, di dalam senarai di hadapan saya ini ada lima orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mendaftar untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Yang Berhormat itu ialah Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah, Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammed Yit dan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff. Mengikut giliran yang saya sebutkan tadi, saya dengan ini mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi untuk mengambil bahagian.

12.07 tgh.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Sebelum saya meneruskan kepada perbahasan rang undang-undang, saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua untuk mempengerusikan mesyuarat pada hari ini dan juga tahniah kepada mantan Timbalan Speaker Dewan Negara yang telah pun menamatkan khidmat semalam kerana khidmat cemerlang yang telah ditunjukkan oleh mantan Timbalan Speaker kita telah menunjukkan bahawa wanita *alhamdulillah* mampu mempengerusikan Dewan sepenting Dewan Negara ini... *[Tepuk]*

Saya teruskan kepada perbahasan bagi Akta Keganasan Rumah Tangga. Apabila disebut tentang keganasan rumah tangga, saya rasa ini perkara yang tidak sepatutnya kita bincang setelah rakyat kita ini, kita tahu mendapat pendidikan yang begitu lama dari Darjah 1 sehingga Tingkatan 5. Malangnya, orang yang boleh membaca, orang yang boleh menulis, orang yang tidak buta huruf ini kadang-kadang tidak mampu untuk menterjemahkan apa yang mereka perolehi secara teori ke dalam terutamanya disebut rumah tangga. Mereka mungkin menjadi pekerja yang baik di pejabat, mereka mungkin menjadi rakan yang baik kepada sahabat mereka di luar, tetapi mereka susah untuk menjadi pemimpin kepada seorang isteri di rumah.

Ini merupakan satu perkara yang tidak bertamadun, perkara yang jauh daripada sifat-sifat yang mungkin orang itu maju kerana apa, mereka mungkin menunjukkan kekuatan kepada seorang wanita lemah. Walau bagaimanapun, kita tidak menafikan terdapat juga kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga ini menyebabkan daripada perempuan kepada lelaki. Jadi dalam konteks ini, apabila disebut tentang pendidikan keluarga, saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian dan pihak kerajaan supaya kita boleh mewujudkan satu budaya yang lebih cemerlang. Budaya yang lebih baik dalam negara kita kerana kita difahamkan di Korea Selatan, mereka telah membuat pendekatan menggunakan pendekatan media massa di mana dengan penggunaan media massa mereka mampu untuk menerbitkan filem-filem, drama-drama yang membayangkan keharmonian dan kerukunan di antara suami isteri dan juga hubungan di antara anak-anak serta adik-beradik dalam keluarga.

Jadi setelah melaksanakan program seperti begini dalam masa 15 tahun, *alhamdulillah* mereka mencapai satu kejayaan yang baik dan kita dimaklumkan dalam persidangan di IPU. Semasa menghadiri IPU di Geneva, kami dimaklumkan bahawa Korea Selatan telah memperkenalkan Hari Suami Isteri yang mana setelah diperkenalkan Hari Suami Isteri ini, mereka berjaya menurunkan dengan drastiknya kadar penderaan dan keganasan rumah tangga. Jadi saya menyarankan kepada pihak kementerian agar mempertimbangkan. Hari seperti ini kerana kita ada Hari Kekasih walaupun perkara itu bertentangan dengan Islam.

■1210

Di sana ada Hari Ibu, ada Hari Bapa. Anak yang tidak pernah beli hadiah untuk bapa pun, kalau Hari Bapa mereka akan terpanggil kerana promosi dalam akhbar. Jadi kalau diwujudkan Hari Suami Isteri, mungkin suami ataupun isteri yang selalu bergaduh, ini cara mereka untuk berbaik ataupun yang tidak bergaduh lagi, cara mereka untuk kekal lebih baik. Kalau yang tidak pernah menghargai, mereka akan menghargai kerana promosi yang telah dibuat oleh semua pihak dalam akhbar, dalam TV oleh pemimpin. Ini *insya-Allah* akan menggalakkan mereka, *insya-Allah* menjadi keluarga yang baik.

Oleh kerana pendidikan ini, perbalahan ini, keganasan domestik ini bukan hanya kekal di antara mereka berdua, tetapi kalau mereka mempunyai lima anak, lima anak ini akan berterusan dalam keadaan suasana pergaduhan. Kita akan melahirkan pula lima keluarga lain yang akan bergaduh sebagaimana bapanya bergaduh.

Oleh kerana disifatkan dalam akhbar hari ini, juga dalam TV hari ini, jarang kita lihat dalam Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang memaparkan siaran ada suami, ada isteri yang bercakap dalam keadaan yang betul-betul baik. Hari ini sama ada mereka bercakap dalam keadaan mengada-ngada ataupun mereka bercakap dalam keadaan memperbodohkan hendak menipu. Berbaik dengan isteri seolah-olah hendak menipu. Jarang kita lihat dipaparkan gambaran masyarakat suami isteri yang saling menyayangi dan menghormati. Ini cukup mengecewakan.

Saya minta mulai pada hari ini diharamkan, buat polisi mengharamkan siaran yang menunjukkan bahawa di sana ada suami curang, di sana ada isteri curang. Kita tahu dalam masyarakat kita ada suami yang curang, ada isteri yang curang, tetapi ini bukan budaya yang menular. Akan tetapi hari ini dengan paparan dalam media seolah-olah kalau yang memegang - minta maaf Tuan Yang di-Pertua, yang memegang *title* Dato' ini, *possibility* untuk digoda dan menggoda ini tinggi kerana itu dalam akhbar, dalam TV. Saya minta polisi seperti ini diperhatikan, diharamkan kerana kita tidak mahu stigma ini akan kekal dan orang-orang yang berada di sekitar mereka akan trauma...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi tidak terbatas kepada Dato' sahaja bukan?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Ya, ya. Akan tetapi kalau Dato' itu lebih besar dia punya godaan itu. Dalam konteks ini, saya mahu, saya mohon kepada pihak kerajaan sudahlah, henti-hentikanlah. Saya percaya kalau kita boleh mengeluarkan drama seperti *Opah*, drama *Eight Is Enough* yang dibawa daripada Barat tetapi mempunyai unsur-unsur kebaikan, adik-beradik. Ini perkara yang lebih baik. Oleh sebab anak kita dimomokkan dengan cerita seperti ini, kalau hendak berkawan lelaki dan perempuan, perempuan mesti jadi yang dia punya *tantrum* itu *temper*. Lempar barang situ, bertempiklah. Ini perkara bukan adat resam Melayu dan bukan adat resam Malaysia pun.

Jadi, apa yang kita hendak gambarkan kalau ada artis wanita yang memberikan akhlak yang begitu biadab dengan bakal suaminya ataupun bakal suami yang biadab dengan isterinya. Ini bukan budaya yang kita hendak buat. Tidak usahlah kita buat kempen sopan santun, dalam masa yang sama kita tunjukkan filem-filem seperti ini kerana filem seperti ini *seeing is believing*. Manusia apabila dia melihat kepada gambar, apa yang mereka nampak lebih kuat daripada apa yang mereka dengar ataupun apa yang mereka belajar. Oleh kerana ini adalah pendekatan *photographic memory,* ini telah masuk dalam pemikiran mereka dan ini akan menjadi budaya masyarakat.

Oleh yang demikian, kita mahu agar dibuat satu polisi. Polisi ini demi untuk menjaga kerukunan rumah tangga bukan lagi kita terpaksa pinda demi pinda, kuatkuasakan lagi, tambahkan lagi denda kerana kes keganasan rumah tangga berlaku tiap-tiap hari.

Dalam akhbar-akhbar tabloid dipaparkan keganasan rumah tangga ini dalam pelbagai bentuk. Saya juga minta kepada pihak kerajaan, apakah status terkini tentang cadangan untuk meminda Akta Racun dan juga Akta Bahan-bahan Berbahaya yang melibatkan asid. Ini kerana kes-kes yang melibatkan asid terutamanya kes cinta dan kes domestik serta kes rumah tangga ini berlaku secara berleluasa kerana ini melibatkan kes-kes dendam.

Pertelingkahan suami isteri, pertelingkahan domestik ini biasanya melibatkan dendam dan mereka ingin kalau boleh kesan yang mereka buat kepada pasangan mereka ataupun lawan mereka itu akan memberi kesan yang kekal. Jadi saya pohon, kalau hendak dipinda, bilakah pindaan ini akan dibuat dan bagaimanakah pengawalan kepada penjualan dan pemilikan barang-barang seperti asid dan barang-barang berbahaya ini akan dibuat oleh pihak kerajaan.

Berkenaan dengan penguatkuasaan. Kita percaya bila mana kita luluskan akta ini, dia akan ada penguatkuasaan. Akan tetapi bila disebut tentang Akta Keganasan Rumah Tangga, *Domestic Violence Act,* saya kasihan juga kepada pihak penguat kuasa khususnya pihak polis. Ini kerana mereka banyak menangani kes-kes jenayah indeks, mereka menangani kes-kes jenayah sivil. Mereka menangani banyak kes dan ditambah pula sekarang mereka kena buat juga untuk keganasan rumah tangga. Kadang-kadang, bila melibatkan keganasan rumah tangga bagi orang yang terpaksa berhadapan dengan penyamun, dengan lanun, tiba-tiba isteri datang menangis, saya dirotan oleh suami. Ini perkara yang macam bukan hendak pandang ringan tetapi terjadi ringan kerana apa yang mereka hadapi lebih teruk kesnya.

Jadi dalam konteks ini, saya pohon agar pihak kementerian mencari jalan sama ada membuat satu lagi agensi di bawah JKM ataupun di bawah kementerian satu pasukan, satu skuad yang betul-betul khas sebagai penguat kuasa cakna keluarga ataupun yang *concern* tentang keluarga, tentang *domestic violence* yang mempunyai bidang kuasa untuk menangkap, tetapi mereka tidak memakai pakaian seragam polis. Lebih kurang dengan kata lainnya, seolah-olahnya macam polis keluarga. Mungkin terma-terma yang lebih baik kita boleh gunakan untuk mereka. Akan tetapi orang ini harus khusus dan mereka juga akan mendengar *report* di balai polis dan mereka akan bertugas di balai polis. Untuk laporan melibatkan prosedur untuk laporan Akta Keganasan Rumah Tangga pindaan pada hari ini, saya pohon dibuat kaunter khas ataupun dibuat dalam bentuk *in camera*.

Adalah tidak manis bagi seorang isteri yang bukan berhasrat untuk bercerai dengan suami untuk buat laporan polis di hadapan di kaunter yang didengar oleh semua orang tentang apa yang berlaku kerana ini melibatkan perkara rumah tangga. Yang akan terlibat, yang akan terasa, yang akan terkena kesannya adalah anak-anak serta keluarga mereka.

Bukan satu keluarga, tetapi dua keluarga. Jadi dalam konteks ini, perlu diperhatikan dari segi prosedur. Prosedur untuk menerima laporan-laporan *Domestic Violence Act* dan juga untuk keterangan bagi siasatan yang melibatkan. Jadi keseluruhan ini, saya rasa perlu diwujudkan agensi khas kerana perkara ini penting dan diberi kuasa, dipantau oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama pihak polis. Orang ini ialah orang yang khusus, bukan orang yang tiba-tiba ditugaskan secara *rotation* untuk bertugas di bahagian jenayah seksual daripada pihak polis. Jadi perkara ini perlu kepada satu benda yang khusus, yang profesional dan yang berterusan, bukan yang berkala ataupun sekali-skala.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan dan memohon agar diwajibkan juga, kalau tadi kita dengar daripada Kementerian Kesihatan bagaimana pendidikan antenatal, *postnatal* dibuat dengan sepuluh rakan bayi bagi menggalakkan penyusuan ibu. Saya juga hendak dengar kalau boleh diberikan pada peringkat awal ini alternatif dan opsyen kepada pasangan pada hari ini sudah wajib mengikuti kursus pra-perkahwinan supaya mengikuti kursus pasca perkahwinan. Jadi mungkin pada peringkat awal ini tidak diwajibkan, tetapi diberi opsyen dan alternatif dan diperkenalkan berapakah LPPKN yang membuat rakan kepada keluarga ini.

Ini kerana pada hari ini kita dididik untuk menjadi suami, kita dididik untuk menjadi isteri. Berapa ramai di kalangan kita yang dididik untuk menjadi ibu dan bapa? Berapa ramai pula kerana mereka bersedia hari ini hanya untuk akad nikah?

Mereka bukan bersedia untuk mendidik isteri setelah akad nikah dan berapa ramai di kalangan kita yang mengetahui bahawa memberikan pendidikan kepada isteri juga merupakan nafkah batin seorang isteri daripada seorang suami. Jadi perkara ini tidak ditimbulkan dalam masyarakat. Perkara yang ditimbulkan adalah perkara-perkara zahir, perkara-perkara materi seperti memberi makan, memberi minum, memberi tempat tinggal. Ini perkara yang kalau bukan manusia, haiwan pun kita berikan. Kalau lembu pun kita berikan, kalau kambing pun kita berikan. Beri makan, beri minum, tempat tinggal, tetapi manusia harus lebih tinggi.

So dalam konteks ini, bagaimana pendidikan pasca perkahwinan ini mesti dimasukkan? Ini kerana kita perhati, kalau kita buat secara tidak menyeluruh ini, sukar untuk kita dapatkan kehadiran terutama daripada kaum lelaki dan bapa kerana mereka ingat perkara ini tidak penting. Akan tetapi sebenarnya mendidik isteri, hubungan komunikasi, kemahiran komunikasi - kita lihat satu buku yang dijual sekarang ini menjadi *bestseller "Man from Mars, Women from Venus",* bahawa terlalu banyak percakapan-percakapan yang dikeluarkan oleh lelaki ditangkap dan difahami oleh perempuan dalam bahasa yang lain. Begitu juga bila perempuan bercakap, lelaki ingat perkara lain. Kadang-kadang bergaduh, itu kerana *miscommunication* dan perkara ini *natural*.

Rasulullah SAW ikon terbaik dalam keluarga telah membuat perbuatan *tahanus*, berada di Gua Hira' sebelum menerima wahyu bertahun-tahun, sebulan dalam setahun dan perkara ini diredhai oleh Khadijah untuk baginda berada dalam guanya sendiri untuk merenung, memahami dan memikirkan masalah. Jadi, bila lelaki berada dalam gua mereka, mereka tidak patut ganggu. Apabila perempuan ini memahami bahawa ini keperluan dan fitrah seorang lelaki, mereka tidak akan ganggu. Akan tetapi perbuatan yang dibuat oleh lelaki Nabi Muhammad SAW ini diakui, diredhai oleh Khadijah ini hanya diketahui setelah 1,400 tahun sampai hari ini.

Jadi kenapa perkara ini kita tidak gali? Ini kalau kita ketahui, kita akan faham kenapa anak lelaki kita sensitif tentang perkara ini, kenapa anak perempuan kita sensitif tentang perkara ini. Jadi, perkara-perkara ini tidak boleh kita anggap bahawa bila mereka berkahwin, automatik mereka bersedia menjadi ibu, bersedia menjadi ayah dan pengetahuan akan datang dengan sendiri. Jadi, ini akan membantu mengurangkan kes-kes keganasan rumah tangga. Pengalaman saya sebagai seorang peguam yang mengendalikan kes-kes melibatkan keganasan rumah tangga, bila kita panggil untuk kaunseling, kita panggil untuk komunikasi, kebanyakannya banyak benda yang isteri tidak mampu cerita kepada suami. Kalau cerita pun, suami tidak dengar.

■1220

Jadi, minta tolong kepada peguam beritahu kepada suami. Suami juga banyak benda hendak beritahu kepada isteri. Tidak boleh beritahu kenapa apa – *communication breakdown*. Jadi, perkara ini saya pohon diberikan perhatian khas satu *syllabus,* satu pendekatan, satu bajet, satu program khas dirangka berterusan supaya memahirkan kemahiran berbicara, berkomunikasi antara suami isteri kerana ini akan menjuruskan pada keganasan rumah tangga.

Begitu juga kita mahu kalau boleh bertanya kepada pihak kerajaan, jumlah rumah perlindungan dan hospital serta peruntukan yang telah dibuat setakat ini? Ini kerana di kebanyakan negeri, rumah perlindungan ini mungkin ada satu ataupun dua. Akan tetapi apabila kita turun dan tengok ke tempat-tempat ini kebanyakannya tidak dipantau dan tidak diberikan KPI yang sewajarnya. Rumah perlindungan wujud tetapi keadaannya macam hostel. Sedangkan yang dipukul, yang diganasi ini menghadapi trauma. Mereka takut bagaimana di sini kita lihat bagaimana daripada segi kawalan keselamatan, daripada segi rawatan kaunseling, rawatan terapi, rawatan agama yang harus diberikan dalam pusat ini. Berapa ramai mereka yang sudah diberikan rawatan dan kemudian tidak mahu kembali ke tempat tersebut kerana tidak mendapat rawatan yang secukupnya?

Jadi, saya pohon kepada pihak kerajaan untuk dikenal pasti rumah ini kalau ada sebuah rumah, saya cadangkan *target* kita bukan sebuah rumah sebuah negeri tetapi sebuah rumah sebuah daerah. Bukan kita hendak menggalakkan orang itu diganasi tetapi memberikan pendidikan, pengawalan supaya perkara ini tidak berlarutan.

Dalam Islam diberikan talak tiga kali. Pertama, kedua, ketiga. Pertama - *talaq raj'i;* kedua - *talaq raj'i;* ketiga - baru *talak ba'in*. Mengapa? Diberikan dua ruang, dua masa edah untuk mereka ini memahami berbaik kembali, merawat kembali.

Kita mahu orang yang dirujuk ke tempat rumah perlindungan keganasan rumah tangga ini, mereka bukan berhasrat untuk bercerai. Jangan jadikan ini *last option* tetapi jadikan *first option* supaya mereka boleh balik dan suami mereka akan dipujuk kembali ataupun memahami mengapa mereka berbuat sedemikian.

Dalam konteks ini, pendidikan rumah tangga dan kewujudan penguatkuasa yang akan memberikan pemantauan serta kuasa penangkapan jika perlu daripada pihak polis yang mempunyai juga kemahiran dalam bidang kaunseling, perlu memberikan rawatan, pendidikan. Rawatan ini harus dibuat juga sebagaimana kalau kita lihat di Amerika Syarikat atau di Britain, mereka ada pusat rawatan untuk pencegahan dadah. Dalam negara kita, adakah kita telah mempunyai rumah, satu tempat rawatan untuk pemulihan orang yang suka mengganasi isterinya? Ini disebabkan kalau mereka ini kita tangkap, masukkan dalam penjara, dia akan menjadi lebih ganas sebab dalam penjara itu adalah universiti untuk bertukar bagaimana cara untuk menjadi lebih ganas. Bukan diberikan cara untuk menjadi lebih baik.

Jadi, kalau kita mengadakan pusat seperti ini, lelaki yang melihat dirinya mempunyai simptom-simptom akan menjadi seorang lelaki yang ganas dan akan melahirkan sepuluh anak yang ganas sepertinya, sepatutnya boleh mendapatkan rawatan ataupun isterinya boleh - akan tetapi janganlah dibuat sehingga perkara ini dianggap satu benda yang jijik kerana perkara ini, pusat pendidikan ini harus diberikan imej yang lebih baik.

Kemudian...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah bercakap 14 minit 20 *seconds*.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya minta lima minit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Lima minit?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Lima minit lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sepakat kita, 15 minit atau 20 minit semalam?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pun tidak tahu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita sudah sepakat semalam untuk membatas perbahasan pada 15 minit sahaja.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Jadi, saya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Walaupun saya tertarik dengan dimensi lain daripada nafkah batin Yang Berhormat sebutkan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya minta seminit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba ringkaskan dan simpulkan.

Berkenaan dengan kuasa, apabila kita pinda Akta Keganasan Rumah Tangga, bagaimana kuasa silang ataupun kuasa selanjutnya yang diberikan kepada Majlis Agama Negeri ataupun Jabatan Hal Ehwal Negeri yang melibatkan kuasa di bawah enakmen-enakmen? Ini kerana kita percaya apabila kuasa ditambah di peringkat ini, harus juga ada kuasa di peringkat Jabatan Hal Ehwal Agama Islam negeri-negeri bagi memastikan keseluruhan perjalanan ini akan menjadi sama dan seimbang.

Terakhir, bagaimanakah pemantauan dibuat kepada hospital yang menerima aduan pertama untuk kes keganasan rumah tangga? Ini kerana pada hari ini, apabila kita lihat sendiri di hospital tidak ramai pakar ataupun orang yang mahir yang diletakkan untuk menjaga bahagian OSCC ini. Jadi, saya pohon dan mencadangkan agar pihak kerajaan menempatkan paling tidak seorang yang bertaraf sebagai seorang peguam dan juga doktor pelatih yang boleh mengendalikan OSCC dengan lebih mahir kerana banyak kes ini apabila kita *refer* kepada hospital, hospital kata perlu pergi ke balai polis dahulu. Apabila pergi ke balai polis, kena pergi hospital dahulu. Jadi, perkara ini masih lagi berlaku walaupun kerana telah melancarkan OSCC ini sudah saya rasa dalam lima tahun atau enam tahun. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa tidak ramai para suami yang menyedari bahawa memberikan pendidikan kepada isteri itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab batin; tanggungjawab memberikan nafkah batin. Terima kasih kerana memberikan pengajaran kepada para suami yang belum sedar. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat.

12.25 tgh.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberikan kepercayaan oleh Yang Berhormat Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang untuk mempengerusikan sidang Dewan kita pada pagi ini. Saya sehati tetapi tidak sebatin... *[Ketawa]*

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada bekas Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin. Walaupun dalam keadaan pada hari semalam dalam keadaan yang tidak sihat tetapi beliau mampu untuk mempengerusikan sidang Mesyuarat pada hari semalam. Tahniah kepada beliau dan inilah dia wanita memang tidak suka mencuri tulang. Kalau tidak, dia sudah boleh berehat tetapi demi agama, bangsa, tanah air dan juga tanggungjawab, beliau menamatkan juga tugasnya pada hari semalam.

Sekali lagi tahniah dan kita berikan tepukan kepada Yang Berhormat Datuk Armani binti Haji Mahiruddin... *[Tepuk].* Kita kalau memuji orang perempuan ini tidak berapa hendak menepuk tangan Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh, tepuklah kuat sedikit... *[Tepuk].* Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga Pindaan 2011. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah berjaya membentangkan rang undang-undang ini dalam usaha meningkatkan kehidupan masyarakat yang lebih sempurna selaras dengan matlamat kerajaan ke arah negara maju 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Allah SWT telah menetapkan bahawa setiap kejadian di muka bumi ini dijadikan secara berpasangan dan manusia khususnya dijadikan berpasangan dan membentuk sebuah institusi keluarga dalam masyarakat. Perkahwinan akan membentuk satu institusi keluarga kecil yang terdiri daripada suami, isteri, ibu bapa dan anak-anak. Manakala perkahwinan wujud tertakluk pada peraturan-peraturan tertentu yang ditetapkan dalam Islam.

Dalam membentuk masyarakat yang sempurna dan harmoni, Islam menggariskan garis panduan dalam hubungan antara Tuhan dan manusia dan antara manusia dengan manusia, *hablumminallah hablumminannas* dengan menyatakan setiap daripada kita tanpa mengira status dan sejak bayi dilahirkan hingga seseorang meninggal dunia masing-masing mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan perlu dipelihara.

Rang Undang-undang Rumah Tangga merupakan tahap pertama pembentukan masyarakat. Namun, disebabkan kegagalan manusia dalam mempelajari, memahami, menghayati ajaran agama, berlakunya kepincangan dalam institusi kekeluargaan dan dalam masyarakat. Statistik kes-kes seperti perceraian, keganasan rumah tangga dan lain-lain yang melibatkan keluarga semakin meningkat dilaporkan bahawa terdapat 69 kes terlibat ke melibatkan mangsa lelaki dan seramai 2,724 orang dan jumlah mangsa keganasan rumah tangga wanita pada tahun 2007 sehingga 2011. Oleh itu, keganasan rumah tangga merupakan antara penyebab kepincangan berlaku dalam rumah tangga dan menjadi batu penghalang dalam usaha untuk mencapai kesaksamaan pembangunan kesejahteraan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, keganasan rumah tangga juga adalah satu isu hak asasi manusia, hak untuk hidup dan hak pada kehormatan diri adalah hak dasar yang diakui oleh undang-undang antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengguna pakai Konvensyen Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita yakni CEDAW. Malaysia merupakan negara ahli konvensyen tersebut. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia pada 1 Jun 1996.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 adalah satu undang-undang yang memberikan perhatian yang khusus dalam hal-hal keganasan rumah tangga dengan memperuntukkan beberapa cara penyelesaian bagi kes-kes sedemikian.

■1230

Tuan Yang di-Pertua, namun jenayah keganasan yang dilakukan dalam rumah tangga kian meningkat dan kini merupakan masalah sosial, insiden keganasan di Malaysia adalah tinggi. Pada tahun 1992 kajian oleh *Women's Aid Organization and Survey Research of Malaysia* mendedahkan bahawa 39 peratus daripada wanita telah menjadi mangsa keganasan, dalam tahun 1995 terdapat 1,409 laporan polis mengenai keganasan rumah tangga. Dalam tahun 1997 iaitu tahun sepenuhnya di mana Akta Keganasan Rumah Tangga dikuatkuasakan, angka ini meningkat tinggi kepada 5,477 iaitu kadar kenaikan sebanyak 388 peratus. Kajian media yang telah dijalankan oleh WAO dalam tempoh masa lapan bulan pertama tahun 1998 telah mendapati bahawa 28 daripada 119 kes-kes rogol yang dilaporkan oleh akhbar-akhbar tempatan adalah kes sumbang maharam.

Manakala mengikut statistik PDRM ataupun Polis Diraja Malaysia secara keseluruhannya pada tahun 2010 mangsa keganasan rumah tangga yang terdiri daripada seramai 3,170 orang itu suspeknya ataupun pemangsanya majoriti adalah merupakan suami iaitu 47.12 peratus, ini diikuti dengan anak iaitu 8.38 peratus, abang kandung 6.4 peratus dan sebagainya. Sebenarnya untuk isteri iaitu peratusan untuk isteri yang menjadi pemangsa ialah hanya 1.12 peratus kurang daripada 1.5 peratus ini tidak termasuk kes-kes keganasan yang tidak dilaporkan.

Isu sosial ini boleh membawa kepada keruntuhan masyarakat sekiranya tidak dibendung, justeru Tuan Yang di-Pertua pindaan dan cadangan ini memantapkan serta menambahbaikkan akta berkenaan dan diharap mampu membasmi isu keganasan rumah tangga terutamanya keganasan kerajaan dalam melaksanakan peruntukan-peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh berkenaan pindaan pertama iaitu pindaan seksyen 2. Antara cadangan pindaan dipertimbangkan adalah perluasan takrifan keganasan rumah tangga dengan mengambil kira aspek kecederaan emosi dan penderaan mental dan psikologi. Di sini saya ingin bertanya, bagaimanakah mengenal pasti penderaan psikologi dan apakah yang dimaksudkan dan apakah kaedah yang digunakan untuk mengukur tekanan emosi yang menjadikan mangsa termasuk dalam tafsiran ini.

Pindaan seterusnya ialah seksyen 4, perintah sementara. Keganasan rumah tangga diklasifikasikan di bawah bidang kuasa jenayah dan dibaca bersama-sama kanun keseksaan dan kanun prosedur jenayah, akta ini menyediakan perlindungan bagi wanita yang didera oleh suaminya untuk mendapatkan perintah perlindungan sementara yakni IPO serta berlindung di rumah-rumah perlindungan. Namun masih ramai pihak yang tidak memahami konsep IPO atau menerangkan kepada wanita keperluan untuk mendapatkannya. Selain daripada itu ada juga kes-kes isteri atau mangsa tidak mahu melaporkan kes keganasan rumah tangga ini di atas sebab-sebab tertentu seperti takut pelaku dipenjarakan atau malu dan sebagainya sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Mumtaz sebentar tadi.

Soalan saya, apakah mekanisme untuk membantu mangsa ini dan apakah cara bagi mempermudah proses permohonan perintah perlindungan interim yakni IPO dengan menetapkan IPO boleh dibuat di daerah lain dari tempat kejadian. Selain itu isu penyampaian atau *serve* dengan izin, IPO kadang-kadang sukar kerana pelaku tidak ada di tempat yang dinyatakan dalam perintah, justeru mangsa terus dinafikan haknya. Saya juga ingin meminta penjelasan adakah mangsa sendiri boleh melantik peguam untuk memohon IPO ke mahkamah bagi memastikan IPO dapat dibuat dengan lebih cepat dan mengelakkan berlaku keganasan seterusnya daripada pihak pelaku.

Seterusnya saya ingin bertanya apakah pihak kementerian mempunyai statistik yang *official* berkenaan keganasan rumah tangga dan apakah kita mempunyai kajian-kajian yang serius dalam segala aspek berkenaan keganasan rumah tangga ini daripada dari aspek sebab dan cara mengatasi dengan lebih menyeluruh dan kerjasama dilakukan dengan NGO serta universiti-universiti bagi membolehkan mereka melaksanakan sesuatu dasar atau polisi dengan undang-undang serta program-program yang lebih relevan dan berkesan bagi memastikan kita dapat melahirkan rakyat yang harmoni dan makmur serta mampu membangunkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan peranan media yang juga perlu dikawal agar tidak menjadi topik-topik berkaitan keganasan rumah tangga yakni dilaporkan sebagai berita utama atau *headline* kerana kita perhatikan bahawa jenayah ini seolah-olah satu fenomena apabila surat khabar melaporkan bahawa pada hari ini ada kes yang sama berlaku selepasnya. Jadi berita-berita sebegini perlu dikawal misalnya Kerajaan Australia tidak membenarkan akhbar-akhbar melaporkan kes-kes penderaan kanak-kanak di akhbar-akhbar. Jadi, kita mencadangkan agar satu garis panduan kepada media massa ini perlu diwujudkan agar laporan berkaitan jenayah ini mungkin diuar-uarkan kepada awam hanya setelah pelaku dijatuhkan dan dikenakan hukuman oleh mahkamah. Keadaan ini dapat memberikan kesedaran dan pengajaran fokus kepada umum tentang hukuman dan kesalahan berkenaan bukannya kepada pelaku.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin bertanya sejauh manakah kerajaan membantu menyokong dan membiayai khidmat perlindungan dan kaunseling kepada mangsa keganasan yang diselenggarakan oleh pihak-pihak tertentu dengan baik, maknanya adakah kerajaan memberikan latihan yang sewajarnya kepada penganjur pusat-pusat bantuan ini dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga.

Tuan Yang di-Pertua, harapan kita sebagai Ahli Dewan Negara agar rang undang-undang dikuatkuasakan dengan sewajarnya dan mampu menangani keganasan rumah tangga di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua asyik tengok saya sahaja saya menghormati masa dan memberi ruang...

Dato' Dr. Firdasu bin Haji Abdullah: Ada tiga minit lagi.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: ...Kepada rakan-rakan saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini dan saya rasa banyak lagi rang undang-undang yang akan dibahaskan, dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdasu bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa timbang rasa seperti itu patut diteladani di dalam rumah tangga, timbang rasa memberikan kesempatan kepada rakan-rakan yang lain untuk bercakap. Selanjutnya dengan hormat saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

12.38 tgh.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berbahas di dalam rang undang-undang ini dan terlebih dahulu saya juga turut mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya menerima satu data daripada kementerian kebajikan bahawa dari tahun 2006 hingga 2011 kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga ialah begini, 1,635 keluarga kaum Melayu, 705 kaum India, 487 kuam Cina, 79 kes Peribumi Sabah, 47 kes Peribumi Sarawak, dua kes Peribumi Semenanjung dan 31 kes melibatkan kaum-kuam lain.

Memandangkan masalah ini ialah melibatkan semua kuam tanpa batasan, jadi saya mohon kepada kementerian bahawa adakah agensi-agensi kerajaan yang mengendalikan kes-kes ini lebih fasih dan faham isu-isu budaya, isu-isu masalah dalam kuam itu untuk mengendalikan keganasan rumah tangga dengan lebih mahir. Jadi saya memohon bahawa agensi-agensi menyediakan mereka kalau tidak menyediakan mereka, mereka boleh juga melibatkan NGO-NGO yang pakar dalam pengendalian kes-kes keganasan rumah tangga. Jadi saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan, bagaimanakah mereka melibatkan masyarakat NGO di dalam mengendalikan masalah ini.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, keganasan rumah tangga kadang-kadang bukan fizikal. Ini lebih kepada emosional dan juga psiko logikal dan saya difahamkan bahawa pindaan rang undang-undang ini telah merangkumi aspek ini. Saya mahu bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada kita ada kepakaran dan juga kesediaan untuk mengesan dan merawat masalah-masalah psikologi dan emosional.

Satu lagi perkara Yang Berhormat Menteri ialah mengenai kes-kes keganasan yang mana saya difahamkan bahawa lebih kurang 80 peratus kes keganasan ditarik balik iaitu mangsa mula-mula membuat laporan polis dan kemudian 80 peratus daripada kes ini ditarik balik. Nampaknya ini satu masalah sebab mengapa 80 peratus yang ditarik balik. Mungkin ini atas pujukan suami atau orang yang melakukan keganasan itu. Mungkin ada *pressure* dari tempat lain. Jadi, adakah kementerian mengesan perkara ini dan bagaimanakah kes-kes yang di fail boleh dikesan dan menyelesaikan masalah ini?

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga membaca di dalam surat khabar bahawa di Pulau Pinang, ada seorang mangsa keganasan rumah tangga. Dia membuat 15 laporan polis dalam tempoh tujuh bulan tetapi pihak polis langsung tidak mengambil tindakan. Nampaknya ini satu perkara yang serius sebab sikap polis yang tidak mengambil keganasan rumah tangga itu serius. Saya meminta jabatan polis yang selalunya terlibat dalam kes-kes keganasan mengambil perkara ini dengan lebih serius. Banyak kali mangsa memberitahu bahawa pihak polis juga memujuk mereka supaya tarik balik dan selesaikan perkara itu sendiri dan tidak perlu memfailkan kes. Itulah sikap polis yang saya nampak. Jadi saya berharap kementerian lebih serius dan juga jabatan polis pun lebih serius mengendalikan kes yang difailkan.

Dalam kes ini di mana 15 kali laporan polis dibuat dalam tempoh tujuh bulan tetapi polis tidak mengambil apa-apa tindakan. Lebih teruk lagi ialah setiap kali laporan polis dibuat, bekas suami yang mendera itu yang datang pula. Nampaknya dia ada maklumat dari jabatan polis. Jadi perkara-perkara seharusnya tidak berlaku. Saya harap keganasan rumah tangga boleh dikendalikan dengan lebih profesional dan cekap. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah.

12.43 ptg.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam 1Malaysia dan salam perpaduan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut berbahas. Terlebih dahulu tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Datuk atas keyakinan yang diberi untuk mempengerusikan Dewan kita pada hari ini. Dengan kesempatan ini juga saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berbahagia Datuk Hajah Armani kerana telah menyumbangkan khidmat bakti beliau sebagai wanita pertama menjawat jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dengan penuh cemerlang dan jayanya. Tahniah dan syabas sekali lagi kepada beliau.

Saya rasa terpanggil untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011 di Dewan yang mulia ini kerana sebagai seorang wanita dan atas dasar perikemanusiaan dan simpati saya terhadap mereka yang telah dijadikan mangsa keganasan rumah tangga yang majoritinya terdiri daripada golongan wanita dan juga kanak-kanak. Pada hemat saya pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah diambil kira penting dan perlu disegerakan selaras dengan keadaan dan tuntutan semasa di era zaman teknologi serba canggih dunia tanpa sempadan ini.

Pada zaman teknologi serba canggih ini manusia sepatutnya lebih bertamadun lagi namun yang peliknya masih ada lagi segelintir manusia yang berkelakuan ganas sehingga tergamak melakukan penderaan ke atas anak iaitu zuriatnya sendiri. Saya bersetuju ke atas beberapa pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga yang dibentangkan khususnya fasal-fasal seperti berikut:

Fasal 2 – tentang takrif keganasan rumah tangga dipinda untuk memasukkan perbuatan yang menyebabkan penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi kepada mangsa dan menyebabkan mangsa mengalami delusi dengan menggunakan apa-apa bahan yang memabukkan.

Saya bersetuju penuh dengan fasal 3 yang bertujuan untuk meminda seksyen 3 Akta 521 untuk menyatakan dengan khusus bahawa peruntukan Akta 521 hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan kanun keseksaan atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan keganasan rumah tangga. Ini saya kira lebih konkrit lagi, dengan izin. Selain itu saya juga setuju dengan beberapa fasal dari fasal 5 dan seterusnya yang bertujuan untuk meminda seksyen tertentu Akta 521 mengenai perintah perlindungan atau perintah perlindungan interim khususnya kepada mangsa dan ahli-ahli keluarga mangsa.

Saya bersetuju juga dengan fasal 9 yang bertujuan untuk meminda seksyen 10, Akta 521 untuk membolehkan mangsa keganasan rumah tangga membuat tuntutan pampasan bagi penderaan psikologi yang termasuklah kecederaan emosi yang dialaminya dan juga fasal 18 yang bertujuan untuk memperuntukkan bahawa suatu kesalahan keganasan rumah tangga hendaklah disifatkan sebagai suatu kesalahan boleh tangkap. Kita tidak mahu si pesalah itu bebas begitu sahaja tanpa kesedaran diri sendiri untuk dia menyesal dan insaf yang mana kalau dibiarkan boleh memungkinkan dia melakukan keganasan berterusan.

Memang pihak kerajaan Barisan Nasional melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin terhadap kebajikan, kesejahteraan dan keselamatan ahli-ahli masyarakat khususnya golongan wanita dan kanak-kanak. Di atas keprihatinan itulah Akta Keganasan Rumah Tangga digubal dan dipinda dari semasa ke semasa ke arah menyelesaikan pelbagai masalah dan isu-isu keganasan rumah tangga yang dilaporkan berlaku serta memberi perlindungan dan keselamatan kepada mangsa. Nisbah keganasan rumah tangga dikhuatiri semakin meningkat dari tahun ke tahun jika tiada tindakan tegas diambil melalui rang undang-undang tersebut untuk membendungnya.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa setiap pasangan Islam yang baharu berkahwin setelah diijabkabulkan mempunyai hasrat dan mengidamkan rumah tangga yang didirikan ibarat rumahku syurgaku. Bagi orang Islam, kita bersyukur kerana beberapa tahun kebelakangan ini setiap pasangan Islam yang hendak berkahwin diwajibkan menjalani kursus praperkahwinan di Jabatan Agama Islam.

■1250

Dalam hal ini saya ingin bertanya kepada Jabatan Agama Islam atau kementerian yang bertanggungjawab. Bagaimana pula bagi kalangan pasangan muda Islam yang telah berkahwin di luar negara? Adakah syarat atau peraturan tertentu untuk mereka agar tidak mudah terlepas daripada mengikuti kursus serupa apabila mereka kembali ke Malaysia? Tuan Yang di-Pertua, dalam peranan melakukan tanggungjawab sosial kita, selaku pemimpin dan ahli masyarakat, kita harus membantu pihak kerajaan dalam membendung masalah dan isu-isu keganasan rumah tangga yang semakin meningkat.

Selain agama Islam, saya percaya agama lain juga menitikberatkan soal menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan sesebuah rumah tangga yang berkekalan dengan berlandaskan ilmu pengetahuan dan bimbingan mengikut agama masing-masing. Sehubungan itu, dalam usaha kita membantu pihak kerajaan dalam membendung masalah dan isu-isu keganasan rumah tangga daripada terus meningkat, saya ingin mengesyorkan cadangan-cadangan seperti berikut:

(i) supaya pihak kementerian penerangan, komunikasi dan kebudayaan bertegas agar tidak membenarkan tayangan filem atau drama yang mempunyai jalan ceritanya mengenai keganasan rumah tangga yang membabitkan adegan penderaan dan keruntuhan akhlak serta moral yang boleh mempengaruhi masyarakat khususnya generasi muda malah boleh juga menakutkan kanak-kanak;

(ii) menggalakkan usaha atau penganjuran hari keluarga yang kerap oleh semua pihak yang mempunyai ramai kakitangan ataupun pekerja atau ahli-ahli yang sudah berkeluarga. Ini bertujuan untuk memupuk dan mengeratkan lagi tali silaturahim dengan rasa kasih sayang, kemesraan dan semangat kekeluargaan khususnya di antara ibu, bapa dan anak-anak mereka;

(iii) supaya dipertingkatkan lagi kesedaran dan ilmu kemahiran keibubapaan sama ada melalui kursus ataupun seminar khususnya tentang tanggungjawab, tugas, sikap dan peranan bapa yang berlandaskan ajaran agama. Keutamaan penyertaan untuk hadir di kursus dan seminar kalau boleh kita berikan kepada golongan generasi muda dan pelajar-pelajar tingkatan atas sekolah menengah. Ini penting sebagai benteng dalaman setiap remaja lelaki dan perempuan yang akan meneruskan kehidupan baru alam berumah tangga pada masa hadapan. Sebagai suami dan bapa atau sebagai isteri dan ibu; dan

(iv) supaya badan-badan berwajib menambahkan lagi petugas-petugas mereka untuk menjalankan penguatkuasaan terutama sekali kita di Sarawak kurang kakitangan seperti di pejabat kebajikan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan berbekalkan ilmu kemahiran keibubapaan kepada generasi muda tadi, disulami dengan pendidikan agama, pasangan-pasangan berkenaan akan menjadi pemimpin keluarga dan teladan kepada anak-anak mereka seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah saya tadi saya mohon menyokong penuh Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita ada masa lima minit lagi sebelum berhenti rehat tengah hari. Dalam senarai saya ada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang menunggu giliran untuk bercakap iaitu Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit, Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh. Menurut giliran ini, giliran selanjutnya ialah Yang Berhormat Puan Mariany dan ada kira-kira empat minit lagi. Kalau habis, boleh habiskan. Kalau tidak, boleh sambung selepas makan tengah hari nanti. Silakan Yang Berhormat Puan Mariany.

12.56 tgh.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa empat minit tidak cukup. *Insya-Allah* saya dapat sambung selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua diberi kepercayaan untuk mempengerusikan sidang Dewan pada hari ini. Keduanya, merakamkan ucapan terima kasih kepada bekas Timbalan Speaker Dewan Negara, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin yang baru tamat khidmatnya dengan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Walaupun saya tidak berumah tangga tetapi isu-isu keganasan terhadap rumah tangga amat dekat di hati saya. Untuk makluman, saya adalah di antara pengasas rumah perlindungan wanita bermasalah pada tahun 1999 di Titiwangsa. Jadi, saya amat prihatin dengan isu-isu keganasan rumah tangga bukan sahaja di rumah tangga tetapi dibawa juga ke rumah perlindungan di mana penyelia dan isteri kepada suami yang bermasalah itu datang menyerang juga ke situ. Secara amnya keganasan rumah tangga berlaku dalam keluarga bermula dengan penderaan terhadap isteri, suami, kanak-kanak dan penderaan terhadap warga tua.

Dalam keadaan tertentu, keganasan dalam keluarga ini merupakan perbuatan jenayah dan hendaklah dibendung dengan segera bagi mengelak menjadi lebih serius dan menimbulkan masalah yang lebih besar kepada masyarakat dan pembangunan negara. Antara kesan keganasan rumah tangga ke atas orang dewasa ialah kematian sama ada yang melakukan keganasan ataupun mangsa dengan cara homisid. Kedua, kematian dengan cara membunuh diri, kecederaan yang teruk dan menjadi murung. Ketakutan yang berpanjangan menjadikan mangsa mengasingkan diri dari masyarakat. Pendera pula berkemungkinan hilang rasa harga diri dan berpanjangan merasa bersalah.

Mangsa dan juga pendera berkemungkinan akan mengalami simptom psikiatri dan akan memerlukan rawatan di hospital serta akan menghadapi masalah tidak dapat menjalankan kerja dengan baik. Penderaan emosi dan juga kehilangan kepercayaan diri. Keretakan hidup berkeluarga dan kes ke mahkamah yang mungkin dikaitkan dengan penceraian dan hak penjagaan anak dan juga tentang pemberian nafkah.

Sentiasa hidup dalam ketakutan dan merasa malu kerana takut diketahui oleh orang ramai tentang masalah mereka. Keganasan yang mungkin diseret ke dalam masyarakat atau dengan teman baru. Keganasan rumah tangga ini juga memberi kesan kepada anak-anak.

Pertama, kematian disebabkan homisid, kematian disebabkan bunuh diri, kecacatan emosi seperti hilang harga diri dan juga hilang kepercayaan diri, murung, menunjukkan tingkah laku agresif dengan orang lain dan menjadi delinkuen. Penyesuaian yang lemah di sekolah dan dengan rakan sebaya. Ponteng sekolah, penyalahgunaan dadah, kahwin awal dan apabila dewasa melakukan tingkah laku ganas dalam hubungannya dengan orang dewasa yang lain dan membawa tingkah laku ganas ke dalam masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, dilaporkan antara punca utama berlaku gejala sosial ini...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf Yang Berhormat. Sekarang sudah tepat pukul 1.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Pukul 1, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya rasa kerukunan rumah tangga akan dapat dijamin kalau kita mematuhi peraturan.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih. Saya sambung selepas ini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Maka marilah kita memberi teladan kepada diri kita untuk mematuhi peraturan mesyuarat iaitu pada pukul 1 kita berhenti rehat dan akan disambung pada pukul 2.30 petang nanti. Dengan ini saya merasmikan bahawa Mesyuarat tengah hari ini ditangguhkan, hanya sambung kembali pada pukul 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, demi kerukunan Dewan ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Dewan bersidang semula dan saya minta Yang Berhormat Mariany menyambung. Untuk memberi peringatan kepada semua, kalau boleh dalam rang undang-undang ini, mana yang telah disentuh oleh mana Yang Berhormat sebentar tadi, jangan diulang. Melainkan kalau Yang Berhormat perkara-perkara yang betul-betul spesifik yang perlu dibangkitkan, itu dipersilakan. Di samping itu, kita cuma ada dua orang selepas ini dan selepas itu saya minta Menteri menjawab. Silakan Yang Berhormat.

2.32 ptg.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada *point-point* yang berlainan daripada yang lain. Walaupun begitu, tetapi ia berkaitan. Saya teruskan. Sebelum rehat tadi saya telah menggariskan kesan-kesan keganasan rumah tangga terhadap dewasa dan juga anak-anak.

Seterusnya, dilaporkan antara punca utama berlakunya gejala sosial ini adalah kerana tekanan hidup berkeluarga termasuk aspek ekonomi, budaya, sosial dan sebagainya. Kita sedar bahawa kerajaan terutamanya melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil langkah tertentu dan menyediakan pelbagai program kesedaran kepada masyarakat untuk menangani masalah keganasan rumah tangga ini.

Justeru itu, kita mengalu-alukan langkah kerajaan meminda akta ini agar lebih efisien dan lebih berkesan kepada mangsa keganasan rumah tangga khususnya wanita, kanak-kanak dan orang tua, dan terus menggiat usaha untuk memastikan semua ahli keluarga dapat menikmati kehidupan yang harmoni dan tenteram. Ini kerana keluarga adalah merupakan tonggak pembangunan negara.

Berkaitan pindaan ini, pertama sekali saya ingin menyentuh pindaan akta ini yang melibatkan penggantian seksyen 3 yang dibaca bersama dengan Kanun Keseksaan (Akta 574) atau mana-mana undang-undang bertulis lain yang melibatkan kesalahan yang berhubung dengan keganasan rumah tangga.

Sebelum itu, ada satu kes yang hendak saya berkongsi. Baru-baru ini seorang lelaki telah didenda sebanyak RM2,000 di bawah peruntukan Kanun Keseksaan oleh mahkamah kerana mengurungkan isterinya dan tidak membenarkan isterinya keluar rumah. Jadi soalan saya, saya ingin bertanya berapakah jumlah kes keganasan seperti ini yang didakwa di bawah Akta Kanun Keseksaan, Akta Kanak-Kanak 2011 dan Kanun Prosedur Jenayah serta akta-akta yang lain yang berkaitan bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini. Dilaporkan juga keganasan rumah tangga adalah antara penyebab berlaku peningkatan kes penceraian terutama di kalangan orang Melayu.

Adakah kementerian mempunyai rekod jumlah penceraian yang berlaku akibat penderaan dan keganasan rumah tangga? Adakah kajian diadakan oleh kementerian dengan agensi kerajaan yang lain seperti JAKIM dan sebagainya dalam mencari jalan penyelesaian pada masalah ini?

Dalam Undang-undang Syariah, kita ada cerai taklik dan cerai secara fasakh, di mana bagi isteri-isteri yang mungkin mengalami masalah keganasan rumah tangga, ada Undang-undang Keluarga Islam 1998 dan Undang-undang Keluarga Islam 1999. Jadi, adakah peruntukan ini memberi opsyen atau pilihan bagi membawa kes ini ke mahkamah mana? Kepada wanita untuk memilih mendakwa suami mengikut akta atau Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam Negeri selalu berlaku penguatkuasaan ke atas perintah yang diperolehi. Jadi, sejauh manakah kementerian memainkan peranannya dalam memastikan hak-hak isteri atau suami dan mereka yang terlibat terbela?

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin bertanya kepada kementerian sejauh manakah talian NUR 15999 memainkan peranan penting dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga? Soalan saya, berapakah jumlah panggilan yang diterima melalui talian ini yang melibatkan kes keganasan rumah tangga dan apakah khidmat yang diberikan kepada pemanggil bagi membantu mereka dalam menangani masalah mereka melalui talian telefon ini? Adakah kaunseling asas diberikan, dan siapakah yang membantu pemanggil-pemanggil yang juga merupakan mangsa dera ini? Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memperkasakan talian NUR ini selaras dengan talian kecemasan yang efisien sebagaimana talian 911 di Amerika Syarikat?

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff.

2.37 ptg.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Saya menyokong penuh pandangan atau perbahasan yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan dalam Dewan ini dan saya tidak berhajat untuk berbahas dengan panjang. Cuma, kita merasa amat dukacita dalam menuju ke arah negara maju 2020, kita masih berdepan dengan masalah segelintir masyarakat yang masih berfikiran tidak bertamadun dalam hal rumah tangga ini.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak ini berlaku di mana sahaja tanpa mengira agama, bangsa mahupun kedudukan dan taraf pendidikan seseorang. Masalah ini telah menjadi satu isu masyarakat yang agak ketara tetapi sering disembunyikan dari dilaporkan.

Berdasarkan kepada kajian Pertubuhan Pertolongan Wanita pada tahun 1989, hampir 39 peratus wanita yang berusia lebih 15 tahun di negara ini pernah mengalami penganiayaan oleh temannya tetapi hanya 909 kes sahaja yang dilaporkan. Masalah tidak dilaporkan mungkin disebabkan oleh kepercayaan tradisional dan privasi keluarga serta keintiman hubungan perkahwinan.

Masih ramai ahli masyarakat yang menganggap bahawa tugas wanita lebih tertumpu kepada penjagaan rumah tangga dan anak-anak. Anggapan yang masih menebal ini dalam minda mereka mungkinlah yang menyebabkan keganasan terhadap wanita ini masih berleluasa di negara membangun seperti Malaysia. Selain daripada itu, masih ramai di kalangan masyakat percaya bahawa bertingkahan keluarga suami isteri harus diselesaikan secara peribadi antara suami isteri tanpa campur tangan orang luar.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, sehingga Julai 2010 jumlah kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada pihak polis adalah sebanyak 1,871 kes. Angka ini tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan. Keganasan rumah tangga yang diklasifikasikan sebagai salah laku jenayah dan dibaca bersama-sama dengan Kanun Keseksaan dan Kanun Prosedur Jenayah. Akta ini menyediakan bantuan kepada wanita yang didera oleh suami untuk mendapat perlindungan perintah *premier* sementara IPO serta mendapatkan perlindungan di rumah-rumah yang dikhaskan. Malahan ramai yang tidak memahami konsep IPO ini dan perkara ini perlulah diperjelaskan lagi dengan lebih luas lagi dengan mereka yang berkenaan.

Apatah lagi melihat keganasan rumah tangga ini sebagai satu isu hak asasi manusia, hak untuk hidup dan hak kepada kehormatan diri adalah hak dasar yang diakui oleh undang-undang antarabangsa. Malahan pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengguna pakai Konvensyen Penghapusan Diskriminasi Terhadap Wanita dan Malaysia merupakan salah sebuah negara yang menjadi ahli konvensyen tersebut. Ramai yang masih berpendapat bahawa seorang wanita adalah milik penuh pasangannya dan apa pun boleh dilakukan terhadapnya adalah satu pelanggaran hak asasi manusia. Harus juga diingat bahawa usaha untuk menggunakan keganasan terhadap wanita terutamanya dalam kes keganasan rumah tangga ini merupakan tanggungjawab semua pihak bukan sahaja di bahu wanita atau NGO. Oleh itu, saya meningkatkan pengetahuan dan kesedaran tentang isu ini adalah amat penting sekiranya dapat dimulakan di peringkat sekolah rendah dan menengah lagi.

Statistik menunjukkan bawah kes jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak ini terus meningkat. Sebagai perbandingannya pada tahun 2006, kes rogol merupakan kes yang paling berleluasa dengan merekodkan 2,431 kes. Bagi kes keganasan umah tangga pula merekodkan 2,171 kes dan sumbang muhrim sebanyak 209 kes. Angka ini terus meningkat. Pada tahun 2009 dengan 3,626 kes rogol, 3,640 kes keganasan rumah tangga dan 385 kes sumbang muhrim.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes penderaan kanak-kanak pula, satu keadaan yang paling memilukan juga menunjukkan peningkatan pada tahun 2006 merekodkan 1,999 kes. 2007 merekodkan 2,279 kes dan pada tahun 2008 pula merekodkan 2,780 kes. Kalau dilihat statistik keadaan ini cukup membimbangkan dan statistik yang saya sebut tidak termasuk kes-kes yang tidak dilaporkan. Kalau dahulunya ibu kita memainkan peranan yang begitu *significant* dalam menguruskan rumah tangga tetapi keadaan sekarang telah berubah. Kalau dahulunya sepanjang masa dapat didikan dari ibu kita, tetapi sekarang keadaan berubah. Kedua suami isteri terlibat dalam pekerjaan masing-masing maka masa untuk mendidik anak-anak itu diserahkan sebulat-bulat kepada pembantu rumah. Pembantu rumah ini merupakan *house controller*.

Malahan anak-anak kita lebih rapat dengan pembantu rumah dari ibu bapa sendiri. Saya tidak ada jawapan. Mungkin ini menyumbangkan kepada keadaan sekarang ini. Jadi, saya minta dalam Dewan ini supaya sesuatu kena dilakukan segera untuk menangani keganasan rumah tangga termasuk yang begitu dekat kepada kita iaitu penderaan kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih banyak-banyak. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat yang terakhir, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh akan membahaskan rang undang-undang ini. Silakan.

2.44 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas keganasan rumah tangga.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana membawa satu rang undang-undang ini. Memang ini sesuatu yang begitu penting bagi golongan wanita yang menghadapi masalah-masalah ini. Banyak isu yang telah dibawa oleh Yang Berhormat hari ini seperti dinasihatkan oleh Tuan Yang di-Pertua saya hanya akan menyentuh satu isu yang saya rasa penting dan tidak dibahaskan hari ini atau semalam.

Di Malaysia terdapat banyak rumah tangga sekarang ini di mana ibu atau isterinya bukan warganegara Malaysia. Misalnya di kawasan utara Semenanjung Malaysia, ada ramai yang berkahwin dengan warganegara Siam. Orang-orang India pun ramai yang berkahwin dengan warganegara wanita dari India dan terdapat juga di Sabah dan Sarawak ramai yang berkahwin dengan warganegara *Philippines* dan Kalimantan. Sekarang ini ada fenomena baru ada di dalam *newspaper* pun warganegara China di Malaysia sudah pergi ke tempat lain berkahwin dengan wanita-wanita di Vietnam, Kemboja dan lain-lain. Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, ialah setelah mereka berkahwin dengan warganegara asing, memang perkahwinan ini bagus apabila dia bermula. Selepas beberapa tahun dan selepas mempunyai anak perkahwinan ini menjadi mustahil dan bertengkar di rumah dan mempunyai banyak cabaran.

Satu isu yang keluar sekarang ini ialah selalunya golongan wanita ini menghadapi keganasan di rumah bukan sahaja keganasan, mereka juga ditakuti atau *threaten* dengan izin, oleh suaminya yang dia tidak akan menyokong pembaharuan permit tinggal di Malaysia. Jadi apabila tidak menyokong *automatically* dia dibuang negeri, dia patut balik di atas kesalahan tidak ada permit untuk tinggal di Malaysia.

Ada kelompok-kelompok yang berpendapat bahawa sistem ini bagus sebab kalau sudah ada masalah dengan isteri tidak perlu sokong pembaharuan dia pergi, tidak ada masalah. Akan tetapi ini tidak adil dan ini memberikan satu ruang untuk mereka golongan ini mengambil *advantage,* dengan izin. Jangan menyokong tidak payah pergi mahkamah tidak perlu bagi keadilan mereka sahaja kena keluar daripada ini.

Pentingnya ini walaupun wanita ini adalah dari negara lain, tetapi dia adalah ibu kepada anak yang lahir di Malaysia. Dia adalah ibu kepada anak warganegara Malaysia. Saya pasti bahawa budak-budak ini, anak-anak ini mahu kerajaan memberikan satu platform atau satu forum yang adil kepada ibu mereka. Perlindungan selarasnya perlu diberikan kepada mereka kalau tidak satu hari nanti kalau mereka terpaksa keluar atau dihalau keluar dari negara kita sebab ada ruang atau peluang untuk golongan untuk mengambil *advantage*, satu hari nanti apabila anak menjadi dewasa dia akan menuduh kepada kerajaan kerana kita tidak memberikan perlindungan yang sewajarnya kepada ibu mereka.

Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan cuba membawa keluar satu skim untuk memberi perlindungan kepada warganegara asing yang mempunyai masalah-masalah keganasan rumah tangga. Saya mohon menyokong rang undang-undang ini, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

2.49 ptg

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat saya terlebih dahulu mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2011. Sesungguhnya kementerian menghargai semua pandangan, saranan, cadangan mahupun teguran Ahli-ahli Yang Berhormat.

■1450

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok membangkitkan isu iaitu tentang apakah prosedur polis jika orang yang dituduh menuduh balik mangsa melakukan keganasan terhadapnya.

Sekiranya terdapat aduan berkaitan dengan orang yang dituduh menuduh balik mangsa melakukan keganasan terhadapnya, maka siasatan oleh pegawai polis akan dijalankan secara berasingan dan berdasarkan fakta yang sedia ada.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga membangkitkan bertanya tentang berapakah bilangan IPO yang telah difasilitasikan oleh JKM. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, mulai tahun 2006 sehingga tahun ini iaitu tahun 2011, jumlah IPO yang dibantu oleh JKM adalah sebanyak 1,521 kes dan jumlah PO ialah 69 kes.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga mengemukakan cadangan untuk mengadakan waran tangkap supaya diwajibkan untuk disertakan dalam perintah di bawah seksyen 7 bagi penderaan psikologi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, waran tangkap tidak diwajibkan untuk disertakan dalam perintah di bawah seksyen 7 bagi penderaan psikologi. Ini kerana ia memerlukan laporan perubatan atau laporan kaunseling dan kesannya tidak boleh dilihat secara nyata sebagaimana kesan kecederaan fizikal yang mungkin membahayakan nyawa mangsa. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, sekiranya laporan perubatan yang berkaitan menunjukkan bukti yang kukuh, maka waran tangkap bolehlah dipohon polis kemudian daripada mahkamah.

Yang Berhormat juga bertanya tentang berapa kes yang telah dirujuk kepada kementerian untuk psikoterapi atau kaunseling dan daripada jumlah kes itu, berapakah yang berjaya dirujuk semula dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semenjak Bahagian Kaunseling dan Psikologi kementerian ini diperkenalkan pada tahun 2002 di bawah JKM, jumlah kes yang dirujuk kepada kementerian adalah sebanyak 7,246 kes dengan menggunakan modul psikologi. Daripada jumlah ini, bilangan yang berjaya dirujuk semula ialah 18.5 peratus, yang berpisah ialah 56.1 peratus, yang bercerai ialah 24.8 peratus dan kes yang diselesaikan setelah diambil tindakan JKM ialah 0.6 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga turut mengemukakan cadangan untuk menyediakan peruntukan secara khusus berkenaan kesalahan keganasan rumah tangga di dalam Kanun Keseksaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Akta 521 ini tidak memperuntukkan kesalahan kepada pesalah keganasan rumah tangga. Ini kerana jika kesalahan dalam Kanun Keseksaan Akta 574 diperuntukkan sekali lagi dalam akta ini, kesalahan itu akan bertindih dengan kesalahan sedia ada dalam Kanun Keseksaan 574. Dalam erti kata lain akan terdapat dua peruntukan undang-undang yang sama dalam dua akta yang berbeza. Kesalahan dalam kanun keseksaan adalah merupakan dengan izin, *law of general application* dan terpakai kepada semua kesalahan yang berlaku sama ada di dalam konteks keganasan rumah tangga ataupun di luar konteks keganasan rumah tangga. Oleh itu, ia adalah komprehensif dan memadai.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu dalam aspek penggubalan undang-undang, peruntukan dalam suatu akta hendaklah tidak bertindih dengan undang-undang sedia ada terutama dengan izin, *law of general application* seperti Kanun Keseksaan Akta 574, Kanun Tatacara Jenayah Akta 593, dan Akta Keterangan 1950 iaitu Akta 56.

Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok juga bertanya tentang berapakah kes yang dikesan melalui talian NUR dan apakah tindakan ke atas aduan seperti mana yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Senator tadi ya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan melalui talian NUR antara tempoh 5 Disember 2007 sehingga 31 November 2011 ialah:

Tahun	Bilangan Kes
2007-2008	204
2009	58
2010	120
2011	153
Jumlah	**535**

Tindakan yang telah diambil oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat terhadap kes-kes mangsa tersebut adalah seperti berikut:

(i) diberikan perintah perlindungan sementara iaitu IPO;

(ii) diberikan perintah perlindungan iaitu PO;

(iii) diberikan kaunseling di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah;

(iv) dirujuk ke Badan Pendamai; dan

(v) diberi perlindungan di tempat selamat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes-kes berkaitan dengan masalah perkahwinan, maka kes itu akan dirujuk kepada agensi-agensi lain seperti Pejabat Pendaftaran Perkahwinan, Mahkamah Syariah, Jabatan Bantuan Guaman, Mahkamah Sivil dan lain-lain agensi.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi bertanya tentang seksyen 11 iaitu tentang mahkamah manakah yang harus dirujuk untuk permohonan IPO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah peruntukan seksyen 11 rang undang-undang ini, mahkamah yang dimaksudkan adalah Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen yang paling dekat dengan lokasi mangsa. Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen berada di semua daerah di seluruh Malaysia dan ia boleh melaksanakan semua kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah akta ini.

Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga turut bertanya tentang adakah perintah rujukan kepada Badan Pendamai adalah atas dasar yang difikirkan sesuai oleh mahkamah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rujukan kepada Badan Pendamai adalah dibuat atas budi bicara mahkamah dan mahkamah boleh sebelum merujuk pihak-pihak kepada Badan Pendamai, memohon laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat atau pihak polis berkenaan dengan apa-apa maklumat berkenaan dengan mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi juga bertanya tentang siapakah ahli dalam Badan Pendamai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Badan Pendamai ertinya badan kaunseling yang ditubuhkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Penubuhan Badan Pendamai buat masa ini dibuat secara pentadbiran oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat atau Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri-negeri. Ahli-ahli yang dilantik menganggotai Badan Pendamai adalah terdiri daripada golongan yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang kaunseling, psikologi, agama, kekeluargaan dan mempunyai pengetahuan dalam aspek mediasi.

■1500

Seterusnya Yang Berhormat Senator Doris juga bertanya, kenapakah badan pendamai perlu mengemukakan laporan kepada mahkamah dalam tempoh satu bulan. Untuk makluman Yang Berhormat, laporan dan syor yang dikemukakan oleh badan pendamai kepada mahkamah dalam tempoh sebulan merupakan tempoh masa yang paling sesuai bagi memberikan peluang kepada badan pendamai. Sekiranya masalah yang dirujuk adalah mudah, maka masa yang singkat akan diambil manakala jika masalah adalah kompleks, maka tempoh maksimum adalah selama sebulan.

Yang Berhormat Senator Doris juga bertanya tentang berapakah nisbah kaunselor berbanding dengan bilangan kes yang hadir sesi kaunseling. Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan kaunselor di bawah kementerian adalah seramai 207 orang dan kes yang dikendalikan adalah sebanyak 2,500 kes. Justeru, nisbah antara kaunselor dan juga kes yang dikendalikan ialah 1:12.

Seterusnya Yang Berhormat Doris bertanya tentang di manakah psikoterapi ini dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, psikoterapi adalah dilaksanakan oleh kaunselor di bawah kementerian iaitu sama ada di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), LPPKN, Senada, OICC, PDRM dan juga NGO.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok, Yang Berhormat Senator Puan Doris dan Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz turut membangkitkan isu berkaitan dengan berapa jumlah tempat perlindungan di bawah kementerian dan NGO, sama ada mereka ini bersifat sementara ataupun untuk tempoh yang panjang.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 31 buah institusi tempat selamat yang telah diluluskan oleh Menteri. Antara 31 buah ini, 27 buah institusi tempat selamat adalah di bawah kementerian dan empat buah lagi adalah di bawah kendalian NGO yang dikendalikan dengan bantuan khas Perbendaharaan kementerian, dan tempoh masa perlindungan bagi mangsa di tempat selamat yang diluluskan adalah bergantung kepada situasi kes dan keperluan mangsa yang memerlukan sehingga mangsa itu merasa selamat.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz menyentuh tentang isu supaya menggunakan pendekatan media massa seperti diadakan Hari Suami dan Isteri, Hari Kasih untuk paparkan nilai positif dan haramkan paparan drama-drama yang tidak mesra keluarga. Ini merupakan satu cadangan yang baik dan kementerian akan menggunakan media massa dan sosial media baru bagi perkara ini. Sehubungan dengan ini, kementerian telah memulakan promosi bagi nila-nilai kekeluargaan dalam akhbar pada 8 Disember 2011 dan akan disusuli dalam radio dan televisyen.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga telah mengemukakan cadangan untuk haramkan program yang menunjukkan adegan negatif dalam keluarga seperti suami atau isteri curang. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini kerajaan telah mewujudkan mekanisme untuk menapis kandungan media massa bagi memastikan apa yang disiarkan tidak memberi kesan yang negatif kepada masyarakat. Antaranya ialah *Communication Multimedia Content Forum of Malaysia,* dengan izin, di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia dan juga Lembaga Penapis Filem Malaysia yang mempunyai garis panduan bagi memantau kandungan siaran media.

Yang Berhormat juga mencadangkan agar kementerian mewujudkan skuad khas sebagai penguatkuasa atau cakna keluarga. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai penguatkuasa yang ditafsirkan dalam seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga adalah terdiri daripada pegawai polis dan pegawai kebajikan masyarakat. Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat, pada masa ini mangsa keganasan rumah tangga boleh membuat laporan melalui talian NUR – 15999 yang beroperasi 365 hari setahun, tujuh hari seminggu dan 24 jam sehari.

Semua kes yang dilaporkan akan diambil tindakan segera oleh pegawai kebajikan masyarakat daerah dengan kadar yang secepat mungkin...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah sikit.

Datuk Heng Seai Kie: Okey, silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah memberikan jawapan yang begitu memuaskan hati. Berkenaan dengan skuad penguatkuasa tadi, kalau berdasarkan kepada yang telah sekarang dibuat, ia hanya akan menyampaikan perintah interim.

Apa yang saya cadangkan tadi ialah mereka bukan sahaja menyampaikan perintah setelah dipohon oleh pihak pengadu, tetapi boleh buat pemantauan secara berkala. Kalau sekarang kita serahkan kepada JKM untuk kes kebajikan boleh, tetapi bukan kes untuk keganasan rumah tangga. Jadi kalau untuk kes polis pula melibatkan keganasan, dalam konteks ini saya cadangkan ialah satu pasukan lain yang memang mengandungi orang yang benar-benar pakar, yang mempunyai kepakaran kaunseling, tetapi ada kuasa untuk menangkap ataupun menyerah dan boleh memantau.

Sekarang ini bila dua kementerian daripada KDN dengan JKM tadi, dari segi keselarasan di bawah tidak jalan. Kalau boleh minta pihak kementerian membuat kajian sikit tentang pelaksanaan perkara ini di peringkat bawah. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat, nampaknya perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri, di mana diadakan satu skuad khas untuk menangani kes keganasan rumah tangga di balai polis. Perkara ini kami akan sampaikan kepada kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz turut membangkitkan isu tentang pemantauan kes atau pengurusan kes di hospital, iaitu dengan izin, OSCC. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pusat khidmat bersepadu iaitu OSCC yang diwujudkan di hospital adalah di bawah pengurusan pihak hospital. Walau bagaimanapun, pihak JKM dan hospital sentiasa menjalinkan hubungan kerjasama yang erat dalam pengurusan kes-kes keganasan rumah tangga di hospital.

Pihak JKM juga sentiasa membuat pemantauan dan memberikan bantuan yang sesuai mengikut keperluan kes termasuk perkhidmatan kaunseling.

Yang Berhormat juga mengemukakan cadangan supaya hukuman denda dalam Akta Racun 1952 dan Akta Bahan-bahan Hakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 dipinda dengan hukuman yang lebih berat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian difahamkan bahawa buat masa kini KDN setakat ini tidak mempunyai cadangan untuk meminda hukuman dalam Akta Racun 1952. Kedua ialah Kementerian Kesihatan sekarang sedang meneliti pindaan terhadap Akta Bahan-bahan Hakisan, Letupan dan Senjata Berbahaya 1958.

Yang Berhormat Senator Hajah Mumtaz juga bertanya tentang program-program yang dijalankan kepada mangsa-mangsa di rumah perlindungan untuk meneliti tahap kecelaruan emosi mereka. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara program-program yang dijalankan di rumah perlindungan adalah seperti berikut:

(i) apabila mangsa dimasukkan ke rumah perlindungan ini, sesi kaunseling individu dan keluarga akan dijalankan;

(ii) penilaian iaitu ujian psikologi untuk mengenal pasti sama ada mangsa itu mengalami trauma dan mengenal pasti intervensi yang sepatutnya digunakan; dan

(iii) terapi dilaksanakan terhadap mangsa yang berkaitan.

■1510

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga mencadangkan agar diadakan kursus pasca perkahwinan selain daripada kursus pra perkahwinan. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, kursus pasca perkahwinan telah pun dijalankan oleh kementerian melalui modul LPPKN Bahtera Kasih ataupun untuk pemantapan perkahwinan. Ilmu Keluarga@LPPKN dan juga dengan kerjasama NGO-NGO yang berkaitan.

Fokus kemahiran dan pengetahuan program adalah meliputi konsep perkahwinan, hak dan tanggungjawab, komunikasi, kesihatan keluarga, pengurusan kewangan, pengurusan masa dan juga pengurusan konflik. Dari tahun 2006 sehingga November 2011, sebanyak 4,902 program ilmu keluarga telah pun dijalankan dengan meliputi 494,848 peserta. Walau bagaimanapun, jika di kalangan Dewan yang mulia ini ada Yang Berhormat yang berminat bolehlah tuliskan nama kepada saya. Saya akan masukkan senarai nama anda dalam senarai program yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat telah menyarankan supaya diadakan perluasan tentang takrifan penderaan daripada fizikal untuk merangkumi kesalahan seksual dan sebagainya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, takrif keganasan rumah tangga dalam akta sedia ada dan juga pindaan sememangnya termasuk kesalahan seksual dan juga kemusnahan harta benda.

Yang Berhormat seterusnya mencadangkan selain daripada peguam, polis dan pegawai kebajikan masyarakat permohonan IPO dan PO bolehlah dibuat oleh waris terdekat atau ahli keluarga dan lain-lain bagi pihak mangsa. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini kementerian berpandangan bahawa ketiga-tiga pihak yang dicadangkan dalam pindaan untuk memohon IPO dan PO bagi pihak mangsa adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, kementerian bersedia untuk mengkaji sekiranya ada keperluan memperluaskan kepada pihak yang lain setelah pindaan ini dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun turut mencadangkan agar kes keganasan rumah tangga ini tidak boleh diikat jamin dan yang kedua supaya permohonan perlindungan interim ini boleh dipohon serentak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sama ada sesuatu kesalahan keganasan rumah tangga itu boleh diikat jamin atau tidak adalah bergantung kepada peruntukan dalam Kanun Keseksaan atau dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain yang berhubung dengan keganasan rumah tangga. Selain itu, mahkamah boleh dalam budi bicaranya sama ada untuk membenarkan atau menolak ikat jamin dan ia bergantung kepada keseriusan sesuatu kes.

Yang Berhormat Senator Zaitun juga turut meminta tentang statistik kes keganasan rumah tangga mengikut kategori. Telah Yang di-Pertua, kes keganasan rumah tangga mengikut jenis keganasan daripada Januari hingga November 2011 adalah seperti berikut iaitu:

(i) menyebabkan kecederaan fizikal kepada mangsa ialah 208 kes iaitu 58.3 peratus;

(ii) meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan, kecederaan fizikal ialah 107 kes iaitu 29.9 peratus;

(iii) memaksa mangsa atau memberi atau membuat ancaman untuk melakukan apa-apa kelakuan berbentuk seksual atau selainnya ialah 22 kes atau pun 6.2 peratus;

(iv) melakukan khianat dan kerosakan harta dengan niat untuk menyebabkan kesedihan atau pun kegusaran kepada mangsa ialah 4.5 peratus iaitu bersamaan dengan 16 kes; dan

(v) mengurung atau menahan mangsa ialah 1.1 peratus bersamaan dengan empat kes.

Jadi kesemuanya ialah 357 kes.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat mencadangkan agar media digunakan untuk memberikan maklumat tentang peranan dan tugas setiap ahli keluarga masing-masing seperti keibuan, kebapaan, suami, isteri dan anak. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan ini sememangnya adalah satu cadangan yang baik dan kementerian akan mengadakan media *plan* termasukkan menggunakan media sosial baru bagi tujuan ini.

Yang Berhormat juga turut mencadangkan agar perlunya diadakan pendidikan mengenai tujuan berkeluarga, tugas, peranan suami isteri dari sekolah dan dalam masyarakat. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua selain daripada kursus pra perkahwinan yang diselaraskan oleh JAKIM, kementerian melalui LPPKN juga telah menjalankan program atau pun kursus seperti berikut iaitu yang pertama Kursus Pra Perkahwinan *Smart Start* untuk mereka yang akan berkahwin dan terlah berkahwin kurang daripada lima tahun. Sejak tahun 2006 lagi dan ia dikendalikan dalam empat bahasa iaitu Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil. Kursus ini sejak dimulakan hingga September 2011 tahun ini sejumlah 404 telah dihadiri oleh hampir 7,000 pasangan telah pun dikendalikan.

Kursus ini juga turut memberi tip bagi menangani tekanan dan konflik agar suami, isteri dapat mengelakkan daripada berlaku keganasan rumah tangga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga untuk membentuk golongan muda supaya lebih peka ke atas isu keganasan dan kekeluargaan, modul-modul LPPKN yang mengandungi topik-topik gender, keganasan dan kekeluargaan telah diterapkan dalam kurikulum Program Latihan Khidmat Negara atau pun PLKN dan kokurikulum Universiti Utara Malaysia mulai tahun 2011.

Selain itu LPPKN melalui Modul *Smart* Belanja@LPPKN dengan kerjasama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah berjaya memberi pengetahuan maklumat dan kemahiran berhubung pengurusan dan aspek kewangan dalam keluarga.

Dari tahun 2008 hingga September 2011 sebanyak 100 program telah pun dilaksanakan di mana 5,362 orang ahli keluarga telah mendapat manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, kaunseling juga turut diberikan oleh kaunselor jabatan dan agensi kementerian bagi pasangan suami isteri dan mangsa-mangsa penderaan. Semenjak pegawai psikologi ditempatkan di kementerian, sebanyak 7,246 kes kaunseling kekeluargaan telah pun dikendalikan termasuklah isu-isu keganasan. Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Wanita telah mengadakan pengurusan emosi yang bertemakan, *"Wanita Bijaksana, Wanita Sejahtera".* Program ini bertujuan memberi pendedahan mengenai pendekatan humanistik, kemahiran asas, kaunseling, dan teknik pengurusan emosi yang berkesan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 1,919 peserta telah pun hadir sejak tahun 2009 sehingga kini.

■1520

Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari juga turut membangkitkan persoalan iaitu tentang adakah akta ini melindungi keganasan ke atas pembantu rumah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pembantu rumah tidak termasuk dalam tafsiran ahli keluarga seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Ia adalah kes jenayah dan tertakluk kepada kanun keseksaan. Ahli keluarga ialah ibu, bapa, isteri, suami, anak, abang, adik, kakak, bekas isteri, bekas suami, orang dewasa tidak berkeupayaan atau mana-mana anggota keluarga lain.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Johari bertanya tentang bagaimanakah mangsa ingin membuat tuntutan pampasan sekiranya orang yang tuntut itu tidak mempunyai harta. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sekiranya pesalah itu tidak mempunyai harta, tindakan sivil boleh dimulakan untuk menuntut pampasan tersebut iaitu pesalah tersebut boleh dipenjarakan sekiranya gagal untuk memberikan jumlah pampasan seperti mana yang diperintahkan oleh mahkamah.

Yang Berhormat juga turut bertanya tentang adakah orang ketiga boleh membuat aduan berkenaan kes keganasan rumah tangga kepada Mahkamah Syariah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, aduan berkenaan dengan kes keganasan rumah tangga tidak boleh dibuat di Mahkamah Syariah dan perlu dibuat di bawah Akta 521 di Mahkamah Majistret. Walau bagaimanapun, bagi tujuan mendapatkan perceraian akibat daripada keganasan rumah tangga, pengadu boleh memfailkan penceraian dari Mahkamah Syariah dan antara alasan dalam tuntutan penceraian, perintah-perintah berkenaan keganasan rumah tangga boleh dijadikan sebagai alasan kukuh untuk mendapatkan perintah perceraian. Sehubungan dengan itu, kes keganasan rumah tangga tidak boleh dirujuk di Mahkamah Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hajah Noriah bertanya tentang cara untuk mengenal pasti klien ataupun mangsa yang mengalami keganasan dari segi emosi. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia ini, cara untuk mengenal pasti sama ada seseorang mangsa itu telah diganasi dari segi emosi adalah:

(i) melalui laporan doktor yang diterima;

(ii) melalui sesi kaunseling;

(iii) sesi terapi yang dilaksanakan terhadapnya; dan

(iv) melalui *assessment* dengan izin, iaitu penilaian melalui ujian psikologi di bawah SCLR90 untuk mengenal pasti sama ada mangsa itu mengalami trauma dan mengenal pasti intervensi sepatutnya yang digunakan.

Yang Berhormat Senator Hajah Noriah juga turut bertanya tentang konsep perintah perlindungan interim. Untuk maklumat Yang Berhormat, perintah perlindungan interim merupakan satu perintah sementara bagi menunggu siasatan oleh pihak polis berhubung dengan kes keganasan rumah tangga dan Yang Berhormat juga bertanya adakah mangsa boleh melantik peguam bagi membuat permohonan IPO bagi pihaknya.

Jadi sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini seperti mana yang telah pun termaktub dalam rang undang-undang ini, mana-mana mangsa bolehlah melantik peguam untuk membuat permohonan perintah perlindungan interim. Selain daripada peguam, pegawai polis boleh juga membuat tuntutan bagi pihak mangsa di mahkamah. Yang Berhormat Hajah Noriah turut bertanya tentang bagaimana untuk mendapatkan IPO dengan segera dan adakah peguam boleh membantu. Ini saya rasa sudah pun dijawab tadi.

Seterusnya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Noriah ialah berdasarkan kepada analisis kaunselor, apakah punca-punca utama kes keganasan rumah tangga yang berlaku di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara punca-punca utama yang menyebabkan berlakunya keganasan rumah tangga di Malaysia adalah seperti berikut iaitu:

(i) kehilangan pekerjaan oleh pemangsa;

(ii) tekanan hidup;

(iii) masalah Kewangan;

(iv) campur tangan ahli keluarga termasuklah mertua;

(v) hubungan luar nikah;

(vi) penagih dadah ataupun arak;

(vii) kaki judi ataupun kaki botol;

(viii) perebutan hak anak;

(ix) tekanan jiwa;

(x) masalah menganggur;

(xi) hubungan seks luar tabii;

(xii) perebutan harta; dan

(xiii) poligami ataupun cemburu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak lagi Yang Berhormat?

Datuk Heng Seai Kie: Banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau boleh saya minta pegawai-pegawai yang membantu Yang Berhormat Menteri ini, *you* cuba gabungkan, *summaries*kan ataupun diringkaskan, tidak payah diulang satu persatu untuk menjimatkan masa. Teruskan Yang Berhormat.

Datuk Heng Seai Kie: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Noriah juga bertanya tentang program atau latihan ataupun kemahiran kaunseling kepada NGO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Pembangunan Wanita melalui kementerian pun melaksanakan program ataupun bengkel kemahiran mengendalikan mangsa trauma iaitu keganasan rumah tangga. Program ini adalah bertujuan untuk melengkapkan peserta dari aspek ilmu pengetahuan teori dan praktikal kepada mangsa. Semenjak tahun 2009 hingga tahun ini, seramai 93 peserta telah terlibat dalam program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah membangkitkan isu tentang mengapakah 80 peratus kes yang dilaporkan itu ditarik balik dan meminta agar kementerian ini memberikan keterangan tentang keadaan ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara sebab kes-kes ditarik balik adalah seperti berikut iaitu:

(i) campur tangan keluarga;

(ii) pujukan suami;

(iii) mangsa tidak mahu suaminya didakwa;

(iv) berbaik semula dengan suami setelah mendapat intervensi daripada agensi berkenaan termasuk JKM; dan

(v) pemangsa merupakan *breadwinner* keluarga, dengan izin, dan ini akan menjejaskan aspek kewangan keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan turut bertanya tentang adakah agensi yang mengendalikan kes-kes rumah tangga dicadangkan bekerjasama dengan semua NGO. Sebenarnya secara umum, kes-kes keganasan rumah tangga adalah dikendalikan oleh pihak polis dari segi perundangan manakala dari aspek perlindungan dan pencegahan, ia dikendalikan oleh kementerian melalui JKM. Sehubungan itu badan pendamai diwujudkan bagi membantu dalam proses ini. Ahli NGO yang mempunyai kepakaran dalam bidang kekeluargaan adalah salah seorang yang dipilih menjadi ahli dalam badan pendamai.

■1530

Yang Berhormat juga turut bertanya sama ada terdapat anggota jabatan atau agensi yang fasih ataupun faham budaya pelbagai kaum dalam kes-kes keganasan ini. Jika tiada, maka haruslah dilibatkan NGO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian sedar akan anggota yang kendali kes keganasan perlulah peka dari segi bahasa dan budaya. Berhubung perkara ini, kementerian mempunyai kaunselor seramai 207 orang daripada pelbagai etnik terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India.

Kementerian juga melalui LPPKN telah melantik kaunselor-kaunselor berdaftar seramai 57 orang dari kalangan ahli masyarakat, guru dan pesara untuk membantu dalam khidmat kaunseling di 56 pusat keluarga LPPKN.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg telah membangkitkan isu iaitu tentang kursus pra perkahwinan bagi pasangan Islam yang berkahwin di luar negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini kursus ini tidak diwajibkan kepada pasangan Islam yang berkahwin di luar negara yang kembali semula ke Malaysia. Cadangan Yang Berhormat akan dipanjangkan kepada JAKIM untuk dikaji.

Yang Berhormat Senator juga turut mencadangkan agar kita menggalakkan hari keluarga dan membangkitkan isu berkaitan iaitu sama ada kursus-kursus keibubapaan termasuk kepada orang muda harus diadakan. Untuk makluman Yang Berhormat, berikutan dengan kempen kementerian *"Utamakan Keluarga, Semakin Hari Semakin Sayang"* pada tahun 2002, kerajaan telah memberi pelepasan cukai sejak tahun 2003 kepada syarikat-syarikat yang kendalikan hari keluarga bagi pekerja mereka. Kini hari keluarga banyak dijalankan oleh agensi-agensi kerajaan, swasta dan dalam komuniti.

Kementerian melalui LPPKN juga telah pun menjalankan kursus keibubapaan bagi pasangan dwi kerja iaitu *Parenting At Work* sejak tahun 2006 bagi pekerja sektor awam dan pihak swasta. Sebanyak 437 program telah pun dijalankan sehingga November 2011 yang meliputi hampir 19,000 ibu dan bapa. Bagi golongan muda, topik keibubapaan telah dimasukkan dalam kurikulum, PLKN dan kokurikulum pembangunan keluarga untuk mahasiswa di universiti mulai tahun ini.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya ingin mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak Yang Berhormat?

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Sedikit sahaja berkenaan dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Sedikit sahaja, jangan banyak sangat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan kursus yang dibuat oleh pihak kementerian. Saya terkejut bila dengar peserta sudah sampai 19,000 tetapi dari segi impak kepada masyarakat kita kurang dengar. Jadi saya hendak tanya di sini, adakah pihak kementerian buat kerjasama dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri ataupun buat kajian bagaimana perkara ini dapat kesan daripada masyarakat sebab hari ini walaupun banyak dibuat tetapi sebagai masyarakat, kita tidak dengar pun dari segi impak itu. Jadi saya pohon, sebab sebelum ini pra perkahwinan tidak diwajibkan, bila diwajibkan nampak impak.

Sekarang ini untuk pasca perkahwinan, adakah pihak kementerian juga bersedia agar perkara ini boleh dibuat kerjasama dengan Jabatan Agama Islam Negeri untuk pasangan Islam bagi memastikan kursus keibubapaan ini dapat kesan kepada masyarakat. Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Ya, saranan atau cadangan Yang Berhormat itu akan diambil maklum dan dipanjangkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat juga menyentuh tentang statistik keganasan rumah tangga mengikut jantina dan negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya sehingga September 2011, terdapat kesemuanya 412 kes di mana daripada jumlah ini 394 mangsanya ialah perempuan dan 18 orang mangsa adalah lelaki. Untuk keterangan selanjutnya, saya akan berikan jadual ini secara bertulis.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah tentang isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh tentang kes bukan warganegara. Saya rasa isu ini telah pun saya jawab tadi, di mana perlindungan di bawah akta ini hanya kepada warganegara Malaysia dan tidaklah meliputi warga asing.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang pandangan, saranan dan teguran yang telah diberikan. Semua itu akan diberikan perhatian dalam memastikan Akta Keganasan Rumah Tangga ini dapat dilaksanakan dengan berkesan demi meningkatkan kesejahteraan dan keharmonian institusi keluarga di negara ini. Sekian, terima kasih.

Puan Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan saya tidak dijawab lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri telah jawab tetapi nama Yang Berhormat diletak Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat, dah dijawab tadi. Akan tetapi statistik itu agaknya, Yang Berhormat agaknya boleh hantar secara bertulis. Statistik itu boleh disampaikan kepada Yang Berhormat.

Datuk Heng Seai Kie: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal 1 hingga 20 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Ya sekarang ini sebelum diteruskan, saya minta salah seorang ada satu usul hendak dibentangkan kepada Majlis. Dipersilakan.

■1540

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 10.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 22 Disember 2011."

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Ahli Yang Berhormat, izinkan saya memaklumkan kepada Majlis ini, kita ada sejumlah 20 rang undang-undang dan kita terpaksa selesaikan semua rang undang-undang ini untuk hari ini dan esok sahaja lagi.

Oleh yang demikian, saya memohon kerjasama semua Ahli-ahli Yang Berhormat, pertama, rang undang-undang itu sudah berada pada Ahli Yang Berhormat semua dan sila kemukakan kepada saya berapa orang yang hendak berucap supaya senang saya membuat kiraan percaturan masa.

Kedua, apabila Yang Berhormat Menteri atau wakil kementerian beri jawapan, saya minta pegawai-pegawai yang membantu Yang Berhormat Timbalan Menteri itu cuba ambil kira berapa orang yang berucap itu dan cuba gabungkan soalan-soalan itu supaya tidak diulang satu persatu untuk menjimatkan masa.

Ketiga, saya minta juga semua Ahli Yang Berhormat – bukan kita hendak menahan Yang Berhormat hendak berucap, sila kemukakan. Berucap itu kalau boleh kalau sekiranya ada Ahli Yang Berhormat yang telah bangkitkan itu perkara yang sama, tidak payah diulang lagi.

Juga, kalau tengok dari segi rang undang-undang ini ada pindaan, kalau pindaan itu, hanya pindaan yang berkenaan sahaja dibahaskan kerana itu adalah satu rang undang-undang dah lama tetapi ada pindaan untuk kebaikan. Apa pandangan Yang Berhormat dibahaskan untuk dipersetujui di dalam Dewan ini. *So*, tanpa membuang masa lagi saya persilakan – teruskan Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG HAK CIPTA (PINDAAN) 2010

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.42 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 iaitu Akta 332 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dan bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Hak Cipta 1987 telah diwartakan pada tahun 1987 dan melindungi karya-karya seperti karya sastera, karya muzik, karya seni dan filem, rakaman bunyi dan juga siaran. Secara umumnya, hak cipta yang terdapat pada karya sastera, muzik atau seni wujud sepanjang hayat si pencipta dan sehingga 50 tahun selepas kematiannya. Bagi karya-karya jenis lain pula, jangka masa hak cipta ialah sehingga 50 tahun selepas karya itu mula-mula diterbitkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pihak *World Intelectual Property Organisation* atau ringkasnya WIPO iaitu satu badan antarabangsa yang menaungi bidang harta intelek dunia, telah merangka dua triti berkaitan hak cipta iaitu WCT iaitu *WIPO Copyright Treaty,* dan WPPT iaitu *WIPO Performances and Phonogram Treaty* yang mengandungi peruntukan-peruntukan untuk menangani cabaran-cabaran yang dibawa oleh teknologi digital terutamanya *internet*. Kedua-dua triti itu yang diperkenalkan pada tahun 1996 sudah pun berkuat kuasa apabila 30 negara menyertai triti-triti tersebut. WCT telah pun berkuat kuasa pada 6 Mac 2002, manakala WPPT telah berkuat kuasa mulai 20 Mei 2002.

Kebanyakan negara telah menyesuaikan dan mengemas kini undang-undang hak cipta negara masing-masing sebelum menyertai triti-triti tersebut. Sehingga kini, 86 buah negara masing-masing telah menganggotai WCT dan WPPT sehingga Januari 2010. Jika pindaan ini diluluskan, Malaysia dijangka akan menyertai sebagai anggota WCT dan WPPT pada akhir tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan pembangunan harta intelek di Malaysia, kementerian telah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan perlindungan karya-karya hak cipta di dalam negara diberi perlindungan yang sewajarnya.

Oleh itu, pindaan akta ini dilihat sebagai satu langkah kerajaan dalam membina satu kerangka perundangan yang komprehensif dan kondusif yang bukan sahaja memberikan jaminan perlindungan yang menyeluruh tetapi juga memastikan pembangunan industri kreatif dan hak cipta negara lebih holistik dan berdaya maju untuk jangka masa yang panjang. Lantas, sebagai pemangkin kepada cetusan kreativiti dan bagi memastikan perkembangan industri kreatif di Malaysia berterusan, akta ini perlu dikemaskinikan. Ini bukan sahaja sebagai galakan dan dorongan kepada industri kreatif negara, tetapi juga dapat menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memaklumkan beberapa ciri utama rang undang-undang ini.

Fasal 16 bertujuan untuk mewujudkan mekanisme pemberitahuan karya hak cipta secara sukarela atau dengan izin, *voluntary notification*. Melalui sistem baru ini, karya-karya hak cipta boleh dimaklumkan secara sukarela dan sijil pemberitahuan yang dikeluarkan oleh pengawal hak cipta boleh dijadikan keterangan prima facie dalam sebarang pertikaian berkaitan hak cipta.

Fasal 17, 18, 19 dan 20 bertujuan untuk memperkenalkan peruntukan baru dan juga meminda peruntukan sedia ada berkaitan badan pelesenan karya-karya hak cipta atau CMO. Melalui peruntukan baru ini, setiap persatuan atau organisasi yang menjalankan aktiviti sebagai badan pelesenan ini hendaklah memohon kepada kementerian dan hanya boleh beroperasi sekiranya mendapat pengisytiharan daripada pihak kementerian. Pengisytiharan perlu dibuat dalam apa-apa bentuk bahantara dengan mengemukakan objektif utama adalah untuk merundingkan atau memberikan lesen hak cipta, senarai pemunya hak cipta dan ejen mereka yang menjadi anggota pemohon.

■1550

Pengawal boleh membatalkan pengisytiharan yang diberikan kepada suatu badan pelesenan sekiranya dia mendapati bahawa badan pelesenan tidak memenuhi dan tidak bertindak sebagai suatu badan pelesenan. Mana-mana badan pelesenan yang beroperasi tanpa mendapat pengisytiharan, melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000.

Fasal 30 bertujuan untuk meluaskan ruang lingkup kesalahan berhubungan dengan salinan langgaran termasuk dalam jagaan dan kawalan ke atas satu salinan langgaran.

Seterusnya, fasal 32 adalah untuk memperkenalkan Bahagian 4A dan 4B yang mengandungi seksyen 43A iaitu Anti-Rakaman Kamera atau dengan izin, *Anti-Camcording* yang menyentuh mengenai perbuatan merakam penayangan sesebuah filem di panggung wayang tanpa kebenaran dan bertujuan untuk dikomersialkan dan mendapat keuntungan daripadanya.

Bahagian 4B pula adalah peruntukan baru berkenaan pengehadan tanggungan pemberian perkhidmatan *internet*. Dengan peruntukan baru ini, tanggungan pemberi perkhidmatan atau *service provider* akan dihadkan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mempunyai keyakinan sepenuhnya bahawa rang undang-undang ini akan membawa kebaikan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung ke arah pembentukan sebuah industri kreatif dalam meletakkan Malaysia setanding dengan negara-negara maju di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Hak Cipta 1987 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. *So,* saya persilakan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Sebelum itu Yang Berhormat, di sini ada enam orang. Kedua, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi dan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Saya harap tolong kemukakan siapa-siapa yang hendak berucap dalam perkara membahaskan rang undang-undang. Silakan Yang Berhormat, silakan.

3.52 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Hak cipta ialah satu set hak eksklusif yang mengawal penggunaan sesuatu kenyataan, idea atau makluman. Dalam kebanyakan kes, hak-hak ini adalah untuk tempoh yang terhad, simbol untuk hak cipta ialah 'C' dalam bulatan '**©**' biasanya *copyright.* Di sesetengah bidang kuasa simbol itu boleh digantikan dengan huruf 'R' '**®**'. Hak cipta boleh wujud dalam berbagai-bagai karya kreatif, intelektual atau berseni. Ini termasuk puisi, tesis, drama, buku, filem, karya, koreografi seperti tarian, balet dan lain-lain, gubahan muzik, rakaman audio, lukisan, arca, gambar, foto, perisian serta siaran radio dan televisyen dan di sesetengah bidang kuasa juga seni reka perindustrian. Hak cipta ialah sejenis harta intelektual. Reka bentuk dan seni reka perindustrian boleh merupakan jenis-jenis harta intelektual yang berasingan atau bertindih dalam sesetengah bidang kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha kerajaan meminda Rang Undang-undang Hak Cipta Terpelihara 1987 yang bakal memperuntukkan perlindungan kepada karya sastera, penggiat seni tempatan termasuk karya muzik, audio bunyi, penerbitan filem, siaran dan perlindungan kepada pelaku.

Saya juga bersetuju dengan penyertaan ke *Treaty WIPO Copyright* (WCT) dan *Treaty WIPO Phonograms* dan Performance (WPPT). Saya berharap langkah baik kementerian membuat pindaan ini demi memastikan undang-undang hak cipta kita mencapai standard antarabangsa serta menjaga kebajikan penggiat seni tanah air dan terus menjadi mangsa lanun cetak rompak serta memartabatkan industri seni ke persada antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa seksyen dalam pindaan ini. Pindaan seksyen 5, dalam subseksyen 2 menyentuh kuasa perbadanan yang dipindahkan kepada Menteri mengenai kuasa lantikan. Soalan saya, saya ingin bertanya berkaitan senarai kuasa pelantikan yang dipindahkan kepada Menteri dan apakah jenis lantikan tersebut dan siapakah yang terlibat.

Pindaan seksyen 8 menyentuh isu koleksi karya yang layak dikategorikan sebagai hak cipta. Soalannya, bagaimanakah mekanisme mengkategorikan koleksi karya dan tugas untuk merombak semula sebagai hak cipta intelek yakni *copyright reserve.* Supaya ianya tidak sewenang-wenang dicetak rompak dan dijual di pasaran gelap. Seksyen 13 dari Akta Ibu menyentuh hak eksklusif pengedaran, salinan-salinan yang tidak diedarkan di Malaysia sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya hak cipta Malaysia perlu dilindungi di seluruh dunia sama ada dalam negara mahupun luar negara. Ini adalah kerana pada hemat saya, undang-undang hak cipta sedia ada hanya melindungi bentuk atau cara yang mana idea-idea atau makluman-makluman ditunjukkan iaitu bentuk pernyataan fizikal sahaja. Hak cipta sedia ada tidak direka bentuk untuk tujuan melindungi idea, konsep, fakta, gaya atau teknik yang wujud atau digambarkan dalam sesuatu karya hak cipta. Undang-undang hak cipta memberi ruang untuk karangan sindiran dan karangan pentafsiran terhadap karya-karya yang mungkin mempunyai hak cipta pada dirinya.

Contoh yang ingin saya ketengahkan, hak cipta yang wujud dalam kartun Mickey Mouse melarang pihak-pihak yang tidak diberi kuasa untuk mengedarkan salinan-salinan kartun tersebut atau mencipta karya-karya terbitan yang meniru tikus *endomorphic* Walt Disney tetapi tidak melarang penciptaan karya-karya kesenian mengenai tikus *endomorphic* itu secara amnya asalkan karya-karya ini cukup berbeza supaya tidak meniru versi yang asli. Undang-undang yang lain mungkin mengenakan sekatan untuk penghasilan semula atau penggunaannya. Jika hak cipta tidak berbuat demikian, umpamanya undang-undang tanda dagangan dan paten.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengupas isu perbezaan antara paten dan hak cipta. Paten memang tidak boleh ditiru. Hanya pihak yang mencipta barang itu sahaja yang boleh memilikinya. Manakala hak cipta boleh ditiru dalam format yang berlainan. Dalam erti kata lain, paten tidak sama dengan hak cipta. Paten kena daftar dan ia ambil masa untuk diluluskan. Manakala hak cipta tidak perlu didaftar.

■1600

Cadangan saya ialah saya berharap kementerian dapat mentafsirkan secara sistematik akan perbezaan definisi ini dan tidak terkeliru semasa menjalankan tugas memantau dan penguatkuasaan. Pegawai yang dilatih dalam bidang ini perlu diberi latihan dan pendedahan sewajarnya kerana kita tidak mahu lanun-lanun cetak rompak di luar sana terlepas hanya kerana isu teknikal atau pegawai kurang arif dalam bidang ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Ini melambangkan bahawa Yang Berhormat prihatin. Kalau boleh, masa berbahas itu jangan terlebih daripada 15 minit kalau boleh. Seterusnya, saya persilakan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang.

4.01 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan ambil masa yang panjang oleh kerana saya cakap terus terang saya memang belum ada masa untuk baca akta yang asal. Saya sudah *download* akta asal dan saya dapati ada 144 muka surat dan pindaan pun 42 muka surat. Jadi kalau kita hendak baca, kita perlu banding dua dan itu ambil masa yang sangat panjang. Jadi apa yang saya hendak bahas di sini ialah berkenaan dengan pelaksanaannya dan bukan kandungan akta itu. Saya sebenarnya, saya tidak tahulah sama ada permintaan saya itu boleh dilaksanakan atau tidak. Kalau sekiranya kami dibekalkan dengan salinan naskhah dengan pindaan, jadi sekali gus kita baca, kita tahu apakah rupa baru akta itu. Kalau tidak ada, kita kena *download* dan kena banding, itu memang akan ambil masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, pada prinsipnya saya memang menyokong sepenuhnya pindaan akta itu oleh kerana hak cipta itu merupakan satu nilai global. Tidak ada orang yang boleh kata tidak sokong walaupun ramai yang tidak beli naskhah yang asal, ramai yang beli naskhah yang *pirate copy* dan ini juga merupakan satu akta yang lebih bersikap adil dan menghormati pihak pencipta.

Bagaimanapun, saya ada beberapa soalan. Pertama, saya hendak tanya, bagaimana dengan mereka yang tidak mampu membeli naskhah yang sah khususnya saya sentuh tentang *software computer*. Ada banyak pihak yang perlukan *software*. Kalau kita ada komputer tidak ada *software,* lebih baik tidak ada komputer. Malangnya *software* yang kita akan beli untuk sebuah komputer jauh lebih mahal. Kalau kita semua hendak dapatkan naskhah yang sah, jauh lebih mahal daripada komputer sendiri. Jadi kepada remaja, kepada pelajar sekolah dan sebagainya, mereka memang tidak mampu dan juga kepada individu ataupun rumah tangga yang berpendapatan tidak begitu mewah khususnya kelab komputer.

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Saya pernah menjadi Guru Penasihat Kelab Komputer di sekolah dan memang rasa serba salah. Kalau kita hendak gunakan salinan yang sah, tidak mampu. Satu *software* beribu-ribu ringgit dan komputer sendiri mungkin RM1,000 lebih, satu *software* mungkin sudah RM1,000 lebih ataupun jauh lebih mahal daripada itu. Akan tetapi kalau kita gunakan *pirate copy* pun, dari segi moral pun macam tidak betul. Cikgu sendiri pun buat yang tidak betul. Jadi, bagaimana dengan keadaan ini dan saya harap bahawa pihak-pihak yang mencipta *software* itu jangan lupa sumbangan Kelab Komputer kepada jualan *software* mereka. Misalnya kalau *Words, Excel* dan sebagainya, begitu banyak syarikat yang gunakannya oleh kerana tak perlu latihan. Kelab Komputer sudah ajar murid sampai kebanyakannya sudah mahir gunakan *Words,* hendak cari orang gunakan *Words, Excel, PowerPoint* dan sebagainya begitu mudah.

Dia ambil sahaja, mereka sudah boleh buat. Syarikat tidak perlu adakan latihan. Ini sebabnya *software-software* seperti itu menjadi begitu popular. Jadi dengan muzik, saya juga hendak tanya bagaimana dengan penyiaran muzik. Kalau sesuatu pihak membeli naskhah yang sah dan mainkannya di tempat orang ramai, misalnya di pusat membeli-belah, kalau orang adakan konsert amal, kalau misalnya parti yang kecil di rumah dan lain-lain, adakah ini kena buat bayaran lagi oleh kerana ini berlaku di Johor Baru. Ada pihak yang kata bahawa kalau tidak bayar tidak boleh walaupun CD dan sebagainya yang dibeli itu merupakan naskhah yang asal, yang sah.

Jadi saya hendak tanya, adakah ini tak betul? Kalau sekiranya kena buat bayaran lagi, jadi kenapa beli naskhah yang sah kemudian tidak boleh main dan kalau kena bayar, apakah bayaran itu dan apakah kadarnya. Kemudian saya juga hendak tanya berkenaan dengan sesuatu ciptaan yang sudah wujud buat tempoh masa yang tertentu. Misalnya mungkin makanan, mungkin karya, kebudayaan dan sebagainya.

Seperti tadi, baru saya dengar daripada Yang Berhormat Haji Ahamat tentang bezanya di antara paten dan hak cipta. Saya tahu sekarang ada pihak yang sampai makanan *Chicken Rice Hainan* pun, ada pihak yang pohon patenkannya. Jadi, bagaimana kita hendak pastikan siapakah tuan punya paten itu? Jadi, seperti itu sahaja soalan-soalan saya. Jadi seperti yang saya nyatakan tadi, saya memang sokong sepenuhnya pindaan yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin mengingatkan diri saya dan diri Yang Berhormat semua dan sebaik-baiknya diminta supaya ingat-mengingatkan bahawa bil atau akta yang patut atau mesti kita bahaskan hampir tinggal 18 atau 19 lagi sedangkan masa makin terhad. Oleh kerana itu, minta kerjasama supaya dapat ucapan dalam perbahasan ini diringkaskan.

Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali untuk memberikan pandangan.

4.07 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah kepada sahabat saya kerana pelantikannya hari ini. Cuma saya hendak memberikan sedikit teguran sahaja iaitu pada pembuka kata Tuan Yang di-Pertua tadi, beliau mengatakan kita mungkin berlainan tetapi sehati. Saya rasa sebagai Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh meletakkan diri kita kepada satu pihak dalam Dewan ini. Kita mesti ertinya neutral. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya terima pandangan itu. Seperti saya katakan, kita mungkin sehati walaupun berbeda parti tetapi pandangan tetap saya hormati.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih... *[Tepuk]* Itu jiwa yang besar... *[Tepuk]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Sekarang izinkan saya membincangkan Akta Hak Cipta ini. Sebagai permulaan, saya ingin menyatakan bahawa pada pertengahan tahun 60-an, beberapa orang penulis yang menulis dalam Bahasa Malaysia telah mengambil tindakan undang-undang terhadap *Oxford University Press* sebabnya ialah kerana *Oxford University Press* tidak membayar royalti kepada mereka. Waktu itu tidak ada undang-undang hak cipta dan kebetulan saya terlibat juga sebagai Setiausaha PENA waktu itu yang ambil kes ini. Oleh kerana tidak ada undang-undang hak cipta, maka kita mengikut konvensyen yang ada di negara-negara lain.

Akhirnya kita mendesak supaya diadakan undang-undang hak cipta dan beruntunglah kita kerana pada tahun 1987, walaupun 20 tahun kemudian telah diadakan undang-undang hak cipta ini dan pada waktu itu undang-undang ini diterima baik sebagai suatu langkah permulaan untuk mempertahankan hak penulis dan royalti penulis walaupun bidang lingkupnya adalah lebih luas daripada hanya penulisan termasuk bidang-bidang yang lain.

Sekarang ini kita diberikan beberapa pindaan tentang undang-undang tersebut. Saya mengalu-alukan kebanyakan daripada pindaan ini kerana sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi, ia adalah sesuai dengan kehendak harta intelek di peringat dunia dan saya diberitahu juga bahawa pindaan-pindaan ini adalah sesuai juga dengan *Berne Convention.*

■1610

Jadi kalau hendak diperkatakan banyak, memang susah hendak diperkatakan banyak terutama sekali seperti pembicara sebelum saya juga. Saya tidak dapat membaca sepenuhnya akta yang asal itu. Walaupun demikian, walaupun saya tidak dapat membincangkan secara halus pindaan-pindaan ini, saya ingin mengemukakan lima soalan tentang lima perkara kerana tidak begitu jelas maksud pindaan tersebut bagi saya. Mungkin jelas kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya ingin penjelasan juga tentang implikasi-implikasi daripada pindaan itu.

Yang pertamanya Tuan Yang di-Pertua ialah di muka surat 8 iaitu berkaitan dengan *3D* di atas sekali. Disebut di situ "*satu rakaman bunyi atau filem secara terus sesuatu persembahan yang dibuat oleh atau di bawah arahan atau kawalan sesuatu perkhidmatan penyiaran*". Kalau kita ambil misalnya televisyen atau radio sebagai satu badan penyiaran, ia selalu mengeluarkan lagu-lagu dan filem-filem yang lama. Ini termasuk terutama sekali umpamanya lagu dan filem yang melibatkan P. Ramlee.

Sehingga sekarang nampaknya tidak ada penyelesaian tentang soal pembayaran hak cipta kepada P. Ramlee ataupun kepada waris-waris beliau. Jadi saya tidak tahu sama ada, ada perlindungan daripada pindaan atau hak cipta ini yang boleh misalnya memberikan kesaksamaan dan keadilan kepada pencipta-pencipta agung kita seperti P. Ramlee. Jadi tidak cukup sekadar kita memberikan dia gelaran selepas dia meninggal tetapi harus dibayar juga segala tenaga, kebolehan dan bakat beliau mencipta sesuatu yang sampai sekarang diminati oleh ramai orang.

Perkara kedua ialah berkenaan dengan daftar hak cipta. Daftar hak cipta ini iaitu 26B(2) Iaitu, "*daftar hak cipta hendaklah mengandungi semua butiran berhubungan dengan hak cipta dalam sesuatu karya sebagaimana yang diberitahu kepada pengawal."* Ini satu perkara yang baik kerana kalau bila didaftarkan, ada asas untuk kita mengambil tindakan. Pertanyaan saya ialah setakat ini, setakat ini sejauh manakah pendaftaran telah dilakukan atau secara sukarela berapa banyakkah orang yang telah berdaftar di bawah akta atau pindaan ini. Pindaan baru dan tentu sekali belum lagi didaftarkan.

Namun sebelum itu, adakah diamalkan misalnya sedikit pendaftaran? Oleh kerana pindaan ini baru, saya percaya dia akan dilaksanakan hanya selepas pindaan ini dilaksanakan. Jadi saya ingin mendapatkan jaminan agar apabila ia dilaksanakan, ia dilaksanakan dengan secara teliti dan kalau boleh dilakukan dengan sedikit penguatkuasaan bagi menentukan bukan sahaja mereka sukarela tetapi ada seolah-olah dorongan dan kadang-kadang kalau boleh paksaan yang lembut supaya mereka berdaftar kepada pengawal.

Perkara ketiga ialah pada muka surat 32, fasal 43H. Ini adalah berkaitan dengan pemunya hak cipta yang telah dilanggar itu boleh memberitahu – "*memberi perkhidmatan rangkaian itu mengenai pelanggaran yang sedemikian dengan mengeluarkan kepada pemberi perkhidmatan suatu pemberitahuan mengikut cara yang ditentukan oleh Menteri*". Saya percaya yang dimaksudkan ini ialah bahawa ada orang yang sudah dicabuli hak ciptanya dan dia hendak mengambil tindakan. Kalau saya fahamlah dengan pindaan ini, ia bererti bahawa tindakan itu adalah diambil mengikut cara-cara yang ditentukan oleh Menteri. Saya tidak tahu apakah prosedurnya sebab tidak jelas di sini apakah dia prosedur dan kaedah-kaedah serta cara-cara yang akan ditentukan oleh Menteri itu. Kalau boleh dinyatakan ini sebab ini ada kaitan juga dengan misalannya perkara yang lain.

Kita ambil sekarang ini, banyak penyanyi-penyanyi yang membuat rekod misalnya, CD dan sebagainya. Begitu banyak pencabulan hak cipta mereka kerana ada syarikat-syarikat yang meniru CD dan sebagainya. Jadi tindakan yang tegas terutama sekali pihak kementerian sangat-sangat dialu-alukan untuk melindungi hak cipta terutama sekali penyanyi-penyanyi yang baru tadi. Jadi selain daripada misalnya kita melindungi pencipta-pencipta lama seperti P. Ramlee itu, kita harus juga melindungi daripada perompakan hak cipta oleh beberapa syarikat besar kadang-kadang ke atas terutama sekali lagu-lagu dan penyanyi yang terkenal sekarang ini.

Akhir sekali iaitu yang kelima, muka surat 35 pindaan 33, Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 45 yang berikut iaitu akses kepada data komputer dan digital. Ini memberikan kuasa kepada polis untuk diberi akses kepada data komputer atau digital sama ada di*install* dalam komputer atau medium lain. Bagi maksud ini, akses termasuklah diberi kata laluan yang diperlukan, penyulitan kod, kod penyalahsulitan dan sebagainya.

Jadi berhubung dengan ini, saya ingin menegaskan bahawa sepatutnya pindaan ini tidak boleh berdiri dengan sendirinya. Ia haruslah tertakluk kepada Akta Jenayah Komputer. Sekarang ini kita ada Akta Jenayah Komputer dan mengikut Akta Jenayah Komputer ini, polis perlulah mendapatkan kebenaran daripada pemilik komputer itu. Jadi dia tidak boleh terus sahaja paksa meminta akses. Sepatutnya mesti dinyatakan di sini ia tertakluk kepada Akta Jenayah Komputer tadi.

Akhir sekali – sebenarnya enam perkara Tuan Yang di-Pertua. Akhir sekali ialah berkenaan keterangan *agent provocateur. Agent provocateur* ini, ini muka surat 36 iaitu para 36, seksyen baru 51(a). Jadi di sini *agent provocateur* itu seolah-olah dianggap dia betul sahaja. Kalau misalnya pihak polis menghantarnya untuk katakan mengetahui apa yang dilakukan oleh pihak-pihak yang melanggar hak cipta, kalau misalannya dia menjadi *agent provocateur* dengan erti yang sebenarnya iaitu dia buat kacau sehingga orang tidak buat kelihatan membuat sesuatu yang salah.

Jadi kalau dia melaporkan perbuatan yang tidak salah itu sebagai salah atau perbuatan salah sebagai tidak salah, maka dia bebas daripada diambil apa-apa tindakan iaitu walau apa pun undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berlawanan, tiada *agent provocateur* boleh dianggap sebagai tidak boleh dipercayai. Jadi suka tidak suka, kita mesti percaya mereka. Jadi ini seolah-olah kita menggalakkan *agent provocateur* itu dan saya minta kementerian menimbangkan sehalus-halusnya adakah ini satu perkara yang sesuai dilakukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

4.19 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ringkas sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 ini.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, masalah cetak rompak juga berkait rapat dengan isu hak cipta. Kita maklum bahawa kerajaan sentiasa menjalankan pelbagai kempen dan operasi bagi membanteras cetak rompak bagi memperluaskan lagi perlindungan hak cipta ke atas karya-karya yang terlibat dan juga dalam usaha kerajaan untuk membersihkan negara daripada menjadi sarang cetak rompak.

■1620

Bagi pindaan Akta Hak Cipta pada kali ini, tidak terdapat sebarang pindaan yang menyentuh berkenaan cetak rompak. Adakah ini bermakna masalah cetak rompak hasil pencipta karya di negara kita telah dapat diatasi sepenuhnya.

Selain daripada membanteras aktiviti cetak rompak bagi menggalakkan pengguna mendapat hasil karya yang asli, mungkin harga bagi karya yang dihasilkan seperti CD contohnya dapat dikurangkan bagi memberi peluang kepada lebih ramai kelompok masyarakat terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana memilih mendapatkan karya yang asli. Ini juga merupakan salah satu cara untuk melindungi hasil karya mereka dari sindiket cetak rompak.

Selain daripada itu, apakah usaha pihak kementerian bagi menyekat muat turun secara haram melalui *internet* yang juga merupakan rompakan ke atas karya-karya yang dihasilkan. Di samping itu, apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna mengenai kesalahan berkenaan membeli atau menggunakan hasil cetak rompak?

Setelah pindaan akta ini diluluskan, adakah semua pencipta karya perlu menandatangani perjanjian dengan badan yang bertanggungjawab mengutip royalti ini? Manakala bagi pencipta karya yang tidak berdaftar dengan badan yang mengutip royalti, bolehkah badan ini mengutip royalti bagi karya mereka? Jika boleh adakah terdapat sebarang mekanisme bagi memastikan pencipta karya mendapat hak ke atas semua hasil ciptaan mereka? Untuk itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

4.24 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama membahaskan rang undang-undang untuk meminda Akta Hak Cipta 1997.

Saya mulakan dengan... *[Membaca potongan ayat Al-Quran]* Allah Taala berfirman dalam surah Al-Haj, ayat 9 yang mengatakan bahawa, *"sesungguhnya Allah Taala yang menurunkan Al-Quran dan Dialah yang menjaganya."*

Jadi dalam konteks ini bila kita bercakap tentang hak cipta, kita bercakap tentang *intellectual property* dengan izin, kita bercakap tentang apa yang dihasilkan atau dikeluarkan daripada pemikiran dan sesungguhnya perkara ini amat sukar untuk kita jaga serta kawal selia. Melainkan ada satu mekanisme yang benar-benar dijaga dan dihormati. Al-Quran dijaga oleh Allah Taala, apa pun percubaan untuk mengubah atau meminda, *insya-Allah* akan tetap gagal sampai hari kiamat.

Dalam konteks hari ini, apabila kita membincangkan tentang hak cipta, penciptaan atau sebarang maklumat atau ciptaan gubahan yang dibuat oleh mana-mana individu sebenarnya ia amat sukar kerana ia bukan berbentuk barang. Mungkin lebih senang kalau kita lihat bentuk produk, kalau produk itu patennya dapat kita pegang tetapi hak cipta yang berbentuk ciptaan dari sudut sebagai contohnya tadi tentang lagu, buku dan sebagainya. Perkataan-perkataan sebegini susah untuk kita buktikan kerana ia bukan dalam bentuk yang boleh kita kesan, yang mana satu asal, unik atau yang baru dicipta.

Jadi dalam konteks ini saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bila mana dibuat pindaan kepada seksyen 3(b) yang memasukkan secara spesifik bahawa perkara itu termasuklah ucapan politik, debat politik atau ucapan diberikan dalam perjalanan prosiding undang-undang dan terjemahan rasminya. Apakah rasionalnya dimasukkan perkataan ini kerana kita lihat sebelum ini mungkin perkara ini tidak spesifik seperti ini tetapi dalam konteks ini, adakah ini termasuk tentang *Hansard* Parlimen ataupun apakah rasional dibuat dalam perkara ini. Adakah perkara ini terdapat lagi satira ataupun ucapan atau kartun-kartun ataupun yang dicipta berkaitan dengan politik yang mungkin boleh menggugat kesejahteraan negara? Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan jenayah siber atau jenayah dari sudut pelanggaran hak cipta bila mana orang mengambil atau membeli yang tidak sah. Tadi saya bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Senator bahawa perkara ini kalau hendak beli yang asal dalam semua hal terutama perkara yang berkaitan dengan komputer, mahal. Akan tetapi dari sudut undang-undang, dari sudut penyiaran, dari sudut pengiklanan bahawa perkara ini tidak boleh dibuat kerana ini adalah satu dosa, kerana kita mengambil hak orang lain dan perkara dosa ini tidak diterangkan secara meluas.

Ini kerana kita rasa tidak nampak benda yang dicuri secara zat, maknanya kalau mencuri buku sebiji kita nampak tetapi dicuri hak cipta tidak nampak. Berkaitan dengan isu ini, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan setakat ini bagaimanakah perkara ini dijaga.

Sebagai contohnya katakanlah seorang penulis meninggal, dia mempunyai lima orang anak, siapakah yang akan mengetahui hak cipta yang telah didaftarkan oleh dia atau ayahnya yang telah meninggal itu boleh di dapat royalti sehingga 50 tahun. Jadi kalau sekarang ini, kalau untuk pinjaman perumahan atau apa-apa pinjaman, kita ada CRIS atau CTOS yang akan menyaring dan mempunyai data keseluruhan maklumat.

Jadi dalam kes ini, adakah sebagai peguam sekiranya mengenakan mana-mana LA, petisyen untuk orang mati boleh juga hantar kepada CRIS, CTOS, Bank Negara? Kita juga perlu hantar kepada jabatan ini atau kementerian yang menjaga ini supaya kita tahu bahawa sama ada yang hidup ini pernah mencipta sesuatu atau mempatenkan sesuatu agar hak anak serta cucu mereka ini yang berhak kepada royalti sehingga 50 tahun ini kita pertahankan dan dapat kita kutip.

Kalaulah itu ada, saya hendak tanya sehingga hari ini. Berapa banyak tuntutan yang telah dibuat berkaitan dengan perkara ini? Adakah perkara ini kalau tidak dituntut oleh keluarga si mati termasuk dalam hak-hak orang yang di bawah yang tidak dituntut atau disimpan oleh pihak kerajaan? Atau mereka mempunyai badan-badan yang lain pula menyimpan royalti atau mereka sehingga ini katakanlah kita luluskan pada hari ini, esok mana-mana ahli keluarga, waris si mati boleh mengemukakan kepada pihak kementerian bagi mendapatkan data dan boleh memulakan tindakan undang-undang untuk mendapatkan hak ganti rugi atau remedi atau tuntutan kepada royalti kepada mana-mana syarikat yang mungkin telah menggunakan apa-apa idea si mati sebelum si mati meninggal dunia.

Begitu juga disebut tentang royalti, bercakap tentang royalti atau bercakap tentang hak cipta, bercakap tentang perkara-perkara tentang ketulusan ini kita melihat masyarakat kita masih lagi di bawah persepsi lama. Persepsi bahawa kalau benda itu nampak kita boleh bayar mahal tetapi kalau benda itu kita nampak macam pendek sebagai contoh melibatkan tentang *agreement* atau perjanjian. Perjanjian empat muka surat, casnya RM18,000. Bagi pandangan awam, ini hanya *copy paste*, kenapa perlu hendak cas mahal tetapi hendak menghasilkan empat muka surat ini bukanlah sesenang yang kita nampak. *So*, dalam konteks ini, bagaimana pembudayaan tentang hak rasa hormat kepada pencipta ini, pengeluar ini, penerbit ini ataupun penggubah ini harus dimainkan oleh pihak kerajaan.

Kita lihat dalam kes melibatkan *Harry Porter*. Penulisnya dapat banyak sekali royalti kerana apa, paparan di media, penjagaan dari sudut hak cipta ini dimainkan secara meluas. Semua orang hendak naskhah asal dan masing-masing merasa begitu terhutang budi kerana dia dikenali. Bukan *Harry Porter* dikenali tetapi penulis itu dikenali. *So* dalam konteks ini, bagaimana di samping mempopularkan artis, mempopularkan pelakon, mempopularkan penyanyi, pihak kerajaan perlu mengambil langkah mempopularkan penulis, mempopularkan pencipta lirik, mempopularkan pencipta skrip sebagai satu identiti yang perlu dihormati dan dia kena bertanggungjawab atas apa yang dipopularkan.

Saya hendak tanya, bila pula mula dan akhirnya *Limitation Act* atau *limitation* kepada sebarang tuntutan? Sekiranya mereka tidak pernah daftar, bila mereka patut daftar. Kalau mereka sudah daftar, tiba-tiba ada orang lain dahulu daftar atas nama dia. Di sini dari segi *fraud*, dari segi tipu itu kalau untuk tanah dia ada 12 tahun *invisible title* tetapi untuk melibatkan hak cipta ini, ada tidak tempoh masa. Maknanya dalam tempoh 12 tahun katakanlah dia tidak pernah *claim* bahawa itu adalah lagu yang dia cipta, adakah sekarang dia boleh buat atau tidak ada limit.

Berkenaan dengan di bawah seksyen 26A(c) pindaan kepada daftar hak cipta. Mana-mana pihak yang berkepentingan boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan perintah untuk meminda. Sekiranya kalau dibuat pindaan tanpa ada perintah mahkamah, bagaimana perkara ini boleh diperbetulkan sebab saya rasa kadang-kadang kalau benda ini, kalau untuk syarikat yang besar, adalah orang yang akan perhatikan.

Akan tetapi di dalam konteks orang yang biasa, bagaimana perkara ini, adakah semua benda ini mesti melalui mahkamah sebelum dibuat sebarang pindaan. Berkaitan juga bila kita melihat hak cipta ini, dia melibatkan orang ramai, melibatkan individu, melibatkan SME. Untuk kita bina satu syarikat atau buat satu syarikat, dia ada *company secretary* yang akan papar semua, yang akan buat kerja bagi pihak pembeli syarikat ataupun yang hendak buat syarikat tetapi untuk kes yang melibatkan hak cipta, adakah di sana ada orang yang mahir ataupun boleh dipanggil sebagai pengurus yang boleh melakukan semua kerja ini.

■1630

Maknanya pencipta tadi tidak perlu turun naik sampai selesai, dia ada orang yang spesifik sebab saya rasa kalau ada orang macam itu lebih senang, maknanya pengurus profesional yang kita boleh sifatkan seolah-olahnya *secretary* yang boleh menguruskan dan memastikan kelancaran pendaftaran hak cipta.

Ini kerana saya rasa ramai orang hari ini yang mengambil sikap tidak mahu daftar kerana tidak mahu susah. Mereka cipta lagu okey, dapat duit royalti habis tetapi dari segi penjagaan kerana dari segi paten ke semua mungkin ambil masa. Jadi saya hendak tanya adakah di sana terdapat orang yang sebegitu dan kalau belum ada saya cadangkan kepada pihak kementerian sama ada diwujudkan dalam agensi ataupun digalakkan kepada mana-mana kumpulan supaya terdapat orang yang sedemikian ini akan menggalakkan dengan sendirinya lebih ramai orang mendaftar sama ada untuk hak cipta ataupun paten iaitu dari sudut pengurusan ataupun aliran untuk pendaftaran IP bagi individu yang mendaftar kali pertama. Ini perlu dipermudahkan dan ada orang yang bertanggungjawab supaya perkara ini senang.

Kemudian bila kita sebut tentang hak cipta juga walaupun ini mungkin bukan di bawah kementerian ini, saya hendak tanya juga adakah kerajaan mempunyai polisi sekiranya mana-mana produk ataupun ciptaan yang hendak didaftarkan di bawah hak cipta ini, dia mesti mempunyai identiti Malaysia dari segi jati diri dan identiti negara?

Jikalaulah katakan ada mana-mana produk yang kita eksport ke luar negara, adakah diwajibkan dalam syarat untuk kita eksport tadi mesti mempunyai *certificate* ataupun lesen untuk hak cipta ataupun paten sebagai surat beranak kepada apa yang kita buat dan mungkin dia akan bawa dia punya *medical report* iaitu surat beranak tentang kesihatan ataupun kebagusan perkara tersebut mesti dimasukkan sekali.

Jadi kalau belum ada, saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan untuk memasukkan sekali. Bila hendak *spot* mesti ada paten kerana kita difahamkan daripada bacaan dalam akhbar ada beberapa penemuan ataupun herba yang telah dieksport keluar, kita tidak pernah paten, tiba-tiba negara lain ambil dan patenkan. Jadi ini satu kerugian kepada negara kerana bila mereka sudah paten, mereka sudah daftarkan di peringkat antarabangsa, kita sudah kehilangan hak untuk patenkan. Jadi kalau belum dibuat saya cadangkan kepada pihak kerajaan untuk mewajibkan dan dipermudahkan untuk memastikan semua benda yang hendak dieksport sama ada berbentuk maya atau berbentuk lagu, atau berbentuk ciptaan biasa mestilah mempunyai surat IP maknanya paten dari segi *certificate* tadi.

Kemudian berkenaan dengan sehingga kini, berapa banyak kes-kes yang melibatkan paten ini telah dirujuk ke mahkamah? Berapakah jumlah tuntutan yang telah diperolehi? Ini kerana kita lihat di sini dia punya bayaran kalau tipu pun lebih kurang dalam RM10,000 sahaja. Jadi ini saya rasa cukup kecil dalam dunia hari ini, jadi saya hendak tanya kenapakah tidak dibuat satu hukuman yang berbentuk *deterrent* yang lebih tinggi jumlahnya supaya menghalang orang daripada berbuat perkara yang demikian. Kemudian berkenaan dengan kanak-kanak, sekarang ini ramai juga kanak-kanak yang mempunyai idea yang menarik dan kemungkinan idea dia tadi dipatenkan ataupun diletakkan di bawah hak cipta. *So* dalam konteks ini, siapakah yang diberi tanggungjawab untuk mendaftarkan ciptaan ataupun hak cipta kanak-kanak tadi, adakah ibu bapanya dan sekiranya didaftarkan pemegang amanahnya, bagaimana bentuknya?

Supaya saya cadangkan dalam kes ini, diwujudkan satu unit melibatkan juvana ini, melibatkan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun supaya semua ciptaan-ciptaan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan mungkin juga tadika diletak di bawah seorang pegawai yang jaga. Ini keranakalau ini berusia 50 tahun dia punya lama itu, kalau kanak-kanak tadi kita tidak jaga, tidak *control* daripada peringkat awal, tidak dilindungi kemungkinan besar satu dia tidak daftar, yang kedua tidak ada orang jaga, yang ketiga bila cukup 18 tahun dia tidak akan minta. Jadi kalau boleh ada seorang yang bertanggungjawab tentang melibatkan hak kanak-kanak kerana hari ini kita lihat ramai juga kanak-kanak yang berbakat.

Berapa kes yang telah pun dikendalikan oleh pihak kementerian yang membawa kes kita ini ke peringkat antarabangsa untuk kita lindungi sebarang hak cipta melibatkan warga Malaysia? Saya juga melihat dalam akta ini menyebut tentang teknologi fana. Saya tidak faham apa itu teknologi fana, kalau boleh minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apa maksud teknologi fana ini.

Hari ini saya juga hendak tanya tentang berapakah had insurans yang minimum yang dikenakan kepada mana-mana IP yang telah didaftarkan dengan kementerian dan adakah mana-mana syarikat takaful yang bersedia untuk menginsuranskan mana-mana paten ataupun hak cipta yang telah didaftarkan dengan kementerian?

Oleh kerana kita faham kalau sebut insurans ini, memang insurans konvensional, ada tidak syarikat takaful memberikan khidmat-khidmat sedemikian?

Berkenaan dengan seksyen 28, disebut tentang ganti rugi *statutory*. Banyak tempat yang disebut tentang ganti rugi *statutory*, saya hendak tanya apakah maksud ganti rugi *statutory*? Adakah ini bermaksud had untuk ganti rugi ini ditentukan oleh kementerian bukan oleh mahkamah ataupun apa maksud dengan ganti rugi *statutory* kerana kita lihat dalam akta-akta lain tidak ada disebut dengan jelas tentang ganti rugi *statutory*. Berkenaan dengan hari ini, saya tanya kepada Kementerian Pelajaran... *[Disampuk]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf Yang Berhormat. Jikalau dapat Yang Berhormat simpulkan dalam dua minit lagi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Okey, yang menyatakan bahawa sehingga kini tidak ada pihak yang menyaring atau mengesahkan piawaian untuk penulisan buku latihan yang diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah. Jadi kalau ini tidak ada, agensi manakah yang sepatutnya jika Kementerian Pelajaran tidak ada adakah berada di kementerian ini yang berhak untuk menyaring kandungan kesahihan buku-buku atau ciptaan buku-buku yang ditulis oleh penulis untuk kegunaan pelajar-pelajar sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Terakhir di bawah seksyen 43 disebut tentang ganti rugi RM10,000 dikenakan. Saya hendak tanya berkenaan kes yang berulang. Sekiranya kes itu berulang, adakah tetap hukumannya kena RM10,000 atau akan dilebihkan kerana dalam akta lain kita lihat untuk kesalahan pertama lain kesalahan kedua lain dan begitu juga dengan *fee*. Di sini juga ada disebut *fee* yang kena bayar. Saya hendak tanya berapa skala *fee* yang dikenakan oleh pihak kerajaan kerana untuk peguam, dia ada *fee* tertentu, untuk arkitek juga mungkin ada *fee* tertentu. Jadi untuk hak cipta ini bagaimanakah pengiraan ataupun *fee* ini boleh dikenakan oleh pihak kerajaan kepada pihak yang hendak mendaftar. Ini kerana keseluruhan prosedur dan *fee* ini sebenarnya akan menggalakkan sama ada orang itu akan mendaftar ataupun tidak hak cipta mereka di peringkat kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dalam senarai di hadapan saya ini ada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan hasrat untuk berbahas dalam perbahasan hak cipta ini iaitu tinggal tiga orang lagi Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, dan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

Saya akan memanggil Yang Berhormat mengikut urutan tersebut dan saya mulakan dengan Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat.

4.38 ptg.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum perbahasan dimulakan, ingin saya mengucapkan selamat bersara kepada mantan Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Hajah Armani binti Haji Mahiruddin setelah berkhidmat dengan cemerlang. Keduanya, tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua, di atas kepercayaan yang diberikan untuk menjalankan tugas sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Hak Cipta (Pindaan) 2010. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang melakukan pindaan rang undang-undang ini semenjak Akta Hak Cipta 1987 (Akta 332) ini diperkenalkan dalam tahun 1987. Pindaan rang undang-undang ini adalah sesuai dan tepat pada masanya dengan perkembangan dan kemajuan media penyiaran dan teknologi penerbitan serta rakaman masa kini.

Rang Undang-undang Akta Hak Cipta (Pindaan) 2010 ini mengemukakan pindaan yang luas melibatkan 24 pindaan seksyen, memasukkan lima seksyen baru dan dua bahagian baru yang penting iaitu bahagian 6A dan 6B. Pindaan ini adalah membuktikan keprihatinan kerajaan kepada golongan karyawan seperti penulis-penulis lirik, penggubah lagu, jurufoto, penulis skrip filem dan drama serta golongan artis, serta penyanyi, pemuzik dan pengarah filem dan drama malah kepada penerbit dan sebagainya.

■1640

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan pindaan seksyen 7, Akta Hak Cipta 1987 ini berhubung dengan skop bidang kerja yang layak atau *eligible,* dengan izin untuk hak cipta. Jika kita merujuk hak cipta akta ibu, ada enam bidang kerja hak cipta yang layak atau *eligible* iaitu penulisan atau *literally*, muzik, artistik, filem, rakaman suara atau *sound recording* dan penyiaran atau *broadcast*. Bagaimanapun pindaan rang undang-undang ini telah memotong subseksyen 6 iaitu bidang penyiaran. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah rasionalnya bidang penyiaran ini dimansuhkan atau dipotong daripada bidang hak cipta ini sedang kan bidang penyiaran semakin maju dengan jumlah penyertaan yang terus meningkat.

Kita mempunyai organisasi penyiaran seperti radio dan televisyen Malaysia, RTM, TV3, Astro, Al-Hijrah dan sebagainya. Seksyen 7(2) akta ibu juga menyatakan hasil kerja perlu dilindungi dari segi hak cipta tanpa mengira kualiti dan tujuan hasil karya berkenaan.

Dalam hubungan ini adalah jelas semua hasil karya dari segi penulisan, muzik, artistik, filem dan rakaman suara tanpa mengira kualiti dan tujuannya adalah dilindungi dari segi hak cipta. Pindaan seksyen 7 dengan mengeluarkan hasil kerja penyiaran atau *broadcast* mempunyai implikasi ke atas semua tenaga kerja di bidang penyiaran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah yang diambil bagi melindungi hasil kerja dalam bidang penyiaran? Bagaimanakah tenaga kerja atau produksi dalam bidang penyiaran dilindungi dari segi hak cipta?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan pengenalan Bahagian VIA iaitu mengenai anti rakaman kamera khususnya kesalahan berhubung dengan anti rakaman kamera di bawah seksyen 43A(1). Saya ingin memuji langkah kerajaan memperkenalkan atau memasukkan seksyen baru ini. Pada masa ini begitu banyak VCD dan DVD cetak rompak di pasaran yang dirakam di panggung wayang gambar, bilik tayangan dan sebagainya. Filem tempatan dan luar negara menjadi mangsa cetak rompak dan tentulah ini akan menjejaskan industri perfileman khususnya syarikat perfileman tempatan.

Penalti yang dikenakan di bawah seksyen 43A(1) adalah denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau pemenjaraan bagi satu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Ada dua isu yang saya ingin bangkitkan berhubung dengan penalti ini. Pertama, dari segi penalti jumlah denda dan penjara yang saya rasakan masih rendah dan perlu dikaji kerana perompak cetak rompak ini mengaut keuntungan yang tinggi dan pengajaran yang lebih berat perlu dikenakan. Saya ingin mencadangkan agar denda dikenakan kepada RM5,000, penjara dinaikkan dari lima tahun kepada sepuluh tahun dan perompak cetak rompak ini juga dikenakan hukuman sebatan bagi memastikan kegiatan cetak rompak ditangani dengan lebihi berkesan lagi.

Keduanya, dari segi aspek penguasaan. Walaupun kita mempunyai akta dengan peruntukan undang-undang yang dapat melindungi pengeluar dan penerbit filem dan drama serta bahan-bahan, lain-lain bidang kerja yang dapat perlindungan hak cipta tetapi kelemahan dari segi penguatkuasaan menyebabkan Akta dan peruntukan undang-undang ini menjadi tidak bermakna. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan bilangan atau jumlah kejayaan dalam membanteras aktiviti cetak rompak serta nyatakan nilai rampasan bagi tahun 2010 dan tahun 2011. Kita masih dapati VCD dan DVD cetak rompak berleluasa di pasar-pasar malam. Apakah tindakan tegas yang diambil bagi membanteras dan menghapuskan terus aktiviti cetak rompak bukan sahaja di peringkat pengedar tetapi juga pengeluar?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang pindaan seksyen 31 iaitu bagi subseksyen (1), subseksyen (2) dan subseksyen (3)(a), subseksyen (3)(b). Subseksyen (5) dan subseksyen (6) bagi memasukkan selepas perkataan “Bahasa Kebangsaan”, dengan perkataan bahasa vernakular lain di Malaysia.

Langkah kerajaan meminda seksyen ini adalah membuktikan komitmen kerajaan bukan sahaja melindungi kepentingan Bahasa Melayu tetapi juga kepentingan lain-lain bahasa yang terdapat di negara ini. Sesuai semangat Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Walaupun Bahasa Melayu sebagai bahasa persekutuan tetapi bahasa-bahasa lain juga bukan sahaja bebas diamalkan tetapi juga dilindungi. Seksyen 31 ini memberikan perlindungan hak cipta dan lesen mengeluarkan dan menerbitkan hasil penulisan dan penterjemahan dari bukan sahaja dalam Bahasa Melayu tetapi lain-lain bahasa. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dua nama lagi. Pertama saya mempersilakan Yang Berhormat Puan 'Norhaliza', selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Johari. Mempersilakan Yang Berhormat Puan 'Norhaliza'.

4.47 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua nama saya Norliza, bukan Norhaliza.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! saya...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Akan tetapi tidak mengapa saya juga ingin...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: ...Mengambil kesempatan ini..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya minta maaf. Saya tersilap. Tersilap baca, bukan. Tersilap.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Tidak apa. Apa-apa pun. Mungkin Tuan Yang di-Pertua peminat Siti Nurhaliza rasanya... *[Ketawa]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: *[Ketawa]*

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Apa pun Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana dilantik pada hari ini sebagai Tuan Yang di-Pertua untuk mempengerusikan mesyuarat pada petang ini. *Insya-Allah* saya akan cuba meringkaskan bahas saya supaya tidak memakan masa yang panjang.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu menerusi pindaan yang dibuat saya difahamkan setiap badan yang akan menjalankan kerja memungut royalti wajib berdaftar dahulu dengan kementerian. Badan yang ingkar ini akan dibatalkan lesennya. Jadi, atas akta itu saya ingin menyentuh fasal 17 mengenai perisytiharan sesuatu persatuan atau organisasi sebagai badan pelesenan serta fasal 18, fasal 19 dan fasal 20 berhubungan dengan pengendalian skim perlesenan yang mana pindaan ini bertujuan untuk memberi hak sama rata kepada pemegang lesen dan pengendali. Berkait dengan fasal yang saya sebutkan tadi, saya ingin bertanya kepada kementerian selama ini siapakah sebenarnya yang mengutip royalti bagi pihak karya sasterawan, karya seni, karya muzik dan lain-lain.

Seterusnya saya ingin bertanya, di bawah akta ini bagaimana pula *mechanism* yang digunakan oleh kementerian dalam pengagihan royalti.

Saya juga ingin bertanya mengenai pindaan-pindaan dalam akta ini. Adakah ia menetapkan kadar tertentu untuk mereka yang terlibat akan tahu lebih awal jumlah royalti yang akan mereka peroleh?

Persoalan seterusnya, bagaimana pula dengan artis yang muncul menerusi *internet* umpamanya menerusi *YouTube*. Apakah mereka ini juga tertakluk di bawah akta ini?

Saya juga hendak bertanya, bagaimana mereka-mereka yang terlibat secara tidak langsung iaitu penggerak di belakang tabir dalam sesuatu penerbitan album, pentas, drama dan filem mahu pun teater.

■1650

Adakah mereka mempunyai hak saksama dalam pindaan ini? Jadi saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah adanya satu jawatankuasa khas di bawah kementerian yang akan berfungsi untuk mengutip segala royalti bagi individu kerana mungkin pada pandangan saya, ia lebih berkesan dan relevan agar tidak wujud sebarang kekusutan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, pihak kerajaan juga akan mengambil langkah bagi berbincang dengan pihak telekomunikasi yang selama ini bersenang-lenang mengaut keuntungan daripada hasil jualan nada dering sedangkan operasi utama mereka adalah rangkaian telefon dan juga perkhidmatan lain berkaitan dengan penggunaan telefon bimbit dan bukannya daripada nada dering. Jualan nada dering sememangnya kini menjadi menu utama penggiat muzik kerana jualan fizikal pada album agak kurang berkesan. Namun, pihak artis dan syarikat rakaman terpaksa berkongsi keuntungan yang sama dengan pihak telekomunikasi sedangkan mereka tidak langsung berfungsi dalam soal pembikinan. Jadi, saya berharaplah supaya kementerian menyelidik dengan lebih teliti soal pembahagian royalti kepada kelompok-kelompok kreatif ini dan hak-hak eksklusif mereka dalam menjual bakat dan hasil kerja selama ini.

Saya berharap menerusi pindaan ini juga dapat memantapkan lagi Tribunal Hak Cipta supaya jika ada artis yang tidak berpuas hati, mereka boleh membawa kes mereka ke tribunal ini tanpa melalui mahkamah sivil sebagaimana yang termaktub dalam fasal 21, fasal 22 dan fasal 23. Saya ingat dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat.

4.52 ptg.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang yang terakhir dalam membincangkan untuk meminda Akta Hak Cipta 1987.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa hak cipta adalah hak yang dimiliki oleh seseorang atau kumpulan atau syarikat ataupun kerajaan yang apabila ia diwartakan dan diberikan surat perakuan sebagai yang sah, maka dia adalah pemilik sebenar kepada ciptaan itu. Saya rasa ini adalah satu pengiktirafan dan semua orang perlu menjaga hak orang lain dan setiap orang akan merasa senang apabila haknya dipelihara. Jadi, pindaan ini adalah untuk memberi kekuatan lagi pada undang-undang yang sedia ada supaya pihak-pihak yang mempunyai hak itu dapat dipelihara dengan baik, dan pada waktu yang sama juga, dalam pindaan ini memberi peruntukan denda kepada mereka yang melakukan kekhilafan-kekhilafan.

Saya ingin menarik perhatian di sini Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat dalam huraian ini, saya ingin bertanya kepada Menteri mengenai huraian nombor dua, *"Akta Hak Cipta 1987 pada masa ini memperuntukkan perlindungan kepada karya sastera, karya seni, karya muzik, rakaman bunyi, filem, siaran dan perlindungan kepada pelaku"*. Saya 'dok' cari sini tidak jumpa karya agama...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Karya?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Karya agama. Tulisan-tulisan yang ditulis dalam bidang keagamaan. Bagi saya, ia juga adalah satu karya. Adakah ia dimasukkan di bawah perkataan sastera? Kalau ia dimasukkan di bawah perkataan sastera, maka agama itu menjadi kecil. Sedangkan karya agama ini merupakan karya yang telah lama bertapak di dalam masyarakat kita sejak para alim ulama dahulu sampai kini. Jadi saya mohon dalam hal ini penjelasan daripada pihak Menteri supaya diperjelaskan. Ini kerana sekarang pun ada orang mencuri juga karya-karya agama ini sebagaimana yang lain-lain. Kadang-kadang karya orang lain dinamakan dengan namanya dan ini juga berlaku...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Itu tidak masuk dalam hak karya. Itu karya ilmuwan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya, karya ilmuwan. Di sini saya tidak jumpa karya agama.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak ada, ya?

Dato' Dr. Johari bin Mat: Sastera ada. Dalam huraian nombor dua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, ya.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Kedua, saya mendengar tadi hak karya ini sampai tempoh 50 tahun. Jadi, apabila 50 tahun itu, atas asas apa, atas asas apa? Adakah kita mengikut apa yang telah dibuat oleh WCT? Betul, kita mungkin boleh mengikut apa-apa perkembangan luar negara supaya kita boleh berurusan. Namun, kita juga mempunyai hak membentuk aturan kita sendiri. Bagi saya apabila seseorang itu ada hak karyanya, dia boleh sampai bila-bila. Itu haknya. Kalau kita ada tanah, hak itu tanah kita, boleh pusakakan kepada waris kita. Jadi, mengapa kita bataskan kepada 50 tahun?

Saya ingin melihat di sini kewajaran kita membataskan. Ini kerana kalau kita lihat, kalau dia masih ada, dan apabila meninggal, anaknya. Selepas anaknya, cucunya dan keturunannya. Itu hak. Jadi, saya ingin supaya perkara ini diteliti balik kerana hak ini boleh diwarisi. Sama juga dengan hak tanah, hak apa-apalah, aset, boleh diwarisi. Kalau aset kita 50 tahunkah, berapa tahunkah, tetap aset. Boleh dipusakai. Jadi, saya berpendapat hak cipta ini merupakan hak selama-lamanya kepada orang yang mencipta dan juga anak dan keturunannya sampai bila-bila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Barangkali, isu yang sama yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin tadi. Mengapa hak ciptaan P. Ramlee itu sebagai tidak ada pewarisnya sekarang.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Ya, ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tidak tahulah sama ada dalam semangat yang sama.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Bolehlah digabungkanlah kalau sama.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Perkara yang barangkali perlu mendapat penjelasan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Okey. Kemudian, saya ingin juga menarik perhatian di sini. Sebenarnya, apabila bercakap tentang hak cipta ini, maka setiap orang pun akan merasa gembira kalau kita berikan haknya. Dia merasa akan mewarisi ilmunya, ciptaannya, tulisannya dan bagi orang yang banyak menulis, mungkin setiap kali diulang cetaknya, ada haknya di situ, dan begitu juga karya-karya lain. Oleh kerana itulah saya merasakan ada orang yang menjual karya itu, dia mungkin tidak hendakkan haknya, tetapi ada orang yang mengekalkan haknya. Jadi, oleh kerana itu saya mengambil masa yang sedikit Tuan Yang di-Pertua, untuk menimbulkan, mempersoalkan ini dan yang lain-lain telah ramai Yang Berhormat Senator yang telah mengutarakannya. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dalam senarai yang ada di depan saya ini, sudah tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang menunggu giliran. Ertinya yang ingin bercakap telah pun bercakap seluruhnya dan kalau tidak ada lagi yang hendak bercakap, saya dengan hormat mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan.

4.58 ptg.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kesemua lapan orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010.

Mereka ialah Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin berkaitan dengan apa yang layak dikategorikan sebagai karya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, karya iaitu seperti karya sastera, karya muzik, karya seni, karya filem, rakaman bunyi dan siaran. Begitu juga untuk menjawab soalan berkaitan dengan reka bentuk perindustrian. Dalam pindaan baru ini, seksyen 13C berkaitan dengan reka bentuk perindustrian telah pun dikeluarkan dalam Akta Hak Cipta. Ini adalah lebih jelas. Mana-mana reka bentuk perindustrian didaftarkan dan mendapat perlindungan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian.

Berkaitan dengan seksyen 43H, prosedur yang ditentukan oleh Menteri. Prosedur mengenai pemberitahuan ini akan ditentukan melalui peraturan yang mana pihak kementerian pada masa kini sedang giat memanggil dan meminta maklum balas daripada semua pihak yang berkepentingan seperti *internet service provider* dan pemilik hak cipta supaya prosedur berkenaan komprehensif dan bersesuaian.

■1700

Berkaitan dengan senarai kuasa lantikan siapa yang terlibat yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop dengan pindaan ini sebenarnya Menteri boleh melantik iaitu apa-apa bilangan termasuk timbalan pengawal hak cipta, penolong pengawal hak cipta dan perkara lain yang perlu bagi pentadbiran yang sepatutnya dalam akta ini iaitu termasuk juga pegawai penguat kuasa.

Satu lagi yang dibangkitkan ialah apakah karya yang tidak boleh dicetak rompak. Dengan teknologi yang terkini, kita dapati bahawa adalah tidak mustahil semua karya boleh dicetak rompak tidak kira sama ada ia karya seni ataupun filem. Oleh kerana itu, Akta Hak Cipta ini dibentuk dan digubal serta ditambah baik untuk menangani masalah iaitu cetak rompak. Berkaitan dengan perbezaan di antara paten, hak cipta dan bagaimana MyIPO membezakan perlindungan tersebut, paten adalah komponen harta intelek yang melindungi fungsi sesebuah reka cipta iaitu *invention* di dalam teknologi manakala hak cipta adalah komponen harta intelek yang melindungi kreativiti dari segi minda dan idea. Perbezaan paten adalah memerlukan pendaftaran dan hak cipta di sini pendaftarannya adalah dibuat secara sukarela.

Untuk menjawab iaitu soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, bagaimana orang yang tidak mampu membeli naskhah asal contoh yang telah diberikan, dibangkitkan ialah berkaitan dengan *computer software* untuk pelajar.

Di dalam pindaan akta ini mengambil kira bagi beberapa golongan untuk menggunakan karya-karya hak cipta tanpa melanggar hak eksklusif pemunya karya, *exceptions of copyright* dan pelanggaran yang diberikan hanya untuk maksud tertentu sahaja seperti OKU dan penggunaan 'R' dan 'C' - 'R' adalah bagi komponen undang-undang harta intelek yang lain iaitu cap dagangan dan ia adalah untuk menunjukkan cap dagangan itu telah didaftarkan dan untuk 'C' bukanlah dirujuk kepada hak cipta.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali berkaitan dengan implikasi pindaan khususnya kepada isu P. Ramlee. Pada asasnya semua hak cipta adalah kepunyaan ataupun hak eksklusif pemilik hak cipta P. Ramlee contohnya namun disebabkan kerana hak cipta merupakan juga satu harta maka sesetengah pihak hak cipta menyerahkan kesemuanya iaitu menjual harta hak cipta mereka ini sehingga menyebabkan kerugian kepada mereka apabila karya mereka itu diulang siar semula.

Oleh itu, kementerian berhasrat dan juga telah pun beberapa kali mengadakan dialog dengan artis untuk menyedarkan hak-hak artis ini. Karya hak cipta P. Ramlee adalah di bawah peruntukan karya yang dibuat di dalam kontrak pekerjaannya *employer and employee relationship.*

Oleh itu, karya adalah secara automatik akan dipegang oleh majikan iaitu *The Show Brothers* semasa Allahyarham P. Ramlee masih hidup disebabkan kerana hak ciptanya telah pun dijual kepada *The Show Brothers* dan kita telah pun mengadakan beberapa siri dialog tetapi disebabkan kerana *The Show Brothers* masih lagi belum hendak iaitu melepaskan hak cipta yang telah pun dibeli daripada Allahyarham P. Ramlee dahulu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi, kalau saya boleh mencelah Yang Berhormat, bagaimana dengan pelupusan masa 50 tahun itu, tidakkah ini bermakna bahawa pelupusan masa 50 tahun itu hak *The Show Brothers* sudah lupus, dan boleh dikembalikan kepada pemilik asalnya?

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hak cipta 50 tahun ini telah ditetapkan oleh iaitu *World International Copyright* (WIPO). Selepas 50 tahun itu, maka ia akan menjadi *public domain* maka selepas itu barulah kita mendapat membeli balik *copyright* yang daripada P. Ramlee inilah sebab setakat ini saya ingat jangka masa 50 tahun itu belum sampai lagilah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sudah sampai sudah, sebahagian sudah sampai sudah.

Dato' Tan Lian Hoe: Sebahagian sudah sampai, walaupun ia di dalam rundinganlah sebab untuk membeli balik kadangkala ia melibatkan kos yang begitu tinggi. Kalau sudah sampai menjadi *public domain* itu maka ia akan kita lihat dan WIPO akan bincang dan kita menjadi hak iaitu pihak *public*lah. *So*, untuk menjawab soalan...

Tuan Khoo Soo Seang: Minta mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Tuan Khoo Soo Seang: Kalau mengikut jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, bermaksud Kelab Komputer dan sekolah itu dikecualikanlah. Jadi, walaupun saya tahu memang pihak berkuasa tidak akan masuk ke sekolah dan mengambil tindakan tetapi ini juga menjadikan semua cikgu-cikgu semua serba salah kerana apa yang kita buat di sekolah adalah salah. Jadi saya hendak tanya, adakah kerajaan akan menimbang untuk mengecualikan sekolah daripada penguatkuasaan Akta Hak Cipta ini.

Dato' Tan Lian Hoe: Sebelum saya menjawab kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang, saya ingin menjelaskan kepada Tuan Yang di-Pertua yang membangkitkan tentang 50 tahun di mana 50 tahun itu adalah sebenarnya adalah daripada tarikh iaitu kematian Allahyarham P. Ramlee bukan *copyright* itu di– hasil-hasil seninya itu dikeluarkan selepas tarikh kematian Allahyarham P. Ramlee maka 50 tahun itu belum tamat lagilah.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang. Dalam kes seksyen 13 ini untuk keperluan pelajaran *educational purposes* sebenarnya sekolah-sekolah memang dikecualikanlah.

Seterusnya, berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali berkaitan dengan seksyen 51A *evidence by agent provocateurs*, peruntukan ini digubal dan diadakan untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan diambil ke atas lanun cetak rompak dan agen AP ini digunakan untuk mendapatkan keterangan secara langsung *direct evidence* dengan menggunakan taktik *test purchase* bagi tujuan membuktikan elemen penjualan barangan cetak rompak ini. Peruntukan ini juga digubal untuk membolehkan keterangan iaitu agen AP ini diterima pakai di mahkamah sebagai bukti pendakwaan.

Walau bagaimanapun keterangan AP, sekiranya adalah salah ataupun tidak disokong oleh bukti atau keterangan lain mahkamah masih boleh menolak keterangan tersebut dan pindaan pendakwaan masih perlu membuktikan keterangan AP tersebut mengikut undang-undanglah. Begitu juga untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali, apakah soalan dalam seksyen 43H, apakah prosedur yang ditentukan oleh Menteri- 43H adalah peruntukan bagi mengehadkan liabiliti ke atas pembekal perkhidmatan di mana apabila sesuatu salinan elektronik apa-apa karya melanggar hak cipta prosedur, prosedur yang ditentukan adalah di mana pemunya hak cipta yang dilanggar memberitahu pemberi perkhidmatan rangkaian keluarkan pelanggaran tersebut, menyingkirkan ataupun melumpuhkan apa-apa capaian kepada salinan elektronik.

■1710

Pemilik hak cipta hendaklah membuat iaitu akujanji bagi pampasan sekiranya pemberi perkhidmatan mengalami kerugian, kehilangan ataupun tanggungan akibat kesalahan mengambil keluar salinan elektronik yang tidak melanggar hak cipta.

Bagi orang yang mana salinan elektronik karyanya telah disingkirkan, boleh membuat pemberitahuan balas untuk mengembalikan salinan elektronik tersebut dan pemberi perkhidmatan menerima pemberitahuan balas dalam masa sepuluh hari di mana ia akan kembalikan bahan tersebut di *internet*.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat, isu berkaitan dengan cetak rompak dalam seksyen 41, Akta Hak Cipta telah menggariskan secara jelas iaitu perbuatan-perbuatan yang dikategorikan sebagai pelanggaran hak cipta termasuklah aktiviti cetak rompak yang jika disabit kesalahannya boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM2,000 dan tidak melebihi RM20,000 bagi setiap salinan pelanggaran dan juga penjara tidak lebih daripada lima tahun.

Soalan yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Noriah binti Mahat iaitu tentang dakwaan undang-undang untuk cetak rompak hak cipta ini. Kes yang diambil tindakan sehingga November 2011 ini jumlah kes ialah 509 kes dengan nilai rampasan ialah RM10.1 juta dan dendanya ialah RM3.8 juta dan seramai 1,440 orang yang telah ditangkap.

Untuk menjawab soalan Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berkaitan dengan bagaimana pembudayaan rasa hormat kepada karya hak cipta. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengadakan program-program *awareness* kepada semua pihak termasuklah para pengkarya supaya mereka faham dan peka dengan hak masing-masing dan juga bagi pihak pengguna supaya mereka tahu menghargai hasil kreativiti pengkarya dan tidak begitu lokek untuk memberikan imbuhan yang sewajarnya.

Soalan yang seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi ialah bagaimana cara anak-anak pengkarya hendak tahu mengenai hak cipta pengkarya terutamanya mengenai royalti dan tempoh masa perlindungan selama 50 tahun. Pindaan kepada iaitu karya ini juga memperuntukkan mengenai pendaftaran hak cipta secara sukarela. Sijil pendaftaran ini boleh disimpan oleh tuan punya hak cipta dan boleh dijadikan keterangan konklusi mengenai pemilikan hak cipta tersebut. Soalan seterusnya ialah selain itu, rekod pendaftaran hak cipta ini adalah direkodkan di MyIPO Ia boleh disemak semula secara manual di MyIPO atau secara dalam talian. Semua butiran mengenai hak cipta tersebut direkod dan disimpan.

Soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berkaitan dengan polisi kerajaan sama ada produk hak cipta atau paten mempunyai ciri-ciri Malaysia sebelum dieksport. Setakat ini tiada lagi polisi kerajaan yang mewajibkan hak cipta atau pun paten mempunyai ciri-ciri Malaysia sebelum dieksport. Namun begitu, pihak kementerian mengalu-alukan sekiranya pencipta menerapkan ciri-ciri Malaysia dalam karya atau produk sebelum dieksport ke negara luar.

Soalan seterusnya iaitu berkaitan dengan hak cipta perlu didaftarkan. Selaras dengan *Agreement on the Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS) yang juga mencakupi *Berne Convention*, semua karya hak cipta tidak boleh diwajibkan pendaftaran. Oleh itu, digalakkan agar semua pemilik hak cipta memberitahu secara sukarela kepada kementerian supaya satu sijil yang membuktikan bahawa karya tersebut adalah kepunyaan ataupun hak milik harta mereka. Isu berkaitan dengan kanak-kanak yang menjadi pengkarya, perlu ada unit khas untuk melindungi kanak-kanak yang menjadi pengkarya. Sebagaimananya dalam undang-undang lain, hak atau perlindungan kepada kanak-kanak sememangnya dijaga atau dilindungi oleh *guardian* dan penjaga yang dilantik di bawah undang-undang untuk menjaga kepentingan kanak-kanak tersebut. Cadangan untuk unit khas bagi melindungi kanak-kanak akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian.

Isu berkaitan dengan *fee* yang akan dikenakan dan juga yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz. Isu mengenai *fee* yang akan dikenakan akan dijelaskan secara terperinci di dalam peralihan hak cipta dan pihak kementerian akan membuat sesi konsultasi dengan pihak-pihak berkaitan sebelum ketetapan mengenai *fees* yang dibuat.

Berkaitan dengan teknologi fana yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz juga, ia merupakan istilah bahasa Melayu iaitu *transient electronic copy*. Ia bermaksud salinan maya ataupun secara elektronik untuk mana-mana laman sesawang dalam satu-satu komputer. Sebagai contohnya *cookies* di dalam komputer.

Soalan seterusnya berkaitan dengan *a statutory damages*. Untuk menjawab soalan ini, ganti rugi tambahan dalam tuntutan sivil bagi pelanggaran hak cipta selain *release* sedia ada yang akan di*award* oleh mahkamah dalam nilai yang difikirkan patut iaitu di antara RM25,000 hingga RM500,000 setelah mengambil kira dan berpuas hati dengan faktor-faktor yang berkaitan.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat tentang kejayaan bagi tahun 2011 iaitu kita telah pun ada kes berjumlah 509 kes. Tadi pun telah dijawab tentang penguatkuasaan.

Berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza binti Abdul Rahim, orang belakang di belakang tabir, macam teater dan sebagainya, adakah mereka juga mempunyai hak yang saksama dalam menuntut iaitu royalti mereka. Untuk ini, sekiranya orang belakang tabir ada diberikan sumbangan terhadap karya mereka iaitu di mana mereka juga ada mempunyai hak yang saksama. Contohnya macam komposer muzik latar membuat muzik latar bagi filem dan sebagainya, pemilik sebenarnya ada hak untuk mendapatkan royalti juga.

Karya yang disiarkan di dalam *YouTube* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Norliza juga merupakan satu medium baru bagi artis untuk memasarkan produk dan mempromosi lagu-lagu mereka. Akan tetapi sekiranya terdapat karya yang disiarkan tanpa kebenaran, pindaan baru melalui had *internet services provider* (ISP) yang dikehendaki mengeluarkan sesuatu karya yang dilanggar dan sekiranya tidak ISP tersebut akan dipertanggungjawabkan untuk kes ini.

■1720

Lagi satu berkaitan dengan soalan yang dibangkitkan adakah iaitu pengkarya boleh tahu terlebih dahulu berkaitan dengan royalti. Ini semua sebenarnya badan pelesenan iaitu *Collective Management Organizations* (CMO). Ia bergantung pada jualan dan juga penggunaan sesuatu karya itu sebab selalunya iaitu pengkarya ini akan ada *agreement* dengan CMO dan segala agihan royalti akan ditentukan oleh badan pelesenan yang dirunding dahulu dengan ahli-ahli yang bernaung di dalam sesebuah CMO itu sendiri.

Badan kutipan sedia ada di Malaysia di sini sebenarnya kita ada yang pertamanya iaitu Public Performance Malaysia Sdn. Berhad sebagai syarikat rakaman yang kita panggil sebagai PPM dan MACP Iaitu *Music Author's Copyright Protection* royalti bagi penulis lirik, pengubah dan syarikat penerbit lagu dan muzik dan lagi satu ialah PRISM iaitu Performance and Artist Rights Sdn. Bhd.

Begitu juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Norliza di sini, jawatankuasa khas di kementerian bagi memantau aktiviti kutipan royalti. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini Jawatankuasa khas di kementerian belum diubah sebab Jawatankuasa ini memang dijalankan oleh penguatkuasa kementerian terutamanya oleh kementerian kita sendiri. Kita belum ada lagi jawatankuasa khas ini.

Berkaitan dengan isu 50 tahun perlindungan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr. Johari di sini, iaitu 50 tahun sebenarnya adalah had minimum yang digariskan oleh Konvensyen Berne iaitu satu konvensyen antarabangsa berkaitan hak cipta. Sebagai negara anggota, Malaysia perlu memenuhi peruntukan ini dan lima tahun merupakan satu tempoh yang difikirkan memadai untuk pengkarya dan waris mengeksploit karya dari segi ekonomi seperti mendapat royalti sebelum tempoh perlindungan tamat dan karya dijadikan sebagai iaitu *public domain*.

Karya agama iaitu sama ada karya agama ini dilindungi ataupun tidak dilindungi. Semua bentuk karya agama sememangnya dilindungi iaitu di bawah akta ini selagi ia ditulis secara tersirat iaitu ditulis *under return form*, ia dikategorikan sebagai karya sastera. Sekiranya karya agama tersebut dibuat dalam bentuk audio, ia juga dilindungi di bawah akta ini.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon sedikit mencelah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkenaan dengan tempoh 50 tahun ditetapkan secara minimum oleh Konvensyen Berne tadi, saya hendak tanya. Ini *apply* untuk semuakah? Bagaimana dengan bahan yang melibatkan dengan sejarah?

Sebagai contohnya katakanlah melibatkan karya yang kita baru jumpa, iaitu Tun Sri Lanangkah, adakah ini juga terikat dengan 50 tahun sebab ada karya yang mungkin orang biasa tetapi ada karya yang agung. *So* dalam konteks ini, adakah 50 tahun ini terlibat kepada semua? Maknanya di*apply* juga kepada perkara yang bersejarah? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, saya sambung sedikit tentang tajuknya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Dato' Tan Lian Hoe: Berkaitan dengan akta ini juga ia membuat perlindungan hak cipta mengenai format karya tersebut dan bukan mengikut pengisian karya. Sebahagian dengannya karya agama ini tidak perlu diperuntukkan memandangkan ia termasuk dalam karya sastera ataupun karya audio yang bergantung pada format karya tersebut.

Berkaitan dengan 50 tahun untuk karya-karya sejarah dan sebagainya memang ia adalah tertakluklah. Untuk satu lagi iaitu berkaitan dengan soalan, saya ingat sudah habislah sebab tadi pun sudah dijawab tentang jawatankuasa khas di kementerian. *So,* itu sahajalah yang dapat saya jawab untuk Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tadi tentang jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mumtaz iaitu tentang karya-karya iaitu sejarah seperti Tun Sri lanang dan sebagainya, telah pun saya katakan bahawa 50 tahun daripada tarikh kematian pencipta itulah. *So,* apabila sudah selepas 50 tahun maka ia akan menjadi *public domain* seperti yang telah dijelaskan tadi. *So*, itu sahaja yang dapat saya beri keterangan dan saya sekali lagi hendak mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi pandangan dan cadangan iaitu kepada kementerian dan mana-mana yang tertinggal akan dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, jika semua persoalan dan kemusykilan yang disuarakan telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, maka sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 38 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

5.28 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk pendaftaran, pentadbiran dan penggulungan perkongsian liabiliti terhad serta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pilihan bentuk perniagaan adalah terbatas kepada pilihan tradisional seperti pemilikan tunggal, perkongsian dan syarikat. Pihak kementerian berpendapat bahawa kerangka undang-undang kini perlu mengambil kira arus globalisasi dan liberalisasi perdagangan dan perkhidmatan untuk memastikan perniagaan di Malaysia berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Inisiatif untuk memperkenalkan perkongsian liabiliti terhad ini adalah untuk melengkapkan lagi bentuk perniagaan yang sedia ada di Malaysia dan bertujuan untuk memberikan pilihan yang lebih luas kepada peniaga dan usahawan bagi tujuan menjalankan dan menstrukturkan operasi perniagaan mereka supaya lebih kompetitif. Perkongsian liabiliti terhad yang dicadangkan merupakan hibrid yang menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional. Perkongsian liabiliti terhad ini, ia akan memberikan status liabiliti terhad kepada pekongsi-pekongsinya di samping mengekalkan ciri-ciri perkongsian konvensional yang memberikan keanjalan peraturan dalaman sesebuah perniagaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Gabungan ciri-ciri tersebut dirumuskan untuk memenuhi kehendak keperluan perniagaan kecil atau yang baru bermula iaitu berbentuk *start-up* dan *venture capital* serta golongan profesional. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, bentuk perniagaan pemilikan tunggal dan perkongsian konvensional tidak memberikan akses kepada status liabiliti terhad manakala Akta Syarikat 1985 pula tidak memberikan keanjalan sepenuhnya untuk menepati keperluan dan kehendak firma perniagaan yang baru beroperasi atau yang sedang berkembang.

Tambahan lagi, tidak semua aktiviti perniagaan dapat dijalankan melalui syarikat terhad yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Terutamanya ini merujuk kepada golongan profesional tertentu seperti guaman dan akauntan yang dilarang oleh undang-undang yang mentadbir profesion mereka daripada memperbadankan firma perniagaan mereka.

Lantaran pengenalan perkongsian liabiliti terhad akan membawa manfaat kepada golongan profesional kerana ciri-cirinya yang memberikan perlindungan melalui status liabiliti terhad kepada pekongsi yang tidak cuai ketika menjalankan tanggungjawab berkaitan perniagaan. Itu berbeza dengan keadaan ketika ini yang tidak membezakan liabiliti seseorang pekongsi sekiranya mereka beroperasi menggunakan firma perkongsian konvensional.

Selain itu, pengenalan perkongsian liabiliti terhad boleh dianggap sebagai memberikan golongan peniaga dan pelabur untuk memilih bentuk perniagaan yang bersesuaian dan memenuhi kriteria komersial serta keperluan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini hanya syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 sahaja yang memberikan status liabiliti terhad kepada para usahawan. Sekiranya usahawan tersebut beroperasi menggunakan bentuk perniagaan pemilikan tunggal ataupun perkongsian konvensional, aset peribadi mereka juga akan terjejas sekiranya perniagaan tersebut menghadapi masalah.

Ini adalah kerana usahawan tersebut boleh diambil tindakan guaman secara bersesama atau berasingan dengan firma perniagaan. Risiko berkaitan perniagaan merupakan salah satu faktor penghalang untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan dan risiko ini dapat dikurangkan jika pekongsi atau peniaga memilih untuk berniaga melalui perkongsian liabiliti tersebut yang dicadangkan memandangkan perundangan jenis ini mempunyai mekanisme perlindungan yang mencukupi untuk memastikan aset peribadi pekongsi terpelihara di samping kepentingan pihak ketiga yang berurusan dengan sesebuah perkongsian liabiliti terhad juga dilindungi.

Selain status liabiliti terhad, perkongsian liabiliti terhad juga menawarkan fleksibiliti dalam membuat perjanjian perkongsian untuk mengawal peraturan dalaman perniagaannya sama seperti perkongsian konvensional. Kombinasi ini bakal memberikan usahawan dan peniaga fleksibiliti operasi yang dikawal mengikut perjanjian perkongsiannya sendiri berbanding sebuah syarikat yang tertakluk kepada keperluan peraturan tadbir urus korporat di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 dalam kebanyakan urusan hariannya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian juga telah membuat kajian berkaitan pengenalan perkongsian liabiliti terhad di negara lain, Amerika Syarikat, United Kingdom, Singapura, India, Jepun serta Emiriah Arab Bersatu adalah di antara negara-negara yang telah memperkenalkan perkongsian liabiliti terhad sebagai bentuk perniagaan alternatif. Di dapati bahawa ia telah menyumbang ke arah mempertingkatkan semangat keusahawanan.

Pada tahun 2009, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan juga telah memperkenalkan perkongsian liabiliti terhad. Kerangka undang-undang yang dicadangkan memperuntukkan prosedur yang mudah bagi tujuan penubuhan penyelenggara dan pembubaran. Oleh sebab prosedur dan keperluan yang mudah, kos pentadbiran dan pematuhan juga berkurangan berbanding dengan sesebuah syarikat.

Keistimewaan dan manfaat ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan perniagaan di Malaysia dan dapat menjadikan negara ini sebuah pusat perniagaan yang kondusif dan dinamik. Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 yang dibentangkan ini mencadangkan sembilan bahagian terdiri daripada 92 seksyen dan juga tiga jadual yang merangkumi perkara-perkara berhubung pendaftaran, hubungan dan tanggungan perkongsian liabiliti terhad dengan pekongsinya serta pembubaran sesebuah perkongsian liabiliti terhad.

Secara umumnya, Bahagian I mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan penguatkuasaan akta yang dicadangkan. Bahagian ini juga menyatakan takrif perkataan dan frasa yang dipakai di dalam akta.

Bahagian II menerangkan ciri-ciri asas sesebuah perkongsian liabiliti terhad termasuk bahawa ianya merupakan sebuah perbadanan pertubuhan yang mempunyai keperibadian undang-undang berasingan dari pekongsi-pekongsinya yang memberikannya sifat pewarisan berterusan serta membolehkannya memegang harta, mengambil dan diambil tindakan undang-undang yang berkontrak. Bahagian II juga menerangkan bahawa undang-undang berhubung perkongsian di bawah Akta Perkongsian 1961 adalah tidak terpakai kepada perkongsian liabiliti terhad.

Bahagian III rang undang-undang ini mengandungi peruntukan bahagian prosedur-prosedur pendaftaran dan keperluan yang perlu dipenuhi termasuk bahawa nama sesebuah perkongsian liabiliti terhad perlu berakhir dengan perkataan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT). Sesebuah perkongsian liabiliti terhad boleh ditubuhkan untuk semua jenis perniagaan yang sah di sisi undang-undang dengan tujuan keuntungan dan ia hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya 20 kerusi dan terbuka bukan sahaja kepada golongan peniaga malah kepada golongan profesional juga. Rang undang-undang ini juga membolehkan perkongsian liabiliti terhad asing didaftarkan sebagaimana peruntukan di bawah Bahagian VI.

Seterusnya Bahagian IV rang undang-undang ini menerangkan bahawa sebarang liabiliti yang timbul akibat kontrak atau *tort* adalah ditanggung sepenuhnya oleh perkongsian liabiliti terhad. Walau bagaimanapun, seorang pekongsi akan bertanggungjawab bersesama dan berasingan dengan perkongsian liabiliti terhad itu sekiranya liabiliti itu timbul akibat perbuatan atau peninggalannya sendiri.

Bahagian V pula menjelaskan peruntukan yang membolehkan sesebuah perkongsian konvensional dan sebuah syarikat persendirian menukar statusnya kepada sesebuah perkongsian liabiliti terhad mengikut prosedur dan syarat-syarat tertentu serta kesan penukaran status tersebut.

Bahagian VII mengandungi peruntukan berhubung penerimaan, penggulungan dan pemotongan nama sesebuah perkongsian liabiliti terhad.

Bahagian VIII mengandungi peruntukan berhubung kuasa-kuasa penguatkuasaan oleh pendaftar.

Bahagian IX menyatakan mengenai perkara-perkara am berhubung pentadbiran

sesebuah perkongsian liabiliti terhad yang memperincikan tanggungjawab pekongsi sesebuah perkongsian liabiliti seperti keperluan menyerah simpan perakaunan tahunan dan keperluan untuk menyimpan rekod-rekod perakaunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran pentadbiran dan pembubaran perkongsian liabiliti terhad dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ya, silakan Yang Berhormat Mumtaz.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

5.40 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011. Saya cuma ada beberapa perkara hendak bagi tahu kepada Yang Berhormat Menteri. Pertama, berkaitan dengan apabila Perkongsian Liabiliti Terhad ini diperkenalkan sekarang, bagaimanakah kedudukan syarikat-syarikat yang telah pun dijalankan sebelum ini. Saya percaya apabila disebutkan perkongsian terhad ini melibatkan golongan peguam, akauntan dan juga melibatkan *enterprise*. Jadi, peguam sekarang ada lebih kurang 12,000 peguam yang terlibat dan adakah mereka terpaksa mendaftar semula. Ertinya adakah mereka terpaksa berdaftar dengan *Bar Council*, kemudian daftar semula dengan ROS atau ROB dalam kes ini? Jadi kalau belum dibuat, adakah kena buat sekarang atas keinginan mereka untuk memilih untuk terlibat dalam masuk yang ini baru mereka kena daftar? Itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan sekiranya mereka hendak mendaftar semula atau mereka hendak memulakan, adakah mereka terpaksa buat sebagaimana yang dibuat untuk ROS. Maknanya daripada segi memorandumnya, artikelnya dan juga berkenaan dengan inventori dari sudut aset-aset yang dimiliki oleh syarikat terbabit. Setakat ini berapakah jumlah syarikat yang mempunyai liabiliti terhad dan syarikat yang tidak mempunyai liabiliti terhad yang telah didaftarkan di bawah kementerian dan berkenaan dengan bila mana kita membenarkan perkongsian liabiliti terhad ini melibatkan warga asing.

Adakah kerajaan mempunyai kuota ataupun syarat-syarat tambahan bagi memastikan keperluan ataupun hak-hak yang dimiliki oleh tempatan itu terjamin daripada pengenalan daripada perkongsian liabiliti terhad dan dari sudut implikasi undang-undang, adakah pihak yang memiliki ataupun bersetuju untuk membuat proses liabiliti terhad ini, mereka perlu menyerahkan perjanjian perkongsian itu kepada pihak ROB atau ROS yang mengendalikan pendaftaran liabiliti terhad ini supaya had ataupun liabiliti mereka itu dapat dikenal pasti sejauh mana keterikatan mereka dengan pekongsi-pekongsi yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

5.42 ptg

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia. Mengenai rang undang-undang ini pada pendapat saya tepat pada masa untuk Malaysia membolehkan satu lagi jenis struktur perniagaan iaitu perkongsian dengan liabiliti terhad. Saya minat dan sokong Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad ini sebab dia mempunyai beberapa kelebihan. Pertama PLT ini mempunyai keperibadian perundangan yang tersendiri dan berasingan daripada pekongsi-pekongsi. Misalnya PLT merupakan *legal entity,* dengan izin.

Kedua, pekongsi-pekongsi PLT menanggung kerugian dan liabiliti secara terhad. Dibandingkan dengan perkongsian biasa di mana pekongsi-pekongsi mempunyai liabiliti tersendiri dan usaha sama yang tidak terhad.

Ketiga, keperluan tentang pejabat berdaftar dan dokumen-dokumen yang perlu disimpan di pejabat berdaftar, ini memungkinkan pihak berminat seperti pekongsi, pembekal, kontraktor, subkontraktor dan pelanggan untuk menyemak sesuatu maklumat di pejabat berdaftar.

Keempat, PLT asing diperbolehkan, ini adalah sesuatu trend globalisasi di mana banyak syarikat atau orang persendirian daripada luar Malaysia berminat untuk melabur ataupun membuka perniagaan di Malaysia. Kita menggalakkannya dan ini mungkin menarik lebih banyak pelaburan luar negeri bagi sektor perkhidmatan khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, kelebihan kelima ialah PLT sesuai diguna pakai untuk amalan profesional seperti peguam bela, peguam cara, akauntan bertauliah, setiausaha syarikat. Sebelumnya adanya PLT ini peguam dan akauntan hanya boleh berniaga sebagai pemilik tunggal ataupun perkongsian. Bagi kedua-dua jenis sektor perkongsian ini liabiliti adalah tidak terhad.

Kelebihan keenam, PLT juga sesuai diguna pakai untuk pelbagai jenis perniagaan. Ini merupakan berita baik untuk orang yang berminat untuk berniaga.

Ketujuh, syarikat persendirian liabiliti terhad lazimnya dikenali dengan perkataan sendirian berhad juga boleh ditukar struktur menjadi PLT. Persoalan saya ialah, apakah masalah yang akan dihadapi oleh syarikat sendirian berhad yang bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad. Kedua, berapa lama tempoh untuk proses pertukaran daripada sendirian berhad bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad? Adakah akan mengambil satu minggu, satu bulan ataupun beberapa bulan?

Kelebihan kelapan ialah perkongsian biasa boleh ditukar kepada LPLT dan didaftar dengan PLT. Perjanjian perkongsian sedia ada dapat dipinda menjadi perjanjian PLT. Persoalan saya ketiga ialah, berapa lama tempoh untuk proses perkongsian bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad?

Tuan Yang di-Pertua, kelebihan yang kesembilan, PLT akan mempunyai kos selenggaraan yang lebih rendah daripada syarikat persendirian. Terdapat banyak perniagaan yang mempunyai dua atau lebih rakan kongsi di mana jumlah jualan atau keuntungan adalah kecil. Sekarang mereka terpaksa membentuk syarikat persendirian yakni sendirian berhad supaya liabiliti rakan kongsi adalah terhad. Dengan adanya perundangan PLT, rakan-rakan kongsi yang menghendaki liabiliti terhad boleh membentuk PLT di mana kos selenggaraan tahunan adalah lebih rendah daripada syarikat sendirian berhad.

Kelebihan kesepuluh bagi PLT adalah audit perakaunan adalah tidak wajib. Maka kos selenggaraan tahunan adalah kurang berbanding dengan syarikat sendirian berhad. Ini merupakan satu penjimatan. Bagi syarikat sendirian berhad adalah wajib bagi sesebuah syarikat akauntan bertauliah untuk mengaudit perakaunan syarikat secara tahunan.

Kesebelas, perjanjian PLT boleh direka bentuk supaya pekongsi dapat dipecat berdasarkan sebab-sebab tertentu yang termaktub dalam perjanjian PLT.

Kedua belas, sekiranya ada seorang pekongsi bankrap, meninggal dunia atau kehilangan kelayakan profesional, PLT akan terus berjalan. Dengan syarat jumlah pekongsi selepas kejadian masih ada dua atau lebih pekongsi. Sekiranya selepas kejadian pekongsi bankrap, meninggal dunia atau hilang kelayakan profesional hanya tinggal seorang pekongsi, terdapat kelonggaran tempoh enam bulan untuk PLT memasukkan seseorang pekongsi baru untuk memahami syarat minimum dua pekongsi.

Melihat kedua belas kelebihan ini untuk perkongsian liabiliti terhad, saya berpendapat PLT adalah satu contoh perniagaan alternatif yang sesuai untuk menggalakkan perniagaan di Malaysia. Persoalan saya yang lain ialah yang keempat, bolehkah syarikat berhad bertukar menjadi PLT dan kelima, apakah kelemahan perkongsian liabiliti terhad ini. Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

5.47 ptg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kerana memberi kesempatan untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 pada petang ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang memperkenalkan rang undang-undang ini sebagai usaha untuk memberikan pilihan kepada peniaga dan usahawan untuk memilih bentuk perniagaan yang terkini iaitu liabiliti terhad berbanding sebelum ini terbatas kepada pemilik tunggal, perkongsian dan syarikat seperti syarikat sendirian berhad dan syarikat berhad.

Langkah kerajaan memperkenalkan satu lagi bentuk perniagaan ini iaitu perkongsian liabiliti terhad adalah amat sesuai dan tepat masanya berdasarkan perkembangan dan kemajuan. Pelbagai jenis perniagaan serta demi kepentingan golongan profesional seperti peguam dan akauntan. Selain itu, bentuk perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad ini adalah selari dengan keperluan perniagaan kecil, profesional dan peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai dengan seksyen 6 berhubung dengan penubuhan perkongsian liabiliti terhad. Seksyen ini memperuntukkan mana-mana dua orang atau lebih keseluruhannya dan sebahagiannya perseorangan atau pertubuhan perbadanan boleh menubuhkan satu perkongsian liabiliti terhad. Seksyen ini memberikan peluang dan pilihan kepada mana-mana ahli perniagaan sama ada untuk menjalankan perniagaan dalam bentuk perkongsian liabiliti terhad berbanding amalan konvensional seperti perkongsian ataupun syarikat dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dengan terma-terma perkongsian liabiliti terhad. Dalam hubungan ini, ahli-ahli perkongsian atau *partners* perlu menyatakan terlebih awal dan liabiliti yang akan ditanggung oleh setiap ahli kongsi. Ini berbeza dengan bentuk perkongsian biasa yang tidak menyatakan dengan khusus liabiliti atau tanggungan setiap ahli kongsi.

Seterusnya saya ingin menyentuh seksyen 10, subseksyen 3 berhubung dengan permohonan pendaftaran bagi perkongsian liabiliti terhad yang ditubuhkan bagi menjalankan amalan profesional. Seperti di Jadual Pertama iaitu akauntan, peguam bela, peguam cara dan setiausaha perlu mendapat kelulusan daripada badan pentadbir yang berkaitan seperti Institut Akauntan Malaysia, Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Undang-undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela dan Peguam Cara Sarawak.

■1750

Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung kumpulan profesional yang lain seperti doktor, jurutera, arkitek dan sebagainya yang tidak dinyatakan di dalam Jadual Pertama. Persoalan saya, adakah golongan profesional ini terkecuali daripada keperluan di bawah seksyen 10(3) ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lalu ramai profesional yang terjebak dalam masalah perkongsian. Contohnya sekiranya salah seorang rakan kongsi syarikat guaman didapati salah laku atau *misconduct,* seorang lagi rakannya juga akan turut menerima padahnya.

Seperti ibarat, *"seekor kerbau membawa lumpur orang lain pun turut terpalit juga."* Inilah masalah yang terpaksa dihadapi oleh ramai peguam bela dan peguam cara. Bagaimanapun dengan rang undang-undang ini akan dapat menangani masalah ini dengan lebih baik dan khususnya melalui seksyen 21(1) dan seksyen 21(2). Sehubungan dengan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan sejauh manakah obligasi perkongsian liabiliti terhad ini dapat memberikan keadilan kepada ahli kongsi khususnya yang berbangkit daripada kontrak tort dan lainnya.

Saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan seksyen 25(1)(c) berhubung dengan kebankrapan pekongsi. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah rasionalnya Ketua Pengarah Insolvensi atau pemegang amanah estet bagi pekongsi yang bankrap tidak boleh campur tangan dalam pengurusan perkongsian liabiliti terhad ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Bahagian V iaitu mengenai penukaran kepada perkongsian liabiliti terhad khususnya seksyen 29 dan seksyen 30. Saya percaya selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan akan banyak syarikat perkongsian dan syarikat yang berasal bertukar kepada perkongsian liabiliti terhad. Memandangkan kebaikan dan kelebihan yang diperolehi beranding dengan bentuk perniagaan konvensional.

Saya hanya ingin membangkitkan kemungkinan syarikat persendirian dan syarikat perkongsian konvensional yang akan bertukar kepada syarikat perkongsian liabiliti terhad. Serta berhasrat membawa rakan kongsi tambahan atau yang baru dan apakah langkah yang perlu dan sepatutnya diambil dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh syarikat-syarikat ini bagi mendaftar sebagai syarikat perkongsian liabiliti terhad? Untuk itu Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.53 ptg.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada tiga orang Yang Berhormat Ahli Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 ini. Mereka adalah terdiri daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok dan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi berkaitan dengan kedudukan syarikat sebelum ini terutamanya bagi golongan profesional. Adakah mereka perlu menukar nama syarikat dan sebagainya? Pertamanya, tiada keperluan bagi firma guaman yang sedia ada untuk mendaftar sekali lagi di bawah perundangan PLT ini. Ini kerana pengenalan perkongsian liabiliti terhad ini adalah satu pilihan ataupun opsyen baru yang diperkenalkan maka firma guaman sedia ada jika mereka tidak berminat untuk menukar menjadi PLT maka tidak wujudlah apa-apa masalah.

Berkaitan dengan kedudukan warga asing untuk tubuh PLT di Malaysia ini. Pertamanya, warga asing sebenarnya boleh menjadi pekongsi di bawah iaitu Akta PLT asalkan mereka mempunyai alamat residen di Malaysia. Manakala jika wujud iaitu sebuah PLT di negara asing, PLT asing boleh juga mendaftar di bawah Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad ini sebagai PLT asing jika ia berkeinginan berniaga di Malaysia sebagai PLT.

Soalan yang dibangkitkan lagi ialah berkaitan dengan bagaimanakah cara pendaftaran tersebut sekiranya ia perlu dibuat semula. Perniagaan yang wujud ketika ini, ia tidak dikehendaki untuk mendaftar semula di bawah akta baru ini. Namun sekiranya perniagaan ini mahu menukar status dan ia dibenarkan dengan memberikan maklumat yang diperlukan.

Soalan berkaitan berapa banyakkah syarikat berhad di Malaysia dan berapa banyak jumlah perniagaannya. Di sini negara kita, syarikat berhad sebenarnya telah pun berjumlah 960,000 buah dan syarikat perniagaan 4.2 juta. Berkaitan dengan masalah syarikat sendirian berhad untuk tukar kepada PLT.

Syarikat sendirian berhad boleh menukar status kepada PLT dengan syarat bahawa pemegang saham adalah orang yang sama serta tidak mempunyai kepentingan sekuriti dalam mana-mana asetnya. Sebelum menukar status, syarikat sendirian berhad juga perlu memberitahu pemiutang berhubung niat untuk bertukar status.

Soalan berkaitan tentang adakah kelemahan dalam PLT. Kelemahan PLT ialah ia boleh dianggap sebagai sebuah bentuk perniagaan yang tidak sesuai untuk mendapatkan modal iaitu *capital rising* ataupun pengumpulan dana. Memandangkan PLT ini tidak mewajibkan iaitu Pengarah Simpanan Akaun dan keperluan audit bagi akaun atau penyata tahunan. Maka pihak bank akan memberikan akan mengenakan syarat-syarat tambahan untuk memberikan pinjaman bagi modal PLT.

Satu lagi soalan iaitu sama ada syarikat sendirian berhad boleh bertukar kepada PLT. Ia boleh ditukarkan kepada PLT menurut peruntukan yang dinyatakan di dalam Bahagian V Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad ini.

Untuk menjawab soalan yang seterusnya. Apakah kedudukan golongan profesional yang tidak dinyatakan di dalam Jadual Kedua? Adakah mereka juga dikecualikan? Dalam Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad, ia tidak mengecualikan mana-mana pihak termasuk profesional yang tidak dinyatakan di dalam jadual ini. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada syarat-syarat dan kelulusan badan pengawal berkaitan menurut undang-undang yang mengawal golongan profesional tersebut.

Akhir sekali, sejauh manakah peruntukan di bawah akta ini boleh melindungi perkongsian di bawah satu perjanjian perkongsian. Pekongsi boleh meletakkan apa-apa terma dan syarat dalam perjanjian termasuk melindungi hak mereka dari segi keuntungan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad ini mempunyai peruntukan yang melindungi pekongsi dalam Jadual Kedua sekiranya perjanjian perkongsian tidak merangkumi hak-hak mereka. Itu sahaja yang Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan...

Puan Chew Lee Giok: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada tanya tadi. Soalan saya, berapa lama tempoh untuk proses pertukaran daripada sendirian berhad kepada PLT ini? Berapa lama tempohnya, satu minggu, satu bulan atau berapa bulan? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Tempohnya, sekejap ya.

Tuan Yang di-Pertua: Pegawai pun *be steady.*

■1800

Dato' Tan Lian Hoe: Tempohnya ialah iaitu jika syarat dipenuhi, ia akan diberikan dengan serta-merta. Itu sahaja jawapan ke atas soalan-soalan yang dibangkitkan. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator atas cadangan dan pandangan yang diberikan dan sekiranya ada apa-apa yang tertinggal, nanti akan dijawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[****Fasal-fasal 1 hingga 92*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Jadual *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Akta 49).

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah pun diwartakan pada 18 Ogos 2011. Lanjutan daripada itu, pindaan berbangkit terhadap Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 perlu dibuat bagi maksud mengelakkan pertindihan kuasa dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan serta perakuan bagi import dan eksport ikan, membolehkan MAQIS berfungsi dengan kemas, teratur dan selaras dengan undang-undang.

Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49) dan rang undang-undang ini mempunyai empat fasal. Peruntukan terperinci rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (2A) kepada seksyen 4 daripada Akta 49 untuk memperuntukkan supaya lesen bagi pengimport dan pengeksport ikan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MAQIS.

Fasal 3 bertujuan memasukkan seksyen baru 11A kepada akta 49 yang memberikan kuasa kepada pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta MAQIS 2011 untuk menjalankan penguatkuasaan berkaitan dengan ikan di pintu masuk, premis kuarantin dan stesen kuarantin. Fasal 4 mengatakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan melakukan pindaan-pindaan terhadap Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 (Akta 49) akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia sebagai satu badan tunggal yang bertanggungjawab di pintu masuk negara menjalankan tugas pemeriksaan kuarantin dan penguatkuasaan terhadap import atau eksport tumbuhan, binatang, ikan, karkas, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma dan makanan dilaksanakan dengan lebih bersepadu, cepat, cekap dan berkualiti.

Dengan ini, sudah tentu dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan manusia dan juga dapat meningkatkan pengeksportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan keluaran pertanian kerana negara mematuhi kehendak-kehendak negara pengimport. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Zainun binti A. Bakar.

6.07 ptg.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan) 2011. Pindaan ini adalah disebabkan pewartaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) (Akta 726) yang berperanan dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan serta memperkukuhkan bagi import dan eksport ikan.

Saya ingin terus menyentuh seksyen 4, subseksyen baru 2A berhubung dengan kuasa mengeluarkan lesen pengimport dan pengeksport ikan adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) (Akta 726).

Saya difahamkan secara pentadbirannya MAQIS telah beroperasi menjalankan aktiviti kuarantin dan pemeriksaan di pintu masuk dan stesen kuarantin di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan semenjak 1 Ogos 2008 lagi iaitu di 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin binatang. MAQIS juga menyediakan perkhidmatan sehenti di setiap pintu masuk untuk aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan pelepasan import dan eksport kekonsainan tumbuhan keluaran pertanian, mikroorganisma dan sebagainya, serta penyediaan rawatan kuarantin dan perkhidmatan kuarantin binatang. Pindaan rang undang-undang ini akan membolehkan MAQIS melaksanakan tugas dengan lebih jelas, efisien dan aktif**.**

■1810

Fungsi pengeluaran lesen untuk mengimport dan mengeksport ini memang sewajarnya dipisahkan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Jika kita merujuk kepada seksyen 4, subseksyen 1 Akta Ibu, Akta 49 kita dapati dengan jelas LKIM mempunyai enam fungsi utama. Antaranya, untuk menggalakkan dan memajukan pengurusan yang cekap dan berkesan dalam perusahaan perikanan dan pemasaran ikan serta fungsi-fungsi lain seperti mengadakan dan menyelia kemudahan kredit untuk nelayan. Mengambil bahagian dalam perusahaan perikanan seperti pembinaan bot dan memajukan persatuan nelayan.

Berhubung dengan nelayan ini saya ingin mendapatkan penjelasan dari kerajaan bilangan dan jumlah nelayan yang ada di seluruh negara ketika ini dan mengikut negeri, status mereka dari segi sosial dan ekonomi. Berapa ramaikah yang masih berada di bawah garis kemiskinan dan apakah langkah kerajaan bagi menaikkan taraf hidup golongan rakyat supaya dapat dikeluarkan daripada garis kemiskinan?

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu masalah utama nelayan ini adalah untuk memiliki rumah sendiri terutamanya kerana ketiadaan tanah sendiri untuk membina rumah. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan. Apakah langkah yang diambil bagi memastikan setiap nelayan mempunyai rumah sendiri? Adakah kerajaan bercadang mengadakan kawasan perumahan yang khusus untuk nelayan sahaja?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen baru 11A mengenai peruntukan kuasa penguatkuasaan kepada MAQIS di semua pintu masuk premis kuarantin dan stesen kuarantin. Saya ingin memuji langkah kerajaan untuk menubuhkan satu badan tunggal di Malaysia Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) sebagai *one-stop center* di pintu masuk negara sebagai mana yang telah diamalkan di kebanyakan negara masa kini seperti di Australia, China dan Taiwan. Dengan peranan antaranya, bagi memastikan industri pertanian negara bebas dari ancaman perosak dan penyakit tumbuhan, binatang dan ikan melalui pemeriksaan kuarantin yang berkesan.

Produk pertanian dan makanan yang diimport mematuhi aspek keselamatan makanan dan kesihatan manusia, binatang, ikan dan tumbuh tumbuhan melalui penguatkuasaan akta dan peraturan-peraturan berkaitan dan membantu pengeksport dalam mematuhi syarat-syarat negara pengimport. Sehubungan dengan itu, saya menggesa supaya LKIM terus diperkasakan dari segi peranan dan fungsinya sebagai LKIM terus relevan kepada golongan nelayan dan golongan nelayan terus terbela. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

6.13 ptg

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula sekali Tuan Yang di-Pertua saya ingin merujuk bukan sahaja kepada Akta Lembaga Kemajuan Ikan ini tetapi juga Akta Lembaga Pemasaran Pertanian sebab saya lihat kedua-duanya pindaan yang hendak dibuat adalah boleh dikatakan *word-by-word,* dengan izin, sama. Jadi, saya tidak tahu apa tujuannya ini.

Perkara yang kedua ialah kita lihat bahawa tujuan akta ini ialah untuk mengawal dengan cara kuarantin import dan eksport bukan sahaja ikan dan saya percaya bahan-bahan pertanian yang lain sebab saya lihat kedua-dua akta ini sama isinya. Apa yang menjadi soal kepada saya ialah yang pertama, adakah kuarantin ini dapat dilakukan pada tiap-tiap tempat. Saya tanya ini oleh kerana Tuan Yang di-Pertua adanya terutama sekali penangkap-penangkap ikan di tengah laut daripada Thailand dan sebagainya yang membawa masuk ikan. Bukan sahaja ikan yang ditangkap bahkan juga ikan yang lebih awal disimpan dalam air batu dan dikenakan bermacam-macam bahan kimia yang mengikut sesetengah pihak adalah bahaya.

Jadi, kalau misalnya tidak dapat dikawal kemasukan mereka ini apakah akan jadi? Bererti yang kita perlukan bukan sahaja pengawalan pada tempat-tempat mereka eksport dan import tetapi juga di tengah laut itu sendiri. Ini adalah masalah yang lebih susah dan ini mungkin melibatkan pengawalan nelayan-nelayan asing yang masuk ke kawasan perairan kita. Nampaknya dalam hal ini kita tidak dapat melakukannya dengan berkesan. Jadi, saya minta dua perkara kalau boleh difikirkan perkara ini ialah pertama tentang pengawalan di tengah laut. Keduanya, tentang kemasukan *entry point* atau pun tempat keluar yang kita tidak dapat kawal.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah berkaitan dengan eksport. Kita dapati dalam keadaan pengawalan yang begitu rapi misalannya eksport ke Singapura bukan sahaja kita menjaga misalnya nilai barang-barang dieksport supaya tidak dihantar balik kerana ada misalnya data dihantar balik atau di Australia, daripada Jepun juga ada dihantar balik. Akan tetapi juga kita dapati bahawa pihak-pihak yang tertentu itu juga mengawal supaya apa yang kita hantar adalah mengikut nilai mereka sendiri. Jadi, apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua ialah perkara barang-barang yang kita eksport sama ada sayur atau pun buah-buahan dan sebagainya adalah yang paling baik tetapi penilaian yang sama atau kawalan yang sama tidak berlaku pada barang-barang yang kita gunakan di dalam negara.

Umpamanya, sayur yang menggunakan bahan kimia atau pun sayur yang berulat umpamanya banyak di pasaran kita yang tidak boleh diterima misalnya di Singapura. Buah-buahan juga yang terbaik misalnya pergi ke luar negara tetapi yang kurang baik tinggal di sini. Saya maksudkan di sini ialah kita memerlukan kawalan dalam negeri sendiri. Kawalan untuk menentukan bahawa apa yang kita gunakan, apa yang kita *consume* dengan izin, adalah bernilai, sihat dan tidak mempunyai bahan-bahan yang boleh mendatangkan keburukan kepada kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya inginlah menggesa supaya kita jangan memikirkan hanya tentang kuarantin barang keluar masuk tetapi kita harus memikirkan tentang nilai barang-barang yang kita benarkan untuk rakyat kita sendiri *consume*. Terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti ada seorang lagi Ahli Yang Berhormat hendak bercakap. Silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bagi awal.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, ada yang mengusik sistem saya itu agaknya. Tidak apa Yang Berhormat. Ada sesiapa lagi hendak bercakap dalam ini? Senang saya hendak tengok pasal LKIM ini. Ada sesiapa yang lain selain Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada ya?... Okey, silakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman.

6.18 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Pertama, saya ingin ucapkan terima kasih kepada kementerian dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Kita sedar bahawa sektor perikanan menyumbangkan lebih kurang 2.6 peratus kepada KDNK menjelang tahun depan sampai purata lebih kurang dua hingga tiga menjelang 2020. Jadi, sektor ini saya anggap satu sektor yang penting yang mustahak untuk kita. Tidak ada yang negatif, semua positif. Jadi berhubung dengan akta ini, saya difahamkan ada lagi akta yang berkaitan iaitu:

(i) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia;

(ii) FAMA; dan

(iii) perikanan.

■1820

Ketiga-tiga ini saya setuju dengan Yang Berhormat Dr. Syed Husin, agak sama. Kenapa sama ialah disebabkan oleh satu hal yang dinamakan MAQIS atau *Malaysian Quarantine and Inspection Services* (MAQIS) yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 29 Mac 2006. Jadi semua pindaan berkaitan berubah. Apa pun kita ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dan agensinya, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, FAMA dan Jabatan Perikanan.

Satu perkara yang kita tidak boleh lupa ialah MAQIS ini bertujuan mencukupkan sumber makanan negara. Di samping itu, MAQIS juga bertujuan untuk menjaga keselamatan rakyatnya terhadap pemakanan. Oleh itu, pindaan ini walaupun kecil, cuma ditumpukan di pintu masuk sahaja, yang tertera ialah di pintu masuk seksyen 4 untuk semak, untuk *check*.

Apa pun saya hendak tanya sedikit, pertama adakah pintu masuk termasuk Sabah dan Sarawak benar-benar 53 ataupun lebih atau Sabah dan Sarawak dikecualikan. Biasanya mana-mana akta Sabah dan Sarawak dikesampingkan atau dikemudiankan. Dalam bab ini, adakah pintu masuk 53 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zainun tadi, adakah termasuk.

Kedua, adakah semua pintu masuk akan mengeluarkan permit import dan eksport? Ketiga saya hendak tanya, mekanisme yang disediakan untuk mengelak lesen import dan eksport ikan tidak dialibabakan. Maksud saya, beri lesen dia jual, dia gadai, dia pajak, dia sewa, dia sendiri tidak buat macam di pasar-pasar borong. Kementerian, lembaga kena baca supaya adakan sekatan awal atau elakkan awal. Tidak guna kita hendak tolong orang, tetapi dialibabakan.

Seterusnya kita hendak tanya, orang macam mana akan diberikan lesen sama ada import atau eksport. Seterusnya kita hendak tanya juga, adakah akan dapat dua-dua lesen import dan eksport atau satu sahaja dan apakah syarat-syaratnya. Misal kata diutamakan nelayankah, modalkah, pengalamankah atau apa sahaja. Ketiga, saya hendak minta juga jumlah lesen import dan eksport ikan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perikanan dan setakat ini berapakah lesen yang mati. Kedua, lesen yang dibatalkan, kenapa dibatalkan dan sebab apa dibatalkan. Cakap secara umum sahaja.

Seterusnya saya hendak tanya juga, adakah permohonan lesen bagi pengimport dan pengeksport ikan boleh dibuat melalui *internet*? Ini zaman canggih dan adakah prasarana termasuk pegawai bertugas mencukupi bagi mengendalikan permohonan lesen dan menjaga pintu-pintu masuk agar khidmat lebih kemas, lebih efisien, lebih berkesan. Adakah senarai pemegang lesen bagi pengimport dan pengeksport boleh diakses melalui *internet*? Kalau tidak ada, apakah jangka rancangan masa depan, masa yang lebih panjang di zaman *internet* ini?

Seterusnya, macam mana *fees* atau caj pengutipan dimasukkan ke mana, adakah di tabung lembaga, di tabung kewangan yang tertentu atau bagaimana pula dengan negeri? Adakah negeri terjejas pendapatan mereka bilamana caj dipungut oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

Saya hendak tahu juga kuasa meluluskan, adakah 100 peratus oleh Ketua Pengarah Kuarantin dan Pengawasan sahaja atau adakah sekumpulan pegawai yang tertentu membuat pengurusan. Saya takut kalau seorang sahaja pengarah buat keputusan, mana tahu ada unsur-unsur yang tidak baik, rasuah, sorok wang bawah meja. Bukan saya hendak tuduh, cuma langkah berjaga-jaga sahaja.

Tentang lembaga ini, saya hendak mengambil peluang, maklumlah saya sudah lama tinggal sebagai Pengerusi Lembaga Ikan Malaysia dahulu tahun 1980-an. Kita lihat sekarang banyak masalah dalam isu perikanan negara.

Pertama, modal yang kurang. Nelayan pinggir pantai yang miskin tidak mampu memiliki bot malahan apatah lagi alat-alat yang canggih, moden dan besar-besar. Apa perancangan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia? Tidak ada gunanya kita buat import, bagi lesen, eksport, tetapi ikan tidak mari. Jadi tidak guna. Jadi kita hendak lahirkan nelayan-nelayan yang berkemampuan, modal besar. Sekarang ada lebih kurang 12,000 nelayan seluruh Malaysia, 80 peratus di bawah garis kemiskinan. Apa lembaga hendak buat? Apa yang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendak buat?

Kedua, masalah orang tengah. Tidak, nelayan sebenarnya tidak dapat menikmati hasil yang sebenar. Orang tengah jadi tauke, jadi tekong beli ikan murah-murah, jual mahal-mahal sama ada di bandar-bandar di Malaysia atau hantar di Singapura. Singapura ambil yang mahal-mahal, beri balik ikan kembung, selayang, ikan termenung, kembali ke Malaysia, teruk, orang tengah punya kerja.

■1830

Ketiga, kurangnya teknologi malah kita masih bergantung pada bot-bot kecil, sampan-sampan kecil, buka takul dan sudah tentulah tidak mampu menghasilkan tangkapan yang baik, tangkapan yang besar.

Keempat, saya lihat nelayan sama ada yang dulu atau baru, taraf pendidikan mereka rendah, kemahiran mereka rendah, hendak kendalikan bot juga tidak boleh, tidak boleh hendak baca kompas, tidak boleh hendak kendalikan *echo sounder*, jadi lemah. Apakah lembaga buat? Apakah kementerian yang terkini buat untuk meningkatkan pendapatan atau taraf pendidikan?

Kelima, saya lihat kurangnya tenaga buruh khasnya ikan laut dalam oleh sebab minat golongan muda beralih ke industri lain, jadi sektor perikanan dipinggirkan. Jadi kita tidak mahu lagi, kita import tenaga buruh daripada Thailand, Indonesia, kita hendak anak tempatan kita sendiri. Kita masih ingat lagi bila dilancarkan laut dalam dulu, lebih kurang 20 tahun dulu, 40 bot, semua tenaga anak tempatan, tiga bulan semua cabut lari tinggal sepuluh orang, enam bulan, tidak ada seorang pun, semua lari sebab kita tidak cukup persediaan. Jadi ini *failed*, gagal. Sampai sekarang pun gagal. Jadi apakah rancangan hendakkan tangkapan besar-besaran, hendakkan pintu masuk yang akan dibuat ada ikan, ada pegawai, tidak ada guna buat pintu masuk sampai 53, ikan tidak masuk. Sebab ikan tidak masuk, ikan tidak ada. *Nahi nahi kabhi nahi*. Jadi tidak guna, kita perlu lihat faktor ini.

Satu lagi ancaman nelayan asing, kita perlu ingat nelayan asing terutama daripada Thailand, Filipina, Taiwan, Vietnam dan Indonesia menceroboh laut kita. Jadi bila mereka ceroboh laut kita terutama di zon ekonomi eksklusif, jadi punca pendapatan nelayan Malaysia terjejas. Itu perlu pantau, perlu buat rondaan, perlu ada kecanggihan bot-bot peronda sama ada polis atau jabatan perikanan.

Satu lagi yang saya hendak sebut di sini ialah penggunaan pukat tunda yang berlebihan. Sekarang kita tengok pukat tunda orang tidak pakai lagi sebab mak ikan ditangkap, bapa ikan ditangkap, cucu ikan ditangkap, cicit ikan pun ditangkap, semua kaut. Jadi ini bahaya. Di beberapa negara seperti di Hong Kong, hapus pukat tunda. Di Indonesia pun dihapuskan pukat tunda, seperti juga di Balize hapus pukat tunda, malah di *Scandinavia*, di Norway, Jepun juga hapus pukat tunda.

Sekarang pukat tunda berleluasa. Saya cadangkan supaya semua pukat tunda dihapuskan sama sekali. Pakailah pukat yang tidak tunda, pukat tunda ini bahaya. Kalau tidak mahu hapuskan juga, saya cadangkan naik taraf. Pukat tunda yang ada sekarang dibenarkan beroperasi sampai 5 kilometer daripada pantai. Maksud saya daripada pantai sehingga lima *nautical miles* tidak boleh beroperasi sebab kawasan pembiakan ikan.

Saya cadangkan di *double*, daripada lima jadi sepuluh supaya ikan banyak biak sebab pukat tunda ini kalau ia kaut, kaut habis. Mak, nenek, moyang, cucu, cicit, piut, habis disapu, bahaya pukat tunda. Kalau Jepun, kalau negara-negara maju...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh beri berapa minit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Berapa lama Yang Berhormat boleh cakap lagi?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Lima.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Thank you*, terima kasih. Jadi, pukat tunda ini saya hendak sebut haramkanlah supaya tidak jejaskan nelayan tempatan. Satu lagi saya hendak cadangkan supaya kerajaan benar-benar bantu nelayan. Sudah saya katakan 80 peratus nelayan di Malaysia miskin, kerajaan beri rumah tetapi tidak cukup. Kerajaan perlu betul-betul tolong. Nelayan-nelayan ini biasanya, maaf, mereka punya pendidikan rendah, tidak tinggi. Jadi ilmu juga tidak tinggi, modal tidak ada, hidup pagi kais pagi, makan petang kais petang. Jadi mereka ini perlu tengok. Jadi hendakkan akta ini berfungsi, berkesan, kita tidak boleh tengok pintu masuk sahaja. Kita mesti tengok faktor-faktor lain yang berkaitan.

Jadi kalau faktor-faktor itu dimasukkan, digaul sekali, dilihat kembali, insya-Allah kita boleh lihat satu perubahan yang baru kepada nelayan-nelayan kita. Untuk itu, saya tidak berbelah bagi mencadangkan kepada kerajaan terutama kementerian di samping mengadakan akta juga mengadakan perubahan transformasi yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk itu, saya menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab adanya perbahasan yang begitu relevan dan penting, saya guna budi bicara saya dengan memberikan lebih masa dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan sokongan daripada pegawai-pegawai sila beri jawapan. Kalau tidak dapat beri jawapan, terus terang beri jawapan kemudian. Kalau spesifik data-data yang perlu, kerana saya fikir akta ini penting demi untuk nelayan-nelayan. Tanpa buang masa, saya silakan Yang Berhormat menjawab.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan mengenai rang undang-undang pindaan ini. Terdapat tiga Yang Berhormat Senator yang turut terlibat, Yang Berhormat Senator Hajah Zainun binti A. Bakar, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali dan Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

■1840

Terdapat pelbagai isu yang telah dibangkitkan terutamanya daripada Yang Berhormat Senator Hajah Zainun. Statistik yang saya dapat ini saya khuatir mungkin salah sahaja tetapi kita bagi secara am anggarannya kerana tiada notis untuk kita mengeluarkan ini. Sebanyak anggaran jumlah nelayan seluruh Malaysia adalah sekitar 120,000 di mana dari segi setiap negeri:

Negeri	Jumlah Nelayan
Perlis	7,000
Kedah	10,000
Pulau Pinang	5,000
Perak	7,000
Selangor	7,000
Negeri Sembilan	500
Melaka	1,800
Johor	11,000
Kelantan	10,000
Terengganu	10,000
Pahang	7,000
Sabah	25,000
Sarawak	16,000

Mungkin dari statistik, kalau saya kira anggaran macam itu untuk setiap negeri. Bagi anggaran bilangan nelayan yang miskin seperti maklumat yang saya dapat, nelayan miskin adalah lebih kurang 4,000 di mana miskin tegar ada 4,000 orang. Maklumat tepat akan diberitahu secara bertulis mengenai isu ini.

Selain itu terdapat isu yang dibangkitkan apakah inisiatif kerajaan untuk membantu nelayan-nelayan. Dari segi isu ini sebenarnya pada tahun 2011 kerajaan telah memberi peruntukan sebanyak RM1.5 bilion kepada nelayan sama ada daripada hidup sara diri di mana mereka mendapat RM200 sebulan untuk setiap nelayan berdaftar. Nombor dua hasil tangkapan sebanyak 10 sen untuk setiap hasil tangkap per kilogram dan juga subsidi minyak untuk meringankan beban dan kos perbelanjaan mereka supaya mereka dapatlah keluar ke laut dengan harga minyak yang paling murah di negara Malaysia sebanyak RM1.25. Malah pada harga pam adalah lebih tinggi daripada harga yang dijual kepada nelayan.

Selain itu, dari segi penempatan nelayan memang terdapat penempatan nelayan yang saya ada dapat dari segi contoh adalah Tok Bali, Kelantan terdapatlah penempatan nelayan dan juga di kawasan Johor di Pengerang, Endau. Memang terdapat program itu dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan inisiatif baru sebanyak bantuan peruntukan sebanyak RM300 juta untuk program bantuan khas perumahan nelayan. Di mana butir-butir terperinci masih dibincangkan mengenai cara pelaksanaan supaya lebih banyak dan ramai nelayan boleh mendapat manfaat dari segi program ini.

Dari isu yang dibangkit juga dari Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali yang mengatakan ketiga pindaan untuk rang undang-undang sama ada daripada LKIM, Jabatan Perikanan dan FAMA adalah disebabkan terdapatnya pertindihan kuasa kalau rang undang-undang ini tidak dipinda kerana pada masa ini sebelum MAQIS, LKIM Ketua Pengarahnya, Jabatan Perikanan Ketua Pengarahnya dan juga FAMA Ketua Pengarahnya mempunyai kuasa-kuasa tersendiri dari segi import dan eksport dan dengan adanya MAQIS kita berharaplah ada dengan izin Tuan Yang di-Pertua *one-stop centre* supaya kita boleh mengendalikan eksport dan import secara lebih terseragam dan pihak MAQIS selain itu dari segi FAMA, Jabatan Perikanan dan LKIM juga mendapat sokongan daripada Kementerian Kesihatan untuk melaksanakan tugas-tugas mereka.

Dari segi pegawai-pegawai yang melaksanakan tugas ini, buat sementara ini kita menggunakan pegawai-pegawai yang memang melaksanakan tugas untuk jabatan-jabatan berkenaan iaitu Jabatan Perikanan, LKIM dan FAMA supaya mereka tidak perlulah dilatih semula lagi. Saya rasa ini adalah penting dan dari segi isu yang dibawa mengenai di mana mungkin ada ikan yang dibawa masuk melalui tengah laut dan masuk ke pintu negara kita, sebenarnya kita sering kali bekerjasama dan berdialog dengan pihak APMM yang mempunyai kuasa dari segi penguatkuasaan di lautan di negara Malaysia ini. Selain itu, kita juga mempunyai kerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk mengambil *sample* ikan untuk di pasar untuk membuat analisa sama ada dari segi terdapat bahan kimia yang berbahaya.

Dari segi *export* dan *import* sebenarnya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *free trade* tidak membenarkan kita mengatakan yang kita eksport hanyalah yang bagus dan yang kita import adalah paling yang buruk. Sebenarnya apabila kita eksport kita mengeluarkan sijil kesihatan untuk negara pengimport memastikan barangan yang diimport itu adalah selamat. Sama seperti di negara Malaysia apabila kita mengimport sayur-sayuran, buah-buahan, ikan memang kita mempunyai *requirement* atau kriteria di mana negara pengeksport itu atau syarikat pengeksport itu perlu juga memberi kita sijil kesihatan.

Selain itu untuk meningkatkan lagi kualiti makanan di negara kita ini, baru-baru ini FAMA sedang dalam program untuk melaksanakan 3P ini dan 3P ini sebenarnya masih di dalam tahap pelaksanaan kerana kita memerlukan masa supaya petani kita dan juga petani-petani kita dapatlah memahami kepentingan 3P ini dan dapat melaksanakan demi kebaikan pasaran dan pengguna di mana 3P terdiri daripada penggredan, pembungkusan dan juga dari segi pelabelan supaya kita mempunyai *traceability* daripada semua makanan yang kita ada. Penggredan adalah untuk melihat kualiti dan pembungkusan adalah untuk memastikan jangka hayat sama ada sayur-sayuran ataupun buah-buahan itu adalah lebih lama.

Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman juga telah mengemukakan beberapa isu iaitu sama ada program ini akan dilaksanakan di pintu masuk Sabah dan Sarawak. Pada masa ini ia tidak dimasukkan di Sabah dan Sarawak adalah dikecualikan seperti di bawah Akta MAQIS. Selain itu dari segi permohonan kelayakan lesen import dan eksport, sebenarnya pemohon nombor satu mestilah warganegara Malaysia, berdaftar dalam Malaysia, mempunyai model dan premis perniagaan bagi mengelakkan lesen ini di Alibabakan. Dari segi ikan, ini kita sebenarnya tiada kuota bagi pemilikan lesen ini.

Dari segi cara permohonan lesen, permohonannya adalah secara *online* melalui sistem e-pelesenan yang boleh dilayari daripada web LKIM. Bilangan lesen yang saya dapat maklumat import adalah lebih 2,100 import dan eksport ada 1,536 tetapi kita memang ada lesen yang dibatalkan sebanyak dua kes bagi lesen import disebabkan kita mendapati mereka menyewakan lesen ini. Oleh itu kita memang tidak ada had untuk sesiapa yang memohon tetapi juga terdapat yang ingin menyewa dan kita akan memantaulah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Rahman atas cadangan untuk terus membuat kerja tersebut.

Selain itu dari segi yuran atau kutipan caj terutamanya dari pihak MAQIS ini, wang ini akan diuruskan mengikut undang-undang bertulis berkaitan di mana dia akan diuruskan oleh jabatan dan agensi berkenaan tersebut. Selain itu, terdapat juga isu mengenai pukat tunda dan ancaman nelayan asing.

■1850

Ancaman nelayan asing ini, kita baru-baru ini ada dialog di mana kita telah berjumpa dengan pihak APMM dan juga bersama dengan pihak kementerian sama ada daripada LKIM, Jabatan Perikanan dan juga termasuk Yang Berhormat Menteri Datuk Seri Noh bin Haji Omar dan kita telah mengadakan satu dialog dengan persatuan-persatuan nelayan bersama dengan APMM untuk melihat cara meningkatkan penguatkuasaan demi keselamatan nelayan.

Salah satu cara yang dicadangkan adalah nelayan sendiri untuk memberi makluman kepada pihak APMM dan polis terutamanya tentang isu-isu *informer* di mana di dalam nelayan *grouping,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terdapat mereka yang memberi makluman kepada sama ada nelayan-nelayan atau lanun-lanun untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang membahayakan kita. Dari segi ancaman nelayan asing ini memang kita melihat terdapat tangkapan-tangkapan yang disiarkan di media tetapi kerana ini adalah bidang kuasa APMM maka saya tiada maklumat terperinci dari segi bilangan nelayan yang telah ditangkap.

Mengenai pukat tunda yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk dihapuskan, sememangnya pihak kementerian kita sedang menilai dari segi untuk melaksanakan ini kerana kita bimbang apabila kita melaksanakan penghapusan atau pembatalan pukat tunda, isu ini mungkin dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu, nombor satu.

Nombor dua, pihak nelayan mungkin tidak faham mengenai kebaikan penggunaan pukat tunda ini kerana mungkin dalam jangka masa pendek pendapatan mereka akan terjejas. Oleh itu, kita juga mengambil kira faktor-faktor ini sebelum kita dapat melaksanakan pembatalan tersebut.

Mengenai ikan laut dalam memang dari segi kementerian bukan sahaja laut dalam sama ada 'C' atau C2. Laut dalam ada C, C2 dan C3 Tuan Yang di-Pertua. Yang kita hadapi masalah utama adalah kerana kebanyakan perikanan laut dalam memerlukan masa di mana nelayan atau pekerja-pekerjanya terpaksa duduk di dalam kapal itu bukan untuk beberapa hari tetapi lebih daripada seminggu. Oleh itu, bukan semua orang termasuk kita pekerja tempatan boleh menghadapi cabaran ini dan memang kita telah mengambil langkah untuk membenarkan pekerja asing. Akan tetapi kementerian masih mencuba untuk menggalakkan pekerja-pekerja tempatan untuk menceburi bidang ini tetapi boleh dikatakan sambutannya masih tidak baik Tuan Yang di-Pertua.

Dengan kata-kata ini, saya sekali ucapkan ribuan terima kasih kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator dan juga cadangan-cadangan yang bernas yang dapat membantu kementerian kita untuk melaksanakan aktiviti yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang].*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Mesyuarat]***

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengemukakan rang undang-undang dan seterusnya sila memberi huraian.

6.57 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 (Akta 141).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia telah pun diwartakan pada 18 Ogos 2011. Lanjutan daripada itu pindaan berbangkit terhadap Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 perlu dibuat bagi maksud mengelakkan pertindihan kuasa dari segi kuarantin pemeriksaan dan penguatkuasaan serta perakuan bagi import dan eksport bagi keluaran pertanian untuk membolehkan MAQIS berfungsi dengan KEMAS, teratur dan selaras dengan undang-undang. Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*]. Rang undang-undang ini mempunyai empat fasal. Peruntukan terperinci rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 3 [*Akta 141*] dengan memasukkan subseksyen-subseksyen baru 2A dan 2B. Subseksyen baru 2A memberi kuasa kepada Ketua Pengarah MAQIS untuk mengeluarkan lesen mengikut Akta MAQIS 2011. Subseksyen baru 3B mengadakan peruntukan tentang perakuan untuk tujuan pengimportan hendaklah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MAQIS.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan peruntukan baru seksyen 17A ke bawah Akta 141 bertujuan untuk membolehkan pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta MAQIS 2011 menjalankan penguatkuasaan berkaitan dengan keluaran pertanian di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Fasal 4 memperkatakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan melakukan pindaan-pindaan terhadap Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia sebagai satu badan tunggal yang bertanggungjawab di pintu masuk negara menjalankan tugas pemeriksaan, kuarantin dan penguatkuasaan import dan eksport tumbuhan, binatang, ikan, karkas, keluaran pertanian dan mikroorganisma dan makanan dilaksanakan dengan lebih bersepadu, cepat, cekap dan berkualiti.

Dengan ini sudah tentu dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan manusia. Juga dapat meningkatkan pengeksportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan keluaran pertanian kerana negara mematuhi kehendak-kehendak negara pengimport.

■1900

Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dibacakan kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Silakan Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop.

7.01 mlm.

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya hanya menyentuh satu dua perkara sahaja. Isu kuasa pegawai kuarantin, fasal 3. Fasal 3 menyentuh isu memasukkan peruntukan baru dalam Akta 141 bagi membolehkan pegawai penguat kuasa yang dilantik di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 untuk menjalankan penguatkuasaan berhubung dengan keluaran pertanian di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Saya amat menyokong fasal ini kerana sudah sekian lamanya pintu masuk kita mudah dibolosi oleh produk dan bahan dari luar negara yang menjejaskan pasaran dan kesihatan rakyat kita. Saya berpandangan sudah sampai masanya kerajaan dan pihak berkuasa yang berkaitan mengadakan perkhidmatan bersepadu berhubung kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin Malaysia. Dalam mempelopori usaha ini dan dalam memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani terus berkembang secara progresif dan mapan. Kawalan terhadap pengimportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma perlu dipertingkatkan dan diperketat untuk mencegah kemasukan dan ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang berbahaya bagi luar negara yang boleh menjejaskan pertanian negara.

Saya mengambil contoh antara penyakit dan perosak yang berbahaya adalah penyakit hawar daun Amerika Syarikat Selatan atau *South American Leaf Blight* (SALB) pada tanaman getah yang terdapat di kawasan Amerika Tropika yang menyebabkan sehingga sekarang tanaman getah di rantau tersebut tidak dapat dimajukan. Penyakit layu fusarium yang menjangkiti tanaman kelapa sawit di Afrika Tengah juga merupakan sebagai faktor penghalang utama kepada kemajuan tanaman kelapa sawit di rantau berkenaan.

Sudah pastinya Malaysia sebagai pengeluar utama dunia bagi industri getah dan kelapa sawit tidak mahu negara kita turut dilanda wabak ini yang masih belum menampakkan penawarnya. Kementerian sudah seharusnya mengawal ketat pintu masuk negara kita supaya penyakit perosak ini tidak menjalar masuk dan seterusnya memusnahkan industri utama kita bagi tempoh jangka panjang.

Sejarah telah membuktikan kita pernah diserang pelbagai wabak contohnya penyakit *pathogenic avian influenza* (HPAI) atau penyakit selesema burung terhadap industri ternakan ayam. *Swine flu* atau selesema babi, penyakit mati rosot betik *(papaya dieback)* pada tanaman betik yang semuanya ini telah merosakkan industri di atas dan menyebabkan kerugian kepada pihak petani, penternak khususnya dan pihak kerajaan amnya.

Di sini saya ingin mencadangkan beberapa perkara yang saya kira boleh diberi perhatian oleh pihak kementerian. Tuan Yang di-Pertua, produk dan bahan dari negara China perlu diberi perhatian dan pemantauan khusus terutamanya yang melibatkan produk pertanian, benih tanaman dan agro. Bukanlah hasrat saya memandang rendah atau tidak percaya pada produk dari China tetapi sudah acap kali produk ini membawa kesan buruk dan menjejaskan kesihatan dan produktiviti rakyat. Kita tidak mahu hanya semata-mata harga yang rendah maka produk dari negara China menjadi lambakan di negara kita.

Saya juga mempunyai beberapa soalan yang ingin saya ajukan kepada pihak kementerian. Pertama, saya melihat isu kerjasama antara agensi-agensi yang berkaitan. Setakat manakah tahap kerjasama antara jabatan bagi subsektor berlainan.

Contoh, FAMA bagi pertanian dan LKIM bagi perikanan kerana saya melihat pengetahuan pegawai dan sikap saling bantu-membantu dan kerenah birokrasi memberi impak negatif kepada pemantauan di pintu masuk sempadan. Pertindihan aktiviti pemeriksaan ke atas dokumen dan *consignment* dan kekurangan penyelarasan dalam urusan pengeluaran lesen atau permit import dan eksport dan pengambilan sampel untuk ujian dijalankan secara berasingan sering kali berlaku.

Soalannya, bagaimanakah kementerian bercadang mengatasi isu ini. Ini adalah kerana ianya bercanggah dengan hasrat kerajaan dalam Modal Baru Ekonomi (MBE) dengan inisiatif *delivery system* yang efisien serta mengurangkan kerenah *red tape* dan birokrasi. Dengan ini saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi.

7.08 mlm.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan rang undang-undang meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Memandangkan masa kita agak terhad Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ringkaskan perbahasan saya kerana beberapa fasal telah pun disentuh oleh rakan saya yang bercakap sebentar tadi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya melihat rang undang-undang ini sebagai suatu langkah yang agak baik ataupun langkah yang proaktif kerajaan ke arah memajukan bidang pemasaran pertanian dengan mewujudkan transformasi daripada bidang berproduktiviti rendah kepada berproduktiviti tinggi dengan mengguna pakai aplikasi teknologi tinggi dan yang canggih.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berpandangan bahawa ianya antara perubahan paradigma ataupun *paradigm shift* yang mesti dilakukan oleh kerajaan demi mencapai apa yang digariskan dalam Model Baru Ekonomi atau apa yang kita panggil MBE.

Rancangan Malaysia Kesepuluh ataupun RMKe-10 bagi tempoh 2011 hingga 2015 menyasarkan sektor pertanian bakal menyumbang sebanyak 6.6 peratus kepada Keperluan Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun 2015. Model Ekonomi Baru menyasarkan sumbangan sebanyak 5.2 peratus kepada KDNK pada tahun 2020. Dalam keadaan ini, sektor agro makanan dianggarkan menyumbang 2.6 peratus kepada KDNK menjelang 2020.

■1910

Sistem pemasaran merupakan satu aktiviti yang kompleks kerana melibatkan pelbagai lingkungan pemasaran di mana berlakunya pelbagai interaksi di kalangan pengeluar, pemborong dan juga peruncit. Pemasaran hasil pertanian yang berterusan juga bergantung kepada beberapa perkara bagi menjamin hasil yang dikeluarkan tidak menjadi lambakan dan terus sampai kepada konsumer.

Perkara-perkara tersebut adalah seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya tadi, jumlah pengeluaran, kemudahan logistik, cita rasa pengguna, penyimpanan, penggredan, kaedah saluran pemasaran dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan perkara fasal 2 yang menyentuh kuasa untuk pemeriksaan oleh Ketua Pengarah Kuarantin. Saya berpandangan lesen yang bakal dikeluarkan perlulah mengikut garis panduan dan penelitian supaya tidak disalahgunakan. Juga, supaya barangan yang boleh memudaratkan kesihatan rakyat tidak bebas berada dalam pasaran. Pada masa yang sama, bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan industri asas tani terus berkembang secara progresif dan mampan, sebarang lesen yang dikeluarkan berkaitan pengimportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan sebagainya termasuk mikroorganisma, perlu dipertingkatkan dan diperketatkan untuk mencegah kemasukan dan ancaman perosak, seperti penyakit dan bahan cemar yang berbahaya dari luar negara yang boleh menjejaskan sektor pertanian negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah kerana negara kita pernah digemparkan dengan penularan wabak penyakit seperti yang telah disebut tadi, umpamanya penyakit hawar daun Amerika yang dipanggil SALB pada tanaman getah yang terdapat di kawasan Amerika Tropik yang menyebabkan sehingga sekarang tanaman getah di rantau tersebut tidak dapat dimajukan. Juga, penyakit layu fusarium yang menjangkiti tanaman kelapa sawit di Afrika Tengah juga merupakan sebagai faktor penghalang utama kepada kemajuan tanaman kelapa sawit di rantau berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, ini semua perlu disekat di pintu masuk seluruh negara termasuklah Sarawak dan Sabah sebelum ia merebak dan memusnahkan industri tanaman secara maksimum ataupun *before any outbreed occurs,* dengan izin.

Fasal 3 juga sudah disentuh tetapi saya ingin tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua, iaitu fasal 3 berkaitan peruntukan baru bagi pegawai menjalankan pemeriksaan di pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin. Saya berpandangan kita seharusnya perlu lebih tegas dari segi pelaksanaan dan pematuhan kuarantin. Pemeriksaan dan penguatkuasaan serta pemerakuan dalam perdagangan import produk pertanian di pintu-pintu masuk bagi memastikan pengimportan berkenaan menepati syarat-syarat import, berkualiti dan mengikut standard yang ditetapkan dan seterusnya terjamin dari segi keselamatan dan kesihatan terhadap tumbuhan, haiwan, ikan dan termasuk juga manusia.

Pegawai yang bertugas pula perlu mahir dan mesti mengetahui teknikal dan biologikal isu berkaitan tumbuhan, binatang, ikan, karkas keluaran pertanian dan mikroorganisma dan termasuk juga makanan. Jadi saya ingin mencadangkan, kalau boleh pegawai harus diberi *relevant training* (latihan relevan) ataupun kursus dan juga pendedahan secara saintifik bagi menambah pengetahuan teknikal mereka.

Mungkin pelajar boleh belajar dari negara seperti Jepun, Australia dan New Zealand yang mempunyai undang-undang kuarantin unggas dan organisma yang ketat. Contohnya di New Zealand, saya baru perasan Tuan Yang di-Pertua bahawa di New Zealand, jika terdapat seekor semut pun bakal didenda jika ditemui dalam beg pakaian di pintu masuk. Jadi soalan saya, adakah terdapat perbezaan masa kini dan selepas rang undang-undang ini dilaksanakan dari segi pemeriksaan dan kuarantin bagi di Semenanjung, Sabah dan di Sarawak? Bagaimanakah mekanismenya dan adakah kementerian bercadang supaya MAQIS dapat beroperasi dengan *full capacity*, dengan sepenuhnya di Sabah dan di Sarawak?

Saya juga ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan isu lambakan buah-buahan tempatan. Sejak beberapa tahun, saya ada mendengar aduan dan laporan mengenai lambakan buah-buahan semakin kedengaran terutamanya di kalangan pengeluar buah-buahan tempatan. Buah-buahan yang sering menjadi isu lambakan adalah seperti durian, rambutan, cempedak, langsat, duku dan juga dokong.

Durian kita pernah ditolak balik oleh Singapura Tuan Yang di-Pertua dan sekarang kita bercadang menghantar pula ke China. Lambakan mangga salak di Perlis misalnya pernah menjadi isu hangat yang diperkatakan suatu ketika dahulu. Kini, durian kita pula dan dokong juga dijangka mengalami lambakan – saya diberitahu di Kelantan dan Terengganu pula. Ini adalah kerana kebanyakan buah-buahan ini kurang menjadi pada sejak beberapa tahun lalu disebabkan beberapa faktor seperti kerosakan tanaman dan cuaca.

Jadi pada tahun ini, tanaman buah-buahan berkenaan dilihat mengalami pertumbuhan yang baik dan dijangka berlaku peningkatan hasil yang tinggi akan mendorong berlakunya lambakan yang agak banyak. Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan lambakan yang berterusan akan menjejaskan pendapatan petani kita yang umumnya bergantung harap dari sumber asli pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyentuh isu bantuan oleh FAMA bagi tujuan pemasaran. Saya juga berpandangan bahawa FAMA perlu memainkan peranan lebih aktif dalam usaha membantu para petani di dalam memasarkan produk keluaran mereka. Saya juga ingin menyentuh isu *middleman* ataupun orang tengah yang kerap kali membeli produk-produk keluaran petani ini. Kemudian, sekiranya produk-produk petani ini seperti buah-buahan dan sayur-sayuran mengalami lambakan, adakah pihak agensi yang terbabit membuat statistik mengenai perkara ini sedangkan produk import pun sentiasa akan masuk ke pasaran di Malaysia? Contohnya, baru-baru ini saya difahamkan harga cili merudum, turun sehingga RM1 sekilogram disebabkan cili import masuk ke pasaran kita sedangkan kos untuk menanam sahaja saya diberitahu sudah mencecah hampir RM3 sepokok dan sepokok hanya menghasilkan dua kilogram sahaja.

Saya berharap agar FAMA ataupun Jabatan Pertanian dan mungkin banyak lagi jabatan-jabatan yang lain atau agensi kerajaan lain akan lebih bertanggungjawab terhadap masalah ini demi memajukan para petani di Malaysia ini. Pemantauan semasa proses menanam dan permulaan amat penting bagi agensi-agensi kerajaan untuk turun memantau dan membuat tafsiran akan hasil yang bakal dituai dan dipasarkan nanti.

Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong sepenuh-penuhnya rang undang-undang ini.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya baru hendak mengingatkan Yang Berhormat bahawa masa hampir habis dan Yang Berhormat amat arif menerka apa yang ada dalam kepala saya. Cuma barangkali kalau pergi ke New Zealand itu, pastikan jangan ada gula dalam beg. Nanti ada gula dalam beg, ada pula semut.

Satu lagi yang saya rasa untuk rekod, perlu kita maklumkan ialah bahawa terjemahan *New Economic Model* itu sebenarnya dalam bahasa Melayu ialah Model Baru Ekonomi. Di peringkat awalnya dulu memang digunakan istilah Model Ekonomi Baru yang hanya untuk keperluan rekod sahaja.

Mula-mula tadi macam tidak ada yang berminat untuk mengambil bahagian dalam perdebatan rang undang-undang ini tetapi satu demi satu nama makin banyak di sini, senarai makin panjang. Ada enam orang lagi yang sudah tersenarai iaitu Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus, Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru, Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli, Yang Berhormat Abdul Rahman bin Bakar dan yang terakhir nama yang saya terima ialah Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

■1920

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Cuma sedikit saya hendak sentuh berkenaan dengan akta. Saya rasa undang-undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965. Saya ringkaskan sahaja oleh kerana telah banyak disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Di sini saya ingin menyentuh mengenai dengan persediaan untuk melaksanakan akta-akta yang berkenaan. Di Malaysia ini, terdapat empat buah komponen iaitu Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan. Akta ini sebenarnya telah pun dilaksanakan, cuma mungkin diperbaiki demi kepentingan hasil kita di Malaysia.

Saya ingin mencadangkan supaya mana-mana pegawai yang bertugas di mana sahaja baik di pintu masuk, mestilah diberi latihan, kursus ataupun diberi melawat ke tempat-tempat negara maju seperti Jepun, dan negara Eropah yang lain. Contohnya, pada ketika dahulu terdapat iaitu pengeksportan pisang emas ke negara Jepun. Terdapat bahawa pada ketika itu pengeksportan ke negara Jepun, mereka menjalankan tugas pelaksanaan Akta Kuarantin ini begitu ketat.

Terdapat sebiji bintik atau dua pada buah pisang, maka mereka telah tolak. Jadi ini sebagai contoh supaya pegawai-pegawai kita di Malaysia mesti belajar melalui mereka iaitu undang-undang kuarantin yang kita akan laksanakan dan sedang dilaksanakan di Malaysia ini. Soalan saya, adakah perbezaan tugas dalam empat komponen di Malaysia ini, seperti yang saya sebut tadi Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Labuan? Jadi adakah kerajaan meningkatkan kemudahan-kemudahan di pintu masuk seperti membina pejabat yang sesuai seperti menaik taraf kemudahan-kemudahan yang lain seperti makmal dan sebagainya. Supaya tugasan lebih berkesan dan lancar. Jadi itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumaru.

7.24 mlm.

Dr. Malasingam a/l Muthukumaru: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011.

Saya menerima baik langkah yang diambil oleh kementerian untuk mewujudkan satu lembaga untuk memastikan bahawa apa jua bentuk asas pertanian yang diimport ke negara kita ini di kuarantin dan dijamin akan keselamatan untuk boleh dimakan. Saya juga melihat bahawa mungkin masanya sudah tiba untuk kita sama-sama melihat ke arah untuk membawa industri pertanian ini ke satu tahap yang lebih tinggi.

Kita dapat melihat keadaan dan putaran ekonomi dunia yang tidak menentu dan jelas tempias sentiasa dapat dirasakan di negara kita. Akibat atas ketidaktentuan ekonomi dunia, barang-barang import kita melonjak sehingga harganya mencecah langit. Manakala produk eksport kita pula menurun. Sebagai contoh, harga kelapa sawit menurun daripada RM3,500 ke RM2,900 dan macam-macam lagi produk kita yang terjejas. Jadi ini sudah tentu tiba masanya FAMA melihat bagaimana membantu petani-petani kita khususnya di kampung-kampung, di desa dan di luar bandar untuk tujuan memasarkan hasil-hasil pertanian mereka.

Ini kerana masalah yang kita hadapi ialah pemasaran serta pengeluaran yang berkualiti. Kita melihat FAMA sebagai satu agensi yang boleh menyelesaikan masalah industri pertanian khas tetapi FAMA mencerminkan ketidakmampuan secara holistik. Saya harap agar satu perancangan yang menyeluruh dapat digariskan dalam memastikan industri pertanian ini dapat diperkasakan.

Memandangkan pengalaman serta kewibawaan yang sedia ada oleh FAMA, tiada badan lain yang lebih mengerti dalam menguruskan industri ini ke tahap yang lebih cemerlang. FAMA boleh memainkan peranan secara lebih meluas, saksama dan kita tidak lagi bergantung kepada import bahan-bahan mentah. Untuk makluman Yang Berhormat ahli Dewan ini, bahawa ekonomi sesebuah negara itu hanya akan kukuh dengan kebergantungan kepada hasil pengeluaran dalam seperti mana negara kita satu masa dahulu sebelum ianya dijadikan sebagai satu negara perindustrian. Justeru itu, pertanian ialah satu-satunya jawapan yang paling kukuh yang mempunyai asas untuk membantu mempertahankan ekonomi sesebuah negara.

Kita harus menerima hakikat bahawa sumber domestik itu adalah satu-satunya kekuatan ekonomi sesebuah negara seperti Malaysia. Sehubungan dengan itu, kita harus hidupkan semula Universiti Pertanian yang menumpukan bidang pemasaran serta segala jenis subjek yang menyentuh dalam bidang pertanian. Saya menyarankan agar FAMA dapat memperluaskan kuasa pasaran mereka ke tahap yang lebih luas. Saya juga ucapkan tahniah kerana dapat memperkembangkan sayap mereka dalam memasarkan produk-produk kita ke China baru-baru ini.

Saya juga ingin tahu, apakah FAMA bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan MITI untuk turut serta dalam segala perikatan kontrak antara negara-negara lain agar produk pertanian ini juga dapat disalurkan kepada negara-negara terlibat.

Pada masa yang sama, saya juga menyahut baik Perdana Menteri dalam melancarkan beberapa program pemasaran produk-produk tempatan ke arena antarabangsa dan harap pihak FAMA dapat memanjangkan bantuan serta kemudahan yang sedia ada dalam memperkasakan eksport barang makanan dan pertanian kita. Dengan itu saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya persilakan Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat.

7.29 ptg.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebelum itu, saya minta supaya selepas Datuk Hajah Fatimah binti Hamat, saya minta sepatutnya Yang Berhormat Tuan Saiful Izham bin Ramli tetapi dia sedang bersolat. Oleh kerana itu, saya akan mempersilakan Datuk Abdul Rahman bin Bakar selepas Datuk Fatimah.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak minta pun. Saya minta lain, bukan yang ini, bukan FAMA, saya tidak minta.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Oh! tidak ada? Kalau tidak ada...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta untuk perikanan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Perikanan? Oh! Okey

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: FAMA tidak ada. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau begitu, saya minta kalau sekiranya Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali dapat dipersilakan selepas Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah binti Hamat.

■1930

7.30 mlm.

Datuk Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2011. Pindaan ini adalah disebabkan pewartaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) [*Akta 726*] yang berperanan dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan serta memperakukan bagi import dan eksport hasil keluaran pertanian.

Saya juga ingin menyentuh seksyen 3 subseksyen baru (2A) berhubung dengan kuasa mengeluarkan lesen pengimport dan pengeksport hasil pertanian adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) [*Akta 726*]. Saya difahamkan MAQIS telah menjalankan aktiviti kuarantin dan pemeriksaan di pintu masuk dan stesen kuarantin di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan semenjak 1 Ogos 2008 lagi. Ini melibatkan 53 pusat pemeriksaan di pintu masuk negara dan tujuh stesen kuarantin. MAQIS juga menyediakan perkhidmatan pusat sehenti atau *one-stop centre* di setiap pintu masuk untuk aktiviti-aktiviti pemeriksaan dan pelepasan import dan eksport tumbuhan keluaran pertanian, mikroorganisma dan sebagainya serta penyeliaan rawatan kuarantin dan perkhidmatan kuarantin binatang. Pindaan rang undang-undang ini akan membolehkan MAQIS melaksanakan tugas dengan lebih kemas, berkesan dan efektif.

Fungsi pengeluaran lesen untuk mengimport dan mengeksport ini memang sewajarnya dipisahkan dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Saya ingin merujuk kepada seksyen 3, subseksyen 1, dan seksyen 3, subseksyen 2, Akta Ibu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [*Akta 141*] dan mendapati dengan jelas, FAMA mempunyai tujuh fungsi utama dan 15 fungsi subsidiari.

Antaranya untuk menyelaras pemasaran keluaran pertanian, mempromosikan hasil keluaran pertanian, bekerjasama dengan badan tertentu untuk mempromosikan pemasaran hasil keluaran pertanian dengan efisien dan efektif, membangunkan pengurusan dalam pemprosesan keluaran pertanian, menyediakan dan menyelia kemudahan kredit dan sebagainya.

Bagaimanapun, tidak dinyatakan fungsi FAMA untuk mengeluarkan lesen bagi mengimport atau mengeksport hasil keluaran pertanian. Oleh itu, adalah wajar pindaan rang undang-undang ini bagi memberikan kuasa yang lebih jelas dan luas kepada MAQIS supaya MAQIS dapat memfokuskan urusan pelesenan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa perkara tentang FAMA. Pertamanya, saya ingin menyentuh cadangan FAMA untuk melahirkan kira-kira 500 usahawan tani di kalangan belia dan mahasiswa di Terengganu tahun hadapan. Setakat ini hanya 100 orang belia dan mahasiswa sudah pun menyertai aktiviti FAMA dalam projek ladang kontrak dan bazar rakyat. Saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah anggota Kelab MyAgrosis setakat ini.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan bagi mencapai sasaran untuk melahirkan 500 usahawan tani di kalangan belia dan mahasiswa di Terengganu dan sejauh manakah Agrobank dapat membantu usahawan belia dan mahasiswa dengan memberikan kemudahan pinjaman modal untuk memulakan dan membesarkan perniagaan.

Perkara yang kedua tentang FAMA yang merancang mewujudkan 100 gerai buah-buahan di seluruh negara tahun ini bagi melahirkan usahawan dalam bidang ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan, sejauh manakah sasaran ini telah tercapai dan nyatakan jumlah gerai buah-buahan yang telah diwujudkan mengikut negeri sehingga kini dan sasaran jualan bagi tahun 2010 dan tahun 2011. Berhubung dengan buah-buahan tempatan ini, saya ingin mendapat penjelasan, apakah langkah yang telah diambil bagi menggalakkan makan buah-buahan tempatan khususnya di kalangan pelajar dan generasi muda kerana didapati golongan ini kurang berminat untuk memakan buah-buahan tempatan.

Ketiga, mengenai potensi pasaran kopi di negara ini yang didapati sedang berkembang pesat. Saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah jualan kopi anggerik keluaran FAMA bagi tempoh tahun 2009 hingga tahun 2011 dan nyatakan nilai pasaran kopi negara serta potensi kopi untuk pasaran eksport. Berhubung dengan kopi ini, saya ingin menimbulkan tentang kopi pra-campuran herba yang berleluasa pada masa kini. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi mengawal pengeluaran kopi campuran herba ini supaya tidak dimanipulasi kelebihannya sehingga pelanggan tertipu dan terpedaya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen baru 17A mengenai peruntukkan kuasa penguatkuasaan kepada MAQIS di semua pintu masuk premis kuarantin dan stesen kuarantin. Saya ingin memuji langkah kerajaan untuk menubuhkan satu badan tunggal di Malaysia, Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia atau MAQIS sebagai satu *one-stop centre* di pintu masuk negara sebagaimana yang telah diamalkan di kebanyakan negara masa kini.

Produk pertanian dan makanan yang diimport mematuhi aspek keselamatan makanan dan kesihatan manusia melalui penguatkuasaan akta dan peraturan-peraturan berkaitan dan membantu pengeksport dalam pematuhan syarat-syarat negara pengimport. Sehubungan itu, saya menggesa supaya FAMA terus diperkasakan dari segi peranan dan fungsinya supaya FAMA dapat memainkan peranan yang berkesan bagi pemasaran hasil keluaran pertanian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyampaikan sedikit ucapan. Ini merupakan perbahasan akhir saya sebelum bersara. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu khususnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu di atas pelantikan saya selaku ahli Dewan Negara yang akan tamat esok dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas sokongan. Juga terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan Negara, rakan-rakan Yang Berhormat Senator, staf, bentara serta semua yang terlibat yang telah memberi kerjasama,

Kuih koci kuih penganan,
Makan bersama air kopi,
Salah silap pohon keampunan,
Panjang umur berjumpa lagi... [Tepuk]

Maaf zahir batin dan ucapan saya selamat bertugas kepada semua demi agama, bangsa dan negara. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

■1940

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya teruja hendak membalas pantun Yang Berhormat itu, tetapi kerana sudah senja ini, tidak ada ilham. Cuma barangkali bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain saya hanya menyampaikan terima kasih juga atas perkhidmatan Yang Berhormat dan mengharapkan supaya silaturahim antara kita akan berterusan apatah lagi penyokong-penyokong Barisan Nasional hendak mengadakan satu kelab Senator yang terbuka kepada semua pihak. Barangkali ini akan dapat kita jadikan sebagai saluran untuk menjalinkan silaturahim. Terima kasih Yang Berhormat.

Seterusnya saya dengan segala hormat mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin untuk memberikan pendapat.

7.40 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin secara ringkas membincangkan tiga perkara.

Perkara pertama ialah berkaitan dengan kuarantin di pintu keluar masuk import eksport dan berhubung dengan kuarantin ini saya sudah sebut tadi tujuannya ialah memang untuk menjaga kualiti dan memastikan tiada perkara-perkara yang mudarat yang boleh masuk dalam negara.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa ada kajian yang dilakukan ke atas terutama sekali ikan yang masuk untuk pastikan dia tidak mudarat. Saya hendak mengetahui seteliti manakah kajian seumpama ini dilakukan. Saya ingin melihat keadaan yang lebih misalnya konsisten, yang lebih mendalam. Kajian untuk memastikan bahawa benar-benar apa yang datang sebagai import terutama sekali daripada negara luar seperti China seperti yang disebutkan tadi dan juga Thailand dapat kita kawal.

Berhubungan dengan ini Thailand ini satu perkara yang diimport, satu jenis barang yang diimport yang paling disukai terutama sekali oleh orang perempuan ialah jenis-jenis jeruk yang dibawa masuk daripada Thailand itu. Saya ada setengah-setengah kawan yang telah membuat sedikit kajian. Sedikit sahaja dan mereka mendapati bahawa ada jenis-jenis *chemical* yang tidak membantu dari segi kesihatan bahkan boleh memudaratkan. Dari segi inilah saya mengharapkan sangat bahawa kajian dilakukan oleh pihak kementerian ataupun pihak badan-badan yang berkaitan dengan kementerian atau bukan kementerian yang berkenaan untuk mengkaji dengan dalam soal ini.

Perkara yang kedua yang hendak saya terang, bincangkan ialah mengenai peranan koperasi. Satu ketika dahulu saya membuat kajian misalnya tentang nelayan di pantai timur terutama sekali di negeri Pahang dan waktu saya dapati bahawa harga ikan yang dibawa oleh nelayan kita ke pantai kadang-kadang hanya sepertiga daripada harga ikan tersebut di Kuala Lumpur. Jadi di antara...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tahun berapa Yang Berhormat?

Dr. Syed Husin Ali: Ya.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Tahun berapa?

Dr. Syed Husin Ali: Ini sudah lama. Akan tetapi saya lihat bahawa perkara ini masih berterusan. Apa yang berlaku ialah, satu mereka menghadapi orang tengah yang tidak memberikan bayaran yang begitu baik. Keduanya ialah waktu *transport* itu sudah dimasukkan harga ke atas ikan itu dan bila sampai ke pasar di Kuala Lumpur keuntungan yang diperoleh oleh peniaga-peniaga.

Dengan demikian kita dapati bahawa pendapatan yang diterima oleh golongan-golongan petani tadi, nelayan tadi adalah jauh lebih kecil daripada golongan pada pihak yang terakhir... *[Berhenti, memberi laluan hingga Yang di-Pertua duduk]*

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Sehubungan dengan ini Tuan Yang di-Pertua, kita dapati juga misalannya hasil-hasil daripada pertanian buah-buahan. Waktu buah-buahan jelak sangat ataupun banyak sangat kita dapati bahawa kadang-kadang tidak laku buah-buahan misalnya rambutan di kampung-kampung. Ada orang tengah misalnya *dealer* yang membelinya atau sudah membajaknya lebih awal dengan harga yang lebih murah bawa misalnya ke Petaling Jaya dan mendapat harga yang lebih mahal.

Jadi ini adalah peranan yang dimainkan oleh peniaga-peniaga. Kita akui memang berlaku. Akan tetapi masalahnya adakah ia berlaku secara berlebihan, adil atau tidak ini yang harus kita fikirkan. Cuma yang saya hendak sebutkan di sini bahawa ialah ada kemungkinannya kalau diberikan peranan kepada koperasi kerjasama maka segala susutan yang berlaku, segala bayaran yang berlaku di peringkat pembelian, *transport* dan penjualan terakhirnya akan dapat dikurangkan.

Sekiranya anggapan ini benar maka saya kira adalah wajar kalau pihak pemerintah menggalakkan gerakan koperasi ini terutama sekali untuk membantu petani-petani. Akan tetapi ada dua masalah di sini, ada masalah di sini. Masalahnya ialah bahawa kalau kita hendak menggerakkan petani dan koperasi maka ini memerlukan peranan yang besar daripada pihak pemerintah sendiri. Dengan rancangan liberalisasi yang ada sekarang ini yang menggalakkan liberalisasi dan yang tidak begitu menggalakkan campur tangan negara atau *intervention of state* maka kemungkinannya ialah bahawa gerakan koperasi ini dapat dikalahkan oleh keadaan pasaran bebas.

Ini boleh diatasi bukan sahaja dengan peranan pemerintah. Akan tetapi jikalau misalnya ada gerakan untuk menentukan kawasan-kawasan tertentu hanya dijalankan dengan cara koperasi. Saya mendapat tahu misalnyam, saya pernah melihat kajian-kajian tentang gerakan koperasi di Denmark. Di situ diadakan pada kawasan tertentu segala-galanya dilakukan secara koperasi dari mulanya peringkat pengeluaran membawa kepada pemasaran, *transport* dan sebagainya. Jadi saya ingin melihat satu ketika nanti kalau boleh kalau kita benar-benar mahu membantu petani-petani dan nelayan-nelayan mengadakan satu gerakan koperasi yang betul-betul memihak kepada rakyat dan bukannya kepada modal ataupun keuntungan.

Perkara ketiga yang hendak saya sebutkan ialah berkenaan dengan Lembaga Beras. Saya tidak tahu apa hubungan lembaga ini dengan misalnya FAMA ataupun LKIM. Akan tetapi nampaknya sealiran, sejurus tujuan dan perjalanan mereka. Kebimbangan saya ialah bahawa lembaga ini, Lembaga Beras ini sudah menjadi terlalu *monopolistic* dikuasai oleh golongan-golongan ataupun orang-orang yang mengutamakan keuntungan. Jadi lembaga ini akhirnya merupakan satu syarikat yang mencari untung daripada sesuatu badan untuk membantu petani-petani.

Apa yang berlaku ialah nyaris-nyaris di beberapa bulan, di beberapa waktu yang lalu, nyaris-nyaris lembaga ini sebahagian daripada sahamnya di jual ke luar negara. Ini adalah kerana dorongan untuk mendapatkan untung. Jadi saya ingin melihat bahawa dalam pengeluaran padi, pemasaran padi, pengangkutan padi dan sebaginya kalau ada badan yang menjalankannya katakanlah seperti Lembaga Beras itu seboleh-bolehnya ia dijalankan atas prinsip koperasi yang mengetepikan segala keuntungan daripada pihak orang tengah dan yang boleh memberikan, memindahkan keuntungan itu kepada petani padi itu. Kita tahu adalah paling teruk adalah petani-petani dalam negara ini. Mereka merupakan salah satu golongan yang termiskin dalam negara ini.

Jadi kalau kita hendak dan mereka pula kebanyakannya adalah orang Melayu. Kalaulah kita hendak membantu petani, hendak membantu orang Melayu saya rasa salah satu caranya adalah dengan gerakan koperasi yang memerlukan sokongan dan dorongan yang kuat daripada pihak pemerintah.

Ini supaya ia tidak dapat dipatahkan oleh *market forces* atau kuasa-kuasa pasaran. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kita tahulah dalam sejarah negara ini ada banyak kelemahan-kelemahan yang menunjukkan oleh pihak gerakan koperasi kita harus mengkajinya. Kita harus mengkajinya. Kita harus mengatasinya dan kita harus memberikan ruang yang seluas-luasnya untuk dia bergerak bagi membantu ramai rakyat yang miskin itu. Sekian, terima kasih.

■1950

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut rekod di sini, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli. Sudah lama tidak nampak Yang Berhormat. Silakan.

7.50 mlm.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam Sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya...

Tuan Yang di-Pertua: Kuat sedikit Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Pindaan 2011.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk menyentuh banyak perkara kerana kebanyakannya sudah disentuh oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat yang bangun awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Saiful Izham bin Ramli: Hanya beberapa perkara sahaja. Pertama, ini berkaitan dengan pindaan yang bersangkutan dengan pemberian dan kelulusan lesen kepada sama ada pengimport ataupun pengeksport. Kita mohon agar konteks ataupun proses pemberian dan kelulusan ini terutama yang melibatkan bahan import makanan harus diperketat. Ini kerana ia penting bukan sahaja melindungi petani-petani tempatan atau nelayan-nelayan tempatan, tetapi ia juga bagi mengelakkan lambakan barangan import makanan yang kadang-kadang keterlaluan sehingga menyebabkan harga barangan makanan tempatan jatuh merudum dan menyusahkan petani-petani kita.

Keduanya, ia juga mampu untuk memastikan agar kualiti bahan makanan yang kita import hari ini terjaga dan terjamin dan ia tidak lagi menyebabkan krisis makanan yang berkaitan dengan pengeluaran tempatan yang semakin hari semakin membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh perkara ini kerana mengikut daripada laporan FAMA yang terdahulu daripada ini, eksport makanan kita menurun sehingga sebanyak 11.54 peratus pada tahun 2009 berbanding dengan tahun sebelumnya. Pada masa yang sama juga, import makanannya meningkat sehingga ke tahap yang tidak munasabah. Kerajaan tampil dengan pelbagai dorongan dan insentif untuk membangunkan industri pemakanan negara. *Fund for food,* contohnya disediakan bagi membantu petani dan penternak tempatan. Malangnya, dari hari ke hari, hasil negara semakin hari semakin menurun dan tidak hendak mampu untuk menampung keperluan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini meliputi bukan hanya pertanian biasa atau ternakan ia juga meliputi buah-buahan. Tadi disentuh oleh terutama Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin berkenaan dengan terlalu banyak birokrasi yang membantut atau merencatkan usaha petani tempatan mengeksport barangan ke luar negara. Perlu untuk kementerian mengambil berat perkara bagi memudahkan eksport barangan makanan kita ke luar negara. Ini kerana barang-barang makanan yang selalunya dieksport pada hari ini mempunyai kadar hayat yang agak rendah terutama apabila ia membabitkan dengan buah-buahan. Kita tidak mahu hanya semata-mata untuk membolehkan ia tahan lama dan dieksport, mereka menggunakan bahan-bahan larangan bagi memastikan bahan makanan ini tahan lama mengakibatkan nama negara tercemar seperti apa yang berlaku baru-baru ini berkaitan dengan eksport sarang burung walit yang dikatakan diharamkan untuk dibawa masuk ke China.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya datang dari kawasan yang dikatakan *hub* pertanian di negeri Kedah, kawasan Sungai Petani dan Merbok. *Complaint* atau keresahan petani-petani di sana berkaitan dengan FAMA secara menjurus. Pertama, walaupun mereka agak berpuas hati dengan pasar-pasar tani, pasar-pasar hari yang dikendalikan oleh FAMA tetapi mereka minta kita sampaikan kepada FAMA agar mengambil kira ataupun meneliti semula kaedah pembelian oleh FAMA.

Harga yang dibeli oleh FAMA kepada barang-barang keluaran petani tempatan, jauh lebih rendah bukan sahaja daripada harga pasaran tetapi juga jauh lebih rendah daripada harga yang mereka mampu bertahan. Ia kadang-kadang memakan kos, orang Kedah kata 'makan modai'. Kita tidak mahu nanti petani kita menjadi hamba di tempat sendiri. Buat kerja, tanam barang-barang, buah-buahan dan sebagainya tetapi akhirnya kerana mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memasarkan sendiri barang-barang makanan mereka, mereka mengalami kerugian yang berlipat kali ganda. Kita minta FAMA kembali pada fungsi asal ia ditubuhkan; membantu golongan petani, penternak dan nelayan yang kecil, memasarkan bahan-bahan makanan mereka. Tidak perlu sampai ke peringkat antarabangsa. Cukup untuk peringkat pasaran tempatan.

Seterusnya juga, kita minta FAMA dengan mengambil kira pindaan yang sedia ada, mengambil jalan yang penting bagi memastikan lambakan makanan ataupun lambakan buah-buahan terutamanya di musim buah-buahan dan musim-musim yang lai tidak lagi berlaku. Kita minta FAMA mencari jalan keluar bagaimana mengguna pakai lambakan bahan-bahan makanan ini bagi memastikan ia tidak terbuang dan mendapatkan kaedah ataupun pendekatan yang signifikan, yang lebih relevan bagi memastikan lambakan pertanian ini dapat dimanfaatkan. Mungkin dengan kaedah mewujudkan industri hiliran yang mampu membantu mereka mengatasi masalah lambakan ini, persaingan petani-petani tempatan terutamanya berbanding dengan produk import luar negeri. Contohnya, yang paling ketara, produk import bahan makanan dari Thailand, jauh, mereka tidak mampu bersaing. Sebab itu saya minta kepada FAMA, kembali pada fungsi asal membantu mereka tanpa mengambil kira sebarang perbezaan kaedah ataupun fahaman yang berbeza.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan pindaan ini mampu merangsang FAMA meneliti semula peranan mereka bukan hanya menjadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin tadi, seperti Bernas yang jauh menyimpang daripada asas penubuhannya; membantu golongan pesawah meningkatkan hasil padi. Sekarang ini, daripada membantu golongan pesawah, mereka menjadi pengimport utama beras di dalam negara ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja yang ingin saya sampaikan. Saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

7.57 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat tujuh orang Yang Berhormat Senator dan Dato'-Dato' yang terlibat dalam perbahasan untuk pindaan akta FAMA supaya untuk menyelaraskan daripada segi kuasa untuk import dan eksport.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini memang terdapat banyak isu yang telah dibawa kepada perhatian kementerian dan juga cadangan-cadangan yang boleh diguna pakai. Akan tetapi pada hari ini kita adalah membahaskan mengenai pindaan kuarantin. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya akan cubalah sedaya upaya saya untuk menjawab soalan-soalan atau cadangan-cadangan yang telah dibangkitkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa soalan yang telah pun bertindih. Maka, saya rasa, saya akan menjawab dengan amnya. Jikalau terdapat Yang Berhormat Senator-Yang Berhormat Senator yang mungkin berasa soalan itu tidak dijawab, mungkin boleh dibangkitkan kerana banyak pertindihan sama ada daripada segi lambakan, import makanan, pemasaran dan juga penyelarasan. Maka Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan kerjasama yang mana jabatan dengan agensi mengikut subsektor mereka terutamanya sebagai contoh FAMA, LKIM dan Jabatan Perikanan, memang untuk kuarantin kita mempunyai penubuhan jawatankuasa penyelarasan bagi kuarantin dan pemeriksaan.

Selain itu, untuk isu-isu mengenai teknikal, saintifik dan sama ada pegawai-pegawai itu mahir mengenai isu-isu import terutamanya, sebenarnya kita menggunakan pegawai-pegawai yang sememangnya bertugas pada masa ini.

■1200

Maka mereka mempunyai ilmu dan juga pengetahuan mengenai apa yang perlu disemak untuk barangan import selain itu juga mengadakan boleh dikatakan *training* atau latihan secara berkala dan untuk kerjasama di antara agensi terutamanya FAMA dengan pihak-pihak kementerian, jabatan-jabatan lain memang pihak FAMA sentiasa bekerjasama malah FAMA memang di bawah kementerian pertanian dan kita melibatkan petani-petani dengan FAMA untuk memastikan dapat meningkatkan pendapatan mereka.

Untuk rang undang-undang ini, bagi FAMA ia memang menguatkuasakan di seluruh Malaysia cuma Akta MAQIS sahaja yang dikuatkuasakan di Semenanjung Malaysia. Dari segi pelesenan untuk Negeri Sabah dan Sarawak untuk mereka menerima MAQIS adalah di tahap perbincangan dan kita berharap di Sabah dan Sarawak juga turut memakai Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan ini. Untuk sistem pemasaran terdapat pertanyaan bagaimana FAMA menolong petani-petani kita meningkatkan pendapatan mereka. Sebenarnya untuk meningkatkan pendapatan petani-petani, kita telah mengadakan nombor satu pasar tani di mana Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli juga mengatakan telah menolong petani-petani dan memang mengikut rekod kita tetapi petani juga perlu rajin untuk bangun awal supaya boleh sampai ke pasar tani untuk memasarkan barangan-barangan mereka. Memang menurut kajian mereka terdapat peningkatan pendapatan mereka sekitar 40 peratus hingga 50 peratus bergantung kepada barangan yang dijual.

Selain daripada pasar tani, kita juga mempunyai pusat-pusat pengumpulan buah-buahan untuk cuba menyelesaikan masalah-masalah terutamanya pengangkutan oleh petani-petani ke tempat pasaran.

Selain daripada pusat pengumpulan kita juga mempunyai gerai buah-buahan segar untuk memberikan peluang kepada petani-petani memasarkan barangan mereka secara terus kepada pengguna-pengguna atau *consumer,* dengan izin. Selain itu kita juga telah menyediakan pusat boleh dikatakan ladang-ladang kontrak di mana petani-petani akan diberikan bimbingan oleh pihak FAMA dan selain itu jaminan pasaran mereka adalah memang ada dengan adanya kita menyambung petani sama ada dengan *hypermarket* atau pasaran-pasaran yang tertentu supaya mereka tidak perlu risau mengenai pengeluaran pasaran selepas pengeluaran mereka.

Dari isu-isu lambakan buah-buahan yang telah dibawa kepada keprihatinan pihak kementerian memang isu lambakan ini berlaku. Akan tetapi masalah utama selepas kita mengkaji adalah kerana prioriti sama ada buah-buahan itu tiada komersial dan tidak dikehendaki oleh pasaran. Oleh itu pihak FAMA pada masa ini memang menggalakkan dari segi penanaman secara ladang kontrak dan selain itu kita juga sentiasa menggalakkan petani-petani menggunakan baka-baka yang lebih baik dan juga menanam mengikut pasaran supaya boleh mengurangkan isu lambakan.

Selain daripada menggalakkan dan juga mengadakan ladang kontrak, pihak kementerian juga mengadakan pusat pemprosesan buah-buahan di mana kita berusaha secara industri kecil dan sederhana melalui pinjaman sama ada daripada Agro Bank atau TEKUN untuk memberikan lebih banyak pasaran kepada buah-buahan kita.

Mengenai peraturan 3P yang juga dibangkitkan sama ada ia akan dilaksanakan di Negeri Sabah dan Sarawak, memang 3P ini adalah untuk menolong petani-petani ini secara berperingkat supaya boleh meningkatkan pendapatan mereka dengan adanya ilmu pengetahuan mengenai penggredan, pembungkusan yang memang diperlukan oleh kebanyakan dan dikehendaki oleh kebanyakan pengguna. Dijangka akan secara berperingkat dilaksanakan pada tahun 2013 tetapi ini masih di tahap perbincangan. Jikalau perlu masa yang lebih panjang memang kita akan meninjau keadaan-keadaan petani sebelum melaksanakan program ini. Terdapat juga mengenai isu yang dibawa oleh FAMA mengenai pasaran terhadap antarabangsa dan eksport buah-buahan kita ke luar negara. Sebenarnya untuk eksport negara kita memang telah bekerjasama juga dengan pihak MITI di mana kita juga mempunyai Atase Pertanian kita di negara-negara tertentu atau berkenaan yang sentiasa bekerjasama dan diselaraskan oleh pesuruhjaya perdagangan.

Selain itu untuk *market access* kita sentiasa salah satu cara untuk menggalakkan negara-negara mengimport buah-buahan kita selain daripada kita menggunakan usaha kementerian. Apabila pemimpin-pemimpin luar negara sampai ke negara kita, kita mempromosikan buah-buahan tempatan supaya mereka dapat merasai dan mengetahui kualiti keluaran buah-buahan kita.

Ini adalah salah satu cara juga dapat memperkenalkan buah-buahan kita kepada pemimpin mereka yang akhirnya juga telah mempromosikan dan menolong negara kita untuk mengeksport buah-buahan ini ke negara berkenaan. Sebagai contoh di negara China dan di Singapura kita juga menggunakan usaha ini secara berjaya.

Selain itu untuk pertanyaan daripada jumlah anggota Kelab *MyAgrosis* ini sebenarnya setakat ini mempunyai 400 orang mahasiswa yang telah menyertai kelab ini dan baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa terdapat pinjaman sebanyak RM10 juta untuk Kelab *MyAgrosis* ini supaya mahasiswa-mahasiswa mempunyai pinjaman supaya mereka boleh menceburi bidang pertanian ini. Mengenai isu orang-orang tengah yang harus ditangani oleh pihak FAMA, pihak FAMA memang sedang menggalakkan dan mengusahakan dari segi pasaran untuk menolong petani-petani seperti yang saya telah jelaskan sama ada dari gerai buah-buahan segar, pasar tani dan ladang kontrak. Untuk isu gerai buah-buahan segar sehingga kini terdapat 428 buah gerai buah-buahan segar yang melibatkan anggaran 380 usahawan dengan nilai jualan sebanyak RM181 juta.

Pertanyaan mengenai jumlah kopi yang telah diimport, kita mempunyai data untuk kopi, teh dan rempah secara keseluruhannya pada masa ini, yang diimport adalah sebanyak RM4.9 bilion, yang dieksport adalah RM5.3 bilion maka kita mempunyai net atau dikatakan *net supplies* sebanyak RM400 juta. Mengenai kajian untuk memastikan makanan atau ikan yang diimport adalah selamat, memang sampel-sampel ini akan dikaji oleh pihak MAQIS dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia kerana kepakaran teknikal ini adalah di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dan saya yakin dengan pindaan ini dan dengan pelaksanaan Akta MAQIS ini tentu kita dapat menyelaraskan usaha-usaha untuk menjaga dan memastikan kebajikan penduduk di Negara Malaysia ini adalah terjamin dengan adanya kajian-kajian seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali.

Selain daripada itu, terdapat juga isu-isu yang dibangkitkan mengenai sama ada terdapat kawalan import-import supaya kita tidak menjejaskan petani-petani di negara ini. Sebenarnya dari segi import kita telah mengadakan langkah 3P ini supaya salah satu cara adalah untuk meningkatkan kualiti import kita supaya dengan cara ini kita tidak menjadi negara sebagai tumpuan di mana barang-barangan yang *substandard* dimasukkan ke negara kita. Dengan cara ini seperti di Negara Thailand baru-baru ini, kita juga telah melaksanakan 3P sebagai salah satu cara untuk kita mengawal barangan yang masuk supaya barangan ini adalah berkualiti dan dengan cara ini dapat melindungi petani-petani kita.

■2010

Dari segi isu yang dibawa iaitu terutamanya mengenai penyakit-penyakit seperti selesema burung, babi dan selesema-selesema atau vektor-vektor yang lain, memang dari segi pihak kementerian kita melaksanakan kuarantin secara ketat.

Oleh itu saya juga memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator-senator supaya jikalau terdapat sesuatu yang kita laksanakan secara ketat harap-harap janganlah mengemukakan rayuan untuk memendekkan tempoh ini kerana ini adalah penting untuk menjaga kebajikan kita. Ini kerana kadang-kadang semasa hari perayaan memang kita mendapat permintaan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menolong boleh dikatakan rakyat mereka, di kawasan mereka. Akan tetapi mereka tidak memahami implikasi dan selepas kita berkomunikasi memang mereka menerima tetapi kita berharap Ahli-ahli Yang Berhormat juga boleh bekerjasama supaya kita dapat mengawal dan memastikan vektor-vektor atau penyakit-penyakit yang mungkin menjejaskan pertanian kita dan tumbuh-tumbuhan kita dapat dikawal.

Dengan kata ini saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua cadangan dan juga isu-isu yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERIKANAN (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.14 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*].

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia telah pun diwartakan pada 18 Ogos 2011. Lanjutan daripada itu pindaan berbangkit terhadap Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] perlu dibuat bagi maksud mengelakkan pertindihan kuasa dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan serta perakuan bagi import dan eksport bagi ikan hidup untuk membolehkan MAQIS berfungsi dengan kemas, teratur dan selaras dengan undang-undang. Rang undang-undang ini bertujuan meminda Akta Perikanan 1985 dan mempunyai tiga fasal. Peruntukan terperinci rang undang-undang ini adalah seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan meminda subseksyen 40 dengan memasukkan subseksyen baru iaitu subseksyen (3) hingga (7). Subseksyen-subseksyen ini memperuntukkan kuasa kepada Ketua Pengarah MAQIS untuk mengeluarkan permit import dan eksport ikan hidup mengikut Akta MAQIS 2011. Adalah menjadi kesalahan kepada mana-mana orang yang import atau eksport mana-mana ikan hidup tanpa permit yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah MAQIS.

Subseksyen ini juga bagi memperuntukkan kuasa bahawa permohonan permit import dan eksport mana-mana ikan hidup menurut Akta MAQIS 2011. Sebagai tambahan, penguatkuasaan berkaitan dengan ikan hidup akan dijalankan oleh pegawai penguatkuasaan di bawah Akta MAQIS 2011. Walau bagaimanapun, kuasa penguatkuasaan ini adalah terhad kepada pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin sahaja dan dijalankan menurut Akta MAQIS 2011 dan fasal 3 memperkatakan peruntukan kecualian.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai keyakinan penuh dengan melakukan pindaan terhadap Akta Perikanan 1985 [*Akta 317*] akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia sebagai satu badan tunggal yang bertanggungjawab di pintu masuk negara menjalankan tugas pemeriksaan, kuarantin dan penguatkuasaan terhadap import atau eksport tumbuhan, binatang, ikan, karkas, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma dan makanan dilaksanakan dengan lebih bersepadu, cepat, cekap dan berkualiti. Dengan ini sudah tentu dapat meningkatkan lagi tahap keselamatan negara daripada ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar yang boleh menjejaskan industri pertanian dan keselamatan serta kesihatan tumbuh-tumbuhan, binatang, ikan dan manusia dan juga dapat meningkatkan pengeksportan tumbuhan, binatang, karkas, ikan dan keluaran pertanian kerana negara mematuhi kehendak-kehendak negara pengimport.

Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan kerjasama dari semua pihak termasuklah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perikanan 1985 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

8.18 mlm.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat rang undang-undang ini ada kaitan dengan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan. Ada beberapa soalan yang berlegar di benak fikiran saya.

Pertama, dikatakan butiran 12, Senarai IIIA Jadual Kesembilan berkenaan – terpakai di Sabah dan di Sarawak. Jadi, kalau terpakai mengikut fasal (1)(b), Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan, saya minta kalau akta ini diseragamkan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, Malaysia juga. Akta Lembaga tadi hendaklah di sekalikan. Keduanya, saya hendak tanya pindaan seksyen 40.

■2020

Saya tuntut jawapan, ke negara mana ikan-ikan hidup dieksport dan berapa tan? Kalau boleh, kalau tidak tepat pun, kasar-kasar pun tidak mengapa.

Kedua, ikan hidup ini di*refer*, dirujuk kepada ikan yang tidak matikah? Sudah matikah atau macam mana? Atau kalau hidup, ikan sungaikah, tasikkah, laut atau muara?

Ketiga, saya hendak tahu juga apa-apa jenis ikan hidup? Ini kerana terdapat spesies ikan di Malaysia yang mahal harganya, cantik, berkualiti dan tidak terdapat di negara-negara lain dan juga ikan-ikan yang ganjil seperti ikan yang terkecil dalam dunia dari segi saiznya.

Oleh itu, saya hendak tahu jenis, harga dan kualiti. Bila mana akta ini diberitahu, dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, untuk hanya ikan hidup, sudah tentulah Malaysia merupakan sebuah negara yang penting dari segi sumber semula jadi. Kalau penting dari segi sumber semula jadinya, apakah usaha-usaha yang telah, sedang dan akan dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan dalam membiak, membanyakkan spesies-spesies yang mahal atau berkualiti ini? Ramai rakyat atau warganegara Malaysia yang tidak tahu jenis ikan yang berkualiti, ganjil dan sukar dicari di negara-negara lain. Contoh, tempat saya di Marang, Terengganu. Ikan kecil, cantik, tidak ada di Bachok, tidak ada di Perak, tidak ada di Sarawak, tidak ada di Sabah. Jadi, itu contoh sahaja. Mungkin kementerian atau pegawai perikanan lebih tahu daripada saya lagi. Mohon penjelasan lanjut.

Ketiga, perkara seksyen 40, seksyen 40(4) menyatakan eksport atau import tanpa permit akan didenda. Ia merupakan satu kesalahan. Ia tidak sebut denda berapa. RM10,000kah, RM100kah, RM100,000kah - saya tuntut penjelasan, denda berapa? Pertama.

Kedua, kalaulah denda tidak boleh bayar, penjarakah, *warning*kah? Kita tuntut penjelasan yang lebih lanjut. Kalau denda, berapa, dan kalau penjara, berapa tahun?

Perkara seksyen 40(6), ia kata pintu masuk, stesen kuarantin dan premis hendaklah dijalankan oleh pegawai penguat kuasa. Saya hendak ingatkan supaya semua pegawai kuat kuasa hendaklah dilatih, hendaklah diajar supaya lebih pakar, lebih profesional sebab sekarang banyak unsur jahat masuk ke negara ini. Contohnya, diseludup dadah, senjata, bom, macam-macam lagi dalam macam-macam kontena. Saya takut dadah di pintu-pintu masuk atau senjata juga diseludup. Jadi selain daripada pegawai kena tahu, kena cekap, kena pakar, juga alat-alat pengimbas *(scan)* hendaklah dibuat. Jangan atas sahaja dibuat tetapi alat-alat *out-dated*, alat-alat lapuk, alat tidak bagus. Jadi saya hendak tahu juga, alat-alat apa yang canggih yang setara dengan negara-negara maju di dunia.

Saya juga ingin menyentuh perkara kecualian. Tadi saya dengar Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut apakah yang dikecualikan. Jadi saya tuntut untuk penjelasan. Saya juga hendak tahu apa jaminan untuk ikan hidup terus hidup, tidak mati? Biasanya dia sampai dekat pintu masuk, disebabkan oleh *check* ambil masa, ambil *time* oleh pegawai ataupun karenah birokrasi, ikan itu mati. Apakah jaminan ikan itu tidak mati? *Either* eksport atau import.

Satu lagi saya hendak ulang lagi, perkara huraian fasal 2, Ketua Pengarah. Dimasukkan perkara baru 37 dengan menggantikan seksyen 40 [*Akta 317*] hendaklah pengarah itu jangan diberi kuasa mutlak. Maksud saya dia seorang sahaja *check*. Lesen dibagi kepada seorang. Takut unsur-unsur salah guna kuasa berlaku. Bukan saya kata, tetap berlaku. Takut – mana tahu salah guna kuasa. Jadi saya hendak sambung satu lagi iaitu kita kena *check* bukan sahaja di pintu masuk, malahan akta ini melibatkan semua sekali kemajuan ikan di negara kita.

Tadi saya bercakap tentang nelayan asing, pencerobohan. Saya mintalah sungguh-sungguh daripada pihak perikanan, polis atau mereka yang bertanggungjawab untuk memastikan laut kita tidak dicerobohi. Sekarang, tiap-tiap minggu, kadang-kadang tiap-tiap hari, tiap-tiap bulan, pasti ada pencerobohan baik di sempadan antara Sabah dengan Filipina, baik daripada Malaysia dengan Indonesia, baik dengan Thailand, baik dengan Vietnam. Jadi pencerobohan nelayan itu satu ancaman melibatkan nyawa, harta benda nelayan terutama sekali nelayan laut dalam. Itu kena perhatikan.

Kedua, tadi saya bercakap tentang pukat tunda. Bukan pukat tunda sahaja, malahan pukat-pukat lain pun jadi ancaman. Contoh, pukat apollo. Contoh lagi, pukat harimau. Contoh lagi, banyak lagi pukat-pukat lain. Jadi kena tengok, kena teliti apa-apa yang menjadi ancaman kepada ikan-ikan yang tidak patut ditangkap, ditangkap. Ancaman kepada pendapatan nelayan kena perhatikan.

Satu lagi, saya melihat konflik nelayan pantai dengan nelayan laut dalam masih berlaku. Contoh, nelayan laut dalam tidak boleh ceroboh pantai. Ceroboh pantai maksudnya, 32 batu dengan pantai dia tidak boleh masuk.

Akan tetapi ada sering berlaku, pun masih berlaku sekarang di mana nelayan laut dalam ceroboh nelayan pantai. Jadi konflik, jadi menjejaskan pendapatan nelayan pantai. Adakah atau tidak ada lagi? Kalau tidak ada, syukur, bagus. Kalau ada, tolong terangkan berapa banyak kes contoh tahun ini sahaja. Kalau boleh tahun lepas, kalau tidak boleh tahun ini sahaja. Saya harap boleh jawab soalan saya.

■2030

Ketiga, pertindihan tuntutan kawasan perairan di ZEE. Banyak tuntutan bertindih antara negara ke negara. Contoh, Malaysia dengan Indonesia. Malaysia kata hak kami. Indonesia kata hak dia. Contoh kedua, Thailand kata hak dia, Malaysia kata hak kita. Contoh lagi di Pulau Spratly. Hendak sebut susah Tuan Yang di-Pertua. Pulau Layang-layang. Contoh, kita kata kita. Vietnam, Filipina, Indochina, China termasuk Taiwan kata hak dia. Jadi nelayan kita serba salah. Tidak masuk kita rasa kita, masuk kita kena tangkap. Kena tangkap tidak apa, akan tetapi kena jail. Kena jail tidak apa, kena denda. Kena denda tidak apa lagi, tidak boleh jumpa anak isteri. Tidak boleh jumpa tidak apa lagi, tidak boleh jumpa seminggu.

Seminggu tidak apa lagi, berbulan-bulan tidak jumpa. Tidak boleh balik langsung, rindu. Orang rindu teruk harung Ahli Dewan Negara. Jadi kita hendak tahu sempadan hendaklah ditentukan betul-betul oleh Jabatan Perikanan, oleh Kerajaan Malaysia.

Jangan jadikan nelayan kita serba salah. Hendak pergi salah, tidak pergi salah. Kalau pergi kena ha!. Jadi saya hendak tahu berapa kes pencerobohan yang dilakukan. Bukan pencerobohan. Nelayan-nelayan kita Malaysia ditangkap akibat pertindihan ZEE oleh negara-negara luar. Berapa kes? Saya kira banyak. Tolong huraikan.

Satu lagi, saya tengok keadaan eksploitasi perikanan berlebihan di pantai. Di pantai banyak sangat sampai tiada ikan. Jadi saya syorkan dua perkara. Pertama, kurangkan nelayan pantai. Buat rumah, masuk kampung. Masuk ladang. Tanam sawit, tanam getah. Jadi kementerian ini kena kurangkan nelayan pantai. Kalau banyak sangat, aduh! Sedih. Jadi arwah Tun Abdul Razak dahulu, bagi FELDA buat FELDA...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ambil tiga minit lagi. Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Kurang sikit Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dua minit setengah.

Tuan Yang di-Pertua: Okey.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua baik. *Thank you.*

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Dua minit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi kita kena ambil nelayan dan beri rumah. Kedua, banyakkan lagi tukun-tukun tiruan. Dulu semasa Tan Sri Sanusi Junid, jadi Menteri Pertanian beliau buat tukun sebanyak 1.2 juta tukun sama dengan jumlah ahli UMNO dulu. Sekarang saya hendak tahu kena buat tukun banyak sama jumlah dengan ahli Barisan Nasional. Kalau masuk pembangkang pun tidak apa. Baik juga, baik juga.

Ketiga, saya hendak tahu juga apakah industri pemprosesan. Kena buat. Sekarang kita sudah tahu ada sedikit terutama di Chendering, mungkin di tempat lain tetapi tidak cukup sebab apabila musim tengkujuh datang nelayan tidak boleh pergi kerja laut. Jadi dia tumpukan *fish ball, fish meat* dan proses ikan-ikan kering, sotong, ketam dan lain-lain. Jadi, kita tuntut supaya lebih lagu buat industri pemprosesan hasil laut-hasil laut di negara kita.

Jadi saya terima kasih akta ini akta yang bagus. Saya anggap akta yang mendapat sokongan. Tidak perlu lagi pembangkang tidak setuju. Jangan lagi cuba-cuba. Jadi saya sokong 100 peratus, satu ratus peratus. Cukup dua minit setengah Tuan Yang di-Pertua, yang dikasihi.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hajah Zainun binti A. Bakar.

8.35 mlm.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia. Terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Akta Perikanan (Pindaan) 2011. Pindaan ini adalah bertujuan bagi mengelakkan pertindihan kuasa dari segi kuarantin, pemeriksaan dan penguat kuasa serta memperakukan bagi import dan eksport ikan.

Saya hanya ingin menyentuh dua perkara yang mana kebanyakannya telah disentuh oleh Yang Berhormat yang bijak pandai. Saya ingin menyentuh seksyen 40, seksyen baru 3 hingga 7 berhubung dengan kuasa pengeluaran permit mengimport dan mengeksport ikan hidup adalah di bawah kuasa Ketua Pengarah. Kuarantin dan pemeriksaan mengikut Akta Perkhidmatan Kuarantin dan MAQIS, Akta 726. merujuk kepada Akta ibu, Akta Perikanan 1985, Akta 317 di bawah seksyen 40(1).

Kuasa sebelum ini diberikan kepada kuasa Pengarah Perikanan. Pindaan Rang undang-undang Perikanan ini adalah wajar memandangkan kuasa pengeluaran permit mengimport dan mengeksport ikan hidup ada diberi kepada Ketua Pengarah MAQIS. Saya ingin menyentuh berhubung dengan permit ikan hidup yang diwajibkan kepada pengimport dan pengeksport.

Saya ingin mendapat penjelasan, adakah ianya juga meliputi pelbagai jenis ikan hiasan seperti ikan koi, ikan emas dan sebagainya. Saya juga ingin mendapat penjelasan adakah keperluan permit ini hanya terhad kepada ikan yang hidup sahaja.

Adakah ikan yang sudah mati seperti ikan merah, ikan tenggiri, ikan kembung dan sebagainya tidak memerlukan permit walaupun di import atau di eksport. Sekiranya kita merujuk kepada Akta ibu, Akta 317, ikan telah diinterpretasikan dengan begitu luas iaitu termasuk haiwan dan tumbuhan hidup akuatik.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, jenis-jenis ikan mengikut Akta 317 ini. Akhirnya, saya ingin membangkitkan berhubung dengan penguat kuasa yang hanya terhad pada pintu masuk stesen kuarantin dan premis kuarantin.

Saya ingin mencadangkan agar kuasa penguatkuasaan ini diperluaskan kepada premis perniagaan dan premis menyimpan ikan hidup juga. Saya juga ingin mendapat penjelasan adakah usaha yang dilakukan kerajaan bagi membangun dan menggalakkan industri akuakultur di negara ini. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

8.38 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Chua Tee Yong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada dua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah turut terlibat dalam perbahasan pindaan untuk Akta Jabatan Perikanan. Pertama, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman telah mengemukakan pelbagai persoalan dan isu-isulah serta cadangan-cadangan.

Seperti biasa Tuan Yang di-Pertua saya cubalah sedaya upaya kerana hari ini adalah akta pindaan. Mengenai isu iaitu sama ada akta ini di pinda terutamanya MAQIS dipakai di negeri Sabah dan Sarawak. Memang negeri Sabah dan Sarawak tidak masih menerima Akta MAQIS. Maka kita menyambut baiklah jikalau negeri Sabah dan Sarawak dapat melaksanakan Akta MAQIS ini. Selain itu, untuk ikan hidup sebenarnya ada pelbagai. Ikan hidup maknanya seperti ikan hiasan di mana terdapat koi, ikan arowana, *discus*, *betta*, ikan emas. Dari segi ikan yang paling mahal untuk ikan yang kita eksport adalah ikan hiasan terutamanya ikan kelisa atau arowana.

■2040

Terdapat pelbagai *variety* di mana untuk ikan arowana sahaja kita dijangka anggaran eksport adalah 300,000 ekor di mana dia juga dilindungi di bawah Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar iaitu CITES dan harganya adalah RM1,500 hingga RM3,000 bergantung kepada saiz iaitu 3 inci atau 6 inci. Selain daripada itu, terdapat ikan-ikan lain di mana kita juga memenuhi piawaian antarabangsa. Jikalau terdapat perlindungan untuk ikan-ikan tersebut, memang kita menurut piawaian antarabangsa dan untuk ikan hiasan secara keseluruhan sebenarnya kita mengeksport anggaran keluaran di antara 300 juta ekor hingga 400 juta ekor kerana ikan-ikan seperti beta dan sebagainya, memang murah dan ikan koi atau ikan mas memang terdapat eksport yang besar.

Untuk denda, hukuman bagi kesalahan untuk tidak memiliki lesen, permit dan perakuan untuk tujuan eksport dan import, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Untuk ikan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar iaitu ikan eksotik. Memang kita membuat kajian dan kita memang mempunyai tujuan untuk ikan-ikan eksotik yang mungkin terhad untuk sesuatu kawasan, dari segi eksport kita memang ada kawalannya dan untuk spesies yang tidak pernah masuk ke negara kita, memang kita memerlukan sijil kesihatan dan analisa untuk memastikan spesies-spesies ini tidak berisiko kepada biodiversiti kita atau ikan-ikan yang berada di Malaysia ini.

Untuk latihan, memang ini telah dicadangkan oleh beberapa Yang Berhormat Senator dari sejak kita membincangkan Akta Pindaan LKIM. Oleh itu, saya akan bangkitkan untuk memastikan bahawa latihan-latihan ini walaupun telah dilaksanakan pada masa ini, dapatlah ditingkatkan dan diusahakan lagi.

Dari segi kuarantin, sebenarnya untuk kuarantin Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, sebenarnya kalau dalam masa kuarantin itu kalau terdapat ikan yang mati dan ini adalah kerana penyakit-penyakit. Memang tujuan ini adalah untuk mengawal supaya penyakit-penyakit ini tidak masuk ke negara kita. Dari segi *facility* atau infrastruktur-infrastruktur untuk kuarantin, kita bukan sahaja menggunakan *facility* kita, tetapi pihak swasta yang mengeksport juga boleh membina sendiri tempat kuarantin di mana dia akan dipantau juga oleh pihak pegawai kita.

Untuk menjaga sumber pelagik di negara kita, memang di kawasan terutamanya di negeri Johor, Selangor, negeri Perak, kita telah mengurangkan lesen atau tidak mengeluarkan lesen baru secara besar-besaran dan adalah terkawal. Kita hanya mengeluarkan lesen terutamanya untuk laut dalam di kawasan terutamanya di Kelantan, di Terengganu dan Sabah Sarawak kerana mereka masih mempunyai sumber pelagik yang besar yang boleh diterokai. Untuk konflik di antara zon laut dalam dengan zon-zon yang berdekatan dengan pantai-pantai.

Mengenai isu ini memang terdapat konflik. Yang Berhormat Datuk Rahman mungkin sedar kadang-kadang ada dilaporkan oleh pihak media. Mengenai isu ini memang kita memantau dan sebenarnya isu adalah di antara Zon A dengan Zon B di mana untuk Tuan Yang di-Pertua, Zon A adalah kosong batu nautika sehingga lima batu nautika dan Zon B adalah 5 batu nautika hingga 12 batu nautika, zon 12 batu nautika hingga 30 batu nautika dan Zon C2 adalah 30 batu nautika ke atas. Maka, kebanyakan konflik adalah sebenarnya bukan di Zon C dengan Zon A, tetapi di antara Zon B dengan Zon A. Kita juga menggalakkan nelayan-nelayan mengadakan, boleh dikatakan memberi aduan dan juga melalui boleh dikatakan persatuan-persatuan nelayan memberitahu maklum kepada kita masalah-masalah yang dihadapi dan kita tentu akan memantau isu ini supaya konflik ini tidak menjadi besar.

Selain daripada itu dari segi sempadan. Memang isu ini hangat dibangkitkan dan kita juga telah memberi mengenai isu-isu yang dihadapi oleh nelayan kita diutarakan kepada Kementerian Luar Negeri supaya mereka boleh meninjau dan cuba menyelesaikan masalah sempadan ini kerana masalah ini melibatkan dua negara dan tidak boleh diputuskan sewenang-wenangnya oleh sau kementerian atau jabatan.

Ini kerana ia mungkin akan menyebabkan ketidakstabilan antara hubungan dengan jiran kita yang amat penting saya rasa. Dari segi untuk menggalakkan nelayan-nelayan masuk dalam pemprosesan atau produk-produk hiliran atau membuat aktiviti ekonomi yang lain, memang kita di kementerian telah melalui pihak LKM mengadakan pelbagai program melalui pemberian TEKUN di mana kadar pinjamannya adalah *interest*nya rendah sebanyak 4 peratus dan juga menggunakan Agro Bank supaya kita dapat sama-sama cuba meningkatkan pendapatan nelayan kita.

Selain daripada itu, terdapat isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar yang mengatakan bahawa sama ada dari segi sijil kesihatan. Sebenarnya untuk setiap ikan yang kita import, memang negara pengimport itu perlu keluarkan sijil kesihatan untuk menjamin bahawa ikan-ikan tersebut adalah di dalam tahap yang sesuai dan selamat untuk kita mengimport.

Daripada senator Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar terdapat pertanyaan mengenai tahap akuakultur di negara kita. Memang semenjak kementerian menggalakkan akuakultur di negara kita, terdapat peningkatan tetapi mungkin secara data saya kena bagi secara bertulis kerana saya masih belum mendapat maklumat-maklumat tersebut.

Untuk tukun-tukun tiruan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar, memang dari segi tukun tiruan ini juga dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, tetapi saya tidak dapat amaun dia pada masa ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalahnya dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal 1 hingga 3 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

■2050

RANG UNDANG-UNDANG VETERAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.50 mlm

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, satu akta untuk menubuhkan Majlis Veteran Kebangsaan untuk membuat peruntukan bagi pendaftaran veteran, Persatuan Veteran dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 11 Oktober tahun 2000 telah bersetuju untuk menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM ringkasnya JHEV. Peranan utama JHEV adalah untuk menguruskan pengagihan manfaat faedah persaraan termasuk pencen dan program kebajikan bagi veteran ATM dan tanggungan mereka yang diiktiraf.

Di samping itu jabatan juga menjalankan beberapa inisiatif lain supaya veteran ATM dapat menjalani kehidupan yang lebih selesa sejahtera setelah menamatkan perkhidmatan dengan Angkatan Tentera Malaysia. Setelah ditubuhkan JHEV telah beroperasi berdasarkan kepada peraturan-peraturan semasa kerajaan seperti Akta Pencen 1980, Peraturan-peraturan Angkatan Tetap, Pencen, Ganjaran dan Faedah-faedah Lain 1982, Perintah-perintah Majlis Angkatan Tentera dan keputusan Jemaah Menteri sebagai punca *authority* bagi membantu veteran ATM yang diiktiraf.

Tuan Yang di-Pertua, veteran ATM adalah berbeza dengan pesara-pesara perkhidmatan awam yang lain dari segi terma perkhidmatan. Ada di antara mereka yang berpencen iaitu berkhidmat melebihi 21 tahun, ada pula yang tidak berpencen berkhidmat kurang daripada 21 tahun. Di samping itu, usia veteran ATM yang masih muda antara 30 tahun hingga 50 tahun serta keperluan tanggungan mereka juga perlu diberi perhatian selaras dengan kepentingan memelihara semangat perjuangan Institusi Angkatan Tentera Malaysia seperti dibincangkan dalam Dasar Pertahanan Negara. Setiap tahun lebih kurang 3,000 ahli anggota tentera yang akan menamatkan perkhidmatan daripada ATM dengan tempoh pemberhentian yang pelbagai, di mana ada yang berhenti kurang daripada 21 tahun dan ada yang berhenti genap atau lebih daripada 21 tahun. Mengikut tinjauan trend jangka panjang ini akan berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Veteran Kebangsaan (MVK). Untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran veteran, Persatuan Veteran dan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Rang undang-undang ini juga memberi takrifan dan tafsiran yang baru kepada golongan veteran ATM. Veteran ATM didefinisikan sebagai warganegara Malaysia yang telah berkhidmat sepenuh masa dan tidak pernah ditamatkan dari perkhidmatan di bawah peraturan disiplin tentera dengan mana-mana angkatan tentera yang berikut:

(i) Angkatan Tentera Malaysia;

(ii) Pasukan Simpanan ATM yang dikerah sepenuh masa tanpa mengira tempoh perkhidmatan;

(iii) Pasukan *Force 136;*

(iv) bekas tentera British yang berkhidmat di Malaya, Malaysia atau Singapura; dan

(v) *Sarawak Rangers.*

Ketiadaan rang undang-undang pada masa ini dilihat sebagai satu kelemahan bagi bagi mendapatkan bajet atau geran bantuan tahunan demi membantu kebajikan veteran ATM serta pertubuhan bekas tentera yang merupakan *pressure group* yang memerlukan perhatian yang istimewa. Sebagai jabatan yang diberi tanggungjawab berkaitan dengan veteran ATM perlu diwujudkan pusat maklumat veteran yang lengkap untuk pemantauan, analisa statistik dan untuk inisiatif-inisiatif kerajaan yang lain di masa hadapan. Akta ini akan membolehkan setiap bekas tentera mendaftar di Jabatan Hal Ehwal Veteran dan akan memantapkan sistem maklumat jabatan.

Memandangkan rang undang-undang ini akan membolehkan pendaftaran veteran ATM dan pertubuhan-pertubuhan bekas tentera. Satu jawatankuasa khusus yang dikenali sebagai pendaftar akan diwujudkan. Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran akan dilantik sebagai pendaftar bagi kedua-dua tujuan ini. Dalam pada yang sama pendaftaran persatuan dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran dilihat sebagai satu kaedah yang tidak tersimpang dari prinsip-prinsip moral. Persatuan-persatuan ini dikawal selia organisasinya dari terpesong jauh dengan objektif asas penubuhannya, iaitu ke arah aktiviti-aktiviti persatuan dan kebajikan-kebajikan ahli.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) yang akan dipengerusikan Yang Berhormat Menteri Pertahanan akan menjadi satu forum tertinggi yang akan membincangkan secara khusus hal ehwal veteran. Antara fungsi MVK adalah:

(i) merumus, menyelia, menyelaras dan memantau dasar utama dan pelan tindakan;

(ii) menasihati dan membuat syor ke atas perundangan yang ada; dan

(iii) menasihati kerajaan mengenai isu hal ehwal veteran.

Akta ini penting dari segi memantapkan kebajikan asas veteran ATM dan tanggungan mereka supaya kehidupan mereka dapat pembelaan yang sewajarnya oleh kerajaan.

Sebagai rakyat Malaysia veteran ATM dan tanggungan mereka layak mempunyai ruang untuk berusaha bagi membina kehidupan baru selepas berhenti daripada perkhidmatan. Rang undang-undang ini akan mengambil alih kuasa Akta Pertubuhan 1966 khususnya bagi pertubuhan-pertubuhan bekas tentera yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan. Di mana semua pertubuhan tersebut akan didaftar semula dengan Jabatan Hal Ehwal Veteran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan nasib veteran ATM terus terbela dan terjaga, kerajaan sewajarnya mengadakan undang-undang dan peraturan agar veteran ATM yang baik perkhidmatannya diberi pembelaan yang adil dan setimpal. Oleh kerana itu rang undang-undang ini akan memberi kuasa yang membolehkan Yang Berhormat Menteri boleh mewujudkan peraturan-peraturan berhubung bantuan kebajikan dan perubatan serta bantuan sosioekonomi.

Peraturan-peraturan di dalam akta bertujuan memelihara kesejahteraan veteran ATM dan akan sesuai dengan norma-norma utama yang diguna pakai di Malaysia. Implikasi kewangan yang utama bagi Akta Veteran ATM akan terbit dari penggubalan peraturan-peraturan khusus berkaitan dengan bantuan kebajikan dan perubatan serta bantuan sosioekonomi. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mengandungi 24 fasal.

Bahagian I - Permulaan. Fasal 1 mempunyai tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi takrif istilah tertentu yang digunakan dalam akta yang dicadangkan.

Bahagian II - Peruntukan mengenai penubuhan Majlis Veteran Kebangsaan

Fasal 3 mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis.

Fasal 4 memperkatakan fungsinya.

Fasal 5 mengadakan peruntukan bagi pembayaran elaun kepada anggota Majlis sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri.

■2100

Fasal 6 memperuntukkan bahawa majlis hendaklah dibantu oleh jabatan dalam pelaksanaan fungsinya dan perjalanan kuasanya.

Bahagian III mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran veteran.

Fasal 7 mengadakan peruntukan bagi pelantikan pendaftar.

Fasal 8 mengadakan peruntukan bagi penyimpanan dan penyelenggaraan daftar veteran.

Fasal 9 memperkatakan permohonan untuk pendaftaran.

Fasal 10 memberi pendaftar kuasa untuk meminta dokumen atau maklumat tambahan daripada seorang pemohon.

Fasal 11 memberi pendaftar kuasa untuk melulus atau menolak untuk meluluskan permohonan untuk pendaftaran seorang pemohon.

Fasal 12 memperkatakan pengeluaran kad veteran kepada seorang veteran berdaftar.

Bahagian IV mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran dan penyeliaan persatuan veteran.

Fasal 13 memperkatakan permohonan untuk pendaftaran persatuan veteran. Tiada persatuan boleh menjalankan apa-apa aktiviti veteran melainkan jika persatuan itu telah didaftar sebagai suatu persatuan veteran di bawah akta ini.

Fasal 14 memberi pendaftar kuasa untuk melulus atau menolak untuk mendaftarkan permohonan bagi pendaftaran oleh pemohon sebagai satu persatuan veteran.

Fasal 15 mengadakan peruntukan bagi penyimpanan dan penyelenggaraan daftar persatuan veteran.

Fasal 16 memperkatakan pengeluaran perakuan pendaftaran kepada persatuan veteran.

Fasal 17 memperkatakan mana-mana persatuan yang menjalankan aktiviti-aktiviti veteran yang didaftar di bawah Akta Persatuan 1966, persatuan itu hendaklah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta Persatuan 1966 dan hendaklah didaftarkan di bawah akta ini.

Fasal 18 menghuraikan keadaan yang pendaftar boleh membatalkan atau menggantung mana-mana persatuan veteran berdaftar.

Fasal 19 memperkatakan rayuan kepada Menteri oleh suatu persatuan yang terkilan dengan keputusan pendaftar.

Fasal 20 bertujuan untuk membolehkan Menteri mengeluarkan arahan bagi penerusan fungsi suatu persatuan dalam hal jika suatu rayuan oleh persatuan itu masih belum selesai.

Fasal 21 mensyaratkan bahawa satu persatuan veteran mesti menyelesaikan pertikaiannya mengikut tatacara dalaman yang ditetapkan.

Fasal 22 memperkatakan merujukkan pertikaian kepada Menteri.

Fasal 23 memperkatakan kesan penolakan pendaftaran atau pembatalan atau pergantungan pendaftaran.

Bahagian V mengandungi peruntukan am iaitu fasal 24 memberi kuasa untuk Menteri membuat peraturan-peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM belum mempunyai Akta Veteran sejak ditubuhkan pada tahun 2001, maka adalah wajar kepentingan institusi ketenteraan yang diperjuangkan akta ini diluluskan oleh kerajaan bagi membela nasib veteran ATM dan tanggungannya sebagai manifestasi kerajaan dalam menghargai pengorbanan veteran ATM setelah menamatkan perkhidmatan. Kegagalan membantu veteran ATM mencapai tahap kebajikan minimum adalah bertentangan dengan Dasar Pertahanan Negara dan mungkin mengurangkan minat rakyat Malaysia menyertai Angkatan Tentera Malaysia secara sukarela atau sebagai kerjaya yang disanjung. Sesungguhnya saya percaya bahawa wujudnya Rang Undang-undang Veteran ini merupakan satu usaha murni kerajaan dalam memberi pengiktirafan kepada bekas-bekas anggota tentera yang telah berkhidmat bersungguh-sungguh dalam mempertahankan negara dan bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Majlis Veteran Kebangsaan, untuk membuat peruntukan bagi pendaftaran veteran dan persatuan veteran dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua dan sekarang dibuka untuk dibahas.

Sebelum saya mengundang Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbahas, saya ingin mengingatkan diri saya dan diri kita semua bahawa Mesyuarat pada malam ini akan ditamatkan pada pukul 10.30 yang bermakna kita ada kira-kira 85 minit lagi dari sekarang dan kita berharap sebelum kita menangguhkan Mesyuarat pada malam ini, kita akan dapat menyelesaikan Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan. Saya minta kerjasama Yang Berhormat semua untuk memastikan sasaran kita itu dapat dicapai. Seterusnya, saya mempersilakan Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan nama untuk turut berbahas mengenai Rang Undang-undang Veteran ini ialah Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

9.04 mlm.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang sekali lagi untuk membahas Rang Undang-undang Veteran 2011 dan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah membentangkan rang undang-undang sebentar tadi dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan khususnya kepada Kementerian Pertahanan yang saya rasakan kementerian adalah proaktif dan juga sensitif kerana telah menghasilkan rang undang-undang ini yang saya rasa amat baik dan ianya dapat menyatukan bekas-bekas anggota tentera dan menjadikannya satu *touch point,* dengan izin kepada aspek kebajikan dan memastikan setiap persatuan tersebut dilaksanakan dan ditadbir dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia akan diiktiraf antara negara yang mempunyai kemudahan lengkap bagi menguruskan hal ehwal veteran sekiranya Rang Undang-undang Veteran 2011 ini dapat kita luluskan sebagaimana dalam fasal 4 yang memperkatakan mengenai fungsi majlis. Malahan menerusi rang undang-undang ini juga, ianya mengandungi beberapa peruntukan bagi menjamin hak dan kepentingan veteran Malaysia. Akta ini juga akan dapat menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan berhubung dengan hal ehwal veteran selain menjadi badan pemantau bagi semua persatuan veteran di Malaysia.

Akta ini juga di bawah Majlis Veteran Malaysia yang akan ditubuhkan yang mana ianya akan bertujuan menggubal dasar utama dan pelan tindakan mengenai hal ehwal veteran sebagaimana yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi yang mana disebutkan juga di dalam fasal 3 mengenai penubuhan majlis.

Saya difahamkan bahawa penubuhan majlis ini akan dianggotai oleh wakil kedua-dua pihak termasuk Menteri Pertahanan dan lima pakar yang berpengalaman dalam bidang hal ehwal veteran mewakili veteran. Ini akan membolehkan persatuan-persatuan veteran ini menyumbang kepakaran dan pengalaman yang lalu kepada negara dalam jangka masa yang panjang.

Saya juga ingin menyokong sepenuhnya fasal 17 dalam rang undang-undang ini yang mana ia berkata, *"(17) - Mana-mana persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terhenti daripada didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan hendaklah dalam tempoh tiga bulan selepas itu memohon kepada pendaftar untuk didaftarkan di bawah akta ini sebagai suatu persatuan veteran untuk menjalankan apa-apa aktiviti veteran; dan persatuan itu hendaklah terus menjalankan operasi sebagai satu persatuan sehinggalah diberitahu sebaliknya oleh Pendaftar."*

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sekiranya fasal ini dapat dilaksanakan dengan baik dan teratur, maka rang undang-undang ini akan dapat dipraktikkan dengan lebih sistematik dan efektif. Dengan itu kepada Timbalan Menteri, saya mohon menyokong sepenuhnya akta ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

9.09 mlm.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan rang undang-undang ini dari dua segi. Dari segi yang pertama ialah membincangkan beberapa bahagian daripada akta ini yang saya sama ada tidak persetujui atau saya memerlukan penjelasan yang lebih terang.

■2110

Bahagian keduanya ialah untuk saya mempersoalkan tujuan yang lebih luas dan lebih umum tentang pembentukan persatuan-persatuan ini. Di muka surat 4 Tuan Yang di-Pertua, istilah veteran antaranya termasuk (d) tentera British yang telah berkhidmat di Malaya, Malaysia atau Singapura. Saya ingin mempersoalkan mengapa perlu dimasukkan golongan asing ini? Jikalau misalannya kita hendak masukkan golongan asing, bukan rakyat negeri ini ada juga golongan-golongan lain dari luar negara yang turut misalannya berkecimpung dalam gerakan ketenteraan terutama sekali menentang gerakan komunis dahulu kerana ada daripada Nepal misalnya Gurkha. Ada daripada Nyasaland, ada banyak tempat lagi.

Jadi, mengapa hanya pilih British? Adakah kerana mereka bekas penjajah. Mengapa tidak misalnya diambil tentera-tentera daripada Fiji, daripada Nepal dan daripada yang lain-lain itu? Mengapa diskriminasi ini? Jadi, sama ada kita terus jangan adakan unsur asing ini dalam keanggotaan veteran atau pun kita perluasan kepada semua veteran yang telah terlibat dalam gerakan-gerakan ketenteraan di sini terutama sekali waktu darurat. Perkara pertama ialah pada muka surat 5 -

3.(2) "Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Menteri yang hendaklah menjadi Pengerusi..."

Saya ingin penjelasan mengapa harus dilibatkan menteri dalam pertubuhan ini? Oleh kerana ada bekas-bekas, veteran misalnya yang mempunyai pangkat yang tinggi, pendidikan yang tinggi dan boleh misalnya memberikan pimpinan kepada pertubuhan itu. Jadi, mengapa tidak misalnya ambil di kalangan mereka sendiri untuk membincangkan kebajikan mereka. Mengapa harus Menteri? Saya bimbang nanti akan ditafsirkan seolah-olah ada unsur politik dalam hal ini kerana di kalangan veteran itu sendiri ramai mereka yang misalannya merupakan anggota-anggota yang tidak menjadi anggota UMNO. Ada parti-parti lain.

Jadi, apabila Menteri sebagai ketua majlis, dengan sendirinya akan dipersoalkan. Ini ialah kerana terutama sekali oleh kerana Menteri itu seolah-olah tempat merayu atau buat keputusan yang terakhir. Jikalau ada pertikaian misalnya dirujukkan kepada Menteri. Jikalau ada misalnya penolakan untuk menjadi anggota dirujukkan kepada Menteri.

Jadi, adakah bererti sekarang ini kita tidak boleh misalnya atau pun tidak mempercayai satu golongan seperti veteran-veteran nanti untuk menjalankan urusan mereka sendiri dan memimpin diri mereka sendiri.

Ketiga ialah muka surat 8, bahagian 4(13)2. Sesuatu persatuan yang berniat untuk menjalankan apa-apa aktiviti veteran hendaklah memohon kepada pendaftar. Jadi, di sini seolah-olah kita dapati untuk menjalankan apa-apa aktiviti pun mestilah diluluskan oleh pendaftar. Pendaftar yang dimaksudkan di sini bukannya pendaftar pertubuhan tetapi pendaftar yang dibentuk dalam jawatankuasa itu sendiri. Mengapakah tidak misalnya dibenarkan seluruh badan itu dengan membentuk jawatankuasa kecil mereka sendiri untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tertentu.

Mengapa tidak boleh dibentuk umpamanya jawatankuasa kecil atau biro kerajaan-kerajaan tertentu untuk membincangkan soal perumahan mereka, tentang pencen mereka, tentang kebajikan mereka. Jadi, mengapakah misalannya itu mesti didaftarkan di bawah pendaftar ini? Jadi, saya rasa ini terlalu birokratik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua kita pergi kepada halaman ke-10 (17). Mana-mana persatuan yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 66, pada tarikh akta ini mula berkuat kuasa hendaklah terhenti daripada didaftarkan. Jadi, saya ingin mendapat tahu kerana tentang adanya pertubuhan sebab saya tahu bahawa ada pertubuhan veteran sekarang ini yang ditubuhkan oleh veteran sendiri dan dipimpin oleh veteran sendiri. Adakah dengan sendirinya nanti mereka ini harus dibubarkan ataupun bila berkuat kuasa akta ini hendaklah terhenti dari didaftarkan di bawah akta ini?

Jadi, kalau misalnya ini dikuatkuasakan bererti veteran ini tidak mempunyai hak demokratik untuk menjalankan tugas-tugas mereka, untuk memimpin diri mereka sendiri. Kadang-kadang misalnya bila terlalu *official* pertubuhan itu di bawah kerajaan, di bawah Menteri mereka tidak dapat menjalankan betul-betul aktiviti untuk menjaga kebajikan mereka. Misalnya saya tahu nasib veteran di negara ini masih belum terbela. Saya misalnya selalu melibatkan diri dengan peneroka bandar iaitu dengan setinggan dan saya dapati ramai di antara setinggan itu adalah veteran-veteran sama ada bekas polis ataupun bekas tentera dan mereka ini bila sampai waktunya pemaju datang untuk memajukan kawasan mereka, rumah mereka dirobohkan, mereka dihalau dan kadang-kadang tanpa apa-apa jaminan atau pun pampasan.

Jadi, saya berharap bahawa dari segi demokratiknya kalau pun hendak ditubuhkan pertubuhan ini di bawah kerajaan mesti dibenarkan juga mana-mana pihak veteran mengadakan pertubuhan mereka sendiri, dipimpin oleh mereka sendiri dan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang sebenar-benarnya boleh menjamin kehidupan mereka. Mungkin dengan *competition* seperti itu pihak yang rasmi ini akan terpaksa melakukan sesuatu yang lebih prihatin terhadap golongan veteran ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk mengambil bahagian? Jikalau tidak ada saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

9.17 mlm

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Norliza dan juga Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin kerana mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Veteran yang baru saya bentangkan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Norliza dia puji sahaja, dia tidak tanya pun. Jadi, saya tidak boleh hendak jawab sebab tidak tanya. Yang Berhormat Tuan Dr. Syed Husin bertanyakan sama ada kenapa kita utamakan orang asing dalam takrifan veteran. Maknanya Gurkha yang pernah berkhidmat dalam angkatan tentera British tergolong juga dalam akta tersebut. Sebenarnya, Akta Veteran ini adalah dibuat secara niat yang baik, *bonafide,* bersifat *inclusive* tanpa ada niat untuk mengetepikan mana-mana pihak yang telah berkhidmat untuk negara ini sama ada negara ini dijajah di bawah British mahupun negara ini sudah merdeka.

Akan tetapi perkara pokok dalam takrifan itu dia mesti warganegara Malaysia. Cuma *subset*nya itu dia pernah berkhidmat Angkatan Tentera Malaysia, pasukan simpanan ATM yang dikerah sepenuh masa tanpa mengira tempoh perkhidmatan. Pasukan *Force 136* yang pernah dianggotai oleh Almarhum Ayahanda Yang Berhormat Pekan.

■2120

Kalau kita kira yang hidup lagi dalam *Force 136* ini saya ingat susah hendak cari tetapi kita masukkanlah kerana kita mengiktiraf penglibatan mereka dalam mempertahankan negara baik zaman penjajah mahupun selepas kita merdeka. Kita masukkan juga bekas tentera British yang telah berkhidmat di Malaya tetapi dia mesti warganegara Malaysia termasuk Sarawak Rangers kerana peranan mereka membantu menghapuskan Parti Komunis Kalimantan Utara itu perlu kita beri pengiktirafan walaupun Sarawak Rangers ini tidak berapa ramai. Saya harap penjelasan saya itu terang dan jelas.

Kedua, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin menyatakan bahawa kenapa Menteri jadi pengerusi dalam Majlis Veteran Kebangsaan. Mestilah Menteri sebab dia mesti jadi pengerusi. Dia menjalankan dasar, pandangan, saranan dan cadangan itu terdiri daripada lima orang yang ditakrif sebagai ulama dalam veteran.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah dengan berguraus-senda sedikit Yang Berhormat? Saya rasa di bawah sedar, Yang Berhormat Senator tadi merasakan bahawa Menteri itu akan kekal Menteri sekarang, di bawah sedar... *[Disampuk]* Saya kata di bawah sedarlah. Itu sahaja untuk memecahkan kesunyian malam.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Menteri ini, Menterilah sama ada – kata belah Pakatan Rakyat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Bila saya kata Menteri sekarang, Menteri kerajaan sekarang.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tidak kira, undang-undang sekarang ini dibuat untuk siapa juga yang jadi Menteri. Sebab itu kita amat dukacita kalau ada pembangkang kata kapal selam tidak boleh menyelam sebab apabila dia jadi Menteri nanti, aset yang sama akan digunakan. *Navy* yang sama yang mengendalikan kapal selam tersebut. Jadi, sepatutnya tidak diutarakan oleh pembangkang yang mengaku mereka itu mempunyai *first class* pembangkang.

Dr. Syed Husin Ali: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila, sila.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Saya tidak benarkan dahulu. Kuasa saya.

Dr. Syed Husin Ali: Saya minta sekarang.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Belum lagi... *[Ketawa]*

Dr. Syed Husin Ali: Okey.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Bagi *chance* dulu... Oleh sebab itu apabila kita letak Menteri kerana niat kerajaan adalah *inclusive*, demokratik dan tidak ada niat langsung untuk menjadikan akta ini sebagai alat partisan politik tetapi ia ala politik tetapi ia bukan partisan politik. Saya harap Tuan Yang di-Pertua faham sebab kalau belah sana memerintah, akta ini akan digunakan dan dia juga akan jadi Menteri. *So,* pasal apa hendak *complaint*, sepatutnya tidak payah *complaint*lah. Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila Yang Berhormat.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bagi saya, yang pentingnya ialah institusi itu, institusi Menteri itu sendiri, kementerian itu sendiri sama ada dia pemerintah sekarang atau pemerintah akan datang, sama sahaja bagi saya iaitu tidak harus badan seperti ini didominasi oleh seorang Menteri sama ada Menteri daripada BN ataupun daripada Pakatan sebab saya memandang bahawa jawapan yang diberi tadi adalah kurang memuaskan. Dia pengerusi ialah kerana dia Menteri, kerana dia Menteri jadi dia pengerusi.

Saya rasa ini satu hujah yang sangat lemah sebab kalau misalannya kita tubuhkan ada hal-hal lain misalannya daripada persoalan veteran ini yang melibatkan keprihatinan Menteri, jadi berpuluh-puluh lagi badan yang dia jadi pengerusi lembaganya. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Faham, itu pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh kekal dengan pandangan tersebut, tidak ada hal tetapi dari sudut kerajaan kerana Menteri itu adalah pembuat dasar tetapi dia jadi *chairman*, dia jadi pengerusi tidak ada kuasa veto pun. Tidak ada dalam itu ada kuasa veto, kalau ada pandangan itu boleh diketepikan.

Dr. Syed Husin Ali: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Tunggulah saya jawab habis dahulu, kata demokrasi. Waktu Yang Berhormat cakap saya duduk lama. Saya cakap sedikit, Yang Berhormat hendak bangun.

Jadi, hujah saya tadi maknanya Menteri pembuat dasar. Jadi apa salahnya dasar yang dibuat oleh majlis itu didengar sendiri oleh Menteri dan Menteri ada kuasa eksekutif. Dia boleh bincang perkara tersebut di peringkat yang lebih tinggi dalam Kabinet dan perkara dalam fasal 24 ini memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai kebajikan-kebajikan veteran yang dicadangkan oleh majlis. Saya ingat tidak salah. Kalaupun Menteri tidak duduk dalam majlis berbentuk sebagai pengerusi, Menteri juga akhirnya akan kendalikan apa jua cadangan, saranan yang wujud dalam Majlis Veteran Kebangsaan iaitu majlis bukan Menteri punya kuasa. Majlis punya kuasa dan Menteri hanya jadi pengerusi. Merumus, menyelia, menyelaras, memantau dasar utama dan pelan tindakan. Maknanya kuasa yang ada pada majlis ini amat besar dan bukan kuasa pada Menteri. Menasihati, membuat syor ke atas perundangan yang sedia ada.

Ketiga, menasihatkan kerajaan mengenai isu hal ehwal veteran. Itu kuasa Majlis Veteran. Saya ingat sudah lengkap, sudah *perfect*, sudah sempurna...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Boleh saya mencelah?

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Silakan.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya rasa kalau kita hendak bincang Menteri dan hendak baca balik akan memakan masa. Sebenarnya saya berpendapat jawatan yang tertinggi dalam organisasi itu adalah Menteri dan hanya dia yang dapat membawa sebarang permasalahan di peringkat jawatankuasa kepada pihak yang lebih atas. Jadi, saya rasa Menteri sebagai mengetuai jawatankuasa itu adalah pilihan yang terbaik.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih. Saya hendak tambah sedikit, Panel Hadiah Sastera Kebangsaan pun adalah seorang Menteri dan ini sudah menjadi amalan kita semua. Silakan Yang Berhormat Menteri.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih. Sebenarnya saya tidak hendak...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Beri laluan tidak?

Dr. Syed Husin Ali: *[Ketawa]* Terima kasih, sebab saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kalau *the fallacy of the argument* dengan izin, kalau kita misalnya mengatakan dia menjalankan dasar dan oleh kerana itu dia harus jadi pengerusi, nanti kalau jalankan dasar pertanian umpamanya maka apabila ada persatuan petani-petani, kita mesti ada majlis di mana pengerusinya adalah Menteri. Jadi tidak habis-habis nanti hanya dengan Menteri. Saya katakan tadi kerana *membership* atau keanggotaan veteran itu sama juga dengan petani misalnya adalah berbeza dari segi politiknya. Walaupun Menteri misalnya dia kerajaan tetapi ada aspek partisannya dan ini boleh melemahkan kedudukannya. Diterima tadi oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kalau misalannya hendak bawa ke atas kerana – akhirnya boleh melalui Menteri juga kita bawa ke atas.

Jadi kalau misalannya Persatuan Veteran itu dipimpin oleh veteran sendiri yang berpangkat tinggi dan berkebolehan, mengapa tidak misalannya dia menyuarakan hasrat veteran itu disampaikan kepada Menteri dan Menteri bawa kepada kerajaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Sudah tidak boleh. Tidak mengapalah, itu kira Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin, balik ini tidurlah dengan pendapat itu... *[Ketawa]* Akhir sekali, jadi ucapan daripada Yang Berhormat Senator Norliza itu sebahagian daripada ucapan saya. Jadi, saya tidak payah sambung, sedikit sahaja fasal 17 iaitu adakah persatuan itu terhenti pendaftarannya di bawah Akta Pertubuhan.

■2130

Ini bukan perkara baru. Dulu waktu kita tubuhkan Suruhanjaya Sukan sewaktu akta itu diluluskan tahun 90-an, persatuan-persatuan sukan dulu adalah didaftarkan di bawah ROS, Akta Pertubuhan 1966. Akan tetapi bila ada Suruhanjaya Persatuan Sukan, ia secara automatik diberi masa untuk mendaftar. Jadi tidak ada masalah untuk persatuan-persatuan yang sekarang ini sedang berjalan – ada banyak persatuan veteran, kelab veteran yang mewakili pelbagai dengan izin, *fraternity,* beroperasi dan bila akta ini diluluskan dan dikuatkuasakan, kita beri masa untuk persatuan itu mendaftar semula dengan pendaftar yang sekarang ini kita takrifkan sebagai dia juga Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran.

Ini adalah bertujuan untuk memastikan yang proses itu berjalan dengan baik. Kerajaan tidak ada niat langsung untuk membatalkan mana-mana persatuan. Malah, kita hendak tolong supaya mereka dapat mendaftar semula secara automatik. Proses ini kita akan bantu persatuan. Jadi, tidak ada gusar dan tidak payah rasa takut. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

[Fasal-fasal 1 hingga 24 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Jadual *diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN POS 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.35 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan pos dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibaca bagi kali kedua sekarang.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sila.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Diucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini perkhidmatan pos diselia di bawah Akta Perkhidmatan Pos atau ringkasnya APP 1991 yang mengawal selia perkhidmatan Pos Malaysia Berhad atau dengan ringkasnya PMB selepas ianya dikorporatkan pada tahun 1992.

Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011 ini akan menggantikan Akta 1991 itu dalam usaha kerajaan mengemas dan memperkasakan industri perkhidmatan pos dan *courier* di negara ini.

Pada 1 November 2001, kerajaan telah memindahkan fungsi kawal selia pos dari Ketua Pengarah Jabatan Pos kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau dengan ringkasnya SKMM melalui satu pindaan kepada Akta Perkhidmatan Pos 1991.

Kewujudan badan kawal selia bebas bagi sektor pos telah menjadi trend di seluruh dunia ketika ini yang turut berlaku di United Kingdom, Singapura, Amerika Syarikat dan negara-negara di bawah Kesatuan Eropah, selari dengan perkembangan pesat dan perubahan struktur industri pos sendiri. Selepas dikorporatkan, perkhidmatan pos mengalami beberapa proses transformasi seperti penyenaraian di Bursa Kuala Lumpur pada tahun 2002, terbaru penjualan keseluruhan kepentingan Khazanah Nasional di dalam PMB. Dengan berkuat kuasanya akta baru ini, ia akan menjadikan Malaysia sebagai negara terawal di dunia menswastakan sepenuhnya perkhidmatan pos.

Tuan Yang di-Pertua, penjualan kepentingan Khazanah tersebut dijangka akan memberi tekanan kepada pelaksanaan sistem pemberian perkhidmatan sejagat kepada seluruh penduduk di Malaysia terutamanya di kawasan luar bandar. Oleh itu, kerajaan memerlukan instrumen perundangan dan kawal selia pos yang lebih komprehensif bagi memastikan kepentingan rakyat dan negara terus dipelihara dengan matlamat seperti berikut:

(i) mewujudkan mekanisme kawal selia ekonomi, sosial dan teknikal yang lebih efektif bagi industri pos agar industri pos dapat terus tumbuh dengan mampan secara inklusif dan memastikan kepentingan negara, industri dan rakyat terus terpelihara;

(ii) memastikan model perkhidmatan pos luar bandar yang efektif wujud walaupun kerajaan tidak lagi mempunyai kepentingan ekuiti di dalam syarikat PMB;

(iii) memastikan suasana persaingan yang sihat dan adil di antara PMB dan syarikat-syarikat *courier*;

(iv) membangunkan industri pos secara lebih teratur dan menyediakan akses fizikal secara meluas dan berkualiti selari dengan objektif Model Ekonomi Baru; dan

(v) fungsi SKMM sebagai badan kawal selia industri pos diperkasakan.

■2140

Perwujudan rang undang-undang yang baru ini adalah sangat penting untuk memenuhi objektif dasar kebangsaan industri pos dan kurier antaranya:

(i) memastikan penyediaan perkhidmatan pos sejagat berkualiti disediakan kepada seluruh rakyat;

(ii) menggalakkan pertumbuhan industri pos yang cekap, kompetitif dan berinovasi;

(iii) menjadikan Malaysia sebagai hub serantau perkhidmatan pos dan kurier;

(iv) mengawal selia bagi faedah jangka panjang pengguna;

(v) memastikan tahap keyakinan pengguna yang tinggi dalam penyampaian perkhidmatan pos;

(vi) menjamin keselamatan pekerja, barang dan rangkaian pos; dan

(vii) mewujudkan industri pos yang responsif kepada perubahan teknikal, ekonomi dan sosial serta keperluan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini mempunyai 17 bahagian dan 112 fasal yang meliputi pelbagai kepentingan, aspek dan faktor. Butiran-butiran huraian bagi setiap bahagian dan fasal adalah seperti yang terkandung di dalam rang undang-undang. Penggubalan rang undang-undang ini mengandungi perspektif global dan berpandangan ke hadapan dan berpandu kepada teras-teras baru.

Pada awal tahun 2001, telah diadakan kajian dengan firma juruperunding dari Kanada bagi tujuan mengenal pasti kelemahan industri pos di negara ini dan kaedah-kaedah mengatasinya. Pada tahun 2006 pula, kementerian telah mengadakan taklimat dan rundingan dengan wakil-wakil industri pos serta kurier, juga jabatan-jabatan kerajaan dan mempelawa mereka untuk memberi ulasan terhadap prinsip-prinsip utama yang menjadi asas kepada peruntukan-peruntukan di dalam rang undang-undang ini.

Kementerian telah mengadakan sesi perundingan dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan persatuan pengguna seperti Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA). Rundingan juga telah diadakan dengan persatuan industri kurier iaitu Persatuan Syarikat Pengendali *Exspress Malaysia* dan *Conference of Asia Pacific Express Carriers* (CAPEC) bagi memberi peluang kepada pihak-pihak yang berkepentingan untuk memberikan pandangan dan cadangan mengenai rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang perkhidmatan pos ini turut memperkasakan peruntukan kawal selia dari sudut ekonomi, sosial, teknikal dan perlindungan pengguna yang lebih efektif agar industri pos dapat terus tumbuh dengan mapan secara inklusif dan memastikan kepentingan negara, industri dan rakyat terus terpelihara. Antara perubahan-perubahan besar yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

(i) kawal selia ekonomi;

(a) dua jenis lesen baru iaitu lesen perkhidmatan sejagat bagi syarikat pemberi perkhidmatan asas seperti mel dan penyediaan rangkaian perkhidmatan pos dan lesen bukan perkhidmatan sejagat bagi syarikat yang memberikan perkhidmatan penghantaran dan nilai tambah;

(b) mewujudkan tabung perkhidmatan pos bagi tujuan penyediaan perkhidmatan luar bandar dan pembangunan industri yang akan diuruskan oleh SKMM;

(c) mewujudkan peruntukan anti persaingan bagi industri pos dan kurier yang akan dipantau oleh SKMM; dan

(d) menyediakan prinsip-prinsip penetapan kadar perkhidmatan pos.

(ii) kawal selia sosial. Pengeluaran setem akan terus dikawal selia oleh SKMM dan tanggungjawab untuk mengarkibkan keluaran setem turut diberi perhatian agar khazanah negara akan terus disimpan dengan sistematik;

(iii) perlindungan pengguna;

(a) peruntukan baru seperti forum pos, keperluan pemegang lesen untuk menyediakan terma dan syarat am perkhidmatan proses aduan dan ganti rugi yang jelas;

(b) SKMM menetapkan piawaian perkhidmatan serta memantau mutu integriti dan prestasi perkhidmatan dari semasa ke semasa dan melaporkan kepada menteri; dan

(c) hukuman dan penalti yang lebih tinggi bagi memastikan integriti sistem pos dan kurier negara terus dipertahankan.

(iv) kawal selia teknik;

(a) peruntukan khas untuk SKMM untuk memodenkan sistem poskod dan alamat pos di peringkat nasional; dan

(b) pemegang lesen juga perlu menyediakan pelan pemulihan bencana bagi memastikan sistem pos dan kurier negara mempunyai ketahanan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa kuasa-kuasa yang diperuntukkan dalam rang undang-undang ini akan memberi suatu pikulan tanggungjawab yang lebih bererti dan berjaya. Walau bagaimanapun, kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta mengadakan peruntukan mengenai pelesenan dan pengawalseliaan industri perkhidmatan pos dan bagi perkara-perkara yang bersampingan atau berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya persilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

9.49 mlm.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya turut serta dalam Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Saya ingin menyentuh isu setakat mana keupayaan dari sudut penguatkuasaan kepada pihak-pihak yang melakukan kesalahan khususnya di atas kehilangan surat-surat. Apakah penyelesaian boleh dilakukan secara terbuka oleh pihak polis dan apabila kesalahan itu didapati berlaku di pejabat pos maka pihak pejabat pos berkenaan boleh didakwa oleh pihak pelanggan.

Saya sendiri mempunyai pengalaman di dalam hal ini iaitu posmen di dalam kawasan saya menghantar surat lewat dan berlonggok. Pengalaman saya sendiri banyak urusan mesyuarat yang saya terima tiga hari atau dua hari selepas daripada tarikh yang dihantar, sedangkan saya tengok pada cop setem sepatutnya sampai lebih awal tiga hari atau dua hari. Ia mengambil masa paling-paling tidak lama lima hari sedangkan rumah saya dengan pejabat pos adalah jarak paling dekat. Bagaimana saya mengambil pendekatan berhemah dan berprasangka baik mungkin ini satu kes kecil, satu kesilapan teknikal atau kecuaian posmen. Akan tetapi, apabila akhbar-akhbar menyiarkan seperti kes-kes surat dijumpai dilonggok sampah, surat hilang malah lebih serius surat penting seperti surat yang mengandungi kad kredit hilang dan salah guna. Ini sudah kes serius dan menjadi kes jenayah.

Persoalannya, bagaimana caranya dari sudut akta yang dipinda pada hari ini khususnya menerusi kuasa di bawah penyeliaan kementerian sendiri kerana ianya terlalu kabur dan difahami oleh sudut untuk tindakan. Saya berharap agar kementerian mempunyai satu mekanisme bagi menyelesaikan isu-isu surat hilang.

■2150

Seterusnya saya ingin menyentuh beberapa fasal yang saya kira penting untuk mendapatkan *feedback* ataupun maklum balas jawapan daripada pihak kementerian.

Bahagian II, fasal 4, 5 dan 6. Soalannya, bagaimana dan juga mohon *detail* informasi terperinci bagi jumlah ahli, latar belakang dan kuasa yang diberikan kepada suruhanjaya ini.

Bahagian III, fasal 8, kuasa Menteri untuk membatal dan mengubahsuai sesuatu arahan. Nampaknya Menteri seakan-akan mempunyai kuasa veto jika Menteri tidak bersetuju dengan laporan suruhanjaya ini. Mohon pandangan kementerian.

Bahagian IV, fasal 10 juga menyentuh kuasa Menteri untuk mengeluarkan lesen perkhidmatan sejagat atau bukan sejagat. Saya mohon penjelasan lagi daripada kementerian berkaitan maksud sejagat dan bukan sejagat ini.

Tuan Yang di-Pertua, masa pun tidak mengizinkan. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan seterusnya Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

9.51 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan pos telah ditubuhkan kira-kira 175 tahun yang lalu dan ia telah dipupuk dan disokong oleh warga pembayar cukai. Ia adalah bertujuan untuk berkhidmat kepada semua terutamanya penduduk luar bandar dan pedalaman. Pos Malaysia ketika ini telah diswastakan dan disenaraikan di Bursa Malaysia. Setelah diswastakan dan disenaraikan, tujuan utama Pos Malaysia adalah membuat keuntungan kepada pemegang saham dan tidak lagi memberi perkhidmatan kepada penduduk luar bandar dan pedalaman. Bayaran pos telah dinaikkan seperti perkhidmatan penting yang lain, contohnya air dan elektrik yang telah diswastakan dengan tujuan membuat keuntungan. Bayaran dan caj untuk semua perkhidmatan ini telah dinaikkan dengan mengabaikan penduduk miskin dan luar bandar.

Apabila Pos Malaysia memilih kekayaan dengan hartanah utama, ia telah diswastakan kepada DRB-Hicom lebih jauh rendah daripada harga pasaran. Rakyat Malaysia yang telah membiayai perkhidmatan Pos Malaysia tidak dapat apa-apa, tetapi apabila nilai hartanah meningkat, ia dimiliki oleh DRB-Hicom dan pemegang saham utamanya adalah Yang Berbahagia Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary. Kenapakah kerajaan jual kepada Yang Berbahagia Tan Sri?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary adalah seorang Melayu yang bertuah. Beliau juga telah membeli Pelabuhan Tanjung Pelepas, Malakoff Corporation Berhad yang merupakan IPP yang terbesar, pemegang saham terbesar dalam BERNAS, Gas Malaysia, Alam Flora, MMC-Gamuda, KLMRT dan baru-baru ini dapat sebahagian besar loji spektrum...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut sahaja, tetapi jangan sebut soal peribadilah. Dalam peraturan kita tidak boleh itu Yang Berhormat.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Kenapa tindakan? Saya mahu minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebut syarikat tidak mengapa, jangan ada sangkaan jahat. Jangan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, penjualan terkini iaitu 32.21 peratus kepentingan Khazanah Nasional Berhad dalam Pos Malaysia kepada DRB-Hicom dengan harga RM3.60 sesaham atau RM622.8 juta, nampaknya bank tanah (*land bank*) berharga mengendali pos negara telah dianggarkan rendah. Nilai sebenar Pos Malaysia Berhad adalah bank tanah (*land bank*) strategik yang dimiliki. Empat bidang besar tanah Pos Malaysia yang dimiliki secara terus mempunyai gabungan saiz 10.5 hektar dan nilai pasaran yang dianggarkan berjumlah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat, kita sekarang ini soal rang undang-undang berkaitan pos. *Concentrate* yang itu sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ini harta perkhidmatan pos...

Tuan Yang di-Pertua: Soal itu semua, kalau masa membahaskan bajet tidak mengapa.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Maksud saya Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri ialah ia dijual dengan harga murah. Itulah tujuan saya. Jadi saya hendak minta Menteri...

Tuan Yang di-Pertua: Tumpukan pada rang undang-undang-undang. Apa yang rang undang-undang itu sebut, itu sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey. Saya hendak minta Menteri, apakah manfaat rakyat dalam penjualan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff. Silakan Dato'.

9.55 mlm.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut serta berbahas Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Satu rang undang-undang yang dibentangkan untuk mengganti Akta Perkhidmatan Pos 1991. Dalam rang undang-undang yang dibentangkan ini satu perkara yang jelas kepada kita ialah untuk mewujudkan satu suruhanjaya bagi maksud untuk mengawal selia perkhidmatan pos ini.

Dengan wujudnya suruhanjaya yang baru ini, pastinya kita kena mewujudkan beberapa jawatan yang mungkin melibatkan satu perbelanjaan untuk menampung keperluan-keperluan jawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada huraian rang undang-undang yang dicadangkan ini iaitu di perkara (c) jelas disebut untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat tumpuan utama dunia bagi perkhidmatan pos. Saya melihat ini satu cabaran besar kepada Pos Malaysia dan mungkin itulah di antara fungsi utama suruhanjaya yang ditubuhkan untuk menentukan pencapaian maksud ini.

Dengan pindaan rang undang-undang ini adalah diharapkan bahawa perkhidmatan pos akan lebih berkualiti dan menggalakkan pertumbuhan industri pos yang lebih cekap, kompetitif dan berinovasi. Kita mahu Pos Malaysia berkembang serta pada masa yang sama meningkatkan tahap keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan yang ditawarkan termasuk menjamin keselamatan barangan dan kebajikan pekerja. Kecanggihan teknologi moden sekarang ini seperti SMS dan komunikasi elektronik lain seperti rangkaian sosial maya adalah merupakan cabaran besar buat perkhidmatan pos.

Dengan adanya teknologi ini, penggunaan surat konvensional agak semakin kurang. Bagi perkhidmatan penghantaran bungkusan Pos Laju semakin meningkat. Ini disebabkan populariti pembelian barangan secara *online* telah menjadi satu keperluan semasa. Perkhidmatan *courier* ini juga adalah penyumbang besar dalam memberi pendapatan sebanyak RM1.8 bilion setahun yang mana 2.7 peratus dari perkhidmatan tersebut adalah dikuasai oleh Pos Malaysia. Perkhidmatan pos ini adalah penyumbang kepada hubungan yang bersifat sentuhan peribadi di mana ada bandar atau luar bandar di situ ada perkhidmatan pos. Hari ini di luar bandar khasnya perkhidmatan pos ini mulai merosot. Keadaan ini mungkin faktor keuntungan cukup diambil kira oleh perkhidmatan pos sekarang ini. Dahulunya perkhidmatan ini dilihat lebih berorientasikan perkhidmatan kepada rakyat, tetapi sekarang ini telah berubah di mana faktor keuntungan menjadi keutamaan. Saya tidak pasti sama ada sekarang ini masih wujud pejabat pos mini atau wakil pos. Kalaulah kita hendak bercakap daripada sudut keuntungan, agak sukar bagi pos mini atau wakil pos ini hendak *survive*.

Seperkara lagi yang saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua adalah berkenaan dengan kerugian Pos Malaysia. Saya ingin merujuk kepada pendedahan oleh mantan pengerusi pos dalam sebuah majalah Malaysia *business* bertajuk, "*Is whistleblowing really serious?"* dengan izin. Dalam artikel tersebut beliau telah menyentuh secara langsung isu kerugian berjumlah RM546 juta dalam pelaburan Pos Malaysia.

Menurut beliau, tindakan Khazanah Nasional pada masa itu mempengaruhi Pos Malaysia untuk melambatkan penjualan sahamnya dalam syarikat pengendali kargo yang bermasalah iaitu Transmile Group telah menyebabkan satu kerugian bilamana sahamnya jatuh kepada kadar yang paling teruk iaitu 35 sen seunit dengan nilai keseluruhannya hanya tinggal RM14 juta pada 26 Februari 2010. Punca kerugian ini adalah disebabkan oleh pelaburan yang strategik dalam Transmile Group.

■2200

Difahamkan bahawa sekarang ini nilai saham tersebut teruk merosot. Hanya tinggal beberapa sen sahaja seunit. Pada tahun 2004, nilainya adalah 25 sen seunit dan saya ingin bertanya apakah status saham Pos Malaysia dalam Transmile sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya tentang isu pelupusan ekuiti 32.2 peratus pegangan Khazanah Nasional seperti kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ingin bertanya siapa yang akan mengambil alih saham ini. Adakah mereka ini pelabur tempatan ataupun pelabur luar? Apa akan terjadi kepada kakitangan serta kesatuan-kesatuan pos ini jika syarikat luar yang akan mengambil alih Pos Malaysia ini? Soal kebajikan pekerja mestilah diutamakan dalam apa jua keadaan.

Jangan seperti mana berlaku kepada syarikat-syarikat lain yang telah diswastakan. Dalam pelaburan ini, tentu sekali keuntungan menjadi faktor keutamaan. Malang jika satu hari nanti mungkin posmen yang hadir di hadapan rumah kita adalah mereka-mereka yang diimport dari luar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sedikit perbahasan saya dan saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Hajah Zainun.

10.01 mlm.

Puan Hajah Zainun binti A. Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Pos 2011. Akta ini adalah bagi menggantikan Akta Pos 1991 Akta 465 yang telah berkuat kuasa selama 20 tahun mulai pada 12 September 1991 dan antaranya telah melalui pindaan pada 1 November 2001.

Rang undang-undang ini asasnya adalah bagi mengawal industri pos dan *courier* negara. Perkhidmatan pos di negara ini telah menyumbangkan bukan sahaja daripada segi urusan pos seperti surat, surat berdaftar, bungkusan, kiriman wang dan *courier*. Kini perkhidmatan pos berkembang termasuklah memberikan pelbagai perkhidmatan seperti memperbaharui lesen memandu dan sebagainya. Perkhidmatan pos telah melalui transformasi penting antaranya pada November 2001 apabila fungsi kawal selia pos dipindahkan daripada Ketua Pengarah Jabatan Pos kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Seterusnya perkhidmatan pos telah dikorporatkan pada tahun 2002.

Saya ingin mengucapkan tahniah di atas pengenalan rang undang-undang ini bagi mengemas dan memperkasakan industri perkhidmatan pos dan courier serta mengawal selia perkhidmatan pos sejagat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus menyentuh Bahagian II khususnya seksyen 3 berhubung dengan fungsi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau SKMM. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada SKMM mempunyai kuasa kawal selia ke atas syarikat-syarikat perkhidmatan *courier* di negara ini seperti DHL, Nationwide, Citylink dan sebagainya termasuklah daripada segi menetapkan harga atau bayaran yang dikenakan kepada pelanggan kerana kita dapati bayaran yang dikenakan oleh syarikat-syarikat *courier* ini berbeza-beza dan lebih tinggi daripada perkhidmatan Pos Malaysia. Berhubung dengan Pos Malaysia ini, saya ingin menyentuh dua perkhidmatan Pos Malaysia iaitu Poslaju dan Pos Ekspres yang menjanjikan perkhidmatan yang cekap.

Pos Ekspres yang umpamanya menjanjikan setiap surat yang diposkan akan contohnya sampai esok tetapi kebiasaannya tiga hingga empat hari, seperti surat biasa juga. Oleh kerana itu, ada yang membuat jenaka tentang perkhidmatan Pos Malaysia ini dengan moto baru. Beliau menyatakan, *"Pos hari ini, semalam dah sampai"*. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan untuk menambahkan usaha bersepadu ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri pos negara ini. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan dasar industri perkhidmatan pos negara serta sejauh manakah ianya telah dibentuk dan dilaksanakan sepenuhnya khususnya dalam konteks penyediaan perkhidmatan sejagat?

Tuan Yang di-Pertua, setelah meneliti rang undang-undang ini, saya dapati tiada peruntukan yang disediakan bagi melindungi kepentingan kakitangan dalam perkhidmatan khususnya Pos Malaysia. Kita sering mendapat maklum balas tentang gaji posmen yang rendah. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah kerajaan turut memainkan peranan bagi menjaga kebajikan dan kepentingan kakitangan Pos Malaysia termasuk daripada segi gaji, elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang lain. Dalam masa yang sama, saya ingin juga bertanya apakah tindakan yang diambil ke atas posmen atau kakitangan lain yang tidak jujur dan amanah dalam perkhidmatan pos ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen 49 mengenai Forum Pos bagi perlindungan pengguna. Saya ingin memuji kerajaan kerana bercadang menubuhkan badan yang dikenali sebagai Forum Pos yang berfungsi antaranya bagi memberi maklum balas dan membuat syor berhubung dengan kepentingan pengguna perkhidmatan pos. Pertamanya saya ingin mendapat penjelasan berhubung dengan badan ini. Adakah perlembagaan badan ini telah disediakan?

Keduanya, sejauh manakah keberkesanan badan ini memandangkan keanggotaan yang terbuka kepada semua orang berhubung dengan maklum balas dan aduan pengguna?

Saya ingin mencadangkan agar aduan pengguna bukan sahaja melalui peti aduan atau peti cadangan yang diwujudkan di semua cawangan Pos Malaysia tetapi juga melalui SMS dan portal Pos Malaysia sendiri. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

10.08 mlm.

Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Yang Berhormat Menteri sedia untuk menjawab ya.

Hajah Mumtaz binti Md Nawi: Membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011. Bila disebut tentang perkhidmatan pos, apa yang kita lihat sekarang ini bila baru-baru ini pihak Menteri telah mengisytiharkan kenaikan gaji kepada posmen. Saya ingin tanya kepada pihak kerajaan. Apakah impak ataupun pulangan yang telah didapati secara langsung dan tidak langsung kepada prestasi syarikat pos itu sendiri setelah gaji posmen ini dinaikkan? Itu yang pertama.

Kedua, walaupun Pos Malaysia ini merupakan satu syarikat yang telah pun kita kira dah diswastakan kepada perkhidmatan sedemikian tetapi kita tengok daripada segi sikap yang ditunjukkan oleh pekerja-pekerja ataupun staf-staf kakitangan di kaunter serta posmen yang menghantar surat ke rumah pelanggan ini sebenarnya tak menggambarkan ianya sebuah syarikat yang kompetitif khususnya daripada sikap.

Tidak nampak sikap mesra sebagaimana kita lihat sikap-sikap yang ditunjukkan oleh kakitangan bank sebagai contohnya, yang menunjukkan bahawa mereka ingin menarik orang untuk berhubung dengan mereka tapi dalam kes melibatkan pos ini, kadang-kadang asal sampai sahaja. Daripada segi mesra tidak ada nampak mesra dan tidak nampak daripada segi imej ataupun sikap yang nak menjalankan perniagaan. Jadi saya harap bila hari ini kita meluluskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos ini, harap untuk penjenamaan daripada sudut *human* ini ditekankan sebab kita lihat hari ini orang akan pergi kepada syarikat yang lebih mesra sebab dah banyak persaingan. Jadi dalam konteks ini saya hendak tanya kepada pihak Pos Malaysia ini, bagaimanakah cara mereka memberikan kursus ataupun penekanan khususnya dari sudut hubungan ataupun akhlak ini serta etika ini antara pelanggan dengan kakitangan.

Ketiga berkaitan dengan persatuan. Adakah Pos Malaysia mempunyai persatuan yang memantau tentang kebajikan kakitangan pos kerana dalam akhbar hari ini kita lihat, ada kakitangan yang memohon agar pihak kerajaan memerhatikan kebajikan mereka kerana mereka ini bekerja tiga hari Sabtu mereka bekerja, pada Sabtu pertama sahaja mereka tidak bekerja.

■2210

Jadi dalam konteks ini saya hendak tanya dari segi perbincangan antara kakitangan dengan pihak yang memantau ini bagaimana. Kalau nampak dari sudut pulangannya tidak bawa kebaikan sangat, hari Sabtu sepatutnya diberikan cuti sebagaimana orang biasa ataupun kalau dimestikan juga bekerja hari Sabtu, bagaimana mekanisme yang dibuat sebab kita tengok dari sudut aduan yang dikemukakan dalam akhbar ini, nampak sangat kebajikan itu tidak dijaga oleh pihak Pos Malaysia.

Berkaitan itu juga saya hendak tanya dari sudut perkhidmatan antara pos laju dengan pos *express*. Kalau pengalaman peribadi saya, kalau pos *express* biasanya sampai esok tetapi kalau pos laju lima hari hingga enam hari baru sampai. Jadi saya hendak tahu di sini dari segi perbezaan antara yang menjaga pos *express* dengan pos laju, adakah jabatan yang berbeza, skim yang berbeza sebab dari segi perkataan Melayunya laju dengan *express* ini lebih kurang. Cuma kalau kita tengok kalau pos *express* itu dia punya sampul itu kecil sikit. Maknanya tidak boleh buat benda-benda yang besar. Jadi benda-benda yang besar terpaksa hantar dengan pos laju tetapi setakat ini pengalaman peribadi pos laju memang lambat kalau hendak dibandingkan dengan *courier.*

Jadi saya hendak minta adakah dibuat kajian oleh Pos Malaysia antara ketepatan ataupun piawaian yang ditunjukkan dan prestasi Pos Malaysia berbanding dengan kurier-kurier lain yang dikendalikan oleh syarikat swasta. Ini kerana bagi kita yang terlibat secara swasta ini, kita tidak akan pergi kepada Pos Malaysia untuk hantar barang-barang pos laju kerana memang lambat. Jadi kita harap perkara ini dibuat kajian dan dibuat perbandingan supaya boleh meningkatkan prestasi pada masa akan datang.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan adakah pihak kerajaan sebagaimana telah melancarkan KR1M dan macam-macam benda - Kedai Rakyat 1Malaysia yang boleh turunkan harga sampai 30 peratus bersedia untuk menurunkan harga untuk pos yang lebih murah berbanding dengan syarikat-syarikat lain. Jadi kalau untuk barangan atau produk kita boleh turunkan harga, adakah untuk perkhidmatan ini, Pos Malaysia bersedia untuk menurunkan harga yang lebih baik sebagai kompetitif kepada syarikat-syarikat lain.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan kenapakah tidak diwujudkan sebagai contohnya untuk Pos Malaysia ini kaunter-kaunter yang lebih mesra pelanggan dan yang lebih eksklusif. Ini kerana kalau kita sekarang pergi ke pos walaupun pos besar yang ada dalam bandar yang besar pun, kita terpaksa berurusan di kaunter dan cara berurusan itu langsung lain daripada syarikat lain yang sebenarnya lebih mesra. Jadi dengan adanya kaunter tidak boleh duduk berdepan, jadi cara berurusan itu macam zaman 30 tahun yang lepas. Jadi kalau boleh dibuat perubahan, kalau Telekom Malaysia boleh berubah, kalau TNB boleh berubah, kenapa Pos Malaysia tidak boleh buat sikap ataupun dari segi susun atur dia punya reka bentuk untuk berjumpa dengan pelanggan itu dibuat dalam keadaan yang lebih mesra.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, kenapakah untuk perkhidmatan kendiri yang baru dilancarkan ini, dia terpaksa bayar RM5 untuk pergi ambil barang sedangkan untuk syarikat-syarikat kurier yang lain, mereka mampu untuk pergi ambil tanpa mengenakan *charge* yang lebih mahal kepada pelanggan. Jadi kalau syarikat kurier biasa boleh buat, kenapa Pos Malaysia mesti *impose*. Mesti kenakan RM5 untuk barangan yang hendak dikutip daripada rumah.

Di bawah seksyen 29 menyebut tentang bagaimanakah dia mengarkibkan setem-setem pos. Di sini saya lihat bila kita hendak buat setem kenang-kenangan ini, Pos Malaysia dia punya promosi tentang setem itu tidak banyak. Sepatutnya kalau kita ada setem kenang-kenangan yang baik, promosi itu mungkin dibuat dalam masa sebulan supaya orang teruja untuk beli. Namun sekarang ini kadang-kadang sekali ataupun dua kali selepas itu orang sudah lupa dan Pos Malaysia pun tidak buat banyak kali dia punya promosi. Kalau boleh promosi itu melalui elektronik, dari web dan dari segi akhbar harian supaya nampak kesungguhan kita hendak jual barang yang kita hendak jual. Sekarang ini dalam sehari ataupun dua hari terus hilang daripada pandangan mata. Jadi kalau boleh dilamakan sedikit supaya kita dapat melihat respons daripada rakyat.

Saya juga hendak tahu tentang jumlah *Telco & Post* yang telah berjaya ditubuhkan setelah syarikat *Telco & Post* itu yang dibuat oleh syarikat-syarikat swasta itu dijalankan oleh pihak kerajaan. Di bawah seksyen 31 dengan jelas menyebut sekiranya diberikan pengecualian sekiranya mereka dengan sengaja menyebabkan kelengahan. Kalau menyebabkan kehilangan, salah serahan mungkin kita boleh terima tetapi kalau dengan secara sengaja mengakibatkan kelengahan ini, saya tidak berapa faham. Kenapa pula dibenarkan pengecualian daripada liabiliti bagi kelengahan sebab perkataan ini sebut secara cuai atau sengaja. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan apa maksud bila letak perkataan pengecualian sengaja dan kelengahan ini. Ini perkara yang nampak sangat seolah-olahnya kita sudah bersedia untuk memang kalau lengah pun tidak ada masalah sebab kita akan dikecualikan dari liabiliti.

Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan, bila disebut tentang forum pos. Forum pos ini kita beri peluang kepada rakyat untuk bercakap ataupun bercerita ataupun komen tentang pos. Namun di bawah suruhanjaya ini, adakah terdapat majlis pakar rujuk yang akan menjadi penasihat kepada perkhidmatan pos ini sebab kalau orang ramai, kepakarannya mungkin tidak sama. Akan tetapi majlis pakar rujuk yang dilantik mestilah orang yang benar-benar mahir tentang pos dan saya juga hendak tanya biasanya kita tengok kalau ada suruhanjaya, dia ada lembaga. Dalam akta mereka dia akan sebut terus tentang pemberian biasiswa dan pinjaman kepada kakitangan untuk melanjutkan pelajaran. *So* dalam konteks perkhidmatan pos ini ada atau tidak mempunyai satu rancangan ataupun skim untuk kakitangan ataupun pihak yang terlibat dengan pos ini melanjutkan pelajaran, mendapatkan khidmat pinjaman sebagaimana juga suruhanjaya-suruhanjaya di bawah kerajaan yang lain.

Berhubung dengan kes jenayah, setakat ini berapakah kes jenayah yang telah dilaporkan yang dibuat menggunakan pos yang telah pun disabitkan sebab banyak kes berlaku jenayah dadah, mungkin jenayah penggubahan wang haram dibuat melalui pos. Setakat ini berapakah jumlah kes yang telah dikesan oleh pihak pos.

Dari sudut seksyen 101 khususnya seksyen 101K yang menyebut tentang bahawa Pos Malaysia akan menggunakan kaedah untuk skim pampasan bagi kegagalan prestasi perkhidmatan. Apakah yang dimaksudkan skim pampasan bagi kegagalan prestasi perkhidmatan yang tadi disebut sengaja boleh lengah. Adakah ini berkaitan dengan skim ini.

Di bawah seksyen 11(5) dan seksyen 26(1) yang menyebut bahawa terdapat fungsi ataupun cara untuk pihak lain mendaftar dengan pos dan mendapat lesen. Saya hendak tanya apakah yang dimaksudkan dengan mendapat lesen ini. Setakat ini kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu minit lagi, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Setakat ini berapakah syarikat yang telah mempunyai lesen di bawah perkhidmatan pos dan bagaimanakah pihak kerajaan memantau bagi semua yang menawarkan perkhidmatan pos dan yang terakhir dalam beberapa seksyen dia menyebut bahawa ada syarikat pos yang boleh mengeluarkan setem dengan lambang Malaysia? Saya hendak tanya apakah rasional bila kita benarkan syarikat pos yang kita lesenkan mengeluarkan sesuatu yang menggunakan lambang Malaysia. Dari sudut keselamatan, dari sudut kemunsabahan kerana saya bimbang kalau ada syarikat-syarikat yang bukan syarikat dimiliki oleh kerajaan boleh mengeluarkan sendiri setem-setem begini, adakah ini akan mendatangkan kemudaratan kepada pihak ataupun dari segi imej kepada kerajaan sendiri? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada satu usul untuk dikemukakan kepada Dewan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.18 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), tanpa menghiraukan usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Rang Undang-undang Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2011 dibahaskan dan diputuskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis, 22 Disember 2011."

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan,

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

10.29 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua lima orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan memberikan pandangan serta saranan dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pos 2011.

Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid telah membangkitkan perkara berkenaan penguatkuasaan perkhidmatan pos, kuasa Menteri mengeluarkan arahan dan lesen. Apakah bezanya antara lesen perkhidmatan sejagat dan bukan sejagat.

■2220

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 64 posmen boleh disiasat dan didakwa, didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara tidak lebih dari dua tahun atau kedua-duanya. Itu adalah dari segi hukuman kepada posmen yang tidak mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh syarikat yang berkenaan iaitu Pos Malaysia Berhad. Kuasa Menteri mengeluarkan arahan atas syor suruhanjaya seperti dalam seksyen 100 Yang Berhormat. Apakah lesen perkhidmatan sejagat? Iaitu termasuk perkhidmatan pos yang ditetapkan oleh SKMM untuk disediakan kepada pengguna ke seluruh negara pada kadar yang ditetapkan dan ini termasuklah apa yang sedang dan telah dilakukan oleh Pos Malaysia Berhad dan pada setakat ini hanya Pos Malaysia Berhad yang dilesenkan sebagai pemberi perkhidmatan sejagat. Bukan sejagat adalah perkhidmatan pos yang boleh disediakan kepada pengguna pada kadar selain yang ditetapkan bagi tidak seperti perkhidmatan sejagat.

Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah telah bertanya tujuan utama pos ini adalah mencari keuntungan tetapi suka saya katakan Yang Berhormat, walaupun Pos Malaysia telah diswastakan dan dahulunya dikorporatkan namun begitu tanggungjawab Pos Malaysia tidak berkurangan. Namun, dalam kawal selia yang disediakan oleh SKMM dalam rang undang-undang yang kita bincangkan maka perkhidmatan pos akan lebih terkawal dan mungkin lebih elok lagi daripada yang sedia ada. Saya difahamkan bahawa banyak negara yang ingin mencontohi Malaysia dalam perkara ini iaitu keunikan perkhidmatan Pos Malaysia dalam kita mengkomersialkan atau mengkorporatkan perkhidmatan kita.

Kita juga mengawal selia perkhidmatan tersebut dan perkhidmatan bertambah baik lagi dari yang terdahulunya. Ini adalah satu-satunya yang unik bagi kita dan banyak negara, lebih-lebih lagi negara-negara di Afrika, bila berjumpa dengan pegawai-pegawai kita, dia ingin tahu bagaimana kita boleh melakukannya sebegini.

Yang Berhormat bertanya mengapa pula Pos Malaysia dijual kepada DRB. Ini adalah satu-satunya perkara yang diputuskan oleh kerajaan selepas kita berbincang berkenaan dengan Model Baru Ekonomi Malaysia dan difikirkan bahawa ada kesinambungannya di antara *business model* DRB dan perkhidmatan pos dan mungkin lebih banyak lagi perkhidmatan yang akan diadakan oleh syarikat yang telah dicantumkan ini.

Berkenaan dengan harga, harga yang ditawarkan dan harga yang diterima oleh kerajaan adalah berpatutan memandangkan harga pasaran yang terkini. Maka tidak ada apa-apa yang diselindungkan dalam perkara harga yang telah pun dimeterai oleh kedua-dua pihak.

Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal bin Mohd Yusoff telah bertanya adakah kerajaan masih mengadakan pos mini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini terdapat 704 buah pejabat pos di seluruh negara, pos mini ada 345 buah dan jumlahnya 1,049 buah. Selain daripada itu, wakil pos pun ada berjumlah 122 dan suka saya katakan di sini bahawa Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun ini, di Sarawak dan di Sabah ditambah pula dengan 100 orang posmen komuniti di Sarawak dan 100 orang posmen komuniti di Sabah untuk menambahbaikkan lagi perkhidmatan pos ke luar bandar.

Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar bertanya berkenaan fungsi SKMM, kuasa ke atas syarikat *courier* termasuk harga perkhidmatan mereka. Suka saya katakan di sini, syarikat *courier* dilesenkan namun begitu oleh kerana perkhidmatan *courier* diberikan dalam pasaran yang kompetitif, kementerian tidak menetapkan harga namun prinsip penetapan harga yang digariskan dalam seksyen 36 perlu dipatuhi. Forum pos, perlembagaan badan tersebut belum ada dan forum pengguna ini di bawah kawalan Akta Komunikasi sebagai model dan percayalah Yang Berhormat bahawa tatacara forum ini tidak jauh bezanya daripada yang ada di forum pengguna berkenaan dengan telekomunikasi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi bertanyakan sikap kakitangan kaunter dan posmen yang mungkin bertambah baik selepas mereka dinaikkan gaji. Yang Berhormat, suka saya katakan mereka lebih ceria dan lebih bertanggungjawab dari yang dahulu sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad tadi bahawa dahulu terdapat beberapa insiden yang tidak diingini seperti kehilangan surat dan surat-surat yang dicampakkan di tepi jalan tetapi suka saya katakan pada masa kini kita tidak mendengar cerita yang sedemikian. Saya mengharap sangat bahawa trend perubahan yang memang menunjukkan kenaikan tahap kecekapan mereka ini akan berterusan.

Yang Berhormat tadi mengatakan adakah kita hendak menurunkan caj untuk menyaingi perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat-syarikat *courier.* Kerajaan belum ada cadangan dan saya percaya Pos Malaysia belum ada cadangan untuk menurunkan caj untuk bersaing dengan syarikat-syarikat *courier.*

■2230

Akan tetapi saya percaya dengan adanya persaingan yang pesat ini, saya amat mengharapkan Pos Malaysia akan menambahbaikkan lagi perkhidmatan. Maka apa yang tidak dikurangkan dari segi caj ianya ditambah dari segi nilai ataupun dari segi perkhidmatan mereka. Cadangan untuk promosi setem kenangan dipanjangkan, ini saya percaya boleh kita terima baik Yang Berhormat, oleh kerana saya pun bersetuju bahawa kalau ianya tidak dipromosikan maka setem kenangan ini tidak akan diguna meluas ataupun akan disimpan secara meluas oleh penduduk kita di Malaysia.

Yang Berhormat katakan tadi berkenaan dengan yang disengajakan, sebenarnya apa yang berlaku sekiranya terdapat tidak ada unsur yang disengajakan Yang Berhormat. Jadi, mungkin sedikit kekeliruan tetapi bukan perbuatan yang disengajakan misalnya penghantaran surat yang lambat ataupun kerosakan surat ataupun barang pos yang tidak disengajakan. Misalnya posmen yang pakai perahu, kalau perahu karam, bagaimanalah kita akan menghukum posmen yang membawa surat yang basah itu Itu yang dimaksudkan.

Yang Berhormat berkenaan soalan berapa jumlah Telco & Post Berhad yang beroperasi. Sebenarnya berkenaan dengan soalan ini Yang Berhormat, Pos Malaysia Berhad telah pun menamatkan kontrak dengan syarikat yang menjalankan perkhidmatan *Telco & Post*. Oleh itu, Pos Malaysia tidak ada maklumat berkenaan jumlah *outlet Telco & Post* yang beroperasi kerana *Telco & Post* bukan di bawah kawalan Pos Malaysia lagi. Dengan itu... *[Disampuk]*

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan *Telco & Post*, sebenarnya *Telco & Post* adalah satu rangkaian kedai yang memberi perkhidmatan pos yang telah dilakukan secara francais.

Ramai yang telah masuk skim itu dan hari ini kebanyakannya merungut kerana gagal. Jadi, di sini saya mohon jawapan daripada Menteri berhubung dengan peranan yang dimainkan oleh SKMM bagi memastikan keadaan-keadaan serupa ini tidak berlaku kerana bukan tanggungjawab pos tetapi SKMM yang gagal memantau di peringkat awal yang akhirnya francaisi tertipu. Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan *Telco & Post*, francaisi atau francaisor, kawalan antara yang berdua ini adakah ianya dikawal oleh SKMM atau tidak. Itu saya percaya adalah persoalannya tetapi dalam perniagaan ini, siapa yang memulakan iaitu sekiranya dengan pos, tentu sekali ada perjanjian. Dari segi perjanjian, kalaulah ada mana-mana pihak merasakan bahawa mereka terkeliru atau tertipu maka dalam perundangan Malaysia, dia boleh menuntut ganti rugi dan itu juga boleh ditentukan oleh mahkamah. Sekiranya ini betul-betul di bawah kawalan SKMM, saya percaya ada pegawai-pegawai SKMM akan bersama kita di perkarangan Dewan ini maka mereka mendengar teguran dari Yang Berhormat. Saya mengharapkan saranan oleh Yang Berhormat ini boleh menambahbaikkan lagi kawal selia yang dikendalikan oleh SKMM. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa].

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa****]*

*[****Fasal-fasal 1 hingga 112*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG PEMAJUAN PERUMAHAN (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2011

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.39 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam 1 Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan 1996) [*Akta 118*] yang telah dikuatkuasakan di semenanjung Malaysia pada 29 Ogos 1969 merupakan suatu undang-undang untuk mengawal dan memberikan lesen kepada pemaju perumahan selain melindungi kepentingan pembeli rumah. Akta 118 telah melalui lima kali pindaan, di mana pindaan terakhir dilakukan adalah pada 12 April 2007. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 4 November 2011, antara lain telah bersetuju dengan pindaan Akta 118 oleh rang undang-undang ini.

■2240

Semasa penyediaan rang undang-undang ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mendapat pandangan daripada semua pihak, *stakeholders* yang berkaitan. Antaranya ialah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kementerian Kewangan, Jabatan Insolvensi Malaysia, Bank Negara Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia, Lembaga Jurutera Malaysia, Majlis Peguam Malaysia ataupun *Bar Council* dengan izin, serta persatuan-persatuan bukan kerajaan, NGO, yang terdiri daripada Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA), Persatuan Pemaju Harta Tanah dan Perumahan (REHDA) dan Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM). Beberapa siri mesyuarat telah diadakan sejak tahun 2009 dan yang terakhir adalah pada 27 Oktober 2011 bagi membincangkan secara terperinci pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian kementerian, didapati bahawa Akta 118 perlu dipinda supaya pemantauan dan pengawalan ke atas pemajuan perumahan dapat dilaksanakan lebih berkesan serta memantapkan lagi tindakan penguatkuasaan bagi mengurangkan masalah projek perumahan terbengkalai. Selain itu, isu berkaitan hak pembeli rumah di bawah perjanjian jual dan beli, peningkatan deposit lesen pemajuan perumahan dan peruntukan khusus bagi mengambil tindakan ke atas pemaju perumahan yang meninggalkan sesuatu projek perumahan yang turut mengambil kira dalam pindaan Akta 118 pada kali ini.

Keperluan pindaan Akta 118 ini adalah selaras dengan komitmen kerajaan yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dalam ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) pada 10 Jun 2010 agar rang undang-undang berkaitan diketatkan dan dikuatkuasakan serta ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta 118 adalah melibatkan pindaan kepada lapan peruntukan yang sedia ada, satu peruntukkan baru serta satu pemansuhan peruntukan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 adalah seperti berikut.

Pindaan kepada tarikh pemaju perumahan di dalam seksyen 3, Akta 118 dicadangkan untuk merangkumi pihak pelikuidasi swasta yang dilantik oleh mahkamah dalam keadaan suatu pemajuan perumahan digulung bagi memastikan pihak tersebut tertakluk di bawah Akta 118 serta memenuhi kewajipan pemaju perumahan yang telah digulung. Namun begitu, tarikh ini tidak merangkumi pegawai penerima yang melaksanakan fungsi-fungsi sanitari di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

Pindaan subseksyen 6(1) akta ini dicadangkan bagi memantapkan deposit lesen pemajuan perumahan daripada RM200,000 kepada tiga peratus daripada anggaran kos pembinaan projek.

Kedua, pindaan kepada subseksyen 6(1)(a) dan subseksyen 6(1)(b) bertujuan untuk memastikan hanya pemaju perumahan yang mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan benar-benar komited sahaja terlibat dalam industri perumahan. Pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan bahawa terdapat sumber kewangan bagi memulihkan satu projek perumahan sekiranya projek tersebut di isytihar sebagai projek perumahan yang terbengkalai. Perlu dijelaskan bahawa anggaran kos pembinaan projek adalah termasuk yuran profesional tetapi tidak termasuk kos tanah.

Pindaan seksyen 7B akta ini dicadangkan untuk membolehkan tindakan perundangan diambil juga terhadap pemaju perumahan yang melakukan kesalahan di bawah seksyen 7 [*Akta 118*] bagi kes yang mana lesen pemaju perumahan telah tamat tempoh tetapi projek masih belum disiapkan pada masa kesalahan dilakukan.

Seksyen 8A akta ini dipinda kerana peruntukan yang sedia ada merumitkan para pembeli rumah dan ianya hanya memerlukan persetujuan sebanyak 75 peratus daripada pembeli-pembeli lain serta kelulusan Yang Berhormat Menteri untuk menamatkan apa-apa perjanjian jual dan beli yang telah ditandatangani.

[Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Justeru, melalui pindaan ini, pembeli boleh secara individu memohon untuk menamatkan perjanjian jual dan beli pada bila-bila masa sekiranya tiada kemajuan pembinaan secara berterusan di tapak pembinaan selama enam bulan atau lebih selepas perjanjian ditandatangani dengan syarat perlu mendapat perakuan daripada pegawai perumahan, mendapat persetujuan bertulis daripada pihak pembiaya.

Seksyen 16N(2) akta ini dipinda bertujuan untuk memperluaskan bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) bagi membolehkan pembeli membuat tuntutan ganti rugi tribunal bagi kes-kes yang melibatkan perjanjian jual dan beli yang ditandatangani di antara pembeli dengan pemaju perumahan yang tidak berlesen.

Seksyen 16Q akta ini dipinda bertujuan untuk meminda perkataan daripada dengan izin *'cause of action not to be split'* kepada *'claim not to be split'* untuk memperjelas dan memberikan gambaran yang lebih tepat atau maksud pemakaian seksyen tersebut.

Subseksyen 16AD(1) akta ini di pinda bagi tujuan untuk menaikkan kadar penalti sedia ada iaitu denda yang tidak kurang daripada RM5,000 tetapi tidak lebih daripada RM10,000 kepada denda yang kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000. Pindaan bagi menaikkan kadar penalti tersebut adalah amat diperlukan bagi mengatasi kes-kes pemaju perumahan yang ingkar memenuhi award TTPR.

Pindaan seksyen 24(2)(g) juga dicadangkan agar kadar penalti maksimum bagi mana-mana pelanggaran peraturan di bawah Akta 118 Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan dan Peraturan-peraturan Akaun Pemajuan Perumahan dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan baru juga dicadangkan bagi tujuan untuk memperkemaskan skop Akta 118 seperti berikut.

Peruntukan baru seksyen 18A diwujudkan bagi membolehkan tindakan pendakwaan dapat diambil terhadap pemaju perumahan berlesen yang meninggalkan pemajuan perumahannya. Peruntukan penalti yang dicadangkan ialah denda tidak kurang daripada RM250,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 atau dihukum penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi makluman, peruntukan seksyen 22(1) Akta 118 yang sedia ada membolehkan tindakan pendakwaan diambil terhadap pengarah syarikat pemaju perumahan tersebut, dan jika disabitkan kesalahan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 12 bulan tetapi tidak melebihi tiga tahun serta denda tidak kurang daripada RM50,000 tetapi tidak melebihi RM250,000.

Tuan Yang di-Pertua, pemansuhan peruntukan juga dicadangkan bagi tujuan untuk menambahbaikkan dan memperluaskan skop Akta 118 seperti berikut.

Pemansuhan subseksyen 16N(1)(b)(iii) adalah berkenaan dengan had bidang kuasa Tribunal yang dimaksudkan *any chose and action* dengan izin, boleh disalah tafsirkan sebagai termasuk satu tuntutan ke atas apa-apa ganti rugi jumlah tertentu di bawah perjanjian jual dan beli. Justeru, pemansuhan ini dapat mengelakkan pertikaian berhubungan dengan had bidang kuasa Tribunal dalam mendengar kes-kes berkaitan tuntutan ganti rugi kawalan penyerahan pemilikan kosong atau LAD.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah yang ada di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Di hadapan saya ada satu senarai seramai tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhasrat untuk turut berbahas. Oleh kerana masa sudah 10 minit lagi pukul sebelas, maka saya minta Yang Berhormat meringkaskan perbahasan seringkas mungkin. Tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu. Sila.

■2250

Datuk Paul Kong Sing Chu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan pindaan Rang Undang-undang Akta Pemajuan Perumahan 1966 ini. Secara dasarnya, saya menyokong pindaan ini dengan sepenuhnya. Pada pendapat saya, pindaan ini akan meningkatkan lagi perlindungan untuk membeli rumah dan menyokong usaha kerajaan dan membanteras kes-kes projek perumahan terbengkalai adalah masih diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan projek perumahan terbengkalai telah lama menjadi masalah dalam negara ini. Projek-projek pembinaan yang dibiarkan begitu sahaja tanpa disiapkan amat menyedihkan dan pemandangan pembangunan terbengkalai ini juga menyakitkan mata. Ia memberikan gambaran seperti negara ini kekurangan wang dan tidak dapat menyelesaikan projek pembinaan tertentu. Tidak dapat dinafikan bahawa pemandangan sebegini tidak setara dengan impian negara untuk mencapai taraf negara maju dalam beberapa tahun yang akan datang. Masalah projek terbengkalai adalah antara satu masalah yang mesti diselesaikan dengan kata sekiranya negara ini hendak melangkah maju ke masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi impian setiap orang untuk memiliki rumah sendiri. Sebuah rumah membawa erti pada kestabilan, keselamatan dan merupakan tempat tetap untuk menyara keluarga. Tidak menghairankan kerajaan mengambil banyak langkah untuk memudahkan golongan muda yang baru bekerja membeli rumah sendiri. Ketika projek perumahan terbengkalai, pembeli rumah adalah mereka yang mengalami kesengsaraan dan kesulitan yang paling parah. Oleh kerana pemaju tidak memenuhi perjanjian, pembeli rumah perlu membuat bayaran untuk sesuatu yang tidak akan dimiliki. Di samping itu, mereka juga perlu membayar sewa bulanan untuk tempat tinggal mereka. Pembayaran dua kali ganda ini amat membebankan orang yang pendapatannya tidak begitu tinggi dan merupakan satu ketidakadilan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bertitik-tolak daripada perkara ini, pindaan yang membenarkan pembeli rumah memutuskan perjanjian dengan pemaju sekarangnya, kerja pembinaan terhenti selama enam bulan atau lebih amat diperlukan. Ia merupakan satu manfaat yang pasti akan mengurangkan kebimbangan yang dihadapi apabila seseorang itu membuat keputusan untuk membeli rumah. Pindaan ini adalah langkah pertama untuk meringankan kekhuatiran pembeli rumah. Selain itu, kerajaan juga perlu memastikan bahawa undang-undang sebegini dikuatkuasakan dan menjadikan proses membuat aduan dan mendapat bantuan untuk menangani masalah projek terbengkalai semudah mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, projek perumahan terbengkalai juga membebankan pihak kerajaan. Berjuta-juta ringgit wang kerajaan yang telah dibelanjakan untuk memulihara projek yang tertinggal ini. Alangkah lebih baik sekiranya wang itu digunakan untuk membina infrastruktur yang berkualiti tinggi ataupun menambah baik infrastruktur yang telah sedia ada untuk penduduk negara ini. Kerajaan tidak seharusnya dipaksa memikul beban yang diwujudkan oleh pemaju yang tidak bertanggungjawab. Adalah lebih baik untuk mewujudkan undang-undang yang dapat menjaga ataupun mengelakkan projek-projek terbengkalai berbanding dengan percubaan membangunkan semula projek ini setelah ia diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa projek pembinaan membawa risikonya yang tersendiri untuk pemaju. Walau bagaimanapun, tidak bermakna pemaju yang kekal membina rumah yang dijanjikan akan terlepas daripada tanggungjawab mahupun hukuman. Tuan Yang di-Pertua, hukuman dan perundangan yang tidak dikuatkuasakan akan menggalakkan tangkapan bahawa projek perumahan separuh siap sebagai sumber wang yang mudah. Dengan tangkapan yang sebegini, pemaju akan menjadi semakin selesa dengan mengabaikan tugas mereka dan masalah ini akan berterusan dan menjadi semakin kronik. Sebaliknya perlu digugurkan pandangan projek perumahan sebagai satu usaha perniagaan yang mempunyai risiko tetapi juga yang membawa kepada ganjaran yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saranan meningkatkan deposit yang diperlukan untuk mendapatkan lesen pemaju adalah satu perubahan yang bijak. Usaha perniagaan sepatutnya mempunyai tanah, kewangan yang mencukupi untuk menampung sekurang-kurangnya sebahagian daripada usaha pembinaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menetapkan sejumlah deposit sebagai peratusan daripada kos projek, bermakna pemaju akan memastikan status kewangan mereka adalah sesuai untuk saiz projek yang ingin dijalankan. Pemaju akan dipaksa mengambil kira faktor yang dalam perancangan mereka. Semoga perancangan ini juga akan menyebabkan pemaju mengawal perbelanjaan dalam proses pembinaan supaya tidak terlebih belanja. Dengan pindaan ini, pengekalan dalam mengawal selia kewangan mereka boleh mendatangkan kerugian yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini menetapkan perubahan kecil yang dibuat semoga ia akan membawa faedah yang besar. Sekiranya pindaan ini diluluskan, paling utama keyakinan pengguna akan ditingkatkan. Keyakinan ini akan meningkatkan bilangan mereka yang berpendapatan sederhana yang sanggup membeli rumah daripada pemaju. Keadaan ini adalah baik untuk urus niaga, *win-win situation,* dengan izin. Ini akan memberikan kebaikan kepada kedua-dua pihak iaitu pembeli dan pemaju. Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya pindaan ini akan mengetatkan lagi pengawalan terhadap pemaju serta meningkatkan perlindungan kepada pembeli rumah.

Saya sekali lagi menyuarakan sokongan terhadap pindaan pada akta ini dan berharap tuan-tuan sekalian akan bersatu-padu dalam usaha membanteras kes projek perumahan terbengkalai ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Paul yang tadi menyatakan bahawa adalah menjadi impian setiap orang untuk mempunyai rumah sendiri. Saya percaya menjadi impian sebahagian besar kita untuk dapat tidur di rumah dan bermimpi sekarang. Akan tetapi, barangkali kita tidak boleh bermimpi paling kurang dua jam atau sejam lagi. Ini kerana dalam senarai saya ada lapan orang yang berhasrat untuk bercakap dan telah bertanya, sekurang-kurangnya dua orang atau tiga orang bila giliran mereka masing-masing. Jadi, kita tangguhkanlah mimpi kita sehingga dua jam dari sekarang. Selanjutnya, saya dengan hormat mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan.

10.59 mlm.

Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian berbahas dan seterusnya... *[Disampuk]* Saya menyokong Rang Undang-undang Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan)(Pindaan) 2011. Saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini adalah salah satu langkah yang proaktif dalam memperkasakan industri pembangunan negara daripada aspek pemaju.

■2300

Pertama kalinya Akta Pemajuan Perumahan memberikan kuasa kepada seorang pembeli rumah untuk menamatkan perjanjian jual beli sekiranya pemaju enggan untuk menjalankan atau menghentikan kerja-kerja pembinaan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang seksyen 8A(1). Saya berpendapat bahawa terma yang digunakan ini tidak menjelaskan dengan sempurna iaitu dengan izin*, "delays work for more than six months".* Persoalannya, adakah jika penangguhan ini dipertikaikan, tarikh manakah yang akan diguna pakai dalam menerangkan terma penangguhan tersebut kerana penangguhan ini boleh berlaku pada bila-bila masa, awal, pertengahan atau hampir selesai.

Jika senario sedemikian wujud, apakah tarikh yang diguna pakai di dalam nilai tempoh enam bulan? Keraguan saya adalah dengan istilah *delays.* Perkara ini harus dijelaskan kerana pihak pemaju akan menggunakan situasi sedemikian untuk kepentingan sendiri semata-mata wujud satu terma yang kabur.

Seterusnya tentang seksyen 8A(3) di mana pihak pemaju dikehendaki membayar balik segala wang pendahuluan atau sebarang pembayaran yang telah dilakukan tanpa faedah sekiranya pihak pembeli membatalkan perjanjian jual beli. Apakah rasionalnya tanpa faedah? Mengapa perkara sedemikian diwujudkan memandangkan wang yang telah dibayar itu dapat menjana keuntungan pihak pemaju dalam membina sesuatu projek. Saya berpendapat, pemaju seharusnya membayar balik segala pembayaran dengan faedah untuk menjamin agar semua pihak pemaju tidak sewenang-wenangnya mengambil keputusan untuk membatalkan sesuatu projek yang telah ditawarkan.

Saya juga ingin menyentuh perkara seksyen 18A(2). Saya berpendapat bahawa seksyen ini mencerminkan satu pilihan kepada pemaju. Seksyen ini nampaknya memberikan pilihan tarikh berkuat kuasa perjanjian atau tarikh sesuatu projek tersebut. Dengan izin seksyen itu telah menyebut, *"…six months or more or beyond the stipulated period of completion as agreed under the sale and purchase agreement."* Kebiasaannya sesuatu pembinaan akan mengambil masa 12 bulan ataupun 18 bulan ataupun 24 bulan. Jadi, manakah satu tempoh yang digunakan? Seksyen ini tidak menyatakannya. Kebiasaannya dalam perkara begini, ada disebut *whichever is earlier or whichever is later*. Saya meminta penjelasan dan saya memohon untuk menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. saya ingin mengingatkan diri saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita hanya tinggal 56 minit lagi sebelum Mesyuarat ini mesti ditangguhkan. Oleh sebab itu, saya meminta supaya kita masing-masing dapat membataskan perbincangan tidak lebih daripada lima minit atau enam minit. Di dalam senarai saya ini terdapat nama Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

11.40 mlm.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya terus masuk kepada *point* saya. Pertama, tindakan ke atas pemaju perumahan yang tidak berlesen. Bilangan yang tidak berlesen sekarang ada 195 pemaju dan sejumlah 54 pemaju tanpa lesen didakwa. *So,* saya hendak tahu daripada 195 yang tidak berlesen itu sama ada projek telah siap, terbengkalai atau ditangguhkan. Berapakah unit rumah dan pembeli rumah yang terlibat? Apakah cadangan penyelesaian kepada 195 projek terutamanya 141 projek yang belum didakwa di mahkamah?

Kedua, tindakan ke atas pemaju yang angkuh. Banyak pemaju yang angkuh seperti contohnya bukan sebut nama, sebut syarikat sahaja, LBS Bina iaitu sebuah syarikat yang disenaraihitamkan pada tahun 2011, tetapi boleh melancarkan fasa baru, D'Island pada bulan September 2011. Juga contoh GLC, contohnya Sime Darby Property Berhad melalui anak syarikatnya Sime Darby Property Sdn. Bhd. Contoh kedua, Syarikat Perumahan Negara Berhad. Contoh ketiga UDA. Jadi saya anggap Tuan Yang di-Pertua ini semuanya angkuh, sombong, perlu penjelasan. Walaupun disenaraihitamkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri masih lagi melancarkan projek. Apa sudah jadi? Jawab.

Ketiga saya juga menuntut *sub sale.* Rang undang-undang ini tidak memberikan perlindungan kepada pembeli rumah yang kedua atau *sub sale.* Sekiranya projek terbengkalai, bagaimanakah rumah kes *sub sale* boleh membuat tuntutan atau pembelaan?

Keempat, bina dan kemudian jual, *build and sell*. Pada tahun 2007, mantan Perdana Menteri melancarkan konsep bina kemudian jual. KPKT harus mengambil pendekatan berhubung pelaksanaan konsep tersebut secara berperingkat supaya industri kemajuan pemajuan perumahan tidak '*choke'* atau mengalami kemurungan menjelang tahun 2012 atau tahun 2013 atau ke hadapan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kalau minta Yang Berhormat dapat simpulkan dalam dua minit.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Allah banyak lagi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Supaya kita jangan menunda mimpi terlalu lama.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi konsep ini kena jelas.

■2310

Kelima, penguatkuasaan secara bersifat perspektif. Kes terbengkalai banyak. Saya ada *figure.* Contohnya dari tahun 1990, jumlah unit yang terbengkalai ialah 37,432 melibatkan pembeli 25,497. Saya hendak tahu dari syarikat mana, banyak mana kos yang terlibat, apakah butiran masalah secara terperinci? Kalau tidak sekarang, kemudian.

Keenam, pemantauan dan pengawalan oleh KPKT. Apakah mekanisme pemantauan terhadap projek yang diklasifikasikan sebagai projek sakit dan projek lewat?

Ketujuh, kuasa pegawai pengawal perumahan atau *controller*. Siapakah pengawal perumahan dan adakah ia mempunyai kuasa untuk melaraskan satu pertikaian pembangunan perumahan? Apakah peranan PBT dan kerajaan negeri di dalam pemantauan dan kuat kuasa kerana projek boleh menjadi terbengkalai akibat pemilikan tanah, pelan pembangunan dan lain-lain...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh simpulkan dalam 30 saat Yang Berhormat?

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *[Ketawa]* Saya juga perlu bercakap projek-projek yang terbengkalai termasuk di Lembah Beringin, di Saujana Putra dan di lain-lain tempat... Hendak sebut 30 saat tidak boleh. Jadi perlukah saya buat satu senarai kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Barangkali dibuat dan diserahkan begitu sahaja.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi kesimpulannya saya berterima kasih banyak-banyak kepada kementerian untuk akta ini. Bagus, tahniah, syabas, tinggal lagi tindakan kita hendak tahu. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok.

11.13 mlm.

Puan Chew Lee Giok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jumlah deposit untuk lesen perumahan telah dinaikkan dari RM200,000 kepada 3 peratus daripada anggaran kos pembinaan. Apakah kelebihan dan kekurangan yang berkaitan? Kelebihannya ialah syarikat perumahan yang tidak mempunyai kekuatan kewangan mungkin tidak dapat menjalani projek perumahan besar kerana depositnya hampir RM1 juta bagi projek dengan kos pembinaan RM30 juta ini, sebagai contoh.

Kekurangan adalah kemungkinan harga rumah akan dinaikkan. Untuk mendapatkan lebih wang untuk deposit yang lebih tinggi, syarikat perumahan mungkin menaikkan harga antara 3 peratus hingga 20 peratus. Namun begitu pindaan kepada deposit semuanya 3 peratus daripada anggaran kos pembinaan adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah pertama, deposit 3 peratus ini adalah berdasarkan kepada kos pembinaan. Kos pembinaan tidak mudah diketahui oleh pihak kementerian dan boleh dipalsukan oleh pihak pemaju perumahan. Kenapa deposit ini bukan 3 peratus daripada harga jualan perumahan itu?

Keduanya, bagaimanakah deposit 3 peratus yang begitu sedikit dapat digunakan untuk memulihkan projek sekiranya projek perumahan itu terbengkalai?

Ketiganya, kenapakah deposit yang dikenakan begitu sedikit iaitu hanya 3 peratus daripada kos pembinaan? Apakah rasional memilih angka 3 peratus? Apakah rasional untuk berdasarkan kos pembinaan?

Pindaan ini akan memberi hak untuk pembeli menamatkan perjanjian jual beli sekiranya projek perumahan itu tergantung, terbengkalai ataupun bermasalah dengan tiga syarat. Pindaan ini adalah bagus tetapi ada *loopholes*nya, dengan izin. Sekiranya pemaju perumahan itu membuat kerja satu bulan, berhenti lima bulan ataupun bekerja dua bulan dan berhenti lima bulan lagi, pembeli tidak ada hak untuk menamatkan perjanjian jual beli ini.

Satu lagi masalah adakah bank akan bersetuju untuk penamatan perjanjian pinjaman. Bank ada *business interest*, dengan izin. Maka itu sekiranya ada projek perumahan yang tertangguh, adakah bank rela memberikan persetujuan untuk menamatkan perjanjian pinjaman supaya pembeli dapat hak menamatkan perjanjian jual beli. Persoalan saya adalah bagaimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dapat memujuk bank-bank untuk memberi persetujuan untuk menamatkan perjanjian jual beli ini?

Keduanya, bagaimanakah kementerian dapat memainkan peranan agar bank-bank memberi persetujuan untuk menamatkan perjanjian pinjaman sekiranya projek perumahan itu tertangguh atau terbengkalai?

Ketiganya, apakah bank akan mengenakan satu penalti atau caj yang besar sekiranya perjanjian pinjaman itu ditamatkan? Pada masa kini berapakah besarnya amaun penalti dan caj sekiranya perjanjian pinjaman itu ditamatkan sebelum tempoh tamat? Pindaan ini adalah menyatakan meninggalkan projek perumahan adalah satu kesalahan.

Jika tersabit, pemaju perumahan berlesen boleh dikenakan denda atau hukuman penjara atau kedua-duanya sekali. Denda adalah RM250,000 hingga RM500,000. Saya berpendapat denda wang bukanlah masalah kepada pemaju perumahan yang boleh menjual projek perumahan berpuluh-puluh juta. Contohnya hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun. Itu mungkin akan menakutkan.

Actually, saya ada cerita yang panjang tetapi tidak boleh, dan saya pendekkan. Terdapat projek perumahan terbengkalai dan bermasalah. Itu disebabkan terdapat pemaju perumahan berlesen yang pemegang saham atau pengarah syarikat itu mungkin merupakan orang yang berpendapatan rendah. Ini kemungkinan besar dua orang miskin ini dibayar sebagai *front man*, dengan izin.

Mereka itu dibayar untuk menjadi pengarah dan pemegang saham untuk syarikat itu kerana nama mereka diguna pakai untuk borang 24 dan borang 49. Persoalannya mengapa dua orang miskin itu dapat menjadi pengarah dan pemegang saham untuk pemaju perumahan? Mengapakah pemaju perumahan dapat memperoleh lesen pembangunan perumahan? Mengapakah pemaju perumahan yang tidak ada kewangan kukuh dapat membangunkan projek perumahan yang bernilai berpuluh-puluh juta ringgit ini?

Persoalan saya lagi adalah pertama, bagaimanakah kementerian dapat mengelakkan syarikat perumahan yang tidak mempunyai kewangan kukuh daripada menjalankan projek pemajuan perumahan puluhan juta ringgit atau ratusan juta ringgit?

Keduanya, bagaimanakah kementerian menyiasat latar belakang dan kedudukan kewangan pemegang saham dan pengarah syarikat pemaju pembangunan yang memohon lesen pemaju perumahan?

Ketiganya, bolehkah kementerian melesenkan pihak penjual projek perumahan?

Keempat, bagaimanakah kementerian boleh mensabitkan pihak penjual projek perumahan sebagai pemaju perumahan?

Kelima, bolehkah pindaan ini memasukkan pihak penjual sebagai satu bentuk pemaju perumahan sama seperti *liquidator*, dengan izin?

Cadangan saya ialah adakan beberapa kategori pemaju perumahan berlesen. Mungkin kita berikan tiga kategori. Kategori satu, pemaju yang memajukan projek menilai RM1 juta ke atas.

Untuk kategori yang kedua, pemaju yang memajukan projek bernilai RM10 juta hingga RM99 juta.

Kategori yang ketiga, pemaju yang memajukan projek kecil-kecilan bernilai kurang daripada RM10 juta. Pemaju kategori satu dan dua yang biasanya membangunkan projek perumahan yang besar di bandar raya atau pun bandar yang besar dikenakan syarat kewangan yang lebih ketat...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Minta kerjasama Yang Berhormat untuk menyimpulkan perbahasan dalam masa 60 saat. Tolong.

Puan Chew Lee Giok: Okey, yang syarat itu saya tidak cakaplah. Soalan yang terakhir, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan pemaju-pemaju perumahan menyiapkan dahulu unit rumah baru mula untuk menjual? Ini akan dapat mengurangkan bebanan kepada pembeli. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta 60 saat dan ditamatkan dalam 30 saat. Ini meyakinkan saya bahawa jauh lebih sukar mengatur pemaju-pemaju rumah yang ingkar dan angkuh daripada mengatur Ahli-ahli Dewan Negara yang taat setia.

Selanjutnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah.

11.19 mlm.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, pindaan ini sangat dialu-alukan tetapi pindaan ini datang lewat.

Pertamanya, seksyen 18A di mana pemaju projek terbengkalai dianggap sebagai satu penjenayah. Apakah mekanisme untuk mendakwa mereka yang bersalah dan menyebabkan projek perumahan terbengkalai? Bagaimana pindaan baru ini akan memberi manfaat kepada mangsa-mangsa yang pada masa ini terus membayar pinjaman perumahan mereka dan sebahagian daripada mereka menjadi bankrap kerana gagal menjelaskannya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi denda yang dikutip mesti diberi kepada mangsa dan bukan dikumpulkan didana. Denda RM250,000 itu terlalu rendah. Ini sangat kurang untuk pemaju. Jadi dendanya mestilah setimpal dengan nilai harta itu dan betapa serius kesalahan itu.

Kedua, dengan takrif yang tidak jelas iaitu perkataan "*terbengkalai*". Harap Yang Berhormat Menteri menjawab apakah definisi terbengkalai dalam rang undang-undang ini.

■2320

Perkara keempat ialah mengenai projek-projek terbengkalai GLC. Mengapa KPKT tidak mengambil tindakan kepada syarikat-syarikat GLC yang menyebabkan projek terbengkalai?

Kelima, *built then sell*, 10:90. Ini satu yang dialu-alukan. Saya cadangkan bahawa kementerian mengadakan satu *roadmap* macam mana ia dilakukan sehingga tahun 2015. Mengenai 3 peratus deposit yang dikembalikan, adalah pengenaan deposit baru 3 peratus yang boleh dikembalikan, *refundable* dapat membendung masalah terbengkalai. Jadi, saya minta kementerian bahawa deposit ini kurang dan bolehkah dinaikkan hingga kepada 5 peratus.

Kemudiannya seksyen 8A, penamatan perjanjian jual beli seperti yang ditetapkan oleh undang-undang iaitu enam bulan selepas pelaksanaan perjanjian jual beli. Daripada enam bulan selepas pelaksanaan lebih baik sekurang-kurangnya dibaca sebagai; *"Pada apa-apa tempoh berterusan enam bulan semasa perjanjian jual beli".* Ini cadangan.

Satu lagi ialah definisi pemaju perumahan yang dimasukkan juga ialah *liquidator.* Jadi ada juga *liquidator* yang ingkar, menolak untuk mengiktiraf undang-undang perumahan dan menjalankan proses penyingkiran, *liquidation* pemaju perumahan dengan cara yang bertentangan dengan prinsip undang-undang perumahan. Dalam hal ini, pindaan ini adalah penting. Walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri telah mengabaikan untuk memasukkan penerima dan pengurus yang dilantik oleh mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa dan oleh kontraktor.

Di sini saya ingin membawa satu contoh iaitu syarikat 'Capala' Development Sdn. Bhd. di mana *liquidator* meminta bayaran tambahan sebanyak 2 peratus daripada harga jualan dan ganti rugi yang lain. Ini tidak adil kepada pembeli.

Perkara yang kemudiannya ialah pemaju yang tidak berlesen. Dilaporkan bahawa terdapat 195 projek perumahan yang tidak berlesen dan haram. Yang Berhormat Menteri mesti jelaskan kepada Dewan bagaimana ia boleh berlaku dan apakah tindakan yang boleh diambil dan bagaimanakah bank-bank, arkitek, jurutera dan peguam boleh berkait dengan projek tidak berlesen.

Perkara akhir ialah adakah rang undang-undang ini termasuk kepentingan pembeli rumah kedai di tanah komersial sebab golongan ini terlepas daripada rang undang-undang ini dan adakah mereka rang undang-undang yang lain. pada kesimpulannya, yang penting dalam rang undang-undang ini ialah *law enforcement. The law is only good as an enforcement*. Jadi *enforcement* itu sangat penting. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Terima kasih. Oleh sebab saya dapati memang ramai hendak bercakap. Agaknya perkara di rang undang-undang penting tetapi kerana keadaan kita esok ada lebih kurang 10 lagi rang undang-undang dan ramai sudah bercakap tadi. Jadi, kita mengikut peraturannya kita tidak boleh bersidang lebih daripada jam 12 tengah malam. Itu peraturan dan juga hendak beri ruang, masa kerana Yang Berhormat semua sudah banyak soal lagi, Yang Berhormat Menteri kena jawab.

Untuk itu dengan perasaan bertanggungjawab, saya harap semua Ahli Yang Berhormat faham saya terpaksa agaknya setakat ini memberi minta Yang Berhormat Menteri menjawab. Kalau sekiranya ada masalah-masalah penting itu agaknya, saya cadangkan kemukakan secara bertulis kepada kementerian yang berkenaan. Ini kerana keadaan tidak pernah kita pergi peringkat ni dan saya pun bersama-sama dengan Yang Berhormat. *So*, saya dengan itu saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

11.25 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya saya ucapkan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat, berilah jawapan yang gabungkan tadi. Cuba Yang Berhormat secara bijak, mana yang penting itu kalau yang mana Yang Berhormat tidak boleh beri jawapan sekarang beritahu berapa orang yang bercakap tadi. Apakah isu-isu agaknya Yang Berhormat terpaksa beri jawapan. Tidak boleh jawapan, beri jawapan secara bertulis. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun ada lapan orang yang mengemukakan nama tetapi atas kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua, hanya lima yang berpeluang untuk mengemukakan beberapa cadangan dan juga sokongan kepada rang undang-undang ini.

Bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Datuk Senator Paul Kong Sing Chu juga telah menyatakan sokongan kepada pembentangan rang undang-undang ini dan ini adalah satu rang undang-undang yang kita buat adalah untuk membantu pihak pembeli dan juga memberikan satu pengajaran kepada pemaju-pemaju yang ingkar untuk menyiapkan projek perumahan mereka sehingga terbengkalai. Ini adalah satu tanggungjawab dan komitmen yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa pembeli-pembeli yang berhasrat untuk tinggal di rumah tetapi akhirnya mereka tidak dapat rumah disebabkan kegagalan pihak pemaju. Jadi saya sekali lagi mengucapkan terima kasih oleh sebab waktu dan masa yang tidak begitu mengizinkan.

Ada beberapa perkara yang hanya saya ingin menjawab tentang deposit 3 peratus itu kita telah mengambil kira daripada pandangan-pandangan daripada semua pihak. Maka itulah kita telah menetapkan 3 peratus daripada jumlah ataupun kos projek yang telah kita masukkan dalam rang undang-undang ataupun penambahbaikan Akta 118. Sementara yang lain-lainnya seperti Yang Berhormat Senator Datuk...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap Yang Berhormat. Saya minta yang pegawai daripada Yang Berhormat itu jangan balik dahulu. Saya ada hendak pesan sedikit dahulu. Tunggu dahulu.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin: Untuk Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman Bakar menyatakan bahawa beberapa projek yang terbengkalai, memang pihak kementerian menyedari seperti di Lembah Beringin dan lain-lain tempat. Akan tetapi sebagaimana kita tahu bahawa projek-projek ini telah pun terbengkalai sebegitu lama dan kita telah pun membuat beberapa lawatan ke tapak-tapak ini. Nampaknya agak sukar beberapa projek perumahan seperti di Lembah Beringin yang boleh dipulihkan semula kecuali kita akan melantik pemaju dan *demolish* semua rangka-rangka rumah ini dan dibuat *design* yang baru ataupun pelan yang baru.

Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana yang saya tidak terjawab kita akan menjawab secara bertulis, yang penting. Akan tetapi nampaknya kesemua kelima-lima Ahli Yang Berhormat telah pun menyatakan sokongan dan hanya memberikan bantuan kepada kementerian untuk sebagai penambahbaikan lagi tentang pelaksanaan undang-undang ini. Saya bersetuju dengan beberapa cadangan Yang Berhormat undang-undang ini tinggal undang-undang kalau tidak dikuatkuasakan. Kita telah pun mempunyai beberapa pegawai yang telah pun dilatih, diberikan kursus untuk membuat pemantauan dan menguatkuasakan undang-undang. Ini sebab kalau undang-undang ini hanya tinggal undang-undang tetapi kalau tidak dikuatkuasakan masih lagi berlaku, menambah ataupun lebih banyak lagi rumah-rumah yang akan terbengkalai apabila tidak dikuatkuasakan.

Jadi untuk itu sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan ruang kepada kementerian saya untuk menyelesaikan rang undang-undang ini pada hari ini juga, pada malam ini juga. Dengan kata-kata itu, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebenarnya semua Ahli Yang Berhormat bahawa dalam senarai saya ini ada tiga lagi Yang Berhormat yang masih hendak berucap. Oleh sebab keadaan tidak mengizinkan, mereka ialah Yang Berhormat Hajah Mumtaz, Yang Berhormat Khoo Soo Seang dan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman. Saya mohon Ahli Yang Berhormat ini kemukakan secara bertulis kepada kementerian dan saya harap kementerian tolong jawab.

■2330

Di samping itu, pegawai-pegawai saya ada dengar tadi jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri pun agaknya cuba hendak beri jawapan seringkas mungkin. Akan tetapi soal yang terlibat banyak saya rasa banyak yang tidak berjawab. Oleh yang demikian, saya minta pegawai-pegawai bantu tolong beri jawapan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan sebentar tadi. Ini kerana saya hendak lihat bahawa Dewan ini bertanggungjawab.

Itu yang saya hendak tekankan. Begitu juga saya tadi, saya mengikuti juga Datuk Abdul Rahman Bakar. Saya mengikuti sungguhpun saya tidak berada dalam Dewan, banyak perkara-perkara yang dibangkitkan itu *very relevant* dengan izin. *So*, saya mohon Yang Berhormat beri kerjasama dan pegawai-pegawai juga.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta sungguh-sungguh daripada yang berkenaan supaya masa ditambah. Macam ini tekan-tekan kita. Tidak berkesan. Oleh itu saya syorkan masa ditambah satu hari lagi atau dua lagi, okey?

Beberapa Ahli: Okey.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Semua setuju... *[Tepuk]* Buat apa tekan-tekan kita. Pukul 10 malam, pukul 11 malam tidak sudah lagi. Ini bukan *rubber stamp.* Kita hendak betul-betul serius. Oleh itu saya merayu supaya masa diberi, bukan ditekan-tekan. Tidak boleh. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak menekan kerana saya pun ada permintaan daripada kementerian bahawa kedua-kedua Menteri akan pergi ke luar negara esok. Oleh itu mengambil kira tentang itu, saya kalau boleh sambung pukul 12 tengah malam, saya sedia sungguhpun dalam keadaan sedemikian.

Walau bagaimanapun, saya memahami perasaan Yang Berhormat itu, itu sebab saya bercadang sebagaimana saya cadangkan tadi.

Saya hendakkan bahawa kementerian tolong *accommodate* dengan izin, semua isu-isu ataupun ucapan yang telah disediakan oleh tiga orang Yang Berhormat sebentar tadi yang dikemukakan dan jawapan mesti diberi. Itu kalaulah...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Bukan saya tuju kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya maksudkan masa. Masa ini tujuh sidang, 22 siap. Dua hari hendak 20 rang undang-undang. Mana boleh! Tidak boleh, tidak logik.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat supaya masa itu...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bukan Tuan Yang di-Pertua, masa itu. Tuan Yang di-Pertua baik, Tuan Yang di-Pertua okey. Orang lain tidak okey... *[Ketawa] [Tepuk]* Sebanyak 20 rang undang-undang mana boleh siap dua hari, betul?

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Logik sikit.

Tuan Yang di-Pertua: Saya hendak membuat satu itu dirakamkan sebagai dan disebut dalam *Hansard*. Ini terbukti bahawa Dewan Negara pada hari ini telah begitu serius mengambil kira semua rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan. Oleh kerana masa yang dihadkan untuk kita menyudahkan semua dalam tempoh yang terhad, maka terpaksa berada di dalam keadaan terburu-buru. Ini tidak bagus.

Oleh itu saya ingin menyarankan di masa-masa akan datang supaya pihak – saya akan berhubung dengan pihak yang berkenaan. Akan tetapi saya hendak rakamkan dalam rekod ini, dalam Dewan ini supaya tersebut dalam *Hansard*, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada. Jikalau boleh masa dan ruang itu dilebihkan, masa. *So*, boleh kita mencatur. Duduk di atas ini hendak mencatur masa itu bukan kehendak saya tetapi kadang-kala itu dengan terhad itu saya terpaksa lakukan. Ini yang menjadi masalah saya. Tanyalah mana-mana Speaker di seluruh dunia. Masalahnya itulah kita duduk di atas ini. Walau bagaimanapun, dengan izin, kita akan terus berusaha dan terus meningkatkan iltizam kita dan saya terima pandangan Ahli Yang Berhormat tadi, saya bersetuju sangat dan saya akan cuba dengan sokongan Ahli Yang Berhormat di kementerian yang ada.

Seterusnya saya hendak teruskan kepada malam ini.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit hendak minta.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Berkenaan dengan cadangan Tuan Yang di-Pertua agar kami menulis kepada pihak kementerian dan kementerian menjawab. Saya pohon perkara ini direkodkan sebahagian daripada *Hansard*.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai sebahagian daripada *Hansard* dan salinan hantar kepada saya juga.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih ya. Sekarang saya – Yang Berhormat Menteri sudah jawab tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan Masalahnya ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 11 *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya fikir setakat itu sahaja untuk kita pada malam ini. Majlis ditangguhkan ke esok hari, 22 Disember 2011, jam 10 pagi. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.37 malam.